Sejarah dan Tamadun

ISLAM

ABDUL RAHMAN HAJI ABDULLAH

Siri Penyelidikan TP

BUKU ini disusun khusus untuk memenuhi keperluan penuntut-penuntut menengah atas dan juga universiti, hasil dari pengalaman penulis sendiri, ketika mengendalikan kertas Sejarah Islam STPM dan juga kertas Tamadun Islam di Universiti Sains Malaysia. Bagaimanapun, dalam persembahannya, penulis sama sekali tidak terikat kepada kurikulum tertentu. Dengan itu, para pembaca umum akan mendapati buku ini juga bermanafaat kepada mereka.

Kelainan buku ini daripada yang lain, pada hakikatnya, terletak pada penyusunan bahagian-bahagiannya yang tidak menurut kaedah biasa. Para pembaca akan mendapati bahawa Zaman Keemasan yang dimaksudkan oleh penulis adalah tidak lain dari zaman Rasulullah dan para sahabatnya, terutama para Khulafa' al-Rasyidin, yang mengandungi suri-suri teladan yang terbaik untuk diikuti dan dicontohi oleh umat Islam. Sedangkan Zaman Kemunduran bermula pada zaman Bani Umayyah dan terutamanya di zaman Bani Abbasiah, yang meskipun pada waktu itu tamadun ilmu berkembang pesat, namun keruntuhan moral para khalifahnya dan tekanan serta seksaan terhadap para ulama–termasuk Imam Mazhab Empat–tidak melayakkannya sama sekali untuk dianggap sebagai Zaman Keemasan (*Golden Age*).

ISBN 967 946 153 X

Siri Penyelidikan TP

Sejarah dan Tamadun ISLAM

Sejarah dan Tamadun
ISLAM

Perunding:

Prof. Khoo Kay Kim
Prof. Madya Yusoff Hashim

ABDUL RAHMAN HAJI ABDULLAH

TEKS
Publishing Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

Kata Pengantar xiii

BAHAGIAN 1: ZAMAN JAHILIAH

Bab 1 : **Masyarakat Arab Jahiliah** 3
• Sistem Moral • Sistem Sosial • Sistem Ekonomi
• Sistem Politik • Sistem Kepercayaan

Bab 2 : **Sastera Arab Jahiliah** 12

Bab 3 : **Kerajaan-kerajaan Bandar** 16
• Kerajaan Selatan • Kerajaan Tengah • Kerajaan Utara

BAHAGIAN 2: ZAMAN KEEMASAN ISLAM

Bab 4 : **Muhammad Sebagai Rasulullah** 25
• Kedatangan Muhammad yang Dinanti-nantikan • Muhammad Sebagai al-Sadiq al-Amin • Nubuwwah Muhammad

Bab 5 : **Pembentukan Akidah Islam di Makkah** 34
• Ajarah Islam di Makkah • Penentangan Kaum Bangsawan dan Cara Nabi Menghadapinya • Sebab-sebab Penentangan

Bab 6 : **Peristiwa Israk dan Mikraj** 43

Bab 7 : **Hijrah dalam Sejarah Islam** 45
• Pengertian Hijrah • Sebab-sebab Hijrah • Kepentingan Hijrah

Bab 8 : **Perlaksanaan Syariat Islam di Madinah** 50
• Usaha-usaha Awal • Proses Pembentukan Negara Islam • Pentadbiran Negara Islam Madinah • Hukum-hukum Islam di Madinah

Bab 9 : **Jihad di Jalan Allah** 59
• Pengertian Jihad • Cabaran Golongan Munafikin dan Yahudi • Gerakan-gerakan Militer

Bab 10 : **Akhlak Rasulullah Sebagai Teladan (*Ibrah*)** 79

Bab 11 : **Generasi Rabbani Yang Komited (*Iltizam*)** 83

Bab 12 : **Masalah Khalifah** 90
• Aliran-aliran Faham Tentang Khalifah • Sistem Pemilihan Khalifah

Bab 13 : **Abu Bakar al-Siddiq (632–634M)** 96
• Gerakan-gerakan Militer • Sejarah Pembukuan al-Quran

Bab 14 : **Umar al-Khattab (634–644M)** 102
• Dasar Pentadbiran • Gerakan-gerakan Militer

Bab 15 : **Usman bin Affan (644–656M)** 108
• Pemberontakan di Zaman Usman • Jasa-jasa Usman

Bab 16 : **Ali bin Abu Talib (656–661M)** 111
• Bermulanya Perang Saudara dalam Sejarah Islam
• Lahirnya Mazhab-mazhab Politik

Bab 17 : **Ketakwaan Khulafa al-Rasyidin Sebagai Teladan** 117

BAHAGIAN 3: ZAMAN KEMUNDURAN ISLAM

Bab 18 : **Bermulanya Sistem Monarki dalam Sejarah Islam** 123

Bab 19 : **Kerajaan Bani Umayyah** 125
• Muawiyah bin Abu Sufyan (661–680M) • Yazid bin Muawiyah (680–683M) • Muawiyah bin Yazid (683M) • Marwan al-Hakam (683–685M) • Abdul Malim bin Marwah (685–705M) • Al-Walid bin Abdul Malik (705–715M) • Sulaiman bin Abdul Malik (715–717M) • Umar bin Abdul Aziz (717–720M) • Yazid bin Abdul Malik (720–724M) • Hisham bin Abdul Malik (724–743M) • Al-Walid bin Yazid (743–744M) • Yazid bin al-Walid (744M) • Ibrahim bin al-Walid (744M) • Marwan bin Muhammad (744–750M)

Bab 20 : **Penaklukan di Zaman Umayyah** 143
• Penaklukan di Asia (Rom, India dan China) • Penaklukan di Afrika Utara • Penaklukan di Eropah (Sepanyol dan Perancis)

Bab 21 : **Pertumbuhan Ilmu Naqliyyah (*Revealed Sciences*)** 151

Bab 22 : **Kenaikan Bani Abbasiah** 158

Bab 23 : **Zaman Keagungan Bani Abbasiah** 163
• Abu Abbas al-Saffah (750–754M) • Abu Jaafar al-Mansur (754–755M) • Muhammad al-Mahdi (755–782M) Musa al-Hadi (782–786M) • Harun al-Rashid (786–808M) Al-Amin (808–813M) • Al Makmun (813–833M) • Al-Muktasim (833–824M) • Al-Wathiq (842–847M)

Bab 24 : **Kerajaan Orang-orang Islam Pada Zaman Kemunduran Abbasiah** 168
• Zaman Kekuasaan Asing • Munculnya Kerajaan-kerajaan Kecil

Bab 25 : **Perkembangan Ilmu Naqliyah** 180
• Ilmu Tafsir • Ilmu Hadis • Ilmu Kalam • Ilmu Fiqh • Ilmu Tasawuf

Bab 26 : **Pertumbuhan dan Perkembangan Ilmu Aqliyyah (*Rational Sciences*)** 190
• Rasionalisasi di Dunia Islam • Ilmu Aqliyyah

Bab 27 : **Keruntuhan Akhlak Para Khalifah Sebagai Lambang Zaman Kemunduran** 201

Bab 28 : **Gerakan Salibiyyah di Dunia Islam** 208
• Perang Salib I–VII (1097–1292M) • Proses Perang Salib • Kesan-kesan Perang Salib • Penerusan Gerakan Salibiyyah

BAHAGIAN 4: ISLAM DI EROPAH

Bab 29 : **Kerajaan Islam di Sepanyol** 227
• Kenaikan Kerajaan Umayyah di Sepanyol • Kegiatan Intelektual di Sepanyol • Serangan Kaum Kristian • Kerajaan Sicily (827–1091M)

Bab 30 : **Tamadun Islam di Eropah** 237
• Peranan Islam dalam Sejarah Eropah • Saluran Tamadun Islam ke Eropah • Tamadun Islam di Eropah

BAHAGIAN 5: ISLAM DI INDIA

Bab 31 : **Bermulanya Pemerintahan Orang-orang Islam di India** 253
• India Sebelum Kedatangan Islam • Kerajaan Ghaznawiyah (926–1186M)

Bab 32 : **Kesultanan Delhi** 256
• Kerajaan Ghori (1186–1206M) • Kerajaan Mamluk (1206–1290M) • Kerajaan Khilji (1290–1316M) • Kerajaan Tughluq (1316–1398M) • Dasar Pentadbiran Kerajaan Delhi • Kejatuhan Kesultahan Delhi

Bab 33 : **Kesultanan Moghul** 263
• Pemerintah-pemerintah Kerajaan Moghul • Dasar Pentadbiran Kerajaan Moghul • Kegiatan

Intelektual di Zaman Moghul • Gerakan Islam di Zaman Moghul • Kejatuhan Kerajaan Moghul

Lampiran Perjanjian Madinah 282

Treaty of Medina 290

Bibliografi 295

Indeks 299

KATA PENGANTAR

Bismillah al-rahman al-rahim.

BUKU ini disusun khusus untuk memenuhi keperluan penuntut-penuntut menengah atas dan juga universiti, hasil dari pengalaman penulis sendiri, ketika mengendalikan kertas Sejarah Islam STPM dan juga kertas Tamadun Islam di Universiti Sains Malaysia. Bagaimanapun, dalam persembahannya, penulis sama sekali tidak terikat kepada kurikulum tertentu. Dengan itu, para pembaca umum akan mendapati buku ini ada juga manfaatnya bagi mereka.

Kelainan buku ini daripada yang lain, pada hakikatnya, terletak pada penyusunan bahagian-bahagiannya yang tidak menurut kaedah biasa. Para pembaca akan mendapati bahawa *Zaman Keemasan* yang dimaksudkan oleh penulis adalah tidak lain dari zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya, terutama para Khulafa al-Rasyidin, yang mengandungi suri-suri teladan yang terbaik untuk diikuti oleh umat Islam. Sedangkan *Zaman Kemunduran* bermula pada zaman Bani Umayyah dan terutamanya di zaman Bani Abbasiah. Meskipun waktu itu tamadun ilmu berkembang pesat, namun, keruntuhan moral para khalifahnya dan tekanan serta seksaan terhadap para ulama — termasuk imam mazhab empat — tidak melayakkannya sama sekali untuk dianggap sebagai *Zaman Keemasan* (*Golden Age*).

Sebenarnya, buku ini tidak dapat dikatakan lengkap, malah tidak sunyi daripada salah dan silap. Oleh itu, para pembaca tentu tidak seharusnya memadai dengan membaca buku ini sahaja, apalagi untuk menerima kesemuanya sebagai benar belaka. Yang benar hanyalah Allah dan para rasul-Nya, sedangkan manusia banyak cacat cela dan kelemahannya.

ABDUL RAHMAN HAJI ABDULLAH

Bahagian Sejarah,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
Disember, 1986.

Bahagian 1
Zaman Jahiliah

BAB 1: MASYARAKAT ARAB JAHILIAH

PADA dasarnya, masyarakat jahiliah ialah sebuah masyarakat yang tidak tulen pengabdiannya kepada Allah s.w.t., baik dalam akidah mahupun syariat, baik dalam kepercayaan mahupun peraturan hidup. Ertinya, sebuah masyarakat dalam bentuk seperti ini, baik di ruang dan waktu mana sekalipun, adalah dengan sendirinya dianggap sebagai masyarakat jahiliah. Bagaimanapun, dalam konteks sejarah, istilah *jahiliah* biasanya dipakai terhadap suatu masyarakat di Tanah Arab sebelum lahirnya Islam. Secocok dengan pengertiannya, masyarakat jahiliah ini memangnya 'jahil' tentang nilai dan pegangan hidup yang sebenarnya. Tetapi dari segi tertentu, kesusasteraan, misalnya, terdapat pula kemajuan yang bererti.

Pengkajian tentang corak masyarakat Arab jahiliah adalah meliputi golongan-golongan Badwi (desa) dan Hadari (kota) sekaligus. Umumnya, masyarakat Hadari lebih maju dan sofistikated, akibat hubungan mereka dengan dunia luar. Kemajuan seperti ini menjadikan sejarah dan kebudayaannya lebih jelas. Tentang masyarakat Badwi yang tinggal di pedalaman itu, mereka tidaklah berhubung dengan dunia luar, dan dunia luar pun tidaklah pula mengenali mereka. Keterasingan ini menjadikan keturunan, bahasa dan kebudayaan mereka tetap terpelihara tanpa dijangkiti pengaruh luar. Dan berbeza dengan masyarakat Hadari, sejarah masyarakat Badwi dapat disorot cuma setakat 150 tahun sebelum Islam, seperti yang dapat dikesan melalui hasil-hasil puisi mereka.

Sistem Moral

Akibat daripada tekanan suasana yang serba mencabar itu, terdapatlah sifat *al-Ghazw* (peperangan) dan *Hamasah* (kepahlawanan) di kalangan masyarakat Badwi. Konsep ini terangkum dalam dasar falsafah hidup mereka: 'Bantulah saudaramu baik dia yang menzalimi atau dizalimi.' Inilah juga yang dikatakan dalam syair Zuheir bin Abi Salma, seorang penyair terkenal zaman jahiliah:

> *Sesiapa sahaja yang tidak menjaga kehormatan diri dan kebebasannya dengan pedang dan senjatanya, akan dimusnahkan orang*
> *begitu juga sesiapa yang tidak melakukan kezaliman terhadap orang lain*
> *akan menerima kezaliman orang lain ke atas dirinya.*

Penyair al-Qattami juga pernah mengatakan: "Dalam kehidupan demikian, kita mestilah merompak seteru kita, jiran kita dan saudara kita, kalau tidak orang lain yang akan merompak kita."

Nilai *al-Ghazw* ini sebenarnya berkait rapat dengan sifat *Asabiyyah* (perkauman) yang juga amat dihargai dalam kehidupan mereka. Sentimen seperti ini timbul dari kesetiaan yang melulu kepada kaum atau suku sendiri, tanpa mempersoalkan apakah sukunya pihak yang menzalimi atau dizalimi. (*Nota: Inilah bentuk nasionalisme yang ditentang oleh Islam*). Sebab itulah kita dapati berlakunya peperangan antara kabilah-kabilah sampai berlarut-larutan jadinya. Misalnya, Peperangan al-Basus di antara Bani Taghlib dengan Bani Bakr yang berlanjutan selama 40 tahun cuma berpunca dari pembunuhan Kulaib bin Rabiah dari suku Taghlib oleh Jassas bin Murrah dari suku Bakr. Kesanggupan mereka untuk berperang habis-habisan kerana sebab-sebab yang kecil sahaja, pernah diucapkan oleh seorang Arab Badwi demikian: "Dengan pedang akan kubersihkan maluku kembali, biar apa pun malapetaka yang akan didatangkan oleh Tuhan ke atasku."

Kehidupan yang berasaskan nilai-nilai individualisme itu diperburukkan lagi oleh kebiasaan berfoya-foya dan menurut nafsu syahwat semahu-mahunya sahaja, seperti yang dibayangkan oleh penyair Tarfah bin Al-Abd:

Seandainya tiada tiga syarat kebanggaan pemuda
hidupku takkan meriah dan aku takkan menjamu teman sebaya
bujukan manja si genit jelita berwajah ayu
hidangan arak membuih si genit pembuka selera
kepingan wang gemercangan menjamu teman seiring wang baru
dan sisa peninggalan lama, semuanya aku hamburkan seenak rasa
Aku ingin disanjung dipuja
Akulah jejaka gagah perkasa ....

Di samping nilai-nilai yang buruk tersebut, nampaknya orang-orang Arab masih memiliki nilai-nilai yang terpuji. Jika tadinya, tekanan suasana menjadikan mereka gemar berperang, namun mereka juga memiliki sifat sabar yang menyebabkan mereka sanggup mengharungi kesukaran dengan gigih. Mereka juga memiliki sifat *Muru'ah* (maruah), *al-Karam* dan *al-Diyafah*, yakni membantu orang miskin dan memuliakan tetamu.

Mengenai sifat *Diyafah* itu, dikatakan mereka sanggup mengorbankan kepentingannya untuk tetamu, golongan miskin atau lemah. Misalnya, apabila tengah malam, mereka akan memasang api di tempat-tempat tinggi untuk menolong pengembara yang sesat. Dan, apabila seseorang itu meminta bantuan sesuatu kaum, adalah menjadi tanggungjawab kaum tersebut melindunginya.

Sistem Sosial

Suatu hakikat yang nyata, ialah bahawa masyarakat Arab juga mengenali dan mengamalkan sistem kelas dan kasta. Kelas tertinggi dipegang oleh golongan aristokrat keturunan Quraisy. Mereka merupakan kelas pemerintah, bukan sahaja kerana keturunan mereka bahkan juga kerana kekayaan mereka. Bagaimanapun, terdapat juga di kalangan mereka yang kurang berada tetapi masih berpengaruh, seperti Abu Talib, misalnya. Selepas kaum Quraisy barulah diikuti oleh kabilah-kabilah lain yang tinggal berdekatan dengan Kaabah, jauh sedikit dari kabilah Quraisy. Memangnya menjadi adat kebiasaan yang dilakukan oleh Qusai bin Kilab, ukuran tinggi rendahnya martabat sesuatu kabilah dikira berdasarkan jauh dekatnya kediaman mereka dari Kaabah. Salah satu daripada kabilah yang lebih mendekati Quraisy ini ialah Bani Zohrah, iaitu keturunan bonda Rasulullah sendiri.

Sebagai suatu sistem sosial ala feudalisme, terdapatlah kelas hamba abdi yang besar bilangannya. Mereka tidak mempunyai apa-apa hak, hingga batang tubuhnya sendiri dapat dijualbelikan. Kebanyakan mereka adalah orang Arab juga, tetapi setengahnya bukan berbangsa Arab, seumpama Bilal bin Rabah yang dimiliki oleh Umayyah bin Khalaf.

Tentang kedudukan wanita pula, pada umumnya nilai mereka sangat rendah pada pandangan masyarakat jahiliah. Gambaran itu tercatat dalam al-Quran: "*Dan sekiranya salah seorang dari mereka diberitahu tentang kelahiran seorang anak perempuan, mukanya terus jadi hitam kerana terlalu marah. Dia sembunyikan diri dari kaumnya kerana keburukan berita yang disampaikan kepadanya, apakah patut dipeliharanya dengan rasa malu atau ditanamkannya ke dalam tanah. Alangkah buruknya apa yang mereka putuskan* " (*al-Nahl: 58-59*).

Mengenai kehidupan keluarga, terdapat empat cara perkahwinan yang biasa diamalkan oleh mereka. Pertamanya, perkahwinan secara biasa di mana pihak wali menerima pinangan seseorang yang tertentu. Keduanya, disebut 'kahwin mencari anak pintar', iaitu si suami membenarkan isterinya 'digauli' oleh lelaki lain yang dianggap pintar, agar anaknya juga menjadi demikian. Ketiganya, beberapa orang (biasanya 10 orang) berpakat menyetubuhi seorang wanita, kemudian wanita itu akan menentukan sendiri siapa bapa anaknya. Dan keempatnya, seorang wanita membenarkan dirinya disetubuhi oleh beberapa orang (biasanya 10 orang) lelaki, kemudian lelaki-lelaki ini akan bermesyuarat sesama mereka tentang siapa yang akan menjadi suaminya.

Dalam sesebuah keluarga, yang menjadi ketuanya ialah pihak

lelaki sendiri. Dan di tangannyalah terletak kuasa pemutus sama ada untuk membatal atau meneruskan perkahwinannya. Mereka mengamalkan poligami yang tidak terbatas, bahkan seorang anak dapat mewarisi isteri-isteri ayahnya seperti harta benda saja layaknya. Penghormatan mereka terhadap kaum lelaki ketara sekali, dan adalah menjadi kebiasaan bagi pasangan yang baru berkahwin, berdoa mendapat ramai anak lelaki.

Sistem Ekonomi

Berbanding dengan golongan Badwi, nampaknya sistem ekonomi golongan Hadari lebih sofistikated. Sebagai orang kota, kebanyakan mereka adalah kaum pedagang, iaitu keluar berdagang secara kafilah (*caravan*). Menurut al-Tabary, besarnya kafilah ini sering mencapai 500 atau 1,000 ekor unta. Kafilah-kafilah ini keluar dengan perlengkapan, persediaan dan kewaspadaan yang besar, didahului oleh pengintip-pengintip yang lebih dahulu menyelidiki keadaan-keadaan di jalan, disertai oleh penunjuk-penunjuk jalan dan pengawal-pengawal yang menjaga keselamatan kafilah-kafilah.

Mulanya, perdagangan ini dipegang oleh orang-orang Yaman yang memasarkan hasil-hasil dari Hadhramaut, Zofar, India lalu membawanya ke Sham dan ke Mesir. Tetapi sejak abad ke-6 M., kedudukan mereka diambil alih oleh orang-orang Hijaz yang menjadikan Makkah sebagai pusat perdagangan yang baru. Sebab utamanya, ialah kerana Yaman dijajah oleh Habshah dan kemudiannya Farsi, hingga perniagaan di laut dikuasai oleh mereka, sedang perniagaan di darat berpindah ke tangan penduduk Makkah. Pedagang-pedagang Hijaz itu membeli barang-barang dari Yaman dan Habshah, kemudian dijual di pasar-pasar Sham dan Mesir. Bagaimanapun, Makkah juga mempunyai hasil-hasilnya sendiri untuk diperdagangkan, iaitu berupa berhala-berhala yang dijual ketika musim haji.

Selain dari usaha perdagangan, penduduk kota juga menjalankan kegiatan pertanian. Di Yaman, misalnya, kegiatan pertanian merupakan aspek terpenting di dalam kegiatan ekonomi mereka, hingga dengan merosotnya pertanian, maka merosotlah pula kerajaan Yaman itu sendiri. Nampaknya penduduk-penduduk di Yaman juga terlibat dalam kegiatan pertukangan.

Adapun bagi golongan Badwi, mereka hanya bersandar kepada hasil ternakannya, seperti unta, kambing, kuda atau biri-biri. Mereka memakan daging haiwan itu, mereka meminum susunya serta membuat pakaian juga khemah-khemah dari kulitnya. Dan jika sangat terdesak, ditangkapnya binatang-binatang seperti biawak dan tupai.

Nampaknya orang-orang Badwi juga mengenal sistem tukar-menukar (*barter*), iaitu dengan cara menukarkan ternak atau hasil-hasil ternaknya dengan barang-barang keperluan mereka, seperti pakaian atau kurma.

Bagaimanapun, sebagai golongan yang serba terdesak kehidupannya, salah satu sumber ekonomi mereka ialah merampas dan merompak. Mereka menyerang suku-suku yang dimusuhinya, serta merampas ternakan, wanita atau anak-anak. Dan suku yang menjadi mangsanya ini sentiasa pula mencari kesempatan untuk menyerang balas. Semuanya itu adalah manifestasi dari sifat *al-Ghazw* akibat suasana sekeliling yang serba mencabar.

Dengan suasana yang serba terhimpit ini, tidak hairanlah jika orang-orang Badwi tidak dapat menetap di sesuatu tempat, sebaliknya mereka terpaksa mengembara dan berpindah-randah (*nomad*). Ini berlaku bukan sahaja untuk mencari air dan rumput bagi ternakan mereka, bahkan juga untuk menyelamatkan diri dari serangan suku-suku lain ataupun dari timbunan bukit-bukit pasir yang sering mengganas.

Sistem politik

Sistem politik masyarakat Badwi adalah berasaskan kabilah, di mana beberapa kumpulan keluarga membentuk khemah-khemah yang merupakan sebuah *Hayy*. Gabungan *Hayy* ini membentuk kaum, dan beberapa kaum ini mewakili suatu kabilah dengan ketuanya sendiri yang digelar *Syeikh* kabilah. Seseorang *Syeikh* yang dilantik haruslah memiliki sifat-sifat keberanian, pemurah dan bijaksana. Malah ia haruslah juga seorang hartawan yang sudah berumur.

Tugas-tugas seorang *Syeikh* meliputi menjaga keamanan kabilahnya, di samping membuat perjanjian dengan kabilah-kabilah lain sekiranya timbul perselisihan. Jawatan *Syeikh* ini biasanya dapat diwarisi oleh anak-anaknya, dengan syarat pada dirinya terdapat kebolehan yang setanding kalau tidak pun melebihi bapanya.

Bagaimanapun, semuanya itu dari segi teorinya sahaja, sebab dalam praktisnya sukarlah bagi suatu golongan yang kasar dan sukakan peperangan seperti mereka itu, dapat merasai suatu pemerintahan yang teratur dan memuaskan. Sudah menjadi kebiasaan hidup mereka sendiri untuk bermusuh-musuhan dengan kabilah-kabilah lain, meskipun kerana sebab-sebab yang kecil. Ini berbeza dengan golongan Hadari yang lebih gemar kepada keamanan dan tunduk di bawah suatu kuasa pentadbiran yang tetap dan mantap. Sebagai golongan yang terlibat dalam perdagangan, dan urusan ini selalunya melibatkan hubungan dengan

bangsa-bangsa asing yang mempunyai peradaban tinggi, tentulah fikiran mereka lebih matang. Sebab itu dalam urusan pemerintahan mereka, terdapat badan atau jemaah yang mentadbirkannya dalam beberapa bidang. Di Makkah sendiri terdapat pembahagian-pembahagian tugas di bawah pimpinan dewan pusatnya sendiri, iaitu *Darun-Nadwah.*

Walau bagaimanapun, agak sukar juga untuk menentukan dengan pasti sistem politik yang diamalkan oleh golongan Hadari ini. Jikalau golongan Badwi mengamalkan sistem politik kabilah, nampaknya golongan Hadari yang walaupun mempunyai sistem pentadbiran yang lebih tetap dan teratur, tetapi sistem politiknya beraneka ragam. Di selatan, ia lebih cenderung kepada sistem beraja. Di utara pula, khasnya di Hirah dan Ghassan, ia lebih merupakan sebuah negara naungan (*protectorate*) Farsi atau Rom. Adapun di Makkah sendiri, ia bercorak aristokrasi, yakni sekumpulan para bangsawan (Quraisy) mendominasi pentadbirannya.

Sistem Kepercayaan

Sebenarnya di kalangan bangsa Arab, sudah terdapat agama-agama langit (*Samawi*) seperti Yahudi, Nasrani dan agama Nabi Ibrahim. Penganut-penganut Yahudi terdapat di Yaman, Khaibar dan di utara Hijaz. Misalnya, raja terakhir kerajaan Himyar di Yaman, Zu Nuwas, adalah seorang penganut agama Yahudi yang fanatik. Sejarah mencatatkan bahawa Zu Nuwas pernah menyerang Najran disebabkan penduduknya yang beragama Nasrani telah membunuh dua orang anak Yahudi. Selain di Najran, penganut-penganut agama Nasrani terdapat juga di Ghassan dan di sepanjang pantai Semenanjung Arab. Dikatakan bahawa agama Nasrani mula memasuki Tanah Arab sejak abad ke-2 M., sewaktu Pendeta Ariganus datang bertamu kepada salah satu suku di Syria. Seterusnya pada abad ke-4 M., Pendeta Musa berjaya mempengaruhi suku Ghassan agar memeluk agama ini.

Agama Nabi Ibrahim pula nampaknya sudah diwarnai oleh corak-corak asing sehingga sudah bercampur-baur dengannya. Misalnya, dalam upacara-upacara haji dan korban, disertakan juga unsur-unsur keberhalaan. Begitu pun, di sana masih terdapat penganut-penganut agama *Hanif* ini yang gigih mempertahankan keaslian ajarannya.

Selain dari agama-agama tersebut, orang-orang Arab juga menyembah malaikat, yang mereka sifatkan sebagai wakil Tuhan yang dapat memberi atau mencabut sesuatu pemberian itu. Mereka bertuhankan Allah dan malaikat sekaligus, bahkan menganggap bahawa para malaikat itu puteri-puteri Allah. Di samping itu, mereka juga berfaham animisme, iaitu dengan memuja hantu,

semangat dan roh-roh nenek-moyang yang telah meninggal dunia. Selain dari itu, mereka juga menyembah cakerawala, seperti matahari, bulan dan bintang-bintang yang bertaburan banyaknya itu. Ini kerana menurut anggapan mereka, bintang-bintang itu diberi kekuasaan penuh oleh Tuhan untuk mengatur alam ini.

Tidak cukup dengan sembahan-sembahan tersebut, mereka lalu menyembah berhala-berhala yang dibuat dari batu atau kayu. Ada beberapa teori tentang sebab-sebab mereka menyembah berhala, setelah sekian lama mematuhi ajaran-ajaran nabi.

1. Penghormatan yang berlebihan terhadap Kaabah. Biasanya sesiapa yang meninggalkan kota Makkah akan membawa bersamanya batu-batu dari Tanah Haram sebagai bukti cintanya kepada Makkah. Batu-batu ini disifatkan sebagai pengganti Kaabah yang mana mereka akan bertawaf sekelilingnya. Dan lama kelamaan, penghormatan tersebut berubah kepada penyembahan.
2. Dikatakan juga bahawa berhala-berhala *Wadda, Suwaa, Yauq, Yaghus* dan *Nasr* adalah patung lima orang mulia yang meninggal dalam bulan yang sama. Lantaran kesedihan yang amat sangat, saudara-mara mereka menyetujui agar diukir wajah mereka sebagai penghormatan. Pada mulanya, bentuk penghormatan hanyalah sekadar mengelilinginya sahaja oleh keluarganya sendiri, tetapi akhirnya ukiran-ukiran tersebut lalu disembah pula orang ramai.
3. Amalan menyembah berhala juga dikaitkan dengan peristiwa Isaf dan Nailah yang saling cinta-mencintai, tetapi kerana melakukan kecurangan, kedua-duanya lalu menjadi batu dan diletakkan di sisi Kaabah agar menjadi teladan kepada orang lain. Malangnya batu-batu tersebut kemudiannya disembah pula.
4. Teori lain pula mengatakan bahawa Amr bin Luhay, ketua Bani Khuzaah di Makkah, telah pergi ke Balqa' di Sham. Di sana, ia melihat penduduknya menyembah berhala, arca-arca dan sebagainya. Kerana sangat tertarik, ia lalu membawa pulang satu berhala besar *Hubal* untuk disembahnya, malah diserunya pula agar penduduk-penduduk di Hijaz turut menyembahnya juga.

Nampaknya, orang-orang Arab tidak cukup setakat menyembah berhala sahaja, malah mereka juga mempunyai beberapa adat kebiasaan dan kepercayaan tahyul. Antaranya ialah:

1. Jika seseorang itu hendak membuat sesuatu yang penting, seperti hendak bermusafir atau berkahwin, dia akan menemui berhala *Hubal* terlebih dahulu. Di hadapan berhala tersebut

dan berhala-berhala lain juga terdapat *Azlam*, yakni beberapa bilah semacam anak panah yang bertanda 'ya' atau 'tidak' untuk menentukan boleh tidaknya dia melakukannya.

2. Penghormatan terhadap berhala-berhala ada kalanya sehingga sanggup mempersembahkan korban manusia kepadanya, seperti tindakan Abdul Mutalib menyerahkan anaknya Abdullah untuk dikorbankannya.
3. Mereka berkeyakinan bahawa sesiapa yang mencela atau mencaci maki berhala *Lata* dan *Uzza*, akan ditimpa penyakit sopak.
4. Jika mereka ingin mengembara, diikatnya suatu simpulan pada sebatang pokok. Jika sepulangnya kelak didapati simpulan itu terbuka, menunjukkan yang isterinya bersikap curang kepadanya.
5. Jika ia hendak berjalan, dilihatnya dulu burung terbang, Kiranya burung itu terbang ke kanan ketika dipandangnya, itu alamat baik. Dan kalau ke kiri, itu tanda kesialan. Adat ini dipanggil *Tasa'um* (sangka duka), dan *Tafa'ul* (sangka suka).
6. Sekiranya kambing mulai beranak jantan, kambing itu akan diserahkan kepada berhala yang mereka sembah. Dan sekiranya untanya beranak sampai 10 kali, induknya akan diserahkan kepada berhala juga.
7. Apabila seseorang itu telah mati, rohnya akan menjadi seekor burung *Hammah.*
8. Jika seseorang itu merasa lapar, ini kerana perutnya digigit oleh seekor ular yang berada dalam perutnya.
9. Mereka melarang membunuh ular, kerana jika ular itu mati, nanti hantu ular itu akan datang membalas dendam.
10. Sewaktu musim kemarau, diikatkanlah rumput-rumput kepada seekor kambing, lalu dibakarnya dengan harapan bahawa hujan akan turun.
11. Jika seseorang itu lambat mendapat jodoh, maka dibahagi dua rambutnya; sebahagian dilapihnya dan sebahagian lagi dilepaskannya. Lalu dicelak matanya sebelah, bertentangan dengan rambut yang dilapih itu. Setelah itu dibuka betisnya sebelah dan di waktu malam dia akan membaca: "Saya mahu kahwin sebelum subuh".
12. Mereka biasa memakai cincin besi atau tembaga dengan harapan akan menambah kekuatan.
13. Kalau orang sesat di jalan, maka kain yang dipakainya dibalikkan memakainya, agar tidak sesat.

Demikianlah beberapa adat dan kepercayaan tahyul di kalangan orang-orang Arab. Nampaknya, di samping agama dan adat-adat tersebut, orang-orang Arab ada yang menganut agama

Majusi yang berasal dari Farsi. Dan dalam hal ini, wilayah al-Hirah banyak sekali memainkan peranannya dalam menyalurkan kebudayaan Farsi ke Tanah Arab.

Dari segi pengaruhnya, nampaknya agama *Pagan* (menyembah berhala dan lain-lain) lebih meluas dan berpengaruh daripada agama-agama lain. Adalah suatu hal yang sangat menakjubkan kenapa orang-orang Arab sanggup mempertahankan kepercayaan *Paganisme* mereka, meskipun agama Kristian dan Majusi begitu gigih menyebarkan pengaruhnya. Ada beberapa sebab kenapa hal ini berlaku:

1. Konflik dalam diri Kristian sendiri, iaitu sekitar masalah kedudukan Mariam dan lain-lain, yang menimbulkan perdebatan yang membawa kehancuran iman mereka sendiri.
2. Usaha orang-orang Yahudi yang giat membendung arus agama Kristian, suatu kuasa yang pernah mengusir mereka dari Palestine, dan kini bernaung di bawah panji kerajaan Rom.
3. Anggapan orang-orang Arab sendiri yang melihat wujudnya unsur-unsur *Paganisme* di kalangan orang-orang Kristian, seperti mencium patung St. Peter sehingga pihak gereja setiap waktu terpaksa memperbaiki kembali kerosakannya. Adanya persamaan seperti ini membuatkan orang-orang Arab kurang berminat memeluk agama Kristian yang sama sahaja dengan amalan mereka.

BAB 2: SASTERA ARAB JAHILIAH

SEPERTI ditegaskan sebelumnya, orang-orang Arab jahiliah tidaklah benar-benar jahil dalam segenap seginya, sebab dalam bidang-bidang tertentu, mereka adalah maju. Terutamanya dalam lapangan kesusasteraan, ternyata sekali mereka mempunyai keahlian yang tinggi. Memangnya sebahagian orientalis seperti Prof. Nallino dan Margolioth meragui wujudnya apa yang dikatakan sastera jahiliah itu. Tetapi ini dengan tegas ditolak oleh Dr. Ali al-Jundi, Dr. Ahmad Amin dan Dr. Aishah Abdul Rahman. Malah al-Quran sendiri menegaskan wujudnya penyair-penyair di dalam masyarakat Arab jahiliah (*al-Syu'ara: 224, al-Haqqah: 41, al-Saffat: 36*).

Di kalangan masyarakat Arab, selain dari para hakim yang mempunyai kedudukan tertinggi, penyair-penyair juga dipandang tinggi dan terhormat. Biasanya bila dari sesuatu kabilah muncul seorang penyair, maka datanglah utusan dari kabilah-kabilah lain mengucapkan selamat kepada kabilah itu. Maka diadakanlah pesta dan jamuan besar-besaran dengan menyembelih binatang-binatang ternak yang diiringi oleh tarian dan nyanyian wanita-wanita kabilahnya. Antara penyair-penyair yang terkenal pada zaman jahiliah ialah Hassan bin Thabit, Hatim At-Tai, al-A'sya, Muhalhil bin Rabiah, Zuheir bin Abi Salma, Tarfah bin al-Abd, al-Qattami, al-Hutaiah dan sebagainya.

Penghormatan tersebut adalah memandangkan peranan penyair sendiri sebagai jurucakap kabilahnya, dengan mengagungkannya di samping merendahkan kabilah lain. Dengan itu dia melebihi seorang pahlawan yang membela kabilahnya dengan pedang dan tombaknya. Betapa besarnya pengaruh syair dapat dilihat dari segi kesannya apabila dia memuji-muji seseorang yang sebelumnya hina, maka dengan mendadak darjat orang itu naik. Sebaliknya, jika dikejinya, akan berlakulah seperti apa yang diucapkannya.

Selain itu, para penyair juga merupakan seorang jurnalis zamannya, iaitu kerana kebolehannya melaporkan kejadian-kejadian penting yang berlaku. Seperti disebutkan dulu, sejarah penduduk Badwi yang bermula sejak 150 tahun sebelum Islam itu sendiri dapat dikesan melalui hasil-hasil puisi mereka. Misalnya, kejadian-kejadian seperti Perang al-Basus, sifat *Diyafah* (pemurah dan melayan tetamu), penyembelihan binatang-binatang di kubur-kubur pahlawan dan sebagainya adalah diketahui melalui syair-

syair mereka.

Bukan sahaja sebagai jurnalis, malah para penyair juga adalah sejarawan kaumnya. Sebagai ahli sejarah, dia mengetahui hal-ehwal salasilah kaumnya. Dan dengan ini dia merupakan cendekiawan kabilahnya sendiri. Dan yang tidak kurang pentingnya, para penyair ini dianggap mempunyai kuasa yang tersembunyi daripada orang kebanyakan, lantaran hubungannya dengan kuasa-kuasa ghaib atau syaitan. Malah bagi Dr. Hitti, pengetahuannya diperolehi dari syaitan. Demikianlah betapa penting dan mulianya kedudukan para penyair di kalangan masyarakat Arab ketika itu.

Mengkaji sastera zaman jahiliah ini, akan kita dapati beberapa ciri umum di dalamnya. Pertamanya, sastera jahiliah lebih merupakan pancaran masyarakat jahiliah itu sendiri, yakni ciri-ciri masyarakat jahiliah dapat dikesan melalui syair-syair tersebut. Pepatah Arab sendiri ada mengatakan: "Bahawa syair Arab adalah dewan bangsa Arab." Maksud *'dewan' Arab* ialah catatan tentang adat istiadat, tatasusila, agama, kecerdasan bangsa Arab. Atau lebih tepat, dari syair itu dapat menerangkan tentang bangsa Arab itu. Keadaan ini dapat disamakan dengan puisi Melayu sendiri, di mana Prof. St. Takdir Alisjahbana menganggap bahawa syair tersebut adalah pancaran masyarakat Melayu lama. Misalnya, melalui syair-syair jahiliah dapat kita ketahui yang mereka (Badwi) tidak mempunyai kepercayaan tertentu, sebaliknya menganut faham animisme. Contohnya, mereka menganggap padang pasir didiami oleh syaitan yang suka mengacau mereka.

Melalui isi kandungannya juga, tema-tema yang ditekankan di dalam syair-syair Arab kebanyakannya stereotaip, yakni tidak banyak aspek-aspek baru yang diceritakannya. Yang jelas, kebanyakannya hanya terbatas tentang kisah-kisah kaumnya atau keadaan sekitarnya sahaja. Ertinya sedikit sekali hal-hal baru yang cuba disentuhnya.. Khayalan mereka banyak diisi dengan ternakan kesayangan mereka seperti unta dan penyifatan tentang tanah-tanah mereka yang datar atau tinggi, juga penuh dengan pujian-pujian terhadap seseorang tertentu, baik hidup atau mati, yang ada memiliki sifat-sifat unggul seperti *Diyafah* atau *Muruah*.

Dengan keadaan seperti ini, tidak hairanlah jikalau dalam menggambarkan sesuatu suasana yang sama, terdapat berbagai corak yang beraneka ragam. Suatu hal yang sama telah mendapat sorotan dari berbagai segi. Jadi dari segi ini, memangnya terdapat kemajuan. Sebab itu, kata Dr. Ahmad Amin, tidaklah jauh dari kebenaran jika dikatakan bahawa kata-kata Arab yang berhubungan dengan unta adalah sebanyak satu pertujuh belas dari seluruh kata dalam bahasa Arab.

Suatu hakikat yang mungkin tidak dapat ditolak ialah bahawa

para penyair adalah kepunyaan kaumnya. Ini sebenarnya adalah ciri-ciri *Asabiyyah* di mana seseorang itu hanya mentaati kaumnya saja. Dengan membaca syair-syair jahiliah, akan terasa oleh kita bahawa peribadi penyair tenggelam dalam kaumnya, seolah-olah dia tidak merasakan dirinya wujud. Jarang sekali terdapat syair yang menggambarkan perasaan si penyair serta menampakkan dirinya terlepas dari kongkongan kaumnya. Hal ini jelas dalam *muallaqah* Amar ibn Kulsum.

Selain dari itu, syair adalah dianggap sebagai hasil karya suatu golongan masyarakat yang tinggi darjatnya. Dari hiasan bahasa dan lafaz-lafaz indah yang dipergunakan itu, ternyata sekali bahawa ianya bukan bahasa rakyat umum. Sebaliknya pula, peribahasa lebih menampakkan 'suara rakyat' di dalamnya, dan dengan itu lebih mewakili rakyat umum daripada syair.

Tentang bahasa sastera yang dipakai, patut diketahui bahawa dalam bahasa Arab terdapat beberapa loghat; seperti loghat *Ananah* untuk suku Tamim, *Kaskasyah* untuk suku Asad, *Ja'jaah* untuk suku Khuzaah dan *Shansyanah* untuk suku Arab Yaman. Bagaimanapun, kerana sebab-sebab tertentu, loghat Quraisylah yang menguasai bahasa sastera sejak zaman jahiliah. Ertinya karya-karya sastera yang dihasilkan oleh penyair-penyair jahiliah adalah menggunakan dialek atau loghat Quraisy.

Sebab utama penguasaan loghat Quraisy ialah faktor agama, kerana dalam kegiatan-kegiatan agama, kabilah Quraisylah yang memainkan peranan terpenting. Demikian juga dari segi ekonomi, merekalah juga yang memegang terajunya. Dari segi politik pula, terdapat suku-suku Arab yang takut diancam oleh kerajaan Rom dan Habshah, lalu mereka beralih meminta sokongan Makkah sendiri. Dengan itu sepertimana pendapat Dr. Shauqi Dhaif, ini memberi kesempatan baik kepada suku Quraisy untuk mempengaruhi mereka, termasuk dalam soal bahasa. Dan akhirnya dari segi sosial pula, apabila Makkah menjadi tempat tumpuan berbagai-bagai kabilah, khasnya di Pasar Ukkaz itu, ini menyebabkan orang Quraisy tidak melepaskan peluang untuk memetik kata-kata yang indah atau bahasa yang bermutu, dan dengan ini dapat menguat dan memperindahkan lagi loghat Quraisy sendiri. Inilah di antara sebab-sebab mengapa loghat Quraisy dapat menguasai bahasa sastera dan syair pada zaman jahiliah.

Akhirnya, dalam mengkaji sastera Arab jahiliah ini, kita tidak dapat melupakan peranan Pasar Ukkaz. Memang selain dari Suq Ukkaz, terdapat pekan-pekan lain di al-Majjanah, Daumatul Jandal dan Zulmajaz. Tetapi dalam kegiatan sastera, Pasar Ukkazlah yang lebih menarik perhatian. Sebagai pasar tahunan, ia menjadi tempat tumpuan utama kafilah-kafilah Arab dari segenap pelusuk

dan penjuru. Di sinilah diadakan pertandingan menggubah syair, di samping mendengar cerita-cerita sementara menanti waktu mengerjakan haji.

Begitu pentingnya Pasar Ukkaz ini, sehingga Prof. Hitti menganggap ia sebagai *Academie Francaise* di Tanah Arab ketika itu. Hasil dari kongres kesusasteraan tahunan ini, lahirlah syair-syair yang bermutu tinggi. Di antara yang termasyhur ialah antologi syair '*al-Muallaqat al-Sab'a* (*Seven Odes*) karya Umrul-Qais yang telah mendapat penghormatan untuk digantung di Kaabah.

BAB 3: KERAJAAN-KERAJAAN BANDAR

PENGKAJIAN tentang penduduk-penduduk bandar (Hadari) meliputi kerajaan-kerajaan selatan, tengah dan utara. Di kawasan selatan terdapat kerajaan Yaman, di kawasan tengah ialah kerajaan Hijaz atau Makkah sedangkan di utara terdapat kerajaan-kerajaan Anbat (Nabataen) dan Tadmor (Palmyra) serta Hirah dan Ghassan.

Kerajaan Selatan

Berbeza dari negeri-negeri bahagian utara dan tengah, Yaman menunjukkan suatu tingkat kemajuan yang terawal sekali dalam sejarah tamadun Arab purba. Hal ini berkait rapat dengan kedudukan alamnya yang sesuai sebagai tempat pertemuan bagi para pedagang. Malah pada namanya *Yaman* yang bermakna 'berkat' itu pun sudah cukup buat menjelaskan punca kemakmurannya dari air hujan yang sentiasa turun di samping kesuburan tanahnya sendiri.

Dengan kedudukan tersebut, sukarlah bagi Yaman untuk menghindarkan diri daripada pengaruh-pengaruh luar. Keistimewaan yang ada pada masyarakat Badwi dari segi kemurniaan bahasa, keturunan dan kebudayaan sudah tidak ada lagi pada Yaman. Dan puncak dari pengaruh asing tersebut ialah apabila Yaman dijajah oleh wakil kerajaan Rom (Habshah) dan Farsi. Ini kerana, sepertimana kata Dr. Hussain Haikal, Rom dan Farsi hanya berminat pada Yaman sahaja, berbanding dengan negeri-negeri Arab yang lain.

Di antara kerajaan-kerajaan yang pernah memerintah Yaman ialah:

1. Main (1200 S.M. — 955 S.M.)
2. Qatban (1000 S.M. — 955 S.M.)
3. Saba' (955 S.M. — 115 S.M.)
4. Himyar (115 S.M. — 525 S.M.)

Mengenai Main dan Qatban, data-data sejarah tidak banyak memberi keterangan tentangnya. Yang jelas ialah bahawa kedua-dua kerajaan tersebut muncul hampir sezaman, dan keruntuhannya pada tahun 955 S.M., telah digantikan oleh kerajaan Saba' yang disifatkan oleh Prof. Hitti sebagai golongan Arab yang

terawal sekali mempunyai tamadun.

Dalam perkembangannya, terdapat dua peringkat yang bukan sahaja mempunyai gelaran raja yang berbeza, bahkan juga sistem pentadbirannya serta perubahan ibu kotanya. Peringkat awalnya Saba' yang mempunyai ibu kota di Sarwah menekankan segi senibina, khasnya kuil-kuil agama untuk Dewi Bulan dan juga benteng pertahanan. Dan ketika ibu kotanya berpindah ke Maarib, raja-raja Saba' dikenali sebagai Malik Saba', dan usaha-usaha penaklukan pun mulai menjadi rancak. Bagaimanapun, kerajaan Saba' tidaklah terkenal sebagai kuasa penakluk.

Seperti ditegaskan tadi punca asas kemajuan Yaman terletak pada faktor geografi dan iklimnya, di mana air hujan sentiasa saja turun dari gunung-gunung Yaman menyusuri tanah hingga ke laut atau lembah-lembah di timur kota Maarib. Mulanya, air turun melalui celah-celah dua buah gunung yang terletak di kanan kiri lembah ini, lalu hilang terserap. Tetapi berkat pengetahuan dan kecerdasan yang ada pada penduduk Yaman itu, dibangunlah sebuah bendungan, iaitu Empangan Maarib. Ia dibuat daripada batu di hujung lembah yang sempit, dan ini memungkinkan adanya pengaliran air ke tempat-tempat yang dikehendaki. Dengan adanya empangan ini, bukan sahaja mereka dapat menggunakan air pada masa-masa yang diperlukan, malah dapat mengawal banjir yang sering merosakkan kampung dan usaha-usaha pertanian. Jadi, dalam soal Empangan Maarib ini, terdapat dua aspek yang sayugia diperhatikan. Pertama, ia sangat penting bagi kegiatan pertanian. Dan kedua, adanya ahli-ahli binaan atau arkitek yang merancang pembinaannya.

Jika kemajuan Saba' banyak disebabkan oleh faktor geografi dan iklimnya, maka kemasyhurannya pula adalah kerana Ratu Balqis seperti yang tersebut dalam al-Quran, atau Puteri Sheba seperti yang tercatat dalam kitab Injil. Tentang kisah Ratu Balqis ini, terdapat dua hal yang penting. Pertamanya, sistem pemerintahannya bercorak demokrasi. Ini ketara sekali ketika dia menerima surat daripada Nabi Sulaiman yang memintanya menganut agama Allah, lalu dimintanya pertimbangan dari menteri-menterinya (*an-Naml: 32*). Kedua, sungguhpun kerajaannya mempunyai rakyat yang kuat dan berani (*an-Naml: 33*), namun dia lebih mementingkan perdamaian dari peperangan. Sebagai seorang yang berpandangan jauh, dijelaskannya bahaya yang akan timbul akibat penjajahan terhadap sesebuah negeri (*an-Naml: 34*).

Bagaimanapun, kerajaan Saba' runtuh juga akibat kecuaian rakyatnya sendiri, terutama para pemimpinnya, sehingga akhirnya berlakulah banjir besar yang menghancurkan Empangan Maarib (*Saba': 16*). Maka berbondong-bondonglah rakyat Yaman mem-

bawa dirinya ke utara dan tengah Tanah Arab. Misalnya, kabilah Jafnah bin Amr telah berpindah ke Sham dan tinggal di suatu tempat yang banyak air bernama Ghassan. Manakala kabilah Tha'labah bin Amr berpindah ke Hijaz, dan tinggal di Madinah hingga dapat mengatasi orang-orang Yahudi di sana.

Kejatuhan Saba' digantikan oleh kerajaan Himyar yang dapat mengembalikan kegemilangannya. Berbeza dengan kerajaan Saba' yang mementingkan perdamaian, yang dengan itu dapat mengelakkannya daripada dijajah, kerajaan Himyar pula lebih menekankan perluasan jajahan takluk. Dikatakan bahawa ia bukan sahaja banyak menjajah kawasan-kawasan sekitar, bahkan menguasai jajahan-jajahan Farsi seperti Iraq dan Khurasan serta kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Sungai Jihun dan membina bandar Samarqand. Seperti kerajaan Saba', kerajaan Himyar jatuh juga akhirnya.

Kita telah pun mengetahui bahawa kemakmuran Yaman menimbulkan keinginan kuasa-kuasa asing seperti Rom dan Farsi untuk menguasainya. Namun, faktor ekonomi bukanlah dorongan asasi kedatangan penjajah, sebab di samping itu terdapat faktor persaingan kuasa di antara kedua-dua kuasa besar itu. Sebenarnya, masing-masing pihak adalah mewakili dua kekuatan, iaitu kekuatan Kristian dan kekuatan Majusi. Seperti kata Dr. Hussin Haikal, kedua-dua kekuatan ini mempunyai hasrat ekspansi dan kolonialisasi, dan berusaha sekuat tenaga menyebarkan agamanya. Jadi faktor ekonomi dan politik, masing-masingnya telah mendorong kedatangan penjajah. Apalagi kerajaan Himyar sendiri gemar menjajah kawasan-kawasan sekitar, yang tentunya menimbulkan kemarahan kuasa-kuasa besar tersebut.

Sepatutnya, kerajaan Himyar dapat mengatasi sebab-sebab yang membawa keruntuhan Saba' dulu, iaitu dengan memelihara dengan baik Empangan Maarib itu. Tetapi disebabkan adanya pertelingkahan terus-menerus dengan kuasa-kuasa asing tersebut, lalailah mereka untuk mengawasi dan memeliharanya. Begitu pun faktor agama mempercepatkan kejatuhan rajanya yang terakhir, iaitu Yusuf Zu-Nuwas yang telah mengorbankan sampai 20,000 orang pemeluk Kristian.

Kisahnya begini: Khabarnya seorang Nasrani yang salih bernama Phemion telah berpindah ke Najran dari Rom, dan berjaya mempengaruhi sebilangan besar penduduk Najran. Apabila diketahui oleh Zu-Nuwas, lalu dipaksanya mereka menganut agama Yahudi, jika tidak akan dibunuh. Kerana mereka bertegas, maka digalilah sebuah parit yang dipasang api di dalamnya. Lalu mereka pun dihumbankan ke dalam parit yang berapi itu, sedang setengahnya dibunuh dengan pedang. Kisah *Ashabul-ukhdud* yang tragis ini diceritakan juga dalam al-Quran surah *al-Buruj: 4-8.* *

Bagaimanapun, salah seorang mangsanya dapat lepas dari maut itu, lantas menemui maharaja Rom meminta pertolongan. Dengan Habshah sebagai wakilnya untuk menakluki Yaman, maka tamatlah pemerintahan kerajaan Himyar. Gabenor pertamanya ialah Iryat, lalu digantikan oleh Abrahah al-Ashram yang telah membunuh Iryat tersebut. Dan Abrahah inilah yang mengalami kegagalan ketika menyerang Makkah dengan tentera bergajahnya (*al-Fil: 1-5*).

Selama 72 tahun penguasaan Habshah terhadap Yaman, akhirnya seorang kerabat diraja Himyar, Saif Zu-Yazin, lalu meminta bantuan Farsi melalui wakilnya Nukman ibnul-Munzir di Hirah untuk menghalau penjajah tersebut. Dengan bantuan Hirah Raja Saif Zu-Yazin dapat berkuasa semula, tetapi kemudiannya dia dibunuh serta digantikan oleh Wahriz, panglima Farsi. Dengan demikian bermulalah siri penjajahan oleh Farsi pula, setelah mengambil alih kekuasaan dari tangan Habshah.

Kerajaan Tengah

Keruntuhan kerajaan Yaman telah memunculkan sebuah kerajaan lain di Hijaz, iaitu kerajaan Makkah. Ada beberapa faktor yang telah meletakkan Makkah sebagai pengganti Yaman. Seperti yang disentuh tadi, faktor penjajahanlah yang meruntuhkan kerajaan Yaman, hingga akibatnya perdagangan di laut dikuasai oleh kuasa-kuasa asing tersebut. Kita juga telah menyebutkan betapa pentingnya Empangan Maarib sebagai nadi bagi pertanian mereka. Maka apabila ianya tidak dipelihara, dan memanglah ini yang terjadi, maka amat sukarlah bagi kerajaan Yaman untuk membangunkan ekonominya.

Nampaknya, faktor yang turut membantu kebangkitan kerajaan Yaman, khasnya dari segi perdagangan, juga terdapat pada kawasan Hijaz. Maksudnya, kedudukan geografi kota Makkah di tengah-tengah Semenanjung Tanah Arab, antara utara dengan selatan itu telah menjadikannya sebagai pusat pertemuan di darat bagi para saudagar. Apalagi setelah terdirinya Kaabah, dan ditambah pula oleh pengawasan yang baik oleh orang-orang Quraisy, telah menyebabkan Makkah menjadi tempat tumpuan jemaah-jemaah haji.

Kedudukannya yang strategis di antara utara dengan selatan itu memudahkan perkembangannya sebagai pusat pertemuan bagi pedagang-pedagang. Biasanya dalam perjalanan di antara utara dengan selatan itu, mereka akan berehat sekurang-kurangnya dua tiga hari di Makkah serta mengambil air zam-zam di sana. Lagipun, ketika mereka mengunjungi Makkah untuk menunaikan haji, adalah menjadi kebiasaan untuk membawa bersama-sama

barang dagangan bagi diperniagakan di pasar-pasar yang masyhur di sana.

Sebenarnya, kegiatan ekonomi tidaklah selamanya dijalankan oleh pedagang-pedagang luar, bahkan juga oleh orang-orang Makkah sendiri. Atau oleh orang-orang Yaman yang telah berpindah ke Makkah, yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang perdagangan, dan kemudiannya pula menjadi ikutan orang-orang Makkah. Secara teraturnya perdagangan mereka dijalankan pada dua musim: Di musim panas mereka menuju utara seperti ke Sham, manakala di musim dingin mereka ke selatan iaitu Yaman (*Quraisy: 1-4*). Antara tokoh-tokoh Quraisy yang terlibat ialah seperti Abu Sufyan bin Harb, Walid al-Mughirah, Abu Jahal (Abdul Hakam) dan sebagainya.

Dari segi kepentingan politiknya, telah masyhur di mana-mana bahawa Makkah tidak pernah diceroboh oleh sebarang penjajah pun. Sebarang percubaan menaklukinya, seperti Abrahah misalnya, kecundang belaka. Ini semakin mengharumkan namanya sendiri sebagai suatu kawasan aman untuk usaha-usaha pelaburan. Apalagi sejak Qusai bin Kilab mengasaskan suatu sistem pentadbiran yang sistematik dengan menjadikan Darun-Nadwah sebagai pusatnya, dan berjaya pula menyatupadukan kabilah-kabilah Arab itu, semuanya ini menimbulkan semacam keyakinan bagi para pedagang bahawa Makkah adalah merupakan pusat keamanan.

Dan teratas dari semuanya itu, ialah kedudukan Makkah sebagai pusat agama. Sejak Kaabah didirikan, maka berdatanganlah jemaah-jemaah haji dari segenap penjuru Semenanjung Tanah Arab saban tahun. Apalagi sejak urusan pentadbiran dipegang oleh Qusai dan keturunannya, maka semakin teraturlah kegiatan keagamaan ini. Khusus untuk urusan haji ini, dibentuknya bahagian-bahagian yang menjaga tentang air (*Siqayah*), makanan (*Rifadah*), mengawal Kaabah (*Hijabah, Sadanah* dan *Imaratul-bait*) dan sebagainya. Dan apabila urusan haji ini berjalan lancar, kabilah Quraisy berjaya mendapat penghormatan masyarakat. Sebagai contoh, masyarakat menghormati tiga bulan *'Asyhurul-hurum'* yang telah ditentukan oleh kabilah Quraisy.

Akhirnya, suatu aspek yang tidak kurang pentingnya ialah kedudukan Makkah sebagai pusat kebudayaan. Dengan terkumpulnya orang-orang Arab dari segenap penjuru di musim haji, maka lahirlah proses asimilasi bangsa dan akulturasi budaya. Apalagi dengan adanya pusat-pusat pertemuan seperti di Daumatul-Jandal, al-Majinnah, Zulmajaz dan lebih-lebih lagi di Suq Ukkaz, maka kegiatan kesenian semakin bertambah rancak. Di sinilah diadakan pertandingan menggubah syair, mendengar kisah-kisah tertentu, sementara menanti waktu untuk mengerjakan

haji. Di Suq Ukkaz sendiri, hadir jaguh-jaguh penyair, ahli-ahli pidato, ahli-ahli qasidah, penyanyi, ahli-ahli muzik, tukang-tukang cerita dan ahli-ahli dari pelbagai bidang hingga ia dapat disifatkan sebagai kongres kesusasteraan tahunan.

Kerajaan Utara

Di antara kerajaan-kerajaan di utara ialah Anbat (Nabataen) dan Tadmor (Palmyra). Tetapi yang lebih penting ialah kerajaan Hirah dan Ghassan. Di sini, kita tidak akan memperkatakan hal-ehwal kedua-dua kerajaan Hirah dan Ghassan ini, tetapi yang akan ditekankan hanyalah kepentingan kerajaan ini di Semenanjung Tanah Arab.

Ada dua aspek penting tentang kedua-dua kerajaan ini yang harus diperhatikan. Pertama dari segi tujuan penubuhannya sendiri. Di utara Semenanjung Arab ini, terdapat suku-suku bangsa Arab yang kerapkali melakukan serangan-serangan liar serta merampas harta benda, lalu melarikan diri ke pedalaman. Oleh kerana jalan ke pedalaman amat sukar, ditambah pula susah dijumpai air, menyebabkan tentera Farsi dan Rom tidak sanggup mengejar mereka. Maka untuk mengatasinya, kerajaan-kerajaan ini telah mengumpulkan beberapa suku bangsa Arab yang mereka kenal, yang berasal dari Yaman, lalu dibentuklah kerajaan Hirah dan Ghassan sebagai 'dinding' (*hijaz*) untuk menghalang serangan-serangan liar tersebut.

Dari segi lain pula, tujuan penubuhannya lebih berbentuk politik. Sebenarnya baik pihak Farsi mahupun Rom, masing-masing berhajatkan pertolongan orang Arab dalam pertikaian mereka. Sebab itu mereka memujuk suku-suku Arab agar menyebelahi mereka, dan kemudiannya lalu diletakkan di sempadan negeri-negeri mereka.

Aspek yang kedua ialah tentang peranan kerajaan Hirah atau Ghassan itu sendiri dalam menyebarkan kebudayaan Farsi dan Rom ke Semenanjung Tanah Arab. Mereka membina jambatan yang menghubungi kawasan yang mempunyai peradaban tinggi dengan kawasan yang kurang tinggi peradabannya. Antara bidang-bidang kebudayaan tersebut ialah agama, sastera serta ilmu pengetahuan lainnya. Dari segi agama, mengalirlah agama Kristian dari Rom dan Majusi dari Farsi. Bagaimanapun, seperti yang didedahkan oleh Dr. Haikal, misi Kristian gagal mengubah keadaan *Paganisme* di Tanah Arab, meskipun tidak dinafikan adanya pengaruh Kristian pada beberapa tempat.

Tentang aspek pemikiran dan kesusasteraan pula, sesungguhnya kemajuan yang telah dicapai oleh Hirah sangat mempengaruhi suku-suku Arab pada umumnya. Cerita-cerita

seperti *Jazimatul-Abrasy* dan dongeng-dongeng Zuba', Khawarnaq, al-Sadir menjadi bahan utama yang sangat diagungkan oleh penyair. Dan oleh kerana kemakmurannya, Hirah menjadi tumpuan penyair-penyair Semenanjung Arab untuk mendapatkan hadiah sebagai imbalan daripada syair ciptaan mereka, yang kemudiannya disebarkan di daerah Badwi dan seluruh Semenanjung. Misalnya, kumpulan (*diwan*) syair gubahan Nabighah al-Zubyani adalah merupakan pujian-pujian kepada Nukman ibnul-Munzir, amir Hirah.

Demikian juga di Ghassan, turut menjadi tumpuan para penyair seperti Nabighah sendiri, al-A'sya, al-Maraqqisy, al-Qamah al-Fahl. Malah dikatakan penyair Hassan bin Thabit sendiri pernah bertemu dengan Jabalah ibnul-Aiham, amir Ghassan yang telah melayannya dengan begitu baik. Tidak hairanlah jika dalam syairnya, disebutkan: "Banyaklah sudah jasa-jasa mereka yang dahulu pernah saya sanjung di Damshik."

Demikianlah antara lain kepentingan kerajaan Hirah dan Ghassan ini. Ia bukan saja penting dari segi politik kepada kerajaan-kerajaan Farsi dan Rom, bahkan penting dari segi peranannya menyalurkan kebudayaan kerajaan-kerajaan tersebut di Tanah Arab.

---

* Ketika mentafsirkan ayat-ayat ini, al-Syahid Sayyid Qutb cuba menjawab kekeliruan faham mereka yang mengukur kemenangan itu dari segi lahiriah. Bagi Allah s.w.t., kemenangan hakiki ialah kemenangan roh atas kebendaan. Memang pada lahirnya pembesar-pembesar Najran ini kalah, seolah-olah kezaliman dapat mengalahkan keimanan, tetapi pada hakikatnya mereka menang kerana berjaya mengalahkan perasaan takut dan sakit, mengalahkan godaan-godaan dan fitnah.

Bahagian 2
Zaman Keemasan Islam

BAB 4: MUHAMMAD SEBAGAI RASULULLAH

NABI MUHAMMAD S.A.W. dilahirkan pada pagi Isnin 12 Rabiul-Awwal tahun Gajah, bersamaan dengan 20 April 571 M. Ayahnya, Abdullah, meninggal dunia ketika baginda masih dalam kandungan ibunya, Aminah. Sedangkan ibunya meninggal dunia semasa baginda berusia enam tahun. Mulanya baginda dipelihara oleh datuknya, Abdul Mutalib, dan selepas itu oleh bapa saudaranya, Abu Talib. Ketika usianya meningkat 40 tahun, Muhammad dilantik sebagai seorang Rasul. Ada beberapa bukti tentang kebenaran kerasulannya, iaitu:

Kedatangan Muhammad yang Dinanti-nantikan

Diceritakan bahawa ketika Abdul Mutalib dan bangsawan-bangsawan Quraisy lain mengunjungi Yaman untuk mengucapkan tahniah kepada Raja Saif Zu-Yazin yang baru saja menewaskan Habshah dengan bantuan Farsi, baginda dikatakan sangat mengkagumi kebesaran kerajaan Yaman itu. Tetapi oleh Zu-Yazin, dinyatakannya kepada Abdul Mutalib bahawa apabila diperanakkan seorang anak lelaki dari Tihamah (Makkah), dan di antara dua belikatnya ada *syamah* (tahi lalat besar yang dikelilingi oleh rambut), maka ia akan menjadi pemimpin besar hingga Hari Kiamat. Di sini Zu-Yazin cuba membayangkan tanda-tanda tentang kedatangan seorang pemimpin besar dari keturunannya sendiri, yang kebetulan tanda-tanda itu secocok dengan cucunya Muhammad yang masih kecil. Ini menyebabkan Abdul Mutalib sujud kerana girang.

Cerita ini sengaja dipetik buat menunjukkan bahawa berita tentang kedatangan seorang manusia agung dari keturunan Abdul Mutalib bukannya tidak diketahui oleh bangsa Arab. Apalagi jika diselidiki kitab-kitab Taurat dan Injil, lebih jelaslah cerita-cerita tentang Muhammad itu ada disebutkan. Dalam Taurat misalnya, terdapat ayat: "*The Lord came from Sinai, and rose up from Seir unto them; he shined forth from Paran, and he came with 10,000 of Saints*" (*Book of Deutoronomy 33: 2*). Ayat ini dengan jelas menerangkan tentang cahaya kebenaran yang memancar dari tiga arah yang berlainan; dari Sinai, Seir dan Paran. Tentang Sinai, yang dimaksudkan ialah pengutusan Nabi Musa a.s. dengan kitab Tauratnya. Dan Nabi Isa a.s. dengan kitab Injilnya muncul dari Baitul-laham (Bethlehem). Seir adalah sebuah kota kira-kira 1½

km. dari Bethlehem yang kini dikenali sebagai *'Bait Shair'*, iaitu bermaksud 'kota pengembala'.

Adapun tentang Paran, Taurat sendiri mengisahkan perihal Nabi Ibrahim a.s. menempatkan isterinya, Hajar, serta anaknya Ismail di suatu tempat yang sunyi sepi, iaitu padang pasir Paran (*Genesis 21: 21*). Jadi berdasarkan Taurat sendiri, Paran merupakan suatu kawasan di Hijaz, kerana di sinilah sebenarnya Hajar dan Ismail ditinggalkan oleh Ibrahim a.s. Ahli-ahli geografi menegaskan bahawa Paran ialah kawasan yang terdapat di antara beberapa gunung di Makkah, iaitu Abu Qubais, Quiqaan dan Hira'. Kalangan sarjana mengatakan bahawa Jabal-Nur itulah sebenarnya Gunung Paran setelah datangnya Islam. Tentang "*10,000 of Saints*" itu, Prof. David Benjamin Keldani (kini Abdul Ahad Daud) mengatakan bahawa ianya ditujukan kepada jumlah pengikut Muhammad s.a.w. yang menakluki Makkah pada 8 H.

Dari kitab Injil pula, kedatangan Muhammad s.a.w telah disebut dalam ayat berikut: *For Moses truly said unto the fathers, a prophet shall the Lord your God raise up unto you of your brethren, like unto me; him shall ye hear in all things whatsoever he shall say unto you,* (*Acts of Apostles 2: 22*). Mengenai kalimat "*unto you of your brethren*", ianya bermaksud bahawa seorang nabi yang akan diutus, adalah dari kalangan saudara Israel (Yaakob), bukannya dari Bani Israel itu sendiri. Sebenarnya Bani Ismaillah saudara Bani Israel tersebut, sebab Ismail adalah saudara tua dari Ishak, bapa kepada Yaakob, dan Nabi Muhammad sendiri memangnya jelas dari keturunan Bani Ismail.

Mengenai kalimat "*like unto me*" pula, maksudnya ialah bahawa Muhammad menyamai Musa dalam banyak hal. Antaranya:

1. Muhammad dan Musa dilahirkan secara biasa iaitu beribu bapa, sebaliknya Isa hanya beribu sahaja bahkan diciptakan secara ajaib.
2. Muhammad dan Musa sama-sama berumahtangga dan berkeluarga, sedangkan Isa tetap membujang selama hidupnya.
3. Baik Musa mahupun Muhammad adalah membawa syariat baru untuk umatnya, sedangkan Isa hanya sekadar menyambung syariat Musa. Katanya: "*Janganlah kamu sangka aku datang untuk merombak Taurat, melainkan hendak menggenapkan*" (*St. Mathews 5: 17*).
4. Keturunan Musa dan Muhammad adalah jelas dan pasti; sama-sama dari keturunan Nabi Ibrahim. Sedangkan salasilah Isa pula kabur, apalagi menurut dogma Kristian, Isa adalah anak Tuhan.

5. Musa dan Muhammad wafat secara biasa, tetapi Isa menurut dogma Kristian, dibunuh di tiang salib (*St. Marks 15: 37*).

Dengan demikian, jelaslah bahawa nabi yang dikatakan lahir "*dari kalangan saudara-saudara Musa*" itu sebenarnya ditujukan kepada Muhammad, bukannya Isa. Jelaslah kebenaran Muhammad sendiri sebagai utusan (Rasul) Allah s.w.t. justeru berita tentang kedatangannya telah disebut-sebut dengan jelas dalam Taurat dan Injil, meskipun umat Islam menganggap bahawa isi kandungan kitab-kitab tersebut sudah banyak berubah.

Sebab itulah ketika Muhammad dilahirkan, yang mula-mula meyakini bahawa dialah nabi yang ditunggu-tunggu ialah kalangan pendeta-pendeta Nasrani dan Yahudi. Misalnya ketika Muhammad baru berusia 12 tahun, Paderi Buhaira sudah pun meyakini bahawa Muhammad itulah bakal nabi. Sebab itu dia berkata kepada Abu Talib yang datang berdagang ke Sham: "Bawalah kembali anak saudaramu ini, dan jagalah dia dari bahaya kaum Yahudi. Demi Allah, kalau mereka tahu apa yang aku tahu, nescaya mereka apa-apakannya, kerana akan terbit daripadanya urusan yang besar." Ini menyebabkan Abu Talib bergegas pulang ke Makkah membawa Muhammad.

Dan ketika Muhammad mula-mula menerima wahyu, orang yang pertama menerimanya ialah Waraqah bin Naufal, seorang pendeta Nasrani yang alim tentang kitab Injil dan pernah pula menterjemah kitab tersebut ke bahasa Arab. Dikatakan bahawa sewaktu Khadijah, menemui Waraqah, berkatalah Waraqah: "Quddus! Quddus! Demi Tuhan yang menguasai diriku, kalaulah benar katamu wahai Khadijah, maka itulah Namus al-Akbar (Jibril) yang pernah juga datang kepada Musa dulu. Nyatalah bahawa Muhammad suamimu itu adalah nabi untuk umat ini. Katakanlah kepadanya agar ia tetap tegas."

Demikian juga ketika Jaafar bin Abi Talib membaca surah *Mariam*, ayat *29 — 23* di depan Raja Najasyi di Habshah, terkejutlah pembesar-pembesar istana sambil berkata: "Kata-kata yang keluar dari sumber yang mengeluarkan kata-kata Jesus Christ!" Bahkan, Raja Najasyi sendiri turut berkata: "Kata-kata ini dan yang dibawa oleh Musa, keluar dari sumber yang sama."

Tentang golongan Yahudi pula, merekalah yang sebenarnya sangat menanti-nantikan kelahiran seorang nabi baru. Misalnya ketika mereka kalah dalam pertempuran melawan bangsa Arab Yathrib, selalu benar mereka melaung-laungkan: "Sudah sampai masanya seorang nabi akan diutus. Kami akan mengikut nabi itu, dan dengan demikian kami akan kuat dan dapat mengalahkan kamu, seperti dalam Peperangan Ad dan Iram." Malangnya, sebaik sahaja orang yang dinanti-nantikan itu datang, mereka

menolaknya kerana musuh-musuh mereka lebih dahulu menyahut seruan Muhammad, ditambah pula kerana Nabi tersebut bukannya dari bangsa mereka. Ini jelas seperti yang tersebut dalam al-Quran: *"Di kala datangnya apa-apa yang telah mereka ketahui itu, mereka kafir dengan dia" (al-Baqarah: 89).* Bagi orang-orang Aus dan Khazraj, pengetahuan mereka tentang Muhammad adalah dari mulut golongan Yahudi juga. Sebab itu apabila mereka diseru oleh Muhammad, mereka berkata: "Sungguh inilah nabi yang pernah dijanjikan orang-orang Yahudi kepada kita. Jangan sampai mereka mendahului kita."

Bagaimanapun, ada juga pemuda Yahudi menyambut seruan Nabi, seperti Abdullah bin Salam misalnya yang pernah berkata: "Aku dengar darihal Nabi Muhammad dan aku kenal sifatnya, dan zamannya yang kami tunggu-tunggu. Tatkala dia sampai ke Madinah, aku bertemu dengannya, lalu aku masuk Islam, dan aku khabarkan kepada bibiku Khalidah, lalu ia masuk Islam, dan sekalian ahli rumahku pun masuk Islam." Dan terhadap kaum Yahudi, Abdullah menyeru: "Hai kaumku! Takutlah kepada Allah dan berimanlah kepada Nabi Muhammad ini. Demi Allah, kamu sudah tahu yang ia benar pesuruh Allah, sebagaimana tersebut dalam Taurat namanya dan sifatnya."

Sebenarnya cerita tentang kedatangan Muhammad bukannya diketahui oleh Raja Saif Zu-Yazin dan Raja Najasyi sahaja, bahkan juga oleh Heraclius, raja Rom dan Muqauqis, pembesar Rom di Mesir. Tentang Muqauqis misalnya, beliau melayan dengan baik perutusan Nabi kepadanya ketika termeterainya Perjanjian Hudaibiah pada 6 H. Dengan mengirim berbagai-bagai hadiah, dia mengakui yang dia percaya tentang kedatangan seorang nabi. Cuma dia tersasul kerana disangkanya kedatangan nabi itu ialah di Sham!

Demikianlah beberapa anekdota tentang kepercayaan umum mengenai bakal lahirnya seorang manusia agung; seorang nabi baru yang takdirnya akan menamatkan siri-siri kerasulan di muka bumi ini.

Muhammad Sebagai al-Sadiq al-Amin

"Sesungguhnya aku telah tinggal bersamamu beberapa lama sebelumnya (sebelum al-Quran diturunkan). Apakah kamu tidak memikirkannya?" (Yunus: 16).

Jika tadinya Taurat dan Injil sendiri telah menyebut-nyebut tentang kedatangan Muhammad, dan dengan itu membuktikan kebenarannya sebagai Rasulullah, maka dengan lahirnya Muhammad kebenaran tersebut tidak dapat dipertikaikan lagi. Pengakuan tentang kebenarannya tidak lain kerana peribadi dan *sirah*nya (per-

jalanan hidup) sendiri, yang sejak sebelum diutuskan sebagai Rasul lagi sudah terkenal dengan jolokan *al-Sadiq al-Amin*, iaitu orang yang benar lagi dipercayai.

Ketika usianya 25 tahun, Muhammad turut membawa barang-barang dagangan Khadijah binti Khuailid ke Sham. Terhadap saudagar-saudagar lain, Khadijah cuma sanggup menyerahkan barang-barangnya sekadar muatan dua ekor unta sahaja, tetapi terhadap Muhammad yang terkenal kerana amanahnya, tanpa ragu-ragu dia menyerahkan barang-barang perniagaannya yang dibawa oleh 4 ekor unta kepada baginda. Dan ketika takdir menetapkan yang kedua-duanya akan hidup bersama, Khadijah mengatakan: "Wahai sepupuku! Sesungguhnya saya cinta padamu; pertama kerana kita berkeluarga, kedua kerana engkau dipandang tinggi oleh masyarakat bangsamu, ketiga kerana sifat amanahmu, keempat kerana baik budi pekertimu dan kelima kerana sifat kebenaranmu."

Pada suatu ketika Abdullah bin Abil-Huma', seorang rakan seperniagaannya berjanji untuk menemuinya di suatu tempat, tetapi dia sendiri terlupa janjinya itu. Sampai tiga hari tiga malam Nabi menunggunya di situ, hinggalah pada hari keempatnya kebetulan dia melintas tempat itu, Nabi masih berada di situ. Sungguh kesal dia di atas kelupaannya itu, tetapi dengan senyuman Nabi mengatakan: "Janganlah difikirkan sangat, mungkin saya yang bersalah. Saya telah berjanji akan menunggu tuan di sini sampai tuan datang, kerana itu saya mesti penuhi janji saya."

Apabila Muhammad berusia 35 tahun, berlakulah perselisihan di antara suku-suku Quraisy tentang siapakah yang sepatutnya mengangkat Hajar al-Aswad dan meletakkan di tempatnya. Setiap anggota kabilah cuba menegakkan haknya dengan mengangkat sumpah yang terkenal dengan nama *La'qatud-dam*, iaitu sumpah mencecah darah dengan melukakan tangan masing-masing. Sampai lima hari mereka menghadapi kebuntuan, sehinggalah hari keenamnya apabila mereka menerima cadangan Abu Umaiyah al-Mughirah agar diserahkan penyelesaiannya kepada siapa yang mula-mula memasuki Masjid al-Haram melalui pintu Bani Syaibah. Kebetulan yang memasukinya ialah Muhammad, hingga dengan riang gembira mereka berseru: "Inilah dia Muhammad al-Amin, orang yang kami tunggu, kami sekalian rela dengan keputusannya."

Sewaktu turunnya ayat: *"Beri ingatlah terhadap kaum kerabatmu yang dekat" (al-Syu'ara: 214)*, Nabi lantas mengundang keluarga Abdul Mutalib di Bukit Safa dan berseru: "Bagaimana pendapatmu sekalian jika kuberitahu kamu bahawa di kemuncak bukit ini ada pasukan berkuda hendak menyerang kamu. Percayakah kamu?" Maka jawab mereka: "Ya, engkau

tidak pernah disangsikan. Belum pernah kami engkau dustai.''

Ketika surat Nabi sampai kepada Heraclius, raja Rom di Baitul-Maqdis memanggil orang-orang Arab Makkah yang kebetulan berdagang di situ. Heraclius menyoal, apakah mereka pernah menuduh Muhammad berdusta sebelum baginda mengaku menjadi nabi. Mereka menjawab: ''Tidak''. Mendengarnya Heraclius lalu berkata: ''Orang yang tidak berdusta kepada manusia, tidak mungkin berdusta atas nama Allah.''

Heraclius hanyalah seorang daripada musuh-musuh besar Nabi yang turut mempercayai sifat kebenaran Nabi. Selain beliau, Abu Jahal yang juga musuh ketat Nabi turut mengakui: ''Kami tidak dustakanmu, ya Muhammad, tetapi kami menolak agama yang engkau bawa.'' Demikian juga pendapat al-Nadhir al-Harith, musuh Nabi juga: ''Adalah Muhammad di antara kamu, seorang anak muda yang paling disukai dan paling besar amanahnya, tetapi apabila ia membawa kepada kamu apa yang ia bawa, maka kamu katakan dia ahli sihir. Demi Allah, dia bukanlah ahli sihir.''

Kepercayaan musuh-musuh Muhammad terhadap kejujurannya bukan hanya sebelum kerasulannya, bahkan selepasnya juga. Kerana sifat amanahnya itulah mereka sanggup menyerahkan barang-barang kepunyaan mereka kepada baginda untuk dijaganya. Sampailah berlakunya Hijrah, barulah barang-barang tersebut diserahkannya kembali kepada pemiliknya masing-masing yang mana termasuk musuh-musuh Islam juga!

Nubuwwah Muhammad

Jika sebelum kerasulannya, Muhammad sudah terkenal sebagai seorang yang benar lagi dipercayai, maka selepas kerasulannya *Nubuwwah* itu sendiri semakin menguatkan kebenaran risalahnya. Apa yang dimaksudkan dengan *Nubuwwah* ialah berita-berita ghaib atau ramalan-ramalan tentang masa depan sesuatu dan tepatnya berita-berita ghaib itu dengan kenyataan. Ini dengan sendirinya membuktikan kebenaran Muhammad sebagai Rasulullah, seperti yang tersebut dalam al-Quran: *''Tuhan Yang Maha Mengetahui yang ghaib, dan Dia tidak menyatakan kepada seorang pun tentang yang ghaib itu, kecuali kepada Rasul yang diredai-Nya'' (al-Jin: 26 — 27).* Dan, Muhammad sendiri pun mengakui bahawa tidaklah baginda mengetahui yang ghaib, kecuali apa yang diwahyukan kepadanya *(al-An'am: 50).*

Di antara contoh-contoh *Nubuwwah* tersebut ialah mengenai kerajaan Rom Timur (Byzantine). Kerapkali apabila kaum Musyrikin menentang kaum Muslimin di Makkah, mereka mengatakan bahawa bangsa Rom yang mempunyai kitab Injil telah dikalahkan oleh Farsi yang beragama Majusi. Dengan itu mereka

yakin dapat mengalahkan kaum Muslimin, kerana kaum Muslimin juga dari ahli Kitab. Dari peristiwa ini turunlah ayat: "*Telah dikalahkan kerajaan Rom, dan mereka setelah dikalahkan itu menang dalam beberapa bidh'i lagi*" (*al-Rum: 24*). Ketika turun ayat ini, Rom baru saja dikalahkan, iaitu antara tahun 614-615 M. Tetapi tujuh tahun kemudian, mereka dapat merebut kemenangannya kembali. Alangkah tepatnya ayat al-Quran tersebut, sebab kalimat *'bidh'i'* itu bermaksud di antara 3 — 9 tahun!

Lantaran keyakinannya tentang kebenaran firman Allah s.w.t. itulah maka Abu Bakar berani bertaruh dengan Ubayy bin Khallaf yang berakhir dengan kemenangan Abu Bakar. Sebenarnya, pertaruhan ini bukannya perjudian, sebab judi berdasarkan untung-untungan, sedangkan tindakan Abu Bakar itu semata-mata berasaskan keyakinannya yang penuh terhadap al-Quran.

Sewaktu berlakunya peristiwa pemboikotan terhadap keluarga Bani Hashim, Rasulullah lalu memberitahu pak ciknya, Abu Talib, bahawa surat perjanjian yang mereka (ketua-ketua Quraisy) gantungkan di Kaabah itu sudah dimakan anai-anai, kecuali nama Allah. Lalu, keluarlah Abu Talib ke masjid dan menyampaikan kepada kaum Quraisy kenyataan Muhammad itu. Katanya: "Anak saudaraku itu tidak pernah berdusta. Marilah kita periksa. Kalau dia betul, hendaklah kamu berhenti daripada memboikot kami. Tetapi kalau dia berdusta, aku akan serahkannya buat kamu membunuhnya." Tawaran Abu Talib itu disambut baik, lalu mereka pun menuju ke Kaabah untuk melihat surat perjanjian itu. Alangkah terkejutnya mereka kerana mendapatinya tepat sepertimana perkataan Muhammad. Mustahil Muhammad dapat mengetahuinya, kerana surat itu disimpan dalam Kaabah di suatu tempat yang berkunci, sedangkan kuncinya pula dipegang oleh kaum Quraisy sendiri!

Selepas Peperangan Badar yang membawa kekalahan kaum Musyrikin, bertekadlah Umair di depan Safwan untuk membunuh Muhammad, kerana anaknya telah ditawan. Ketika dia menemui Nabi di Madinah, dia menyatakan maksud kedatangannya cuma tentang urusan anaknya tersebut. Mendengarnya, Nabi memaksa Umair agar memberitahu maksud sebenar kedatangannya, namun jawapannya tetap sama. Akhirnya, Nabi pun berkata: "Tidak, tetapi engkau dan Safwan duduk di pinggir Kaabah dan kamu beromong-omong begini dan begitu ..." Di saat ini juga Umair masuk Islam, sambil berkata: "Dahulu kami dustakanmu tentang khabar yang datang kepadamu dari langit, tetapi dalam urusanku tidak ada yang hadir melainkan aku dan Safwan."

Salah seorang tawanan Nabi ialah Abbas bin Abdul Mutalib, pak ciknya sendiri. Ketika Nabi meminta agar dibayar wang tebusannya, dia lalu membayarnya sambil berkata kepada Nabi:

"Sesungguhnya, engkau telah jadikan daku seorang miskin dalam bangsa Quraisy seumur hidupku." Maka sabdalah Nabi: "Bagaimana boleh jadi? Padahal engkau tinggalkan beberapa harta benda kepada Ummul-Fadhl, dan engkau berkata kepadanya: 'Kalau aku mati, engkau jadi perempuan yang kaya'." Lantaran terkejut, Abbas pun berkata: "Demi Allah! Tidak seorang pun yang tahu hal ini!"

Ketika berlakunya Perang Muktah di Sham, Nabi yang berada di Madinah berkata sambil berlinangan air matanya: "Telah mati Zaid, telah mati Jaafar, telah mati Ibnu Rawahah, lalu panji-panji itu diambil oleh suatu pedang dari pedang-pedang Allah" (maksudnya Khalid al-Walid). Sesudah peperangan datanglah berita seperti yang dikhabarkan tersebut! Siapakah yang memberitahu kejadian-kejadian di negeri Sham yang begitu jauh dari Madinah kalau bukan Tuhan yang mengutusnya sebagai Rasul?

Nabi juga menyatakan, bahawa puterinya Fatimah adalah orang yang mula-mula sekali akan menyusuli kewafatannya kelak. Dan benar sekali kerana 6 bulan selepas kewafatan baginda, Fatimah pun meninggal. Dengan kematiannya barulah Ali bin Abu Talib membai'at Abu Bakar sebagai khalifah. Tentang Ali, Nabi pernah mengatakan bahawa dia akan mati terbunuh ketika berpuasa, dengan suatu pukulan di kepala sewaktu sedang sujud. Memang benarlah kenyataan Nabi kerana Ali kemudiannya dibunuh dengan pukulan pedang oleh Abdul Rahman bin Muljam ketika beliau sedang mengerjakan sujud pertama dalam salat subuh pada bulan Ramadan.

Mengenai kejadian-kejadian yang bakal menimpa putera-putera Ali, iaitu Hassan dan Hussain, turut juga disebut-sebut oleh Nabi. Terhadap Hassan, Nabi mengatakan: "Sesungguhnya, anakku Hassan ini (akan menjadi) seorang ketua, dan mudah-mudahan Allah akan damaikan dengan perantaraannya antara dua golongan yang besar dari kaum Muslimin." Demikianlah yang terjadi kemudiannya, apabila Hassan yang mengganti ayahnya telah menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah di Kufah pada tahun 661 M. Adapun mengenai Hussain, juga telah diberitahu oleh Nabi yang dia akan dibunuh secara kejam di Kufah. Dan itulah yang terjadi apabila Hussain bersama penyokong-penyokongnya telah diserang oleh angkatan Ubaidullah bin Ziyad di Karbala, Kufah pada zaman Yazid bin Muawiyah. Sewaktu kematiannya, kepala Hussain telah dipotong sedang di badannya terdapat 33 bekas pedang dan 34 bekas tombak.

Di zaman pemerintahan Usman bin Affan, meninggallah Abu Zar al-Ghifary, salah seorang sahabat besar Nabi. Sebenarnya, kematian Abu Zar telah pun disebut-sebut oleh Nabi sewaktu

tentera-tentera Muslimin sedang dalam perjalanan menuju Tabuk. Oleh kerana unta yang dinaiki oleh Abu Zar tercedera, terpaksalah ia berjalan kaki seorang diri untuk menyusuli pasukannya yang agak jauh meninggalkannya. Ketika pasukan Muslimin sedang berehat di suatu tempat, kelihatanlah Abu Zar sedang berjalan sendirian di lereng-lereng bukit. Maka bersabdalah Rasulullah: "Semoga Allah melimpahkan rahmat kepada Abu Zar. Ia berjalan seorang diri, dan ia juga akan meninggal seorang diri, dan akan dibangkitkan pada Hari Akhirat seorang diri juga." Apa yang berlaku kemudiannya ialah Abu Zar meninggal seorang diri ketika dalam pembuangan oleh Usman bin Affan. Apabila mayatnya dijumpai oleh Abdullah bin Mas'ud, maka menangislah dia sambil berkata: "Sungguh benarlah Rasulullah, bahawa Abu Zar meninggal seorang diri ......"

Rasulullah juga telah memberitahu beberapa peristiwa yang kemudiannya benar-benar berlaku, ketika tercetusnya Peperangan Jamal dan Siffin di zaman Ali bin Abu Talib. Terhadap Zubair al-Awwam, Nabi berkata: "Nanti engkau akan memerangi Ali, dan dalam hal ini engkau yang akan menganiaya." Apa yang jelas ketika pertempuran Jamal sedang sengit ialah bahawa Zubair telah melarikan diri, kerana kurang yakin apakah penentangannya terhadap Ali benar atau tidak. Tentang Ammar bin Yasir, Nabi bersabda: "Kasihan Ammar, dia akan dibunuh oleh golongan yang menderhaka." Demikianlah yang terjadi kemudiannya, di mana Ammar telah mati terbunuh oleh tentera-tentera Muawiyah di dalam Peperangan Siffin.

Pada zaman Muawiyah bin Abu Sufyan sebagai khalifah, telah meninggal pula Abu Ayub al-Ansari, sahabat besar Nabi. Kematiannya ketika dalam peperangan, dan mayatnya yang ditanam di bawah benteng Constantinople, menjadikan apa yang diberitahu oleh Nabi lebih dahulu terbukti kebenarannya.

Demikian, sekelumit daripada *Nubuwwah* Muhammad. Kebenaran demi kebenaran terhadap apa yang telah diberitahunya terlebih dahulu menimbulkan suatu pertanyaan: Dari manakah Muhammad mengetahui semuanya itu? Kalau ianya bukan Rasulullah, bolehkah baginda mengetahuinya?

BAB 5: PEMBENTUKAN AQIDAH ISLAM DI MAKKAH

KETIKA Muhammad menjangkau usia 40 tahun, turunlah wahyu pertama pada malam Isnin 17 Ramadan yang menandakan dengan rasminya Nabi dilantik sebagai Rasulullah (utusan Allah). Dengan ayat *al-Iqra'* dan diikuti oleh ayat-ayat lain selepasnya, maka bermulalah siri dakwah Islamiah di Makkah.

Dalam mengatur strategi dakwah Islamiah, Rasulullah sentiasa berpandu kepada 'hikmah' (*an-Nahl: 125*). Mulanya baginda menyeru kepada sahabat-sahabatnya sahaja, kemudian kepada keluarganya yang terdekat, dan akhirnya barulah kepada masyarakat umum secara terang-terangan.

Ajaran Islam di Makkah

Sesungguhnya ajaran yang pertama dan utama sekali yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah ialah persoalan aqidah tauhid. Inilah prinsip pertama yang dicanangkan oleh Rasulullah di Makkah, bahkan inilah prinsip asasi dalam ajaran Islam seluruhnya.

Dengan aqidah tauhid ini, pertama sekali orang-orang Arab diseru agar hanya menyembah Allah s.w.t. semata-mata, tanpa menyengutukannya dengan sebarang sembahan-sembahan lain. Selama ini bangsa Arab sentiasa bergelumang di dalam lembah syirik, khurafat dan tahyul dalam segala bentuk dan rupa. Maka dengan kedatangan Nabi Muhammad, segala bentuk syirik atau penyelewengan aqidah ini diperbetulkan semula dengan hanya menyembah dan meminta pertolongan kepada Allah s.w.t. semata-mata. Sebenarnya seruan ke arah tauhid yang murni dengan menyembah Allah s.w.t. semata-mata dan menjauhi taghut itu merupakan tujuan pengutusan setiap nabi dan rasul (*an-Nahl: 36*), iaitu sejak dari Nabi Adam a.s. sehinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w. Bagi ulama Salaf, inilah yang dimaksudkan sebagai Tauhid Uluhiyah atau Tauhid Ubudiyah, yakni ajaran yang menuntut agar hanya menyembah dan berdoa kepada Allah sahaja, tanpa menyengutukan-Nya dengan sebarang sembahan atau tuhan-tuhan yang lain.

Selain dari pengertian tersebut, konsep tauhid juga bermaksud agar Allah s.w.t. sahajalah yang dipercayai sebagai Penguasa yang sebenarnya di atas muka bumi ini. Dengan doktrin ini, Allah bukan sahaja dipercayai sebagai Pencipta yang berkuasa

di alam ini, bahkan juga sebagai Pencipta hukum dan undang-undang di atas muka bumi ini. Bagi ulama Salafiyyah, inilah yang dikatakan Tauhid Rububiyah, iaitu tuntutan agar hanya undang-undang Allah sahajalah yang dipatuhi dan ditaati, bukannya undang-undang buatan dan ciptaan manusia.

Berkait rapat dengan persoalan akidah ini ialah ajaran Islam tentang adanya Hari Kebangkitan. Bagi sebahagian masyarakat Arab ketika itu, yang ada cuma kehidupan dunia sahaja; dengan matinya manusia bermakna tamatlah segala-galanya. Hakikat wujudnya jenis manusia seperti ini digambarkan dalam al-Quran:

"*Dan mereka berkata: Kehidupan ini tidak lain hanyalah kehidupan di dunia sahaja. Kita mati dan kita hidup dan tidak ada yang membinasakan kita selain masa*" (*al-Jasiyah: 24*).

"*Mereka berkata: Apakah betul, apabila kami telah mati, dan kami telah menjadi tanah dan tulang-belulang, apakah kami sungguh-sungguh akan dibangkitkan*?" (*al-Mukminun: 82*).

"*Ia berkata: Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-belulang, yang telah hancur luluh*?" (*Yassin: 78*).

Selain dari persoalan akidah, ajaran-ajaran Islam di Makkah juga menekankan tentang akhlak. Sejajar dengan sabda baginda sendiri: "Tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak", maka kegiatan dakwah Muhammad banyak sekali menekankan tentang usaha-usaha pembentukan peribadi Muslim — membuang perangai-perangai yang tercela (*mazmumah*) dan menggantikannya dengan sikap yang terpuji dan mulia (*mahmudah*). Di antara sifat-sifat *mazmumah* ialah hasad dengki (*al-Falaq*) dan takbur (*Luqman: 18*), sedangkan sifat-sifat *mahmudah* antara lainnya ialah bersikap baik kepada orang tua (*al-Isra': 23-24*) dan memelihara amanat dan janji (*al-Mukminun: 8*). Usaha-usaha pembentukan peribadi dan pendidikan (*ta'dib*) jiwa ini penting sekali, sebagai persediaan dalam menghadapi sebarang cabaran yang bakal mendatang.

Dengan tujuan untuk mengukuhkan akidah dan akhlak lalu Allah menurunkan ayat-ayat al-Quran tentang kisah perjuangan nabi-nabi agar menjadi teladan kepada umat-umat selepasnya. "*Sesungguhnya, pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang berakal*" (*Yusuf: 111*). "*Maka ceritakanlah kepada mereka kisah-kisah itu agar mereka berfikir*" (*al-A'raf: 176*). Betapa pentingnya mengkaji sejarah dalam Islam terbukti jelas apabila para ulama mengatakan bahawa ⅓ daripada kandungan al-Quran adalah membicarakan soal-soal sejarah. Kecuali surah *al-Baqarah*, setiap surah yang menceritakan kisah nabi-nabi dan umat dahulu kala, adalah merupakan *ayat Makkiyah*. Dan kecuali surah *al-Baqarah* juga, setiap surah yang mengisahkan

Nabi Adam a.s. dan Iblis adalah juga *ayat Makkiyah*.

Perkara ketiganya, yang diajarkan di Makkah juga ialah aspek ibadat, terutamanya ibadat salat lima waktu. Fardu salat yang diterima setahun sebelum Hijrah pada malam Israk dan Mikraj ini merupakan ibadat yang berhubung langsung dengan Allah s.w.t. Sebenarnya, pada hukum ibadat ini terkandung pengertian akidah dan akhlak sekaligus, kerana dengan menyembah Allah itu dapat menghalang dari amalan-amalan yang mungkar.

Dari segi sosialnya, adalah jelas bahawa masyarakat Arab mengamalkan sistem kelas di samping merendahkan darjat kaum wanita. Kelas tertinggi adalah terdiri dari kalangan aristokrat Quraisy sahaja, dengan keistimewaan dan kuasa yang tidak terbatas. Sedangkan, kaum hamba abdi bukan sahaja dinafikan haknya, bahkan batang tubuhnya sendiri dapat dijual beli begitu saja. Tetapi berkat ajaran Islam, semua golongan proletar itu dapat dibanteras oleh Muhammad; kebanyakannya dengan pertolongan hartawan-hartawan Muslim. Kepada mereka diajarkan bahawa tindakan membebaskan hamba adalah sebaik-baik kebajikan. "*Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan. Tetapi dia tidak menempuh jalan kebajikan yang mendaki lagi sukar. Tahukah kamu apakah jalan tersebut? Iaitulah: Merdekakan hamba*" (*al-Balad: 10-13*). Adapun tentang kaum wanita, darjat dan hak mereka telah diletakkan pada tempat yang sewajarnya, baik di dunia mahupun di akhirat (*al-Mukmin: 40*).

Demikianlah antara lain intisari ajaran Islam di Makkah; ajaran yang lebih menekankan persoalan akidah, ibadah dan akhlak. Hanya setelah agama Islam tersebar ke Madinah barulah corak dakwah kini memberi perhatian terhadap soal-soal hukum dan perundangan.

Penentangan Kaum Bangsawan dan Cara Nabi Menghadapinya

Dengan ajaran-ajaran yang sedemikian rupa, tidak hairanlah jikalau ianya dengan cepat menarik perhatian golongan bawahan, khasnya dari kalangan hamba abdi. Namun tidak sedikit pula golongan atasan yang menyambut baik, seperti Abu Bakar al-Siddiq, Usman bin Affan dan Abdul Rahman bin Auf. Bagaimanapun, kebanyakan kaum bangsawan menolaknya. Bagi mereka, agama *Paganisme* itulah sunnah, sedangkan ajaran Islam itu merupakan *bid'ah* belaka. Kerana ianya *bid'ah* (ciptaan baru), perlulah ia ditentang agar tidak cepat merebak dan menggugat sunnah (tradisi nenek moyang) mereka.

Langkah pertama yang mereka lakukan ialah memujuk

penyair-penyair mereka, seperti Abu Sufyan bin al-Harith, Amru ibnul-Ass dan Abdullah ibnuz-Ziba'ra supaya mengejek dan menyerang ajaran-ajaran Islam. Tetapi serangan-serangan mereka tidak sampai ke mana, disebabkan penyair-penyair Muslimin sendiri tampil membalas serangan mereka. Namun, mereka terus melancarkan perang saraf, menabur dakyah-dakyah jahat terhadap ajaran Islam serta peribadi Muhammad sendiri. Bagaimanapun, pada peringkat ini mereka tidak dapat berbuat apa-apa terhadap batang tubuh Muhammad, kerana baginda dilindungi oleh bapa saudaranya Abu Talib.

Kerana sukar mengganggu Muhammad, serangan mereka lalu ditujukan kepada pengikut-pengikut baginda yang terdiri dari golongan-golongan hamba dan yang lemah sahaja. Bilal bin Rabah misalnya, lantaran keislamannya, leher beliau telah dijerat oleh tuannya Umayyah bin Khallaf. Kemudian, disuruh kanak-kanak menyeretnya ke gurun pasir sewaktu panas terik, lalu dadanya ditindih pula dengan batu besar. Demikian juga keluarga Yassir yang diseksa oleh kaum Quraisy, sehingga Yassir dan isterinya Sumaiyah mati syahid. Termasuk juga Amir bin Fuhairah, yang diseksa oleh tuannya hingga menjadi tidak siuman, Zunaizah hamba perempuan yang diseksa oleh tuannya Abu Jahal hingga buta matanya, dan juga Labibah yang diseksa terus-menerus oleh tuannya Umar al-Khattab (sebelum keislamannya). Maka untuk mengatasinya, ramailah hartawan-hartawan Muslim, seumpama Abu Bakar yang bertindak menebus atau memerdekakan mereka.

Tekanan-tekanan kaum Quraisy, rupanya tidaklah mendatangkan sebarang hasil, sebaliknya penganut-penganut Islam bertambah tebal keimanannya. Sebab itu, bentuk penentangan kini bertukar corak; daripada menentang golongan hamba sahaja kepada menentang semua pengikut-pengikut Islam. Dengan demikian ramailah bangsawan-bangsawan yang disegani seperti Abu Bakar al-Siddiq, Usman bin Affan, Abu Ubaidah al-Jarrah dan Zubair al-Awwam tidak lepas dari seksaan-seksaan mereka. Akibat semuanya ini, memaksa Nabi memikirkan suatu tempat yang lebih selamat buat mereka, dan negeri itu tidak lain dari Habshah yang mana cukup diketahui oleh baginda tentang kebaikan rajanya, Najasyi. Dengan itu, berlakulah Hijrah pertama dalam sejarah Islam di mana seramai 14 orang dan kemudiannya hampir 100 orang telah berangkat ke Habshah. Kerana bimbang tentang kemungkinan tersebar luasnya Islam di sana, maka orang-orang Quraisy segera mengutus Amru ibnul-Ass dan Abdullah bin Abi Rabi'a untuk meminta agar Raja Najasyi memulangkan mereka kembali ke Makkah. Bagaimanapun, ianya gagal setelah Najasyi menerima hujah-hujah Jaafar bin Abu Talib.

Tidak beberapa lama di Habshah, tersebarlah khabar-khabar angin tentang adanya kebebasan beragama di Makkah, juga adanya semacam perdamaian (*al-Gharaniq*) dengan kaum musyrikin di sana. Tetapi sebaik sahaja mereka pulang ke Makkah, didapati permusuhan terhadap kaum Muslimin tetap seperti dulu. Dengan itu tiada seorang pun yang dapat memasuki Makkah dengan selamat, kecuali secara bersembunyi-sembunyi atau di bawah perlindungan seseorang penaung tertentu (*Qanun al-Jiwar*).

Setelah semua bentuk tekanan itu tidak berhasil, akhirnya barulah pemuka-pemuka Quraisy mengalih perhatian kepada Nabi Muhammad s.a.w., penganjur Islam itu sendiri. Dalam mengatur langkahnya, mulanya mereka bertindak secara diplomasi, sama ada dengan memujuk atau mengumpan baginda dengan berbagai bentuk rasuah, baik melalui Abu Talib mahupun terus kepada Muhammad sendiri. Oleh kerana kesemua usaha itu menemui kegagalan, akhirnya mereka bertindak memboikot seluruh Bani Hashim. Pemboikotan ini memaksa Nabi Muhammad menyuruh pengikut-pengikutnya sekali lagi berhijrah ke Habshah.

Bagaimanapun, kesan yang paling hebat akibat pemboikotan itu ialah kematian bapa saudaranya Abu Talib dan isterinya Khadijah, dua orang pembantu dan pelindung utama baginda. Dengan kematian mereka, maka terbukalah kesempatan bagi orang-orang Quraisy untuk menghapuskan Muhammad. Sedang Muhammad sendiri sudah mulai berdakwah ke luar kota Makkah, seperti di Taif dan kepada jemaah-jemaah haji. Memandangkan tekanan-tekanan terhadap Nabi dan pengikut-pengikutnya semakin hebat, akhirnya datanglah perintah Allah agar baginda berhijrah ke Madinah.

Sebelum persoalan ini ditamatkan, ada baiknya disebutkan bahawa selama berlangsungnya kegiatan dakwah Islamiah di Makkah, kaum Muslimin ada kalanya terpaksa berlindung di bawah naungan kaum musyrikin (*Qanun al-Jiwar*). Bahkan, Rasulullah sendiri sejak mula sehinggalah berlakunya Hijrah, dilindungi dan dibantu oleh seorang musyrik, iaitu bapa saudaranya sendiri Abu Talib. Di sini timbullah suatu ketentuan, bahawa dalam berdakwah, kaum Muslimin dibolehkan meminta perlindungan atau bantuan daripada orang-orang bukan Islam demi untuk mengelakkan gangguan atau rintangan terhadap usaha-usahanya. Bagaimanapun, dalam meminta bantuan mereka, kata Dr. Abdul Karim Zaidan, hendaknya orang tersebut sudah dikenal kejujurannya dan tidaklah mungkin mereka itu akan berkhianat.

Sebab-sebab Penentangan

Dalam sejarah mana-mana pun juga, biasanya mereka yang

pertama-tama sekali menolak sesuatu gerakan pembaharuan ialah golongan bangsawan (*al-Mala'*). Jadi, mengkaji kenapa timbul penentangan terhadap ajaran-ajaran Muhammad ini sebenarnya adalah mengkaji kenapa golongan *al-Mala'* ini menolaknya. Bukannya tidak ada kalangan atasan yang menerimanya, seperti Abu Bakar al-Siddiq, Usman Affan, Zubair al-Awwam dan lain-lainnya, tetapi jumlahnya terlalu kecil berbanding dengan golongan kebanyakan (*Jumhur*) yang telah menyambut baik seruan Muhammad itu.

1. Faktor pertama dan utama penentangan masyarakat Arab terhadap dakwah Islamiah ialah kerana persoalan aqidah tauhid. Kita mengetahui bahawa selama ini bangsa Arab sentiasa bergelumang di dalam lembah syirik dan khurafat dalam pelbagai bentuknya, seperti menyembah patung-patung berhala, malaikat dan jin, nenek-moyang dan sebagainya. Apabila Rasulullah menyeru, ke arah tauhid murni dengan hanya menyembah Allah s.w.t. semata-mata, mereka menentangnya habis-habisan kerana ianya bertentangan dengan ajaran nenek-moyang mereka (*al-Maidah: 104*).
2. Dari segi politiknya, dakwah Islamiah ditentang kerana implikasi dari pengakuan bertuhankan Allah s.w.t. itu bererti mencabut semua sekali kuasa duniawi yang selama ini dipegang dan dibolot oleh para penguasa, ketua-ketua suku dan qabilah, para padri dan sebagainya. Dengan proklamasi agar menyerahkan kembali kepada Allah s.w.t. semata-mata, ini bermakna kuasa duniawi yang dipegang oleh bangsa Arab selama ini lalu tercabar dan tergugat. Sebab itu pengaruh Islam mesti disekat, agar kuasa dan pengaruh mereka tetap utuh dan kukuh.

   Selain dari itu, penentangan mereka juga berkait rapat dengan faktor persaingan kuasa di antara suku-suku dan qabilah. Sesungguhnya kaum Quraisy tidak dapat membezakan di antara kenabian dengan kekuasaan. Bagi mereka, kemunculan Muhammad dari keluarga Abdul Mutalib dengan sendirinya akan mencabar kedudukan suku-suku lain yang sejak sekian lama saling merebut pengaruh. Pernah terjadi ketika Abu Sufyan, Abu Jahal dan Akhnas mengintip Muhammad membaca al-Quran, terus terang Abu Jahal mengakui betapa selama ini mereka saling menandingi pengaruh Abdi Manaf, tetapi bilamana kemenangan hampir terbayang, tiba-tiba di sisi Abdi Manaf muncul Muhammad memaklumkan kenabiannya. "Tidak, kami tidak akan percaya dan tidak akan membenarkannya," ujar Abdi Jahal.

   Sebagai golongan masyarakat yang mementingkan nilai-

nilai *Asabiyyah* (kesukuan), timbulnya Muhammad dari suku tertentu, sudah tentu akan mencabar suku-suku lain. Justeru, kerana semangat kesukuan inilah juga munculnya nabi-nabi palsu, baik ketika Muhammad masih hidup dan lebih-lebih lagi selepas wafatnya, semata-mata buat menandingi suku Quraisy. Maka tampillah Musailamah dari Bani Hanifah, Sajjah dari Bani Tamim dan Tulaihah dari Bani Asad. Semuanya ini kerana tebalnya semangat kesukuan serta hasad dengki antara mereka.

3. Dari segi sosialnya, Islam perlu ditentang kerana ia mengajarkan prinsip persamaan di kalangan sesama manusia. Dalam Islam, tinggi rendahnya darjat insan diukur berdasarkan takwanya kepada Allah s.w.t. (*al-Hujurat: 13, Ali Imran: 76*) atau amal salihnya (*al-Bayyinah: 7*). Prinsip seperti ini, tentunya bercanggah dengan sistem sosial mereka yang berasaskan konsep kelas dengan hak dan kewajipan yang berbeza. Status tertinggi, selamanya adalah kepunyaan golongan bangsawan, sedangkan kelas terendah ialah golongan hamba abdi. Maka, demi mempertahankan *status quo*nya, Muhammad harus ditentang. Alangkah kejinya ajaran yang cuba menyamakan kedudukan mereka dengan kedudukan hamba mereka sendiri!

Pernah sewaktu Jabalah ibnul-Aiham, raja terakhir kerajaan Ghassan yang baru memeluk Islam sedang mengerjakan tawaf, terpijaklah tepi jubahnya oleh orang kebanyakan. Jabalah lalu memukulnya, sehingga berdarah hidung. Setelah menerima aduan dari orang tersebut, Khalifah Umar al-Khattab lalu memutuskan agar Jabalah dipukul balas. Lantaran tidak puas hati terhadap corak penyelesaian yang 'aneh' itu, Jabalah kembali murtad. Ini menjelaskan suatu hakikat, betapa pengaruh kebangsawanan itu begitu tebal, hingga sukar bagi mereka untuk menerima Islam.

Apalagi jika difikirkan yang agama tersebut dibawa oleh seorang anak yatim piatu yang tak punya kedudukan apa-apa di kalangan masyarakat Arab, sungguhpun ianya keturunan Quraisy. Pernah al-Walid bin al-Mughirah mengatakan: "Wahyu didatangkan kepada Muhammad, bukan kepadaku, pada hal aku kepala dan pemimpin Quraisy. Juga tidak kepada Abu Mas'ud Amr bin Umair al-Saqafy, pemimpin Thaqif. Kami adalah pembesar dua kota."

Alasan lain yang dikemukakan oleh kaum bangsawan ketika menentang Muhammad ialah kerana ajaran Islam telah memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan keluarga; baik antara orang tua dengan anaknya, antara suami dengan isterinya mahupun antara sesama saudaranya. Al-Walid bin al-

Mughirah sendiri pernah menuduh Muhammad itu sebagai *Sahir-bayan* (Juru Pesona Bahasa), kerana apa yang dikatakannya merupakan pesona yang akan memecah-belahkan perpaduan sesebuah keluarga. Demikian juga hasrat Umar al-Khattab untuk membunuh Muhammad, mulanya adalah dengan harapan agar bebaslah Quraisy dan kembali bersatu setelah mengalami perpecahan dan penghinaan terhadap berhala-berhala mereka. Bahkan Utbah bin Rabiah secara terus terang berkata di depan Nabi: "Anakku, seperti engkau ketahui, dari segi keturunan, engkau mempunyai tempat di kalangan kami. Engkau telah membawa soal besar ke tengah-tengah masyarakatmu, sehingga mereka cerai-berai kerananya...."

4. Penentangan orang-orang Arab juga, dapat dilihat dari aspek ekonomi. Kaum pemodal menganggap bahawa moral itu adalah benar bilamana ia dapat melipatgandakan hartanya, bilamana ia dapat membukakan jalan buat hawa nafsunya. Tetapi apabila ia menghalang hawa nafsunya, moral itu tidak lagi benar. Islam harus ditentang kerana ia melarang riba atau segala unsur putar belit dalam kegiatan ekonomi mereka. Tidak ada tempatnya Islam dalam masyarakat yang bebas lepas ini.

   Dari segi lain pula, kemasukan golongan bawahan atau hamba abdi juga dapat menggugat kedudukan ekonomi mereka. Selama ini, mereka mengharapkan tenaga kaum bawahan untuk kepentingan mereka sendiri, terutama dalam kegiatan perdagangan mereka. Tetapi dengan kemasukan hamba abdi dalam Islam, hilanglah tenaga pekerja yang selama ini membantu mereka. Sebab itu Muhammad perlu ditentang, kerana dialah yang menyebabkan golongan hamba melarikan diri dari mereka.

   Salah satu sumber ekonomi orang-orang Arab ialah memahat patung-patung berhala dan menjaga Kaabah, di mana patung-patung itu diletakkan. Patung-patung itu kemudiannya akan dijual kepada jemaah-jemaah haji yang mengunjungi Makkah. Malangnya, Islam mengajarkan konsep tauhid yang murni dengan membanteras sebarang bentuk penyekutuan terhadap-Nya, seperti menyembah berhala atau mengabdi kepada sesama manusia. Ajaran seperti ini, tentunya mengancam ekonomi mereka, dan sebab itu perlulah ianya ditentang.

5. Penolakan orang-orang Arab juga disebabkan ketakutan mereka tentang adanya Hari Kebangkitan yang kelak akan menghitung perlakuan mereka di dunia. Ini adalah persoalan moral masyarakat Arab, khasnya golongan bangsawan yang sudah tenggelam dan hanyut dalam kehidupan hawa naf-

su. Bagi golongan seperti ini, ancaman (sanksi) adanya Hari Pembalasan tentunya sangat menakutkan, hingga kerana itu mereka menolaknya.

6. Faktor lain yang turut mendesak mereka untuk menolak dakwah Muhammad ialah perasaan cintakan tradisi nenek moyang. Faktor adat yang 'tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan'; bahawa segala sesuatu dari orang tua-tua semuanya baik belaka, semuanya ini menghalang mereka dari menerima Islam. Pernah ketika Rasulullah sedang sibuk berdakwah kepada jemaah-jemaah haji dari luar, datanglah Abu Lahab menyahut dari belakang: "Hai manusia! Sesungguhnya lelaki ini memerintahkan supaya kamu meninggalkan agama bapa-bapa kamu." Sambungnya lagi: "Hai keturunan polan! Bahawasanya lelaki ini hanya menyeru supaya kamu meninggalkan atau membuang berhala *Lata* dan *Uzza* dari leher-leher kamu. Kamu diajak olehnya untuk mengerjakan perbuatan *bid'ah* dan kesesatan. Maka janganlah kamu mengikuti dia dan janganlah kamu mendengarnya!"
7. Satu sebab lain, kenapa mereka menolak ajaran Islam ialah lantaran takut dijajah oleh kuasa-kuasa besar, seperti Rom misalnya. Ajaran Islam membawa perpecahan masyarakat dan keluarga. Dan perpecahan-perpecahan ini akan memberi kesempatan yang baik bagi kedatangan kuasa penjajah. Memang benar bumi Hijaz yang gersang itu tidaklah dapat menarik perhatian mereka untuk menjajahnya. Mungkin dari segi ekonomi ianya tidak begitu penting, tetapi dari segi agama dan politik, penaklukan Rom akan mengukuhkan imejnya sebagai suatu kuasa Kristian dan sekaligus mencabar Farsi sebagai sebuah kerajaan Majusi. Kebimbangan terhadap kedatangan Rom ini memangnya berasas, memandangkan bahawa Makkah telah pernah diserang oleh Abrahah, gabenor Habshah yang di bawah naungan kerajaan Rom.

Demikianlah, antara lain sebab-sebab penolakan masyarakat Arab, atau lebih tepat penolakan golongan bangsawan (*al-Mala'*) terhadap ajaran Islam. Adapun golongan kebanyakan (*Jumhur*), mereka dengan cepat menerimanya. Ini kerana mereka tidak mempunyai sifat-sifat yang ada pada golongan *al-Mala'* seperti takbur dan cinta kepada kedudukan dan kekuasaan.

BAB 6: PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ

SETAHUN sebelum berlakunya Hijrah ke Madinah, terjadi peristiwa Israk dan Mikraj yang menggemparkan masyarakat Makkah. Yang dimaksudkan dengan Israk ialah perjalanan malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa, dan dari sini Rasulullah bermikraj ke Sidrat al-Muntaha dan seterusnya mengadap Allah s.w.t. untuk menerima risalah salat atau sembahyang lima waktu, dan malam itu juga baginda kembali ke Makkah.

Cerita seperti ini tentu sekali menggemparkan mereka yang mendustakan Rasulullah, tetapi semakin menguatkan iman mereka yang mempercayai baginda. Abu Bakar al-Siddiq misalnya, ketika ditanya oleh kaum Quraisy sama ada beliau mempercayainya atau tidak dengan cerita itu, lalu dijawabnya: "Ya, saya benarkan, bahkan saya membenarkan yang lebih lagi dari yang demikian, iaitu wahyu yang diturunkan kepadanya dari langit".

Sebenarnya, di dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu, Rasulullah telah diperlihatkan dengan berbagai-bagai bentuk ganjaran dan balasan yang diterima oleh manusia akibat perbuatan-perbuatannya sendiri. Misalnya, mereka yang malas menunaikan salat tidak henti-henti dihempap kepalanya dengan batu besar hingga berkecai kepalanya, dan yang tidak membayar zakat memakai pakaian yang koyak-rabak atau memakan pohon-pohon yang berduri, daun-daun yang pahit dan batu-batu *Jahannam*. Demikian juga, disaksikan baginda balasan yang diterima oleh mereka yang mengejar perempuan jalang, tidak menunaikan amanah, suka membuat fitnah, bercakap sombong, memakan riba, memakan harta anak-anak yatim, mencaci orang dan lain-lainnya.

Baginda juga melihat ganjaran mereka yang beriman kepada Allah s.w.t. Misalnya kaum yang berjihad *fi sabilillah* memperoleh hasil tanaman yang berlipat ganda, dan keluarga tukang solek Fir'aun yang beriman itu diketahui oleh Nabi Muhammad melalui baunya yang harum.

Dari segi falsafahnya, peristiwa Israk dan Mikraj ini memberi suatu dasar hidup baru bagi umat Islam. Melalui peristiwa pembedahan dada Rasulullah dan dicuci dengan air oleh Jibril itu dapat dipadankan dengan konsep taubat, oleh kerana pembersihan hati yang pernah berlaku beberapa kali atas Rasulullah adalah sama seperti taubat sebagai langkah pertama bagi umatnya. Dan tujuan bertaubat ini tidak lain ialah untuk menuju kepada

matlamat terakhir, iaitu Allah s.w.t. sendiri.

Untuk sampai kepada matlamat terakhir itu langkah pertama dan terakhir ialah jihad *fi sabilillah*. Di antaranya ialah jihad terhadap hawa nafsu sendiri, jihad terhadap keluarga dan juga masyarakat, iaitu meluruskan mereka agar tunduk kepada Allah s.w.t.

Melalui pengembaraan Rasulullah itu dapatlah difahami bahawa amalan salat itu menduduki tempat tertinggi, bahkan ia sebenarnya adalah sama kedudukannya dengan Mikraj itu sendiri. Ini diikuti pula oleh perintah berzakat dan larangan memakan riba. Kita juga mengetahui jenis-jenis dosa yang lain dengan balasan-balasannya jika manusia tidak segera bertaubat dan mensucikan dirinya. Namun nikmat yang paling utama dan penyingkapan Ilahi yang tertinggi sekali melalui peristiwa Israk dan Mikraj itu ialah sembahyang.

BAB 7: HIJRAH DALAM SEJARAH ISLAM

Pengertian Hijrah

PENGERTIAN Hijrah dapat dilihat dari dua segi. Pertama, dari segi zahirnya, perkataan 'hijrah' yang berasal dari perkataan *hajara* itu bermakna 'pindah dari satu tempat ke tempat lain (*flight*)'. Tetapi dari segi maknawinya, Hijrah bermaksud 'meninggalkan adat resam atau kebiasaan yang karut dan mungkar'. Di sini istilah '*flight*' tidak dapat dipakai lagi, sebab maksudnya bukan melarikan diri dari bahaya, tetapi menjauhkan diri dari kemungkaran agar diri itu dapat diperkuatkan intisarinya, dan dapat menghapuskan kejahilan dan kejahatan.

Menurut Prof. T.M. Hasbi As-Siddieqy, Hijrah dalam Islam ada dua rupa. Pertamanya, berpindah dari *Ummul-Qura* (Makkah) ke Madinah. Keduanya, berpindah dari negeri kafir ke negeri iman (Islam). Dan menurutnya hakikat Hijrah ialah *'Tarku manallahu 'anhu'*, yakni meninggalkan apa yang dilarang Allah.

Pentingnya Hijrah sebagai suatu perjuangan menegakkan yang makruf, bukannya perjuangan keduniaan, telah dibayangkan sendiri oleh Rasulullah dalam sabdanya: "Wahai manusia! Hanyasanya segala amal itu dengan niat. Dan hanyasanya bagi seseorang manusia adalah apa yang diniatkan. Barang siapa melakukan Hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka jadilah Hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa melakukan Hijrahnya kepada dunia yang ia ingin memperolehnya, atau kepada seseorang wanita yang ia ingin mengahwininya, maka jadilah Hijrahnya kepada apa yang ia berhijrah kepadanya itu" (*H.R. Bukhari dan Muslim*).

Berdasarkan hadis ini, dapat difahami bahawa segala amal adalah menurut penggerak (motif) yang menggerakkan pembuatnya. Kalau penggeraknya (motivasi) kerana Allah, maka mendapat pahala. Tetapi kalau penggeraknya bukan kerana Allah, maka tidaklah memperolehi pahala malah mungkin mendapat dosa. Hadis ini timbul dari kisah '*Muhajir Ummu Qais*' (yang berhijrah kerana Ummu Qais) yang mendakwa dia berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, tetapi sebenarnya untuk mendapatkan Ummu Qais di Madinah. Dikatakan bahawa Ummu Qais enggan berkahwin dengan orang yang mencintainya, jika dia enggan berhijrah. Lantaran itu, berhijrahlah orang tersebut lalu berkahwinlah mereka.

Sebab-sebab Hijrah

Terdapat beberapa sebab yang saling berhubungan, yang membawa kepada berlakunya Hijrah dalam sejarah Islam. Pertama, disebabkan pergolakan atau tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Nabi dan pengikut-pengikutnya di Makkah. Akibat kematian dua orang pembantunya selama ini, berlakulah perubahan besar dalam corak dakwah Rasulullah. Terhadap baginda sendiri, yang ketara ialah orang-orang Quraisy telah semakin berani mengganggunya, mencaci maki dan bahkan sudah merancang untuk menamatkan riwayatnya. Maka Nabi Muhammad merasakan perlu untuk menukar kiblat dakwah kepada orang-orang luar pula, terutamanya kepada jemaah-jemaah haji. Selain dari cerca maki dan lemparan kerikil yang 'dihadiahkan' oleh orang-orang Taif terhadapnya, tidak kurang pula halangan yang dihadapkan kepadanya oleh Abu Lahab ketika baginda sedang menyeru jemaah-jemaah haji tersebut. Faktor suasana dalam negeri yang kian mengancam inilah yang mendorong baginda memikirkan perlunya berhijrah.

Faktor kedua yang mendesak ke arah perlunya berhijrah ialah timbulnya tanda-tanda penerimaan yang baik di Madinah. Ada beberapa sebab, kenapa mereka menyambut baik ajaran Islam itu. Pertama, bangsa Arab Madinah lebih dulu mengetahui tentang ketuhanan dan kenabian yang mereka dengar daripada orang-orang Yahudi di sana. Sebab itu apabila diseru oleh Nabi, terus mereka menerima, agar tidak didahului oleh kaum Yahudi.

Selain dari itu, tercetusnya konflik yang berpanjangan baik sesama bangsa Arab Madinah (Aus dengan Khazraj) mahupun dengan bangsa Yahudi, telah menjadi alasan pula tentang perlunya seorang pemimpin buat mendamaikannya. Maka, atas kesedaran inilah golongan Arab itu menjemput Nabi ke Madinah, setelah beberapa kali mengadakan Perjanjian Aqabah (*Bai'atul-Aqabah*). Perjanjian ini sekaligus bererti suatu pengiktirafan secara rasmi penduduk-penduduk Madinah terhadap Muhammad sebagai pemimpin di Madinah.

Walau apa pun sebabnya, penghijrahan baginda hanya menjadi kenyataan setelah diwahyukan oleh Allah s.w.t tentang niat jahat orang-orang Quraisy untuk membunuhnya (*al-Anfal: 30*). Menurut sumber-sumber tradisi, ketika itu datang Jibril kepada Nabi lalu menyampaikan perintah Allah s.w.t. supaya Nabi berhijrah, serta dilarangnya Nabi daripada tidur di tempatnya pada malam itu. Ini menyebabkan Nabi secara tergesa-gesa tetapi penuh hati-hati berangkat ke Madinah bersama Abu Bakar al-Siddiq pada tahun 622 M.

Kepentingan Hijrah

Sesungguhnya, peristiwa Hijrah ini amat penting, sehingga kerana kepentingannyalah yang mendorong Umar al-Khattab meletakkannya sebagai tarikh permulaan kalendar Islam. Biasanya agama-agama lain memulakan tarikhnya berdasarkan tarikh kelahiran penganjur mereka, yakni semacam pendewaan terhadap peribadi berkenaan. Tetapi Umar tidak berbuat seperti itu, kerana ianya tidak merupakan tarikh peribadi, tetapi tarikh perjuangan ke arah kebenaran (hak) untuk menjadi petunjuk seluruh umat manusia. Dan, memang selayaknyalah Umar berbuat demikian, sebab jikalau tidak, tentulah Rasulullah tidak memberi jolokan *al-Faruq* kepadanya!

Dari segi harakah Islamiah, peristiwa Hijrah ini memangnya sangat penting. Dalam peristiwa itu, kita lihat betapa Rasulullah berjalan menurut sunnah di alam ini, dengan menempuh berbagai cabaran dan kesulitan. Sesungguhnya, Allah s.w.t. amat berkuasa untuk memindahkan Rasulullah dari Makkah ke Madinah, dalam suatu perjalanan yang mudah, seperti dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Tetapi dalam Hijrah, Allah s.w.t. tidak berbuat demikian. Ini sewajarnya menjadi teladan kepada kita, bahawa berdakwah bukanlah suatu usaha yang mudah, tetapi suatu perjuangan menentang kebatilan dan kekufuran dalam segala bentuk dan ranjau.

Melalui peristiwa Hijrah itu sendiri, kita dapat menyaksikan pengorbanan besar sahabat-sahabat Rasulullah dalam memenuhi program harakah Islamiah. Abu Bakar sendiri misalnya, sanggup menyediakan apa saja yang dipunyainya; harta bendanya, putera-puterinya malah dirinya sendiri untuk keperluan Hijrah tersebut. Demikian juga Ali bin Abu Talib, sanggup tidur di katil Rasulullah walaupun dia penuh sedar bahawa mati adalah pilihan bagi mereka yang sanggup berbuat demikian pada malam itu. Tetapi kerana lebih mengutamakan keyakinan dari kesenangan peribadi, maka mereka sanggup melakukannya.

Selain dari itu, kita juga dapat melihat kebijaksanaan Rasulullah dalam mengatur strategi sewaktu perjalanannya itu. Sebagaimana dimaklum, baginda tidak terus berangkat ke Madinah, sebaliknya bersembunyi terlebih dulu beberapa malam di Gua Thur. Taktik seperti ini, menyebabkan kaum Quraisy mengalami keletihan, dan putus harapan dalam pencariannya. Menurut firasat baginda yang tajam, orang-orang Quraisy tentunya akan berkeliaran di sepanjang jalan menuju Madinah, khasnya di bahagian utara Makkah. Lalu Rasulullah tidak memilih jalan ini, sebaliknya baginda mengambil jalan selatan;

suatu jalan yang tidak biasa ditempuh orang, kemudiannya baru menuju Tihamah berhampiran pantai Laut Merah.

Betapa pentingnya peristiwa Hijrah yang melalui jalan selatan dan Tihamah ini, dapat kita saksikan riwayatnya dalam kitab Taurat sendiri. "*The burden upon Arabia. In the forest in Arabia ye lodge, O ye travelling of Dedanim. The inhabitants of the land of Tema brought water to him that was thirsty, they prevented with their bread him that fled. For they fled from the swords... and from the bent bow, and from the grievousness of war. For thus hath the Lord said unto me, within a year according to the years of an hireling, and all the glory of Kedar shall fail. And the residue of the number of archers, the mighty men of the children of Kedar shall be diminished" (Isaiah 21: 13-17).*

Ayat ini dengan jelas memaparkan riwayat penghijrahan Muhammad tersebut. Tidak pernah berlaku, malah tidak pernah terdapat orang yang bermalam di Tema (Tihamah) tersebut, kecuali dalam peristiwa Hijrah Rasulullah. Perkataan 'Dedanim' di sini bermaksud keturunan dari kaum 'Ad, salah satu kaum yang menyekutukan Tuhan. Mengenai 'Kedar' pula, Taurat sekali lagi menjelaskan bahawa Kedar ialah salah seorang daripada 12 orang putera Nabi Ismail (*Genesis 25: 13*). Bani Kedar ini ada yang mendiami daerah pergunungan Paran. Dan, dari keturunan Kedar inilah timbul suku Quraisy, yang daripadanya lahir Muhammad. Demikian pentingnya Hijrah ini, sehingga tidak ketinggalan disebut dalam Taurat yang masih terpakai sekarang.

Sebenarnya, kepentingan Hijrah itu menjadi semakin jelas dengan melihat pada implikasi peristiwa itu sendiri. Dengan berlakunya Hijrah, terbentuklah suatu *ummah*, iaitu suatu jemaah atau organisasi, baik dalam bentuk masyarakat atau negara yang mempunyai ciri-ciri keperibadiannya yang tersendiri dan berbeza dari yang lain. Jemaah ini berbeza, kerana ia berasaskan akidah dengan kepatuhan hanya kepada kuasa Allah semata-mata, tidak kepada kekuasaan lain dengan segala rupa bentuknya. Sebenarnya istilah 'Madinah' itu sendiri berakar dari istilah 'Din', iaitu sebuah kota, bandar atau bandaraya di mana suatu *ummah* tertakluk pada suatu penguasa yang adil dan benar yang menyelamatkan mereka di dunia dan akhirat. Melalui Hijrahlah timbulnya konsep *ummah* tersebut yang nantinya akan mempengaruhi seluruh dunia.

Dengan timbulnya suatu *ummah* di sebuah kota atau bandar yang bernama Madinah, maka terdirilah sebuah negara dengan sistem pemerintahan yang berteraskan Islam. Ertinya — sebuah negara Islam (*Islamic State*), bukannya negara orang-orang Islam (*Muslim State*) yang tidak mendaulatkan hukum Islam di dalamnya. Sebuah negara Islam ialah suatu tempat di mana syair Islam benar-benar mempunyai kekuatan hukum di dalamnya, bukannya

negara berfaham kedaerahan terbatas, atau berfahaman *chauvinisme* yang menyempitkan dirinya dengan batasan kaum, keturunan atau warna kulit.

Dengan terbentuknya sebuah negara yang mempunyai kedaulatan hukum ini, maka ini dapat menambahkan kekuatan umat Islam yang dengan itu dapat mempertahankan keselamatan dirinya. Kalau dulu mereka berselerak di Makkah, di Habshah dan lain-lainnya, maka kini sesudah Hijrah, semuanya lalu berkumpul dalam suatu perpaduan yang kukuh, hingga sanggup melancarkan jihad dalam menegakkan kalimah Allah s.w.t.

Akhirnya, Hijrah juga telah berjaya menambah bilangan umat Islam, iaitu gabungan orang-orang Muhajirin dengan Ansar. Apa lagi sejak termeterainya Perjanjian Hudaibiah, ini memberi kesempatan yang luas untuk menyebarkan lagi dakwah Islam hingga ke luar negeri. Dan, dengan tertakluknya kota Makkah serta selesainya Perang Tabuk, diikuti oleh sumpah setia orang-orang Thaqif, maka berbondong-bondonglah bangsa Arab dari segenap penjuru menemui Nabi untuk menyatakan keislaman mereka. Peristiwa yang berlaku pada 9 H. ini begitu penting, sehingga digelar 'Tahun Delegasi' di mana agama Islam kini, telah menjadi anutan seluruh penduduk Semenanjung Tanah Arab dan sekitarnya.

BAB 8: PERLAKSANAAN SYARIAT ISLAM DI MADINAH

SEWAKTU Rasulullah tiba di Madinah, di sana terdapat golongan bangsa Arab, bangsa Yahudi serta golongan-golongan kecil bangsa lain yang kebanyakannya masih hidup secara primitif. Bangsa Arab terdiri dari puak-puak Aus dan Khazraj yang asalnya adalah dua beradik seibu sebapa. Sedangkan golongan Yahudi yang jumlahnya 4,400 orang itu berpecah kepada Bani Qainuqa', Bani Nadhir dan Bani Quraidzah serta suku-suku kecil yang lain. Suku-suku Yahudi ini berasal dari Palestin, iaitu setelah kerajaan mereka dihancurkan oleh Maharaja Titus dari Rom pada tahun 70 M.

Dalam membandingkan usaha-usaha Nabi di Makkah dengan di Madinah, terdapatlah jurang perbezaan yang nyata. Jika di Makkah, yang ditekankan ialah soal akidah, ibadah dan akhlak, maka di Madinah ianya lebih tertumpu ke arah perlaksanaan hukum-hukum Islam. Hanya di Madinahlah dapat menerapkan Islam sebagai *Nizhamul-hayat* (peraturan hidup), sebagai *way of life* yang lengkap.

Usaha-usaha Awal

Pembinaan Masjid

Usaha pertama yang dilakukan oleh Rasulullah dalam menyatu-padukan masyarakat Islam ialah mewujudkan tempat ibadat dan pusat dakwah. Bertempat di tanah kepunyaan Sahl dan Suhail bin Amr, dua orang anak yatim di bawah jagaan As'ad bin Zurarah, sebuah masjid didirikan dengan kerjasama orang-orang Muhajirin dan Ansar termasuk Nabi sendiri. Tanah yang dibeli dengan harga 10 dinar ini, memangnya sebelum ini pun merupakan kawasan yang digunakan oleh As'ad dan sahabat-sahabatnya sebagai tempat ber-salat. Dengan bantuan Usman bin Affan, masjid tersebut dapat diperluaskan oleh Nabi setelah dibayar harganya. Selesai sahaja pembinaan tersebut lalu didirikan pula rumah kediaman baginda.

Bentuk asal masjid ini mudah sekali. Ia mempunyai sebuah ruangan terbuka yang luas, keempat temboknya dibuat dari batu-bata dan tanah, atapnya sebahagian terdiri dari daun kurma dan sebahagian lagi dibiarkan terbuka, dengan salah satu bahagian lagi untuk kegunaan fakir miskin yang tidak punya tempat tinggal. Misalnya, di 'Suffa' (bahagian masjid yang beratap), terdapat

orang-orang yang serba kekurangan menghuninya, sehingga mereka digelar 'Ahli Suffa' (Penghuni Suffa) yang belanja hidupnya dibantu oleh harta kaum Muslimin sendiri.

Dari segi fungsinya, mulanya kaum Muslimin menjadikan masjid sebagai pusat pelbagai guna, iaitu bukan sekadar untuk tujuan ibadat sahaja, bahkan juga untuk tujuan keduniaan seperti urusan perniagaan atau memperdengarkan syair-syair. Bagaimanapun, kerana terjadinya hiruk-pikuk sehingga menenggelamkan suara para *Musallin* (yang bersalat), maka Umar al-Khattab lalu memisahkan tempat-tempat yang dikhaskan untuk urusan-urusan ibadat dengan keduniaan. Walau apa pun juga, namun di masjidlah pusatnya di mana Nabi menggerakkan pentadbiran negara atau menjalankan hukuman. Ini kerana dalam Islam tidak wujud apa yang dinamakan *sekularisme*, iaitu pemisahan antara urusan keagamaan dengan keduniaan sepertimana dalam ajaran Kristian.

Dengan terdirinya pusat ibadat, yang sekaligus merupakan pusat pentadbiran juga, mulalah usaha-usaha dakwah dilipatgandakan. Tidak begitu sukar perlaksanaannya kali ini, kerana masyarakat Madinah lebih mengerti dan mudah dibentuk. Hasilnya dalam masa yang singkat sahaja Islam diterima oleh masyarakat Madinah, hingga pendeta besar Yahudi iaitu Abdullah bin Salam pun turut memeluk Islam. Dengan bertambahnya umat Islam ini pada mulanya agak sukar untuk memanggil mereka menunaikan salat. Hanya setelah azan diadakan dengan Bilal bin Rabah sebagai muazzinnya, mudahlah bagi kaum Muslimin mendengarnya. Bagaimanapun, orang-orang Yahudi semakin menampakkan kejengkelan mereka, kerana mereka sedar betapa dalamnya pengertian azan dalam konteks pembentukan dan perpaduan umat Islam.

Hubungan Sosial

Selaras dengan pembinaan masjid tersebut, Rasulullah lalu menumpu perhatiannya ke arah mengadakan hubungan sosial di kalangan masyarakat Muslim Madinah, iaitu dengan cara mempersaudarakan antara sesama Ansar dan Muhajirin ataupun sebaliknya. Baginda sendiri telah memulakan persaudaraannya dengan Ali bin Abu Talib, maka Abdul Rahman bin Auf lalu dipersaudarakan dengan Saad bin Rabi', Zubair al-Awwam dengan Abdullah bin Mas'ud, Jaafar bin Abu Talib dengn Muaz bin Jabal, Abu Ubaidah al-Jarrah dengan Saad bin Muaz, Ammar bin Yasir dengan Huzaifah al-Yaman, Salman al-Farisi dengan Abid-Darda' dan lain-lainnya.

Tujuan asasinya ialah hendak mengeratkan hubungan antara

suku Aus dengan Khazraj yang dulunya saling bermusuhan di samping menghilangkan kesepian orang-orang Muhajirin kerana terpaksa meninggalkan sanak saudara dan harta benda mereka di Makkah. Kesan dari pertalian seperti ini mewujudkan perasaan kekeluargaan, sayang-menyayangi dan hormat-menghormati sehingga ke peringkat pusaka-mempusakai (bagaimanapun, hukum warisan ini dihapuskan oleh Rasulullah kemudiannya). Misalnya, Bilal bin Rabah yang telah dipersaudarakan dengan Abi Ruwaihah, masih tidak dapat melupakan 'saudaranya' itu, meskipun sudah lama berlalu. Suatu ketika Bilal pergi berperang di Sham lalu menetap di sana. Kemudian di masa pemerintahan Umar al-Khattab, dan di waktu dewan-dewan pentadbiran diatur, beliau menyoal Bilal tentang kepada siapa dewan Sham hendak diserahkan. Bilal lalu menamakan Abi Ruwaihah kerana katanya: "Aku tidak sampai hati meninggalkannya, kerana adanya hubungan persaudaraan yang telah diikatkan oleh Rasulullah antara aku dengannya." Mendengarnya, Umar pun memenuhi permintaan itu.

Demikian sekadar hubungan antara sesama Muslim. Adapun antara Muslim dengan bukan Muslim, dasarnya telah digariskan oleh al-Quran: "*Allah tidak menegah kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu dari mereka, sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang jujur*" (*al-Mumtahinah: 8*). Atas dasar inilah umat Islam dihalalkan mengahwini wanita Kitabi (*al-Maidah: 5*). Di samping memerintahkan si anak agar mempergauli ayahnya dengan baik meskipun dia seorang musyrik (*Luqman: 15*), dan ditegah pula agar tidak berdebat dengan ahli-ahli Kitabi kecuali dengan cara yang baik (*al-Ankabut: 46*).

Diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad sering menghadiri majlis perkahwinan mereka, mengusung jenazah mereka, melawat pesakit-pesakit mereka malah meraikan mereka. Sewaktu rombongan kaum Nasrani Najran menziarahinya, baginda membentangkan tudungnya agar mereka duduk. Suatu teladan yang mengkagumkan bagaimana baginda memperlakukan orang-orang bukan Islam dengan budi-bicara yang halus ialah ketika baginda berhutang dengan seorang Yahudi, Zaid bin Safanah. Dan, apabila baginda terlewat membayarnya kerana kesempitan, datanglah Zaid seraya memegang leher baju Nabi Muhammad sambil menempelaknya kerana kelambatan tersebut. Melihat kebiadabannya, Umar lalu menghunuskan pedangnya hendak membunuh Zaid, tetapi ditegah oleh Nabi lalu berkata: "Tidakkah lebih baik kiranya engkau menasihatiku agar membayar dengan sebaik-baiknya, dan menasihatinya agar dia pun menagih hutangnya dengan baik?" Lantaran begitu kagum terhadap kelunakan

Muhammad itu, maka di saat itu juga Zaid memaklumkan hasratnya memeluk Islam.

Pemulihan Ekonomi

Akibat langsung daripada penyatuan masyarakat Islam ialah wujudnya semangat saling membantu sehingga meliputi segenap bidang. "*Sesungguhnya, orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwanya di jalan Allah dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan kepada orang-orang Muhajirin, mereka itu satu sama lain lindung-melindungi*" (*al-Anfal: 72*).

Wujudnya kerjasama yang tidak terbatas antara kaum Ansar dengan Muhajirin membuatkan orang-orang Muhajirin sampai tidak tergamak untuk menerima segala pelawaannya. Mereka diberikan tanah dan tempat kediaman oleh kaum Ansar, tetapi ditolak dengan baik oleh Muhajirin kerana enggan kehidupan mereka menjadi beban kepada orang lain. Sampai begitu eratnya persaudaraan Abdul Rahman bin Auf dengan Saad bin Rabi' hingga kepada Abdul Rahman ditawarkannya separuh daripada kebunnya, rumahnya, ternakannya dan malah salah seorang daripada isteri-isterinya pun sanggup diberikannya juga! Tetapi niat sebaik ini ditolaknya dengan ikhlas sambil meminta ditunjukkan kepadanya di mana letaknya pasar untuknya memulakan perniagaan. Dan, di sanalah dia berdagang mentega dan keju, sehingga dalam masa yang singkat ia dapat mencapai kekayaan kembali. Selain Abdul Rahman, ramai lagi kalangan Muhajirin berbuat demikian. Ini tidaklah menghairankan kerana orang-orang Makkah memang dulunya cekap dalam perniagaan, hingga pernah dikatakan: 'Dengan perdagangannya itu dia dapat mengubah pasir Sahara menjadi emas.'

Di antara usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dilakukan oleh Nabi ialah mendirikan pekan orang-orang Islam berhampiran dengan pasar Yahudi Bani Qainuqa. Akibatnya, pasar Yahudi itu terancam hingga menimbulkan kemarahan besar kepada mereka. Apa lagi Nabi sendiri sangat mengambil berat tentang keadaan pekan tersebut agar semuanya berjalan lancar, serta mengawasinya agar tidak terdapat sebarang penipuan.

Selain berniaga, orang Muhajirin juga bertani, mengurus dan menyelenggarkan kebun tamar orang Ansar. Misalnya, Asma binti Abu Bakar serta suaminya, Zubair al-Awwam, mempunyai sebidang tanah kebun baru dan seekor unta dan keldai. Setiap hari Asma sendiri mengurus binatang-binatangnya di samping mengairi kebunnya. Dan di rumah pula dia bekerja membancuh tepung untuk dijadikan roti. Selain Zubair, keluarga-keluarga Abu Bakar,

Umar, Ali dan lain-lainnya turut terjun ke bidang pertanian. Bagaimanapun, di kalangan kaum Muhajirin, memang ada yang serba kekurangan, seperti golongan 'Ahli Suffa' tersebut.

Perjanjian Politik

Penduduk Madinah merupakan suatu kelompok masyarakat majmuk (*plural society*) dengan nilai-nilai sendiri dan terpisah. Dan memangnya menjadi kebiasaan masyarakat seperti ini untuk bertelagah dan bermusuh-musuhan, seperti yang pernah berlaku dalam Perang Buath antara golongan Aus dengan Khazraj dan lebih-lebih lagi antara bangsa Arab dengan Yahudi. Maka, demi mewujudkan persefahaman di kalangan anggota masyarakat yang hampir mustahil dapat bersatu-padu itu, Nabi Muhammad lalu mengadakan perjanjian dengan orang-orang bukan Islam.

Butir-butir perjanjian yang dinamakan *'Sahifah Madinah'* ini secara kasarnya adalah seperti berikut (selanjutnya lihat lampiran):

i. Kaum Yahudi hendaklah hidup berdamai bersama-sama dengan kaum Muslimin; kedua belah pihak bebas memeluk dan mengamalkan agama masing-masing.
ii. Kaum Muslimin dan Yahudi wajib bertolong-tolongan untuk melawan siapa saja yang memerangi meraka. Mereka harus bersama-sama menangkis setiap serangan terhadap kota Madinah.
iii. Perdamaian dengan golongan ketiga hendaklah dengan persetujuan pihak lain.
iv. Sesiapa sahaja yang tinggal di dalam atau di luar kota Madinah wajib dilindungi keamanan dirinya, kecuali orang yang zalim dan bersalah, kerana Allah menjadi pelindung orang-orang yang baik dan berbakti.
v. Sekiranya timbul perselisihan antara kaum Yahudi dengan Muslimin, dan jika ianya dikhuatiri dapat menimbulkan akibat-akibat yang tidak diingini, maka penyelesaiannya hendaklah dirujuk kepada Allah dan rasul. Rasulullah adalah pemimpin umum bagi penduduk Madinah.

Demikian antara lain ciri-ciri utama dokumen politik tersebut. Dari segi kepentingan sejarah, Perjanjian Madinah ini merupakan perlembagaan bertulis yang pertama sekali dalam dunia. Seperti kata Prof. Muhammad Hamidullah: *The first written constitution of a state ever promulgated by a sovereign on human history.*

Suatu hal yang agak menakjubkan ialah bagaimana golongan Yahudi sanggup mengakui kepimpinan Rasulullah tersebut. Sebenarnya, dengan mengkaji watak Yahudi tersebut, ternyata

bahawa kesanggupan dan persetujuan mereaka itu tidak lain hanyalah merupakan manifestasi sikap oportunis mereka. Ini samalah dengan amalan komunis (pengasasnya, Marx, adalah seorang Yahudi juga) seperti yang ditegaskan oleh Stalin: "Dalam segala waktu kita bersedia membuat perjanjian dengan musuh kita asalkan perjanjian itu kemudian menjadi alat bagi kita membinasakan musuh itu!"

Dr. Israel Wilfinson pula menanggap bahawa penerimaan mereka adalah kerana takut kepada ancaman Rom (Byzantine) yang melalui kerajaan Ghassan dulu pernah mengazabsengarakan orang-orang Yahudi. Khabarnya orang-orang Arab telah melaporkan kesulitan hidup mereka di Madinah kerana tanah-tanah yang subur sudah dikuasai oleh Yahudi, hingga mereka terpaksa menjadi buruh sahaja kepada Yahudi. Maka dengan pertolongan dan tipu muslihat Abu Jubailah sebagai Ketua Tentera Ghassan, hampir kesemua ketua-ketua Yahudi yang terkemuka di Madinah dibunuhnya. Akhirnya, orang-orang Arab dapat bernafas semula serta menyaingi Yahudi. Jadi, oleh kerana tragedi inilah maka orang-orang Yahudi semacam terpaksa menyetujui kepimpinan Muhammad, demi *survival* mereka juga.

Proses Pembentukan Negara Islam

Ada dua aspek yang ingin diberi perhatian di sini. Pertama, mengenai pembentukan negara Islam Madinah itu sendiri yang dilakukan menurut lunas-lunas 'demokrasi'. Sebelum berlakunya Hijrah, Rasulullah telah mengadakan ikatan setia dengan orang-orang Arab Madinah dalam tiga peringkat, iaitu pada tahun-tahun ke-11, 12 dan 13 sesudah Nabi diutus. Perjanjian ini diadakan di Aqabah, hingga lebih terkenal sebagai *Bai'atul-Aqabah*. Pada hakikatnya, perjanjian-perjanjian ini adalah semacam kontrak yang jelas untuk mendirikan sebuah negara Islam yang pertama sekali. Kontrak ini memberi mandat (kekuasaan) kepada Baginda dan merupakan pernyataan ketaatan yang menyeluruh terhadap kepimpinannya.

Mandat tersebut, kemudiannya diperkukuhkan lagi selepas Nabi menetap di Madinah, iaitu dengan mengadakan perjanjian bertulis dengan golongan bukan Islam. Di antara isi kandungan '*Sahifah Madinah*' yang terpenting ialah, pengakuan atau pengiktirafan penduduk Madinah, termasuk golongan bukan Islam, terhadap Muhammad sebagai pemimpin tertinggi mereka.

Demikianlah proses terbentuknya negara Islam yang pertama dalam sejarah seperti yang dibicarakan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan. Dengan ini terbuktilah sahnya kepimpinan Rasulullah di Madinah, dan kelirunya dakwaan kalangan orientalis bahawa

Muhammad adalah seorang 'perampas kuasa' dari tangan calon sebenar, iaitu Abdullah bin Ubayy.

Adapun tentang aspek kedua, adalah jelas bahawa pembentukan negara Islam itu dibuat di sebuah negeri yang terdiri dari masyarakat berbilang bangsa dan agama. Sungguhpun begitu, kepelbagaian seperti ini tidak menghalang baginda untuk mewujudkan sebuah negara Islam di mana hukum-hakam Islam berdaulat di dalamnya. Jadi, wujudnya sebuah masyarakat majmuk tidaklah menjadi halangan bagi baginda atau sesiapa sahaja untuk melaksanakan syariat Islam, oleh kerana terutusnya Muhammad adalah untuk membawa 'rahmat bagi sekalian alam', bukannya untuk golongan tertentu (Islam) sahaja.

Pentadbiran Negara Islam Madinah

Dalam Islam, tidak ada apa yang dinamakan dasar sekularisme, iaitu dasar pemisahan antara agama dengan politik. Di zaman generasi pertama Islam, pentadbiran negara berpusat di masjid. Antara urusan masjid dengan urusan kenegaraan, kedua-duanya seiring sejalan. Sesungguhnya, sekularisme, bukannya berasal dari tradisi Islam, tetapi dari tradisi Kristian Barat yang menuntut:

> *Render unto Caesar the things which are Caesar's and unto God the things which are God's. (St. Methews 22:21)*

Berikutnya, ialah 'Jemaah Menteri Rasulullah' yang menjalankan pentadbiran negara Islam Madinah:

Ketua Negara:	Muhammad Rasulullah
Menteri-menteri:	Abu Bakar al-Siddiq Umar al-Khattab
Hakim Mahkamah:	Abdullah bin Naufal dan lain-lain
Majlis Perwakilan:	Hamzah bin Abdul Mutalib Jaafar bin Abu Talib Abu Bakar al-Siddiq Umar al-Khattab Usman bin Affan Ali bin Abu Talib Abdullah bin Mas'ud Huzaifah al-Yaman Abu Zaral-Ghifary Miqdad al-Aswad Bilal bin Rabah Aishah binti Abu Bakar

Mengenai urusan-urusan eksekutif, ianya dijalan seperti berikut:

Bendahari Negara:	Abu Ubaidah al-Jarrah
Jurubahasa:	Zaid bin Thabit
Setiausaha Negara:	Harith bin Auf al-Marj
	Hanzhah bin Rabi' (wakil)

Setiausaha-setiausaha:

1. Dalam Negeri:
   Abu Dajnah al-Saadi
   Siba' bin Urfazhah
2. Luar Negeri:
   Ali bin Abu Talib (hubungan persahabatan)
   Abdullah bin Arqam (hubungan luar negeri)
   Shurahbil bin Hasanah (surat-surat perwakilan)
3. Pertahanan:
   Abdullah bin Jahsy
   Ubaidah bin Harith dan lain-lain
4. Ekonomi:
   Huzaifah al-Yaman (pertanian)
   Al-Mughirah bin Abu Shu'bah (perdagangan dan transaksi)
   Husain bin Numair (sama)
   'Ila bin Utbah (pendaftaran perusahaan penduduk)
   Abdullah bin Arqam (sama)
5. Kewangan dan Sosial:
   Zubair al-Awwam (zakat)
   Jahm bin al-Syalt (sama)
   Mu'iqib bin Fatimah (penghasilan lain)
   Kaab bin Umar al-Ansari (pengeluaran negara)
6. Pendidikan:
   Hakam bin Saad (guru di Madinah)
   Syifa' dan Ummu Sulaiman (guru wanita)
   Ubadah bin Syamit (guru agama)
7. Kesihatan:
   Harith bin Kindah
   Rufidah al-Islami (Palang Merah)
8. Penerangan:
   Hassan bin Thabit (penyair)
   Abdullah bin Ruwahah (sama)
   Kaab bin Malik (sama)
   Thabit bin Qais (jurupenerang)
   Muaz bin Jabal (hukum halal-haram)
   Abdullah bin Abbas (pentafsir al-Quran)
   Zaid bin Thabit (hukum waris)

Abdullah bin Mas'ud (penghimpunan al-Quran)
Ubayy bin Kaab (sama)

9. Keamanan dan Pengawasan:
   Qais bin Saad bin Ubadah (pengawasan)
   Umar al-Khattab (pengawasan susila)
10. Perkhidmatan Awam: Usman bin Affan
    Pencatat al-Quran: 42 orang
    Protokol: 10 orang
    Penolong Peribadi: Huzaifah al-Yaman

Gabenor-gabenor Wilayah:

1. Utab bin Usaid (Makkah)
2. Bazan bin Sasan (Yaman)
3. Khalid bin Said al-Ass (Najran)
4. Zaid bin Lubaid (Hadhramaut)
5. Abu Musa al-Shaari (Maghribi dan Aden)
6. Muaz bin Jabal (Yaman)
7. Ya'la bin Umayyah (al-Jundi)
8. Umar bin Shihar al-Hamdani (Hamdan)
9. Amru bin Hazmin (Hajran)
10. Zahir bin Abi Halah (Aka dan Asy'arin)
11. Abu Sufyan bin Harb (Najran)
12. Akashah bin Thur (Sakasik dan Sakun)
13. 'Illa bin Hadhrami (Bahrin)
14. Yazid bin Abu Sufyan (Tihamah)
15. Amru ibnul-Ass (Oman)
16. Wail bin Hajr al-Hamdani (Hadhramaut)
17. Abu Bakar al-Siddiq (memimpin ibadat haji pada 9 H. yang bertaraf gabenor)

Duta-duta dan perwakilan istimewa: 23 orang.

Hukum-hukum Islam di Madinah

Jika pada zaman Makkah sebelumnya, dakwah Islam lebih memberatkan persoalan akidah dan juga aspek akhlak dan ibadat, maka pada zaman Madinah ini, barulah ianya merangkumi aspek-aspek hukum dan perundangan yang lebih luas. Tentang hukum ibadat misalnya, ia meliputi hukum-hukum puasa, zakat dan haji. Demikian juga diturunkan hukum-hukum *munakahat, faraid, muamalat, jinayat* atau *hudud, siasah, jihad* dan sebagainya. Semuanya ini dapat dilihat pada ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di Madinah dan juga hadis-hadis Rasulullah yang mana mempunyai perbezaan dengan zaman Makkah dulu.

BAB 9: JIHAD DI JALAN ALLAH

Pengertian Jihad

MENURUT takrifnya, jihad bererti menegakkan kalimah Allah (akidah dan hukum) di muka bumi. Bagi Sayyid Qutb, maknanya harus dirujuk kepada pengertian 'Islam' itu sendiri yang bererti 'penyerahan diri'. Islam, adalah merupakan suatu proklamasi umum untuk membebaskan umat manusia di bumi daripada menjadi mangsa pengabdian oleh manusia atas sesama manusia kepada pengakuan ketuhanan Allah s.w.t. Untuk menuju ke arah matlamat pembebasan seluruh umat manusia di muka bumi ini, tentunya terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk tentangan dan cabaran, baik berbentuk akidah mahupun kekuasaan-kekuasaan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Di sinilah timbulnya keperluan berjihad, iaitu suatu perjuangan baik secara dakwah mahupun harakah untuk membebaskan manusia dari pengabdian terhadap sebarang bentuk kuasa selain Allah s.w.t.

Dari segi hukumnya, para ulama sepakat mengatakan bahawa perang jihad di jalan Allah itu fardu, baik fardu 'Ain mahupun fardu Kifayah. Jika tujuan jihad itu untuk mempertahankan serangan-serangan yang dilancarkan oleh orang-orang Islam, maka ketika itu hukumnya fardu 'Ain. Tetapi jika tujuannya untuk menyebarkan ajaran-ajaran Islam, maka ketika itu hukumnya fardu Kifayah, yakni golongan tertentu sahaja (tidak kesemua) yang menjalankannya. Bagaimanapun, melihat kepada serba-serbi kekurangan dan kelemahan jiwa di kalangan umat Islam hari ini, Hassan al-Bana berpendapat bahawa niat jihad dan bersiap sedia untuk melancarkan sebarang jihad itu sudah menjadi fardu 'Ain di atas setiap umat Islam, sehingga kalau mereka berpeluang melancarkan sebarang jihad, maka perlaksanaan akan terus dijalankan dengan secara licin.

Menurut Dr. Abdul Qadir Audah, jihad itu menjadi fardu 'Ain dalam tiga tempat:

1. Apabila bertemu dan berhadapan dua pasukan, haramlah lari atas orang yang ikut berperang (*al-Anfal: 15 & 45*).
2. Apabila kaum kafir telah datang ke negeri Islam, wajiblah mereka mempertahankan negerinya, demi mempertahankan agama *(al-Baqarah: 19, al-Anfal: 39)*.
3. Apabila pemimpin telah memerintahkan kepada suatu kaum

(umat) untuk berangkat ke medan perang, wajiblah ia mengikuti pemimpin itu (*at-Taubah: 38*).

Sewaktu mengkaji tentang sebab-sebab peperangan di zaman Rasulullah, kebanyakan orang menganggap bahawa ianya lebih berbentuk 'defensif' (bertahan), yakni kerana mempertahankan diri. Kata mereka, Allah hanya mengizinkan berperang jika untuk mempertahankan diri sahaja. Tetapi bagi Sayyid Qutb, jika dikaji latar belakang kejadian Perang Badar misalnya, maka sama sekali tidak akan berbangkit langsung alasan 'mempertahankan diri' tersebut. Sebarang usaha untuk menyempitkan pengertian jihad dan memanggilnya sebagai gerakan 'defensif' semata-mata, adalah suatu usaha yang berpunca dari kurang pengertian mengenai tabiat agama dan peranannya untuk membebaskan manusia dari sebarang bentuk pengabdian yang selain Allah.

Sebenarnya menurut Sayyid Qutb, penggerak asasi sentiasa hidup tegak, walaupun tiada sebarang bentuk permusuhan atas negara Islam, kerana ia adalah tenaga pendorong yang sejati lagi abadi, bukan sekadar berpunca dari maksud mempertahankan diri sahaja yang sangat sementara sifatnya. Sesungguhnya, kuasa-kuasa yang menentang Islam itu telah pernah memutuskan untuk tidak lagi menyerang Islam, seandainya Islam sanggup membiarkan mereka meneruskan sikap dan dasar pengabdian diri yang selain daripada Allah, dalam lingkungan diri atau negeri mereka sendiri. Tetapi Islam tidak pernah mahu bertolak-ansur dengan mereka, kecuali setelah mereka mengaku akan tunduk dan patuh di bawah kekuasaan Islam dalam bentuk membayar jizyah, sebagai jaminan bagi terbukanya pintu dakwah Islam tanpa diganggu-gugat oleh apa jua kekuasaan pun di dalam negeri itu.

Fakta inilah yang menjadi sandaran di dalam hati para mujahid Islam. Bila ditanya mengenai apakah motif perjuangan mereka, mereka tidak akan pernah menjawab "untuk mempertahankan diri", sebaliknya mereka akan terus menjawab seperti jawapan Rab'a bin Amir dan al-Mughirah bin Abu Shu'bah kepada Rustum, panglima perang Farsi dalam Perang al-Qadisiyah yang telah bertanya kepada mereka seorang demi seorang dalam tempoh tiga hari berturut-turut sebelum berlakunya peperangan itu. Ketika ditanya oleh Rustum tentang apakah motif mereka untuk berperang dengan Farsi, jawapan mereka tetap sama dengan yang lain: "Bahawa Allah telah mengutus kami untuk mengajak dan menyeru tuan-tuan dan semua orang yang menumpahkan taatsetianya kepada sesama manusia untuk bersama-sama dengan kami menyembah dan menumpah pengabdian kepada Allah dan menarik mereka keluar daripada kesempitan hidup dunia kepada medan hidup yang lebih selesa di dunia dan akhirat...... Sesiapa sahaja yang menerima Islam maka kami sambut mereka dan kami

akan meninggalkan negeri mereka, kami tinggalkan mereka terus berkuasa di negeri mereka sendiri. Sebaliknya, sesiapa sahaja yang angkuh dan enggan menerima Islam maka kami akan memerangi mereka sehingga kami mendapat kurnia syurga Allah atau kami beroleh kemenangan."

Demikianlah hakikat jihad dan hakikat peperangan dalam Islam, bukannya bersifat sementara untuk 'mempertahankan diri' sahaja, tetapi bersifat abadi dan terus-menerus, sejajar dengan tujuan Islam sendiri untuk membebaskan umat manusia di bumi daripada mengabdi sesama manusia kepada menyembah Allah sahaja. Ia merupakan suatu proklamasi untuk mengambil balik kekuasaan Allah yang telah diragut daripada-Nya. Sesungguhnya, dalam memahami konsep jihad dalam Islam, ianya haruslah merujuk kepada pengertian Islam itu sendiri. Kedua-duanya adalah seiring sejalan, bahkan memang tidak dapat dipisahkan sama sekali.

Cabaran Golongan Munafikin dan Yahudi

Golongan Munafikin

Golongan yang berpura-pura memeluk Islam ini diketuai oleh Abdullah bin Ubayy bin Salul, seorang pemimpin Arab dari suku Khazraj yang sebelum kedatangan Muhammad telah dicalonkan sebagai raja kota Madinah. Ini kerana sikapnya yang neutral (berkecuali) dalam Perang Buath terutama ketika seorang pemimpin Khazraj, Amru bin Nukman telah bertindak membunuh tawanan-tawanan Yahudi Bani Quraidzah dan Bani Nadhir kerana memihak kepada suku Aus. Tetapi dengan ketibaan Muhammad, terkuburlah segala cita-citanya yang sekian lama tersebut. Maka tidak hairanlah jika kerana itu kaum munafik lalu menjadi musuh dalam selimut yang kalau bersama Nabi begitu sekali sopan-santunnya, tetapi sentiasa menunggu kesempatan untuk menghapuskan kaum Muslimin. Begitupun Nabi sentiasa bersikap lunak terhadap mereka sehingga baginda tidak merasakan perlunya disediakan apa-apa bentuk pertahanan dari mereka melainkan sekadar tunggu dan lihat sahaja.

Pernah terjadi suatu ketika apabila Rasulullah menunggang keldai untuk menziarahi Saad bin Ubadah, di tengah jalan baginda berpapasan dengan Abdullah bin Ubayy bersama-sama orang-orang Yahudi dan musyrik yang lain. Melihatnya, Abdullah lalu meminta Nabi menyimpang jauh lantaran bau keldai yang katanya busuk dan mengeluarkan debu-debu bertaburan. Ini menimbulkan kemarahan seorang Islam, lalu mengatakan bahawa bau keldai Rasulullah lebih wangi dari bau badan Abdullah sendiri. Akibatnya, berlakulah pertengkaran kecil dengan menggunakan pelepah

tamar di antara sahabat-sahabat Nabi dengan pengikut-pengikut Abdullah bin Ubayy.

Akhirnya, Rasulullah meleraikannya di samping membacakan al-Quran sebagai ingatan kepada mereka. Maka berkatalah Abdullah: "Benar! Tiada yang lebih indah dari kata-kata tuan. Tetapi jika ia benar, hendaklah tuan duduk diam di tempat tuan. Sesiapa yang datang kepada tuan silalah tuan berbicara dengannya, tetapi orang yang tidak datang, tuan jangan mendesaknya!" Setelah itu Nabi terus menemui Saad bin Ubadah dan menyampaikan apa yang dikatakan oleh Abdullah tersebut. Mendengarnya Saad berkata: "Kasihanilah dia Rasulullah, kerana waktu tuan datang ke sini, kami telahpun menyiapkan rotan untuk mahkotanya. Ia menganggap tuanlah orangnya yang merampas hak kerajaan dari tangannya."

Kecurangan kaum munafik lebih ketara lagi dalam saat-saat yang genting, terutamanya dalam peperangan. Misalnya apabila tentera Islam baru saja berangkat untuk menghadapi Perang Uhud(3 H.), Abdullah bin Ubayy bersama-sama pengikutnya yang berjumlah 300 orang, lalu kembali ke Madinah, kononnya kerana Nabi tidak menerima usulnya agar musuh-musuh dihadapi dari dalam kota saja. Kemudiannya dalam Perang al-Ahzaab (5 H.), mereka enggan bekerjasama dengan Nabi untuk menggali parit (*Khandaq*), malah mereka menawarkan pertolongan kepada Yahudi Bani Quraidzah yang mujurlah tidak jadi diberikan.

Dalam perjalanan kembali dari Perang Bani Mustaliq (6 H.), Abdullah telah menghasut pengikut-pengikutnya agar memberontak terhadap Rasulullah serta orang-orang Muhajirin yang disifatkannya sebagai oportunis. Tidak cukup setakat itu, dalam peristiwa 'Pesona Keji' (*Hadithul-ifki)* terhadap peribadi Saiyidatina Aishah, merekalah yang menjadi biang keladinya, sehingga dikatakan Saiyidina Ali sendiri hampir mempercayainya. Dan, dalam Perang Tabuk (9 H.) pula mereka sekali lagi menarik diri kononnya kerana tidak tahan dengan suhu panas. Anehnya selesai saja perang tersebut, mereka lalu meminta izinnya daripada Nabi untuk ikut berperang yang mana dengan tegas ditolak oleh baginda. Malah sebelum baginda berangkat ke Tabuk, mereka telah mendirikan Masjid Dhirar di Quba sebagai markas perundingan mereka buat menghancurkan Islam. Begitu pun masjid ini lalu diroboh dan dibakar oleh Nabi sekembalinya dari perang tersebut.

Semuanya itu memperlihatkan sikap mereka yang bukan sahaja menimbulkan kemarahan kaum Muslimin, bahkan anak Abdullah bin Ubayy dikatakan pernah meminta kebenaran daripada Rasulullah untuk membunuh ayahnya tetapi ditegah oleh baginda. Dan, apabila Abdullah meninggal, Nabi masih ingin menunjukkan sikap timbang-rasanya sehingga sangup

menyembahyangkan jenazahnya, tetapi tindakan baginda itu kemudian telah dilarang oleh Allah s.w.t. (*at-Taubah: 84*).

Golongan Yahudi

Di antara golongan yang paling berpengaruh dan ramai pula jumlahnya ialah kaum Yahudi Bani Qainuqa, Bani Nadhir dan Bani Quraidzah. Dengan termeterainya perjanjian antara mereka dengan Nabi, terpaksalah sikap protes mereka dipendamkan buat sementara waktu. Walaupun pada tahap awalnya mereka mengira bahawa pihak Quraisy sendiri berupaya menghancurkan Islam, tetapi sebaliknya mereka dapati pengaruh Islam semakin tersebar. Tidak setakat itu sahaja, kewibawaan Muhammad dalam mengintegrasikan suku Aus dengan Khazraj menjadikannya suatu ancaman besar kepada mereka, yang selama ini hidup di atas perpecahan suku-suku tersebut. Maka demi masa depan mereka, perlulah Islam atau Muhammad khususnya dilenyapkan. Untuk itu dipergunakan pelbagai taktik secara berperingkat-peringkat sepertimana tentangan orang-orang Quraisy dulu.

Langkah pertama, ialah secara peperangan lisan iaitu dengan menimbulkan keraguan-keraguan kaum Muslimin terhadap Allah sebagai Pencipta dengan yang diciptakan. Tentangan seperti ini dengan mudah ditangkis oleh Nabi dengan turunnya ayat: "*Katakanlah: Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dan tidak beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia*" (*al-Ikhlas: 14*).

Setelah cara ini gagal, dalam menggoncangkan iktikad kaum Muslimin, mereka lalu mengadudombakan antara orang-orang Aus dan Khazraj agar mereka kembali bercerai-berai seperti dulu. Tetapi, untunglah Muhammad segera menyedarkan kedua kaum ini sehingga timbul keinsafan sambil memohon keampunan kepada Allah. Apabila ini pun tidak berjaya, mereka lalu berusaha agar Nabi terhindar dari Madinah. Kata mereka: "Semua Rasul yang terdahulu telah mengunjungi Baitul-Maqdis dan menetap di sana. Kerana itu apabila engkau (Muhammad) orang yang benar menjadi Rasul, adalah sudah sewajarnya berbuat seperti itu." Tetapi dengan turunnya ayat al-Quran (*al-Baqarah: 144*) yang menghendaki agar baginda berkiblat ke Baitullah setelah 16 bulan menghadap ke Baitul-Maqdis, timbul pula bantahan dari kaum Yahudi sambil mengatakan bahawa mereka akan mengikutinya sekiranya baginda balik semula mengadap kiblat lamanya. Lantaran peristiwa ini turunlah ayat al-Quran (*al-Baqarah: 145*) yang memperlihatkan isi hati mereka yang curang itu.

Demi memelihara kesatuan umat, Rasulullah lalu mengajak

kesemua golongan Yahudi dan Nasrani untuk *'bermubahalah' (Ali-Imran: 61)* yakni masing-masing pihak berdoa kepada Allah agar menjatuhkan laknat di saat itu juga. Bagaimanapun, mereka menolaknya lantaran mereka sendiri mengetahui akibat buruknya jika disambut juga cabaran tersebut. Meskipun pihak Yahudi tidak terlibat sepenuhnya dalam muktamar ini, tetapi niat mereka memang ingin mengeruhkan suasana. Namun cabaran *'bermubahalah'* itu menyebabkan mereka mendiamkan diri. Setelah kegagalan inilah, baru mereka menempuh jalan kekerasan pula. Dan golongan yang pertama menunjukkan belangnya ialah Bani Qainuqa.

Dikatakan bahawa kemenangan besar kaum Muslimin dalam Perang Badar telah sengaja diperkecil-kecilkan oleh Bani Qainuqa. Bahkan sanggup pula mereka mencabar agar orang Islam menentang mereka yang kononnya lebih handal dari kaum Quraisy. Pada mulanya Rasulullah berasa agak bimbang terhadap pengkhianatan mereka, tetapi dengan turunnya ayat al-Quran (*al-Anfal: 58*), mulalah baginda mengadakan tindakan disiplin terhadap mereka. Apa lagi pernah terjadi apabila seorang wanita Muslim diganggu oleh mereka, dan akibatnya seorang daripada Bani Qainuqa telah dibunuh oleh seorang Muslim yang melihat kejadian itu. Maka disebar-sebarkanlah fitnah jahat mengatakan bahawa Nabi mengkhianati janjinya. Ini menjadi bahawa baginda mengepung rumah-rumah Bani Qainuqa tersebut. Tetapi, sebelum apa-apa hukuman dijatuhkan, Abdullah bin Ubayy meminta agar mereka dihalau sahaja yang mana Nabi menyetujuinya. Setelah diusir mereka menuju ke Wadil-Qura dan beberapa tempat di Sham.

Tentang Bani Nadhir pula, faktor yang menyebabkan mereka turut terusir berkait rapat dengan peristiwa terbunuhnya dua orang dari suku Bani Kilab tanpa sengaja oleh Amru bin Umayyah Ad-Dhamary, seorang utusan Nabi ke Nejd. Dan kerana diat yang hendak dibayar itu tidak mampu dipikul oleh kaum Muslimin yang terdesak itu, Nabi lalu mendatangi Bani Nadhir meminta bantuan. Sungguhpun mereka mengaku untuk menolongnya, tetapi ketika Nabi dan sahabatnya sedang menunggu dekat sebuah tembok, mereka mengambil kesempatan untuk membunuhnya seperti yang tersebut dalam al-Quran (*al-Maidah: 11*). Akibatnya berlaku sekali lagi kepungan terhadap perkampungan mereka selama hampir seminggu sehinggalah mereka sendiri meminta untuk meninggalkan Madinah. Nabi menerimanya dengan syarat tidak membawa baju besi bersama-sama. Akhirnya mereka menetap di Sham, dan berkembang biak di Khaibar.

Kepesatan perkembangan mereka di Khaibar menempatkan mereka sebagai pembesar-pembesar yang berpengaruh sehingga

timbul keyakinan untuk menyerang balas kaum Muslimin. Maka dihasutlah kabilah-kabilah Quraisy, Ghatfan, Salim, Asjad, Murrah dan lain-lainnya buat bersekutu menumpaskan Islam. Dan ketika Madinah dalam posisi tersepit oleh kepungan mereka inilah pemimpin Bani Nadhir, Huyai bin Akhtab mengajak Kaab bin Asad ketua Bani Quraidzah agar turut bergabung dengan mereka. Sebenarnya, Kaab sedikit pun tidak tertarik malah enggan mencabuli persetiaan dengan Muhammad, walaupun berkali-kali didesak oleh Huyai. Hanya apabila Huyai memberi jaminan kepadanya bahawa Bani Nadhir sanggup bersama Bani Quraidzah dalam perjuangan menghadapi Muhammad meskipun pasukan al-Ahzaab kembali ke Makkah itulah baru Kaab mulai keluar dari sikap *neutral*nya. Penyelewengan Bani Quraidzah tersebut cukup mengejutkan kaum Muslimin sehingga Rasulullah terus mengutus Saad bin Ubadah dan Saad bin Muaz untuk menasihati mereka yang mana telah ditolak oleh Kaab dengan angkuhnya.

Sebagaimana yang akan dijelaskan nanti, tentera al-Ahzaab terpaksa meninggalkan Madinah dengan penuh hampa sekali. Kemudiannya Bani Quraidzah telah dikepung selama hampir sebulan sehingga mereka terpaksa menyerah diri. Atas kemahuan mereka juga maka dilantiklah Saad bin Muaz sebagai hakim. Dengan berpandukan prinsip kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam Perjanjian Madinah, maka dijatuhkan hukumannya berdasarkan kitab Taurat *20:10 — 18* di mana kaum lelaki dibunuh, sedang wanita dan anak-anak ditawan.

Gerakan-gerakan Militer

Banyak peperangan berlaku pada zaman Rasulullah. Antaranya 27 kali turut disertai oleh Nabi (dipanggil 'Ghazwah'), termasuk 9 kali di mana baginda benar-benar turut berjuang. Sedangkan 38 peperangan lain cuma diwakilkan (dipanggil 'Sariyah') kepada para sahabatnya sebagai pemimpin. Berikutnya dibincangkan beberapa peperangan yang dianggap penting, iaitu:

Peperangan Badar al-Kubra (17 Ramadan 2 H.)

Disebut 'al-Kubra' kerana sebelum tercetusnya peperangan ini, berlaku beberapa perkelahian antara pasukan-pasukan Islam (Muhajirin) dengan kafilah-kafilah Quraisy. Tujuannya, bukan sahaja sekadar menyedarkan orang-orang Quraisy, bahawa kepentingan mereka bergantung kepada adanya saling pengertian dengan kaum Muhajirin, bahkan untuk menakut-nakutkan golongan Yahudi di Madinah. Antara yang terpenting ialah bila pasukan Abdullah bin Jahsy, oleh sesuatu sebab, telah membunuh

Amr bin al-Hadhrami. Inilah darah pertama yang ditumpahkan oleh Muslimin, yang oleh orang-orang Quraisy disebarkannya provokasi bahawa Muhammad melakukan pembunuhan dalam bulan suci.

Menjelang tahun kedua Hijrah, sekali lagi Muhammad mengirim pasukan-pasukan untuk menyekat kafilah-kafilah perdagangan Quraisy, khasnya yang dipimpin oleh Abu Sufyan bin Harb. Jika ekspedisi-ekspedisi awal tadi cuma kaum Muhajirin sahaja yang terlibat, maka kali ini ianya disertai pula oleh kaum Ansar. Malangnya kafilah yang dinanti-nanti di Badar itu tidak tiba, sebaliknya di depan kaum Muslimin tercegat angkatan perang Quraisy. Maka berlakulah peperangan yang berakhir dengan kemenangan kaum Muslimin.

Kemenangan ini penting sekali dalam sejarah Islam, kerana bagi Muhammad: "Ya Tuhanku! Andai kata kelompok ini hancur, siapakah lagi yang akan menyembah-Mu di permukaan bumi ini?" Sebab itu kaum Muslimin menganggap peperangan ini sebagai *al-Ghazwatul-Furqan* (peperangan yang menentukan), kerana dengan peperangan ini Tuhan telah menentukan mana yang hak dan mana yang batil.

Dari jumlah 1,000 orang tentera Quraisy itu, yang gugur ialah 70 orang, termasuk pemuka-pemuka mereka. Sedangkan dari jumlah 313 tentera Islam, cuma 14 orang sahaja yang gugur syahid. Kaum Muslimin dapat pula menawan 70 orang musuh, tetapi dua orang sahaja — Uqbah bin Abi Muit dan Nadzr bin al-Harith — yang dibunuh, kerana kedua-duanya merupakan bahaya yang selalu mengancam kaum Muslimin di Makkah dulu. Sedangkan yang lain-lainnya diminta menebus dirinya, kecuali seorang penyair, Abu Azza Amr al-Jumahi yang dibebaskan oleh Nabi kerana kemiskinannya dan pengakuannya untuk tidak lagi memerangi Nabi. Malangnya dalam Peperangan Uhud dia kembali menentang Nabi, tetapi ditawan serta dibunuh. Akibat langsung daripada Peperangan Badar ini ialah berlakunya serangan terhadap kaum Yahudi Bani Qainuqa. Hal ini akan kita bicarakan nanti.

Beberapa *ibrah* (teladan):

i. Dengan keyakinan dan akidah yang kukuh, jumlah yang sedikit dapat menewaskan yang ramai. Sungguhpun sebenarnya Allah dan malaikatlah yang menolong mereka *(al-Anfal: 12 & 17)*, tetapi semuanya itu berasaskan keyakinan jua.
ii. Demi menegakkan keyakinan, umat Islam dimestikan berjihad meskipun terpaksa menghadapi bangsa dan keluarga sendiri.

iii. Pembunuhan dua orang tawanan perang tersebut adalah memandangkan betapa berbahayanya mereka terhadap Islam, bukannya suatu bukti bahawa agama Islam sangat dahagakan darah seperti tuduhan kaum orientalis.
iv. Islam sangat mementingkan ilmu, kerana tawanan-tawanan yang miskin tetapi mempunyai kebolehan membaca dan menulis dapat menebus dirinya dengan mengajar 10 orang kanak-kanak Muslimin sehingga pandai.
v. Islam sangat menjunjung prinsip *syura*. Dalam peristiwa ini, Rasulullah sanggup menurut cadangan Hubab ibnul-Munzir mengenai masalah strategi peperangan, meminta pendapat kaum Ansar tentang kesanggupan mereka menyertainya, serta berbincang tentang tindakan apakah yang sebaik-baiknya dilakukan terhadap tawanan-tawanan perang itu.

Peperangan Uhud (Sya'ban 3 H.)

Peperangan ini berlaku disebabkan keinginan kaum Quraisy untuk menuntut bela di atas kekalahan mereka dalam Peperangan Badar dulu. Untuk itu mereka menahan (tidak membelanjakan) harta benda mereka, bahkan menjual terus kafilah perdagangan mereka untuk membiayai peperangan baru. Tidak setakat itu, bersama-sama orang Quraisy terdapat juga Bani Harith, Bani Haun dan Bani Mustaliq yang jumlah kesemuanya lebih kurang 3,000 orang, termasuk kaum wanita untuk memberi semangat kepada mereka.

Oleh itu, Nabi mengadakan musyawarah tentang bagaimana strategi untuk menghadapinya. Cadangan Nabi yang disetujui oleh Abdullah bin Ubayy, agar kaum Muslimin mempertahankan diri dari dalam negeri Madinah telah ditolak oleh suara majoriti yang ingin menghadapi orang-orang Quraisy di luar kota. Dengan angkatan berjumlah 1,000 orang, Nabi memerintah agar barisan belakangnya bertahan sahaja di Bukit Uhud, sama ada barisan depan kalah atau menang. Tetapi sebaik saja angkatan Muslimin berangkat, sekumpulan kaum Munafiqin pimpinan Abdullah bin Ubayy mengundurkan diri, kononnya kerana Nabi menolak usulnya. Tindakan ini berlaku selepas mereka ditemui oleh sekutu Abdullah dari kaum Yahudi yang ditolak khidmat mereka oleh Nabi. Penolakan bantuan ini adalah kerana sabda baginda: "Jangan minta pertolongan orang-orang musyrik dalam melawan orang musyrik, sebelum mereka masuk Islam."

Berkat pimpinan yang bijaksana dan kekuatan iman, tentera-tentera Quraisy dapat dipukul pada peringkat awalnya. Tetapi sebelum kaum Muslimin mencapai kemenangan yang mutlak, tiba-tiba mereka mulai tamak dan berebut rampasan perang, terutamanya pasukan pemanah di atas bukit tersebut. Kesempatan

ini dipergunakan sebaik-baiknya oleh Khalid al-Walid, ketua pasukan berkuda Makkah hingga akibatnya angkatan Madinah menjadi kucar-kacir. Bagaimanapun, peperangan ini segera dihentikan, setelah seorang Quraisy berteriak mengatakan yang Muhammad sudah terbunuh.

Justeru Muhammad sebenarnya masih selamat, Kaab bin Malik al-Ansari cuba berteriak untuk memberitahu kedudukan sebenar. Tetapi segera disuruh oleh baginda agar berdiam sahaja, agar korban di pihak kaum Muslimin tidak bertambah ramai. Dalam peperangan ini, dari kalangan Muslimin gugur 70 orang, termasuk Hamzah bin Abdul Mutalib yang dibunuh oleh Wahsyi.

Lanjutan Peperangan Uhud

i. Selesai sahaja peperangan ini, Bani Asad dan Bani Hudhail cuba mengambil kesempatan untuk menyerang Nabi. Bagaimanapun, Bani Asad dapat dimusnahkan oleh Nabi, demikian juga ketua Hudhail iaitu Khalid bin Sufyan telah dibunuh oleh Abdullah bin Unais. Sebagai tipu muslihat, kabilah Hudhail telah meminta agar Nabi mengirimkan kepada mereka pendakwah-pendakwah, yang segera dipenuhi oleh Nabi. Malangnya tiga orang daripadanya telah dibunuh oleh mereka, sedang dua orang yang lain telah dibawa ke Makkah untuk dijual, dan kemudiannya dibunuh oleh orang-orang Quraisy.

ii. Atas permintaan Abu Bara', Nabi mengirim satu delegasi ke Nejd untuk mengajak penduduk-penduduknya masuk Islam. Tetapi bila sampai di Bi'r Ma'unah, mereka diserang oleh Amr bin Tufail, kecuali Amru bin Umaiyah yang dapat menyelamatkan dirinya. Dalam perjalanan pulang, Amru lalu membunuh dua orang dari Bani Kilab bin Rabiah yang disangkanya telah membunuh teman-temannya itu. Kerana Bani Kilab telah mengikat perjanjian *Jiwar* (bertetangga baik) dengan Nabi, terpaksalah dibayar diat kepada mereka. Untuk itu Nabi cuba meminta bantuan Yahudi Bani Nadhir. Tetapi ketika Nabi menunggu bantuan mereka, Bani Nadhir lalu mengambil kesempatan untuk membunuh Nabi. Ini memaksa Nabi untuk pulang segera, dan kemudian mengatur suatu serangan terhadap mereka. Hal ini akan kita bicarakan nanti.

iii Kemenangan orang-orang Quraisy menjadikan mereka semakin ghairah untuk mengerahkan tenteranya sekali lagi bagi menghancur-leburkan kaum Muslimin. Sebab itu mereka mencabar Nabi untuk berperang semula, yang nampaknya segera disambut oleh Nabi. Tetapi ketika Nabi menunggu mereka di Badar, pasukan tentera Quraisy yang dipimpin oleh

Abu Sufyan bin Harb itu kembali pulang ke Makkah. Tindakan ini telah menaikkan kembali imej kaum Muslimin yang tertewas dalam Peperangan Uhud itu.

Beberapa teladan:

a. Sekali lagi Nabi menghormati prinsip musyawarah, hingga sanggup mengenepikan pendapatnya untuk memilih pendapat majoriti.
b. Pengaruh harta kadangkalanya dapat melemahkan kekuatan iman.
c. Sungguhpun tipu muslihat diizinkan dalam peperangan, tetapi orang-orang Islam dilarang meminta bantuan orang-orang musyrik untuk melawan orang-orang musyrik juga.
d. Jika dalam Peperangan Badar dahulu kaum orientalis menempelak kaum Muslimin sebagai 'dahagakan darah' kerana membunuh dua orang tawanan Quraisy, tetapi apabila tindakan yang sama dilakukan oleh Bani Hudhail dan kaum Quraisy sendiri terhadap mubaligh-mubaligh Islam (yang tidak berdosa dan tidak pula di dalam peperangan), para orientalis nampaknya membisu seribu bahasa!

Peperangan al-Ahzaab (5 H.)

Beberapa faktor yang saling kait-mengait telah membawa kepada meletusnya peperangan ini. Apa yang penting sekali ialah peranan Yahudi Bani Nadhir yang bertanggungjawab mengumpulkan suatu barisan oposisi yang besar, iaitu berjumlah 10,000 orang yang terdiri dari pasukan-pasukan Quraisy, Bani Murrah, Bani Ghatfan, Bani Asad, Bani Asjad, Bani Salim dan Bani Nadhir sendiri.

Penglibatan kaum Quraisy bersama sekutu-sekutu lain (al-Ahzaab) bukan tidak ada sebabnya. Kalau dengan kemenangan mereka dalam Peperangan Uhud tersebut telah menguatkan semula azam mereka untuk mencapai kemenangan muktamad, maka faktor perniagaan membuatkan mereka mahu menghancurkan terus kaum Muslimin. Sebagai kawasan lalu-lalang bagi kafilah-kafilah perdagangan Quraisy ke Sham, maka wujudnya Madinah merupakan gangguan besar terhadap *survival* mereka. Jadi dari pihak Quraisy sendiri timbul semacam keperluan bahkan kewajipan agar Madinah dihancur-leburkan.

Mendengar persiapan tentera-tentera bersekutu (*al-Ahzaab*) begitu hebat, Rasulullah lalu berunding dengan sahabat-sahabatnya tentang strategi yang sebaiknya perlu diambil. Atas cadangan Salman al-Farisi, tergalilah parit besar (*Khandaq*) sepanjang 12,000 hasta merentangi kota Madinah. Dengan

merapatkan rumah-rumah serta mengelompokkan anak-anak isteri di suatu tempat yang dikira selamat, jadilah kota Madinah sebuah benteng pertahanan yang kukuh.

Melihat benteng yang ganjil itu, tentera al-Ahzaab mula mengalami kesulitan untuk melakukan serangan. Memang terdapat seorang dua pahlawan Quraisy yang cuba menyeberanginya, tetapi gagal belaka. Meskipun hampir sebulan lamanya mereka mengepung Madinah yang menyebabkan kaum Muslimin menjadi gawat (*al-Ahzaab: 10*), tetapi yang sebenarnya menanggung keperitannya ialah pihak bersekutu sendiri. Mereka bukan sahaja harus mengalami kesusahan musim dingin, bahkan juga mengalami kebuluran lantaran ramainya jumlah mereka.

Sebagai suatu angkatan besar yang mempunyai berbagai golongan dengan kepentingan dan ketuanya sendiri, sukarlah untuk mengelakkan diri dari keinginan merebut pucuk pimpinan. Demikianlah yang terjadi apabila Abu Sufyan bin Harb merasakan dirinya sebagai ketua tertinggi, yang mana tidak disenangi oleh sekutu-sekutunya yang lain. Apa lagi pada pertimbangan mereka bahawa pihak yang benar-benar berkepentingan dalam hal ini hanyalah kaum Quraisy dan Yahudi sahaja, sedangkan mereka tidak lebih sebagai alat semata-mata. Semuanya ini menimbulkan bibit-bibit keretakan di kalangan mereka. Keretakan ini kemudiannya diperhebatkan lagi oleh Nu'aim bin Mas'ud, seorang pemimpin Bani Ghatfan yang secara senyap-senyap memeluk Islam. Dengan direstui oleh Nabi, beliau lalu melaga-lagakan tentera bersekutu dengan Yahudi Bani Quraidzah, hingga mengakibatkan masing-masing pihak mulai meragui kejujuran pihak lain.

Walau bagaimanapun, faktor terbesar yang memaksa tentera bersekutu segera berangkat ialah pertolongan Allah dalam bentuk angin badai (*al-Ahzaab: 9, 25*) yang mengakibatkan alat-alat kelengkapan dan bekalan musuh habis berterbangan. Maka bertempiaranlah orang-orang Quraisy lari ke Makkah pada malam itu juga.

Dengan kegagalan tersebut maka hilanglah harapan kaum Quraisy untuk menghancurkan kaum Muslimin. Mereka bukan sahaja terpaksa mengalami kemerosotan dalam perniagaan, bahkan lebih hebat lagi ialah jatuhnya martabat mereka di mata kabilah-kabilah Arab yang lain. Sebaliknya pula imej kaum Muslimin kembali pulih, dan mereka kini sudah dapat menghidu tanda-tanda kekalahan abadi kaum Quraisy.

Adapun bagi Bani Quraidzah yang sanggup bekerjasama dengan Bani Nadhir dalam saat-saat yang genting itu, maka Nabi lalu mempercayai Saad bin Ubadah dan Saad bin Muaz untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan tindak-tanduk mereka. Kecuali kanak-kanak dan kaum wanita, semua mereka

yang terlibat telah dibunuh, yakni setelah dikepung selama kira-kira 25 hari. Dalam Peperangan al-Ahzaab ini, di pihak kaum Muslimin gugur 6 orang, termasuk Saad bin Muaz sendiri selepas menyelesaikan hukumannya terhadap Bani Quraidzah. Sedangkan di pihak musyrikin, yang gugur cuma 3 orang sahaja.

Sebaik sahaja selesai menghancurkan Bani Quraidzah, Nabi menyiapkan pula sebuah pasukan untuk membalas kematian mubaligh-mubalighnya dua tahun dulu. Tetapi oleh kerana Bani Lihyan (sekutu Bani Hudhail) melarikan diri, tidak pula Nabi meneruskan serangannya.

Peperangan Bani Mustaliq (5 H.)

Di bawah pimpinan al-Harith bin Abi Dhirar, Bani Mustaliq berpakat untuk membunuh Muhammad. Tetapi berita ini diketahui oleh baginda, lalu dikirimnya pasukan tentera atas pimpinan bersama Abu Bakar al-Siddiq dan Saad bin Ubadah. Tidak sukar bagi pasukan Muslimin untuk menumpaskan mereka. Sebenarnya, peperangan itu sendiri tidaklah penting; yang penting ialah kesan-kesannya yang membawa malapetaka terhadap kaum Muslimin, dan khususnya keluarga Rasulullah sendiri.

Segala sesuatu bermula apabila timbul bibit-bibit prasangka di antara seorang Ansar dengan Muhajirin sebaik sahaja selesai peperangan ini. Rupanya api prasangka yang hampir dapat dipadam itu telah dicurahkan minyak oleh Abdullah bin Ubayy, agar ia kembali marak. Tindak-tanduk Abdullah itu segera sampai ke pengetahuan Rasulullah, tetapi segera pula Abdullah menafikannya. Kerana sungguh marah, Umar meminta agar Abdullah dibunuh saja, tetapi ditolak oleh Nabi. Bahkan permintaan putera Abdullah yang juga bernama Abdullah untuk membunuh ayahnya, juga ditolak oleh Nabi. Cuma yang diperintahkan oleh Nabi ialah agar kaum Muslimin segera berangkat dari Muraisi' itu.

Ketika angkatan Muslimin tiba di Madinah, tanpa disedari mereka telah meninggalkan Aishah r.a. yang terpaksa berhenti untuk menunaikan hajatnya. Sewaktu menanti kalau-kalau rombongan itu datang mencarinya, tiba-tiba lewat Safwan bin al-Mu'attal di situ. Maka dibawanya Aishah bersamanya menuju Madinah. Rupanya langkah Safwan itu telah dieksploitasi sebaik-baiknya oleh Abdullah bin Ubayy, yang lalu menyebarkan 'Pesona Keji' (*Hadithul-ifki*) terhadap Aishah.

Akibatnya bukan sahaja sangat mendukacitakan Rasulullah, bahkan Aishah sendiri jatuh sakit sampai lebih 20 hari. Hampir setiap sahabat-sahabatnya yang ditemui oleh Nabi, kebanyakannya tetap meyakini kebaikan Aishah, kecuali Ali bin Abu Taib yang

semacam ragu-ragu seperti katanya: "Rasulullah, wanita yang lain banyak." Hanya setelah mengalami kebuntuan itulah baru Nabi menemui isterinya untuk meminta pengakuan darinya. Kerana tidak bersalah, Aishah lalu berkata: "Demi Allah, saya sama sekali tidak akan bertaubat kepada Tuhan seperti yang kausebutkan itu...." Bagaimanapun Allah kemudiannya telah membersihkan peribadi Aishah melalui firman-Nya (*an-Nur: 11 — 19*), yang dengan itu kembalilah semula Aishah ke dalam hati Muhammad. Akan hal mereka yang turut menyiarkan fitnah itu, masing-masing dihukum dera 80 kali.

Perjanjian Hudaibiah dan Implikasinya (6 H.)

Nostalgia atau rindu kepada kampung halaman adalah suatu penyakit yang sering melanda mereka yang berada di perantauan. Demikianlah yang terjadi pada Rasulullah setelah 6 tahun di Madinah, hingga pernah baginda bermimpi tentang kepulangannya ke Makkah. Bertolak dari kerinduan yang amat sangat serta berbetulan pula dengan ketibaan *Asyhurul-hurum* (bulan-bulan suci) maka bersiap-siaplah kaum Muslimin untuk mengerjakan umrah, bukannya untuk menyerang Makkah seperti dakwaan Bernard Lewis.

Untuk membuktikan kebenaran niat suci mereka, bersama golongan Muslimin terdapat kabilah-kabilah bukan Islam. Malah untuk menghilangkan kesangsian kaum Quraisy terhadap mereka, kaum Muslimin sudah pun memakai pakaian ihram sejak berlepas dari Madinah lagi tanpa membawa senjata-senjata penting, kecuali pedang dalam sarungnya yang biasa dibawa orang dalam perjalanan. Begitu pun pihak Quraisy tetap meragui kedatangan mereka, lalu diutuskanlah perwira abadi Khalid al-Wahid dan Ikrimah bin Abu Jahal untuk menyerkup angkatan Muslimin sebelum tibanya *Asyhurul-hurum.* Tetapi kaum Muslimin menempuh jalan lain yang kemudiannya membawa mereka ke Hudaibiah (sekarang Shumaisi'), tidak jauh dari Makkah. Sesampainya mereka di situ, maka tibalah *Asyhurul-hurum* yang mengharamkan segala bentuk peperangan. Maka kembalilah angkatan Quraisy itu ke Makkah untuk mempertahankannya jika diserbu oleh kaum Muslimin.

Melalui Budail bin Warqa' dari suku Quzaah, orang-orang Quraisy diyakinkan bahawa Muhammad datang cuma untuk berziarah, bukannya untuk berperang. Bahkan melalui Hulais, pemimpin Ahabisy yang diutus oleh kaum Quraisy menemui Muhammad itu pun, mereka mendapat cerita yang sama seperti Budail tersebut. Demikian juga utusan mereka yang terakhir, Urwa bin Mas'ud yang kembali memberitahu orang-orang Quraisy tentang

kebenaran cerita Budail dan Hulais itu.

Dalam pada itu berlakulah serangan-serangan kecil terhadap perkhemahan Muhammad oleh sekumpulan orang-orang Quraisy, tetapi tidak pula Muhammad menjadikannya sebagai alasan untuk menyerang balas, sebab niat asal cuma untuk berziarah sahaja. Hanya setelah tersebarnya desas-desus tentang terbunuhnya Usman bin Affan itulah baru timbul kemarahan kaum Muslimin, hingga tercapai kata sepakat untuk menuntut bela terhadap Usman yang terkenal dengan *'Bai'atur-ridhwan'* (Sumpah Setia Ridhwan).

Bagaimanapun, khabar angin itu nyata palsu, sebab tiba-tiba Usman muncul dengan selamat. Menurut Usman, keengganan orang-orang Quraisy untuk membenarkan mereka masuk adalah kerana takut dianggap sebagai sudah mengalah kepada Muhammad. Demikian juga apabila mereka mengutus Suhail bin Amru untuk berunding dengan Muhammad, yang sangat ditekankan ialah agar Muhammad jangan masuk ke Makkah tahun ini. takut dianggap oleh kalangan Arab yang Muhammad berjaya masuk tanpa dengan kekerasan. Akhirnya dengan persetujuan bersama, diadakanlah perundingan hingga melahirkan Perjanjian Hudaibiah.

Faktor utama kesanggupan pihak Quraisy mengadakan perjanjian ini ialah kerana kebimbangan mereka terhadap semangat kaum Muslimin yang meluap-luap untuk berperang mati-matian. Mereka juga telah melihat betapa kukuhnya disiplin umat Muslimin terhadap penganjur mereka Muhammad, tidak seperti kepatuhan yang longgar oleh rakyat-rakyat Farsi dan Rom terhadap raja mereka.

Antara lain isi kandungan Perjanjian Hudaibiah ialah:

i. Gencatan senjata selama 10 tahun.
ii. Orang Quraisy yang memeluk Islam dan lari ke Makkah tanpa keizinan walinya hendaklah dikembalikan kepada orang-orang Quraisy.
iii. Sebaliknya orang-orang Islam yang belot ke Makkah tidaklah akan dikembalikan.
iv. Masing-masing pihak berhak membuat perjanjian dengan sesiapa sahaja.
v. Umrah hendaklah ditunda tahun depan, dan ianya dibenarkan selepas pihak Quraisy keluar dari Makkah. Mereka hanya boleh berada di Makkah selama 3 hari saja dengan senjata dalam sarung.

Sepintas lalu, kelihatan semacam ketidakadilan dalam persetiaan ini sehingga menimbulkan kemarahan kaum Muslimin. Apa lagi sebaik sahaja perjanjian dimeteraikan, anak Suhail iaitu

Abu Jandal cuba berpihak kepada Muhammad, tetapi segera pula dipukul mukanya dan direnggut lehernya oleh Suhail. Dan, sungguhpun Abu Jandal cuba meminta kasihan belas dari Muhammad, namun baginda tetap memegang teguh perjanjian tersebut. Baik Umar, mahupun Ali serta kaum Muslimin semuanya merasakan betapa terhinanya mereka kerana perjanjian yang berat sebelah itu. Dan puncak kemarahan mereka ialah apabila mereka enggan mematuhi lagi perintah Nabi agar menggunting rambut dan menyembelih binatang sebagai *dam* (denda) kerana tidak dapat mengerjakan umrah. Mujurlah isteri baginda, Ummu Salamah ada bersamanya sehingga atas cadangannyalah baru kaum Muslimin melaksanakan suruhan baginda tersebut.

Demikian reaksi spontan kaum Muslimin. Bagaimanapun, kesan selanjutnya memperlihatkan kebijaksanaan Rasulullah sebagai pemimpin umat yang berpandangan jauh. Sesungguhnya, dengan persetujuan orang-orang Quraisy untuk berdialog serta mengadakan perjanjian itu sudah merupakan suatu pertanda baik tentang pengiktirafan mereka terhadap wujudnya sebuah negara Islam dengan Muhammad sebagai pemimpinnya.

Pada hakikatnya, gencatan senjata yang dipersetujui itu adalah suatu rahmat besar terhadap perkembangan Islam. Ketika inilah kita melihat ramai panglima-panglima besar Quraisy memeluk Islam, seperti Khalid al-Wahid, Amru ibnul-Ass dan Usman bin Talhah, penjaga Kaabah. Persetujuan seperti ini juga memberi kesempatan kepada Nabi untuk mengirim utusan-utusannya kepada pembesar-pembesar dan raja-raja yang berdekatan agar mereka memeluk Islam. Kepada Raja Najasyi di Habshah diutuskannya Amir bin Umayyah yang mana berhasil mencapai matlamatnya. Ini tidaklah menghairankan kerana sejak dari dahulu lagi Raja Najasyi sudah pun tertarik kepada Islam yang dianggapnya datang dari sumber yang sama dengan risalah Isa al-Masih.

Terhadap Raja Muqauqis di Mesir (naungan Rom), meskipun ia enggan menerima seruan Islam menerusi Habib bin Abi Baltaah al-Lahmi, tetapi dia menyambut baik perutusan Nabi sehingga kepada Nabi dihadiahkan barang-barang yang bernilai, termasuk seorang jariah yang bernama Mariah yang kemudiannya diperisterikan oleh Nabi. Latar belakang keengganannya menerima Islam ialah kerana kedudukannya sebagai seorang gabenor kerajaan Rom, penaung agama Nasrani. Sebenarnya kepada raja Rom sendiri iaitu Heraclius telah ditugaskan Dihyah bin Khalifah al-Kalbi untuk menyerunya. Sungguhpun hati kecilnya dikatakan ingin membenarkan kenabian Muhammad, tetapi pengaruh kerajaan dunia telah menenggelamkan keinginan tersebut. Walau bagaimanapun, salah seorang pemimpin tentera Rom, Farwa bin

Amr al-Judhrami telah memeluk Islam. Kerana marah, Heraclius lalu membunuhnya.

Adapun terhadap Raja Abrawaiz di Farsi, tugas membawa suratnya dijalankan oleh Abdullah bin Hudzafah al-Sahmi. Tatkala Kisra Parsi ini melihat dalam surat itu terdapat kata-kata *"Dari Muhammad Rasulullah kepada Kisra pembesar Farsi"*, marahlah dia kerana namanya di kebelakangkan. Sebab itu dirobek-robeknya surat itu. Yang lebih mengecewakan lagi ialah tindakan Raja Ghassan yang bukan sahaja mengoyak surat itu, malah membunuh utusan Nabi. Akibat tindakannya yang mencabuli hukum internasional inilah yang mencetuskan Peperangan Muktah pada 8 H.

Kesan yang tidak kurang pentingnya akibat gencatan senjata ini juga ialah timbulnya kesempatan baik buat kaum Muslimin memukul balas kaum Yahudi yang sekian lama merupakan duri dalam daging bagi kehidupan kaum Muslimin. Demikianlah pada 8H. Khaibar telah diserang oleh angkatan Muslimin.

Tentang syarat yang memastikan pengembalian orang-orang Quraisy yang lari ke Makkah itu pun sebenarnya merugikan kaum Quraisy sendiri. Sebabnya, mereka ini apabila ditolak oleh Nabi secara terhormat tidak pula kembali ke Makkah, sebaliknya mereka mendirikan penempatan-penempatan sepanjang jalan-jalan yang dilalui oleh kafilah-kafilah perdagangan Quraisy. Atas sifatnya sebagai pemberontak, kegiatan mereka ini merupakan suatu ancaman besar terhadap keselamatan perdagangan Quraisy. Sebab itulah kemudiannya pihak Quraisy meminta dibatalkan saja syarat pengembalian tersebut.

Bagaimanapun, Perjanjian Hudaibiah hanya berlangsung selama dua tahun saja apabila orang-orang Quraisy sendiri melanggar syarat-syaratnya. Dan pembelotan tersebut merupakan alasan besar bagi kaum Muslimin untuk menakluki Makkah pada 8 H. secara aman.

Peperangan Muktah (8 H.)

Dengan adanya perjanjian damai Hudaibiah itu, Rasulullah telah memperhebatkan dakwah Islamiah. Di antara mereka yang diserunya ialah Bani Ghassan, tetapi utusannya telah dibunuh oleh mereka, bahkan mereka mengejek-ejek pula Nabi. Sebagai tindakbalas, Nabi menyiapkan suatu bala tentera pimpinan Zaid bin Harithah yang berjumlah tiga ribu orang. Manakala di pihak Ghassan terdapat kira-kira 200,000 orang, termasuk bangsa Rom, Lakhm, Judhm, Bahra' dan Bali.

Dalam Peperangan Muktah ini, Zaid gugur, lalu diganti oleh Abdullah bin Abi Rawahah yang juga gugur seperti teman-

temannya. Melihat kesukaran-kesukaran yang dialami oleh pasukan Islam itu, akhirnya Khalid al-Walid yang mengambil-alih pimpinan, telah dapat memperdayakan barisan musuh, dan kemudian berjaya membawa saki-baki tenteranya, pulang ke Madinah dengan selamat.

Di Madinah, timbul tuduhan-tuduhan bahawa Khalid melarikan diri dari peperangan, tetapi ditolak oleh Nabi dengan mengatakan mereka akan tampil semula. Lantaran dukacitanya di atas kematian Jaafar, Nabi meminta agar keluarganya dibantu dengan makanan.

Beberapa teladan:

1. Sungguhpun, melarikan diri dari peperangan itu suatu dosa besar, tetapi lari untuk suatu taktik memang dibenarkan.
ii. Permintaan Nabi agar diberi makanan untuk keluarga Jaafar menjelaskan suatu hakikat bahawa keluarga si matilah yang sepatutnya dibantu, bukannya mereka sendiri yang terpaksa mengadakan jamuan untuk orang lain seperti amalan kita masa kini.

Penaklukan Makkah (8 H.)

Faktor yang mendorong ke arah penaklukan Makkah ialah berlakunya perselisihan antara Bani Bakar (sekutu Quraisy) dengan Bani Quzaah (sekutu Islam). Dengan dorongan pemimpin-pemimpin Quraisy, seperti Ikrimah bin Abu Jahal misalnya, Bani Qudzaah telah diserang dan beberapa orang daripada mereka telah dibunuh oleh Bani Bakar. Insiden ini kemudiannya sampai ke telinga Nabi, baik melalui Budail bin Warqa' mahupun dari orang-orang Qudzaah sendiri.

Kerana bimbangkan akibatnya, orang-orang Quraisy mengutus Abu Sufyan bin Harb ke Madinah untuk memperkuat atau memanjangkan waktu gencatan senjata Hudaibiah. Malangnya Abu Sufyan gagal berbuat demikian kerana tidak dapat menemui Nabi. Dan, sebelum orang-orang Quraisy berbuat sesuatu, Nabi sudah menyiapkan suatu pasukan yang besar, kira-kira 10,000 orang untuk menyerang Makkah. Tetapi sebelum angkatan ini sampai ke Makkah, tibalah Abbas bin Abdul Mutalib, bapa saudara Nabi yang baru memeluk Islam itu dan diikuti oleh Abu Sufyan menemui Nabi untuk menghalang daripada berlakunya pertumpahan darah. Dalam pertemuannya dengan Nabi inilah baru Abu Sufyan menyatakan keislamannya, setelah tidak ada pilihan lain lagi baginya. Dan sebelum dia pulang kepada kaumnya Abu Sufyan sempat menyaksikan betapa berdisiplinnya

angkatan Nabi Muhammad, yang baginya, "... tidak ada sesiapa yang sanggup menghadapi mereka itu."

Bala tentera Islam kemudiannya diperintahkan memasuki Makkah dari empat jurusan, yang masing-masingnya dipimpin oleh Zubair al-Awwam, Khalid al-Walid, Saad bin Ubadah dan Abu Ubaidah al-Jarrah yang masuk bersama-sama Nabi. Tidak ada tentangan yang bererti, kecuali di pihak Khalid sahaja, itu pun dengan cepat pula Khalid mencerai-beraikan mereka. Dengan jatuhnya Makkah, kaum Muslimin lantas mengerjakan tawaf, menghancurkan patung-patung dan berhala-berhala di Makkah. Kesemua penduduk-penduduk Makkah dibebaskan saja oleh Nabi Muhammad, kecuali 17 orang yang tidak diampunkan kerana kejahatan besar yang mereka lakukan. Tetapi yang benar-benar dibunuh cuma empat orang sahaja, sebab yang lain-lainnya diampunkan juga.

Selama 15 hari Nabi berada di Makkah, dan sebelum kembali ke Madinah, Nabi menyerahkan kunci Kaabah kepada Usman bin Talhah, sedang pengurusan air zam-zam diserahkan kepada bapa saudaranya Abbas bin Abdul Mutalib.

Teladan:

Walaupun Nabi Muhammad bersifat pengampun (*compassionate*), namun mereka yang dianggap sangat merbahaya tidaklah luput dari hukuman. Sikap toleransi Islam tidaklah sampai dapat melepaskan penjenayah-penjenayah besar begitu saja.

Peperangan Hunain dan Taif (8 H.)

Baru sahaja Rasulullah membebaskan Makkah, baginda terpaksa pula menghadapi penentangan Malik bin Auf, pemimpin Bani Nasr (cabang Bani Hawazin) yang memimpin kelompok-kelompok Hawazin dan Thaqif. Dengan jumlah yang relatif besar, iaitu 12,000 orang, tampillah kaum Muslimin dengan penuh gagah menghadapi tentangan tersebut (*at-Taubah: 25*). Tetapi sebaik sahaja mereka melalui Lembah Hunain, mereka disergap bertubi-tubi oleh tentera-tentera Malik hingga menyebabkan pasukan Islam kucar-kacir dan bertempiaran lari. Namun, Rasulullah tetap utuh di tempatnya, dan dengan pekikan Abbas bin Abdul Mutalib agar mereka kembali berperang, barulah mereka kembali semula. Kali ini kaum Muslimin dapat memukul musuh, hingga mereka pula yang melarikan diri. Ada yang menuju Autas, ada ke Nakhlah, sedang Malik dan penyokong-penyokongnya menuju Taif, kota Bani Thaqif.

Oleh kerana pihak musuh bertahan di Taif, Rasulullah

mengepung kota tersebut. Sungguhpun digunakan berbagai cara, seperti alat *al-Manjanik* (pelontar batu) dan *al-Dabbabah* (pengorek dinding tembok), tapi gagal juga. Dengan itu Rasulullah menggunakan taktik lain, iaitu mengugut untuk membakar kebun anggur mereka yang sangat mereka cintai itu. Rupanya ugutan ini sangat berkesan, sehingga dengan itu mereka menyerahkan Malik bin Auf. Dan sebelum baginda pulang ke Madinah, dilantiknya Attab bin Asid sebagai gabenor Makkah, dan Muaz bin Jabal sebagai guru agama.

Peperangan Tabuk (9 H.)

Inilah peperangan terakhir yang disertai Nabi iaitu menentang Rom, yang mana turut dibantu oleh Bani Lakhm, Bani Ghassan dan lain-lain. Peperangan ini terjadi di musim yang amat panas, hingga terdapat mereka yang enggan menyertainya (*at-Taubah: 38, 42, 81-83*). Bagaimanapun, mereka yang teguh imannya tetap bersama Nabi (*at-Taubah: 120-121*), hingga sanggup pula mengorbankan harta bendanya yang banyak, seperti Usman bin Affan, misalnya. Bagi mereka yang tidak mampu menghulurkan apa-apa sumbangannya, lalu menangis, hingga mereka digelar *al-Bakka'un* (orang-orang yang menangis). Maka terbentuklah suatu ketumbukan tentera yang dikenali sebagai *Jaisyul-Usrah* (Askar disaat kesulitan) yang cukup besar, iaitu seramai 30,000 orang, termasuk 10,000 angkatan berkuda.

Ketika kaum Muslimin sampai ke Tabuk, pasukan musuh sangat terkejut melihat kedatangan bala tentera Islam, sebab mereka sedikit pun tidak menduga yang kaum Muslimin sanggup berjuang di tengah hawa yang begitu panas. Sebab itu mereka lalu berundur, tetapi kaum Muslimin tidak pula menyerang mereka. Sebaliknya Rasulullah berkhemah di situ, dan membuat beberapa perjanjian dengan penduduk-penduduk Tabuk dan Ailah, serta menakluki Daumatul-Jandal di bawah pimpinan Khalid al-Walid.

BAB 10: AKHLAK RASULULLAH SEBAGAI TELADAN (*IBRAH*)

JIKA ada seorang manusia yang layak dijadikan 'model' manusia unggul, maka dia ialah Nabi Muhammad s.a.w. Keunggulannya telah diakui sendiri oleh Allah s.w.t., *"Sesungguhnya, engkau (Muhammad) benar-benar mempunyai budi pekerti yang agung" (al-Qalam: 4)*. Keagungan peribadinya bukan hanya untuk dikagumi bahkan sebenarnya untuk menjadi contoh ikutan bagi kita. *"Sesungguhnya, Rasulullah itu menjadi contoh teladan yang baik bagimu,"* (*al-Ahzab: 21, al-A'raaf: 158, Ali Imran: 30*). Dan Muhammad sendiri mengatakan bahawa: "Tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak" (*HR Ahmad*).

Sebagai manusia teladan, perlulah sifat-sifatnya itu diketahui sekadarnya. Pertama sekali ialah sifat *zuhud* atau kesederhanaannya dalam hidup. Dari segi harta benda, pernah baginda menerima sejumlah dinar yang sangat banyak. Tetapi dinar ini telah dibahagi-bahagikannya, kecuali sebanyak enam dinar sahaja yang diserahkannya kepada seorang isterinya. Kerana teringatkan dinar yang masih tinggal itu baginda tidak dapat tidur semalaman. Hanya setelah dinar itu dibahagi-bahagikan, barulah hatinya merasa tenteram. Dalam hal makanan pula, baginda pernah hidup beberapa lama dengan tamar dan air sahaja, dan tidak pernah makan dengan menggunakan pinggan besar atau meja. Adapun tentang pakaian, beliau hanya memakai apa yang mudah didapati, dan warna yang digemari ialah hitam dan hijau. Rasulullah tidur ada kalanya di atas tilam, di atas kulit, di atas tikar, di atas tanah dan kadang-kadangnya di atas balai-balai.

Selain dari sifat *zuhud* dan kesederhanaannya, baginda adalah seorang yang cukup *tawaduk* sekali. Sungguhpun, kedudukannya yang tinggi menyebabkan orang menghormatinya, baginda ternyata sangat suka merendah diri. Di rumah, baginda melakukan kerja sendirian, menjahit sendiri pakaiannya yang koyak, menampal sendiri kasutnya yang berlubang dan juga menyapu rumahnya. Ketika bersama-sama sahabatnya, baginda duduk di mana saja terdapat kekosongan tanpa memilih tempat, sehingga tidak dapat dibezakan sama sekali dengan orang lain. Baginda kadang-kadangnya menunggang keldai bersendirian, dan kadang-kadang dengan memboncengkan orang lain. Pernah ketika baginda membeli beberapa helai seluar, Abu Hurairah ingin membawanya, tetapi jawab baginda. "Orang yang punya barang ingin membawanya." Dan

ketika berlakunya peperangan al-Ahzaab, baginda turut bertungkus lumus menggali parit bersama orang lain. Semuanya itu sanggup dilakukannya, kerana katanya; "Aku tidak suka kelihatan berbeza dari sahabat-sahabatku."

Dari segi pendiriannya, baginda terkenal sebagai seorang yang sangat teguh dan tegas dalam menegakkan kalimah Allah. "*Sekiranya tidak lantaran Kami telah tetapkanmu, nescaya engkau condong sedikit kepada kemahuan mereka*" (*Bani Israel: 74*). Keteguhan pendiriannya terbukti jelas ketika orang-orang Quraisy mengutus Utbah bin Rabiah untuk memberi berbagai-bagai tawaran kepadanya, dengan syarat baginda menghentikan kegiatan dakwahnya. Kata Utbah: "Sekarang bagaimanakah Muhammad, apa yang menjadi kehendakmu dengan mengadakan agama baru ini? Jikalau dengan mengadakan agama baru itu, engkau berhajat akan harta benda, kami sanggup mengumpul harta benda buat engkau, sehingga engkau menjadi seorang yang paling kaya di antara kami. Jikalau engkau menghendaki kemuliaan atau ketinggian darjat, maka kami sanggup menetapkannya engkau menjadi seorang yang paling mulia dan paling tinggi darjatnya di antara kami dan kamilah yang akan memuliakanmu. Jikalau engkau ingin menjadi raja, maka kami sanggup mengangkat engkau menjadi raja kami, yang memegang kekuasaan di antara kami, yang memerintah kami, dan kami semuanya tidak akan berani memutuskan sesuatu perkara, melainkan dengan izinmu atau dari keputusanmu. Jikalau engkau menghendaki perempuan-perempuan yang paling cantik, sedang engkau tidak mempunyai kekuatan untuk mencukupi keperluan mereka maka kami sanggup menyediakan perempuan-perempuan Quraisy yang paling cantik di antara perempuan kami dan pilihlah sepuluh atau seberapa saja menurut kehendakmu. Dan, kamilah yang akan mencukupi keperluan mereka masing-masing, dan engkau tidak usah memikirkan keperluan mereka itu...."

Selesai sahaja Utbah berucap, Muhammad lalu membaca surah *Fussilat;* ayat *1 — 14,* yang mana menyebabkan Utbah semacam terpukau mendengarnya, hingga musnahlah segala rancangan mereka selama ini. Pernah pula pemuka-pemuka Quraisy datang mengugut Abu Talib dan memintanya agar menasihatkan Muhammad, tetapi tatkala Abu Talib menyampaikan kata-kata mereka kepada baginda, dengan tegas baginda berkata: "Hai pak cikku! Jika mereka letakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku tinggalkan urusan agama ini, tidak akan aku turut, hingga Allah menangkan agama ini atau aku binasa kerananya!"

Jika dalam pendiriannya itu baginda cukup keras dan tegas, namun dari segi lain pula, baginda merupakan seorang yang

pengampun. Ketika Makkah sudah berjaya ditakluki, Nabi memanggil orang-orang Quraisy yang sedang menunggu hukumannya dengan ketakutan sambil bertanya: "Apakah yang kamu sangka aku akan berbuat terhadap kamu?" Jawab mereka: "Kebaikan, kerana engkau saudara kami yang pembelas, dan anak dari saudara kami yang pembelas." Maka jawablah baginda "Pergilah, kamu sekalian bebas!" Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang yang dikecualikan daripada pengampunan itu, seperti Ikrimah bin Abu Jahal misalnya. Ikrimah melarikan dirinya, lalu dikejar oleh isternya Ummu Hakim yang sudah meminta ampun dari Nabi buat suaminya. Katanya: "Janganlah engkau binasakan dirimu. Aku datang dari sebaik-baik manusia dan aku telah dapatkan keamanan bagimu." Maka dia pun pulang bersama isterinya, dan ternyata Muhammad menerimanya dengan baik, meskipun baginda dan ayahnya termasuk musuhnya yang terbesar.

Pada masa itu juga Safwan bin Umayyah, musuh Islam yang bengis, bersembunyi dan hendak membunuh diri dengan terjun ke laut. Sepupunya Umair datang kepada Nabi menceritakan hal Safwan itu, maka Nabi menyuruh dikejar Safwan dengan memberikan serban sebagai tanda aman dan pengampunannya. Setelah kembali, dia meminta tempoh dua bulan lamanya daripada Nabi untuk berfikir masuk Islam, tetapi Nabi memberinya empat bulan. Bagaimanapun, tidak sampai 4 bulan, Safwan pun memeluk Islam.

Tidak cukup dengan sifat pemaafnya, Muhammad juga seorang yang pemurah lagi dermawan. Seperti kata Jabir bin Abdullah, tidak pernah orang yang meminta sesuatu kepadanya dapat jawapan 'tidak'. Suatu ketika baginda menerima wang sebanyak 90 dirham, lalu diletakkan di atas tikar. Tetapi kesemua wang itu dibahagi-bahagikannya, hingga apabila datang seseorang meminta sesuatu, baginda berkata: "Sayang sekali, saya sudah tidak mempunyai apa-apa lagi. Tetapi belilah sesuatu dengan berhutang atas namaku. Nanti kalau rezeki datang akan saya bayar." Pernah pula seorang lelaki datang meminta sesuatu, lalu Rasulullah memberinya sekelompok kambing yang kerana banyaknya sampai menutup jalan antara dua gunung. Orang ini lalu berseru kepada kaumnya: "Hai kaumku! Masuklah Islam, kerana Muhammad itu apabila memberikan sesuatu pemberian adalah sebagai seorang yang tidak takut miskin sama sekali. Tidak pernah kalau diminta, lalu berkata 'jangan'."

Seiring dengan sifat pemurah itu ialah sifat pengasih dan penyayangnya. Nabi mengasihi sesiapa saja, baik kawan atau lawan, baik kanak-kanak mahupun orang tua, baik kaya mahupun miskin dan baik manusia mahupun binatang. Sering baginda mempercepat salatnya apabila terdengar tangisan budak, agar

lekas diurus oleh ibunya yang turut berjemaah bersamanya. Begitu kasihnya Muhammad kepada ibunya, Aminah, hingga apabila permohonannya agar Tuhan mengampuni ibunya tidak diperkenankan, baginda lalu menangis di kuburnya. Dan terhadap pak ciknya Abu Talib, kecintaannya ternyata pada percubaannya yang tidak putus-putus agar dia memeluk Islam, tetapi gagal juga sehinggalah turunnya ayat al-Quran (*al-Qasas: 56*) yang melarang Nabi berbuat demikian. Selepas turunnya ayat ini, Abu Talib meninggal dunia tanpa menganut Islam. Ini menambahkan lagi kedukacitaan Nabi sehingga sampai beberapa hari baginda tidak keluar rumah kerana memohon agar Allah mengampunkannya. Akhirnya, turunlah sepotong ayat (*at-Taubah: 113*) yang mencegah permohonan Nabi terhadap orang-orang yang nyata kekafirannya, meskipun mereka itu kerabatnya yang hampir. Bagaimanapun, berkat syafaat Nabi di Hari Kiamat, Abu Talib akan ditempatkan di neraka yang paling tipis apinya, iaitu cuma setinggi mata kaki, tetapi dapat menyebabkan otak mendidih *(HR Bukhari dan Muslim).*

Tidak setakat manusia sahaja, kerahimannya juga meliputi binatang. Menurut riwayat Abdul Rahman bin Abdullah, suatu hari mereka bersama-sama Rasulullah dalam pelayaran, tiba-tiba mereka terlihat seekor ibu burung merak bersama dua ekor anaknya yang kecil. Mereka mengambil kedua-dua anaknya, dan kemudian datanglah ibunya mengepak-ngepakkan sayapnya lantaran marah. Melihat itu Rasulullah pun bersabda: "Sesiapa yang telah memisahkan anak-anak burung ini dari ibunya hendaklah dia mengembalikan semula kepada ibunya!"

Selain dari sifat-sifat tersebut, adalah Rasulullah ini sangat terkenal kerana keberaniannya. Seperti kata Ali bin Abu Talib, dalam Peperangan Badar, Rasulullah adalah yang terdekat sekali tempatnya dengan musuh dan juga terhebat semangatnya di antara seluruh mereka. Dan dalam Peperangan Hunain, kata Abbas bin Abdul Mutalib, ketika kaum Muslimin bertempiaran lari akibat serbuan musuh secara tiba-tiba, Rasulullah tegap terpacak di tempatnya, bahkan menunggang baghalnya menuju ke pihak musuh.

Semua sifat-sifat yang dibicarakan dan yang tidak sempat dibicarakan, termasuk sifat *'al-Sadiq al-Amin'* seperti yang dibicarakan dulu, benar-benar telah meletakkan Muhammad sebagai contoh manusia ideal. Dan sifat-sifat tersebut bukannya untuk menjadi bahan kajian semata-mata, melainkan untuk dicontohi serta diamalkan.

BAB 11: GENERASI RABBANI YANG KOMITED (*ILTIZAM*)

SUATU hakikat yang perlu difahami dan seterusnya diteladani tentang generasi pertama umat Islam ialah bahawa seluruh perhatian dan pemikiran mereka adalah tertumpu kepada atau bersumbar daripada al-Quran semata-mata. Tidak ada kitab lain yang menjadi pegangan dan keyakinan generasi pertama ini melainkan al-Quran sahaja. Begitu bulatnya pegangan mereka kepada al-Quran sehingga pernah dikatakan oleh Sayyid Qutb bahawa mereka merupakan "generasi al-Quran yang unik" (*al-Jilu Qur'aniyyun farid*).

Sebagai sebuah kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibrail, ia merupakan mukjizat yang teragung. Dan sebagai mukjizat, ia mengandungi banyak fadilat atau keutamaan. Salah satu fadilatnya ialah dengan membaca dan mendengar bacaan al-Quran. Hadis-hadis Nabi s.a.w. penuh dengan riwayat-riwayat yang menerangkan keutamaan membaca dan mendengar bacaan al-Quran. Antaranya Nabi bersabda: "Perbanyaklah membaca al-Quran di rumahmu. Sesungguhnya di dalam rumah yang tidak ada orang membaca al-Quran akan sedikit sekali dijumpai kebaikan, dan akan banyak sekali kejahatan serta penghuninya selalu merasa sempit dan susah." (*Riwayat Daruqutni*). Dan meskipun ia tidak mahir membacanya, ia tetap mendapat pahala jika ia kelihatan bersungguh-sungguh mempelajarinya. Sabda Nabi: "Seseorang yang membaca al-Quran, lagi pula ia mahir, kelak mendapat tempat dalam syurga bersama-sama dengan rasul-rasul yang mulia lagi baik. Dan orang yang membaca al-Quran, tetapi tidak mahir, membacanya tersekat-sekat dan tampak agar berat lidahnya (belum lancar), ia akan mendapat dua pahala" (*Riwayat Bukhari dan Muslim*).

Bukan hanya membacanya sahaja, bahkan dengan mendengar bacaan al-Quran itu pun banyak keutamaanya. Sabda Nabi: "Barang siapa mendengar satu ayat dari al-Quran, akan dituliskan untuknya dua kali ganda kebaikan, dan barang siapa membacanya (satu ayat), ia akan menjadi Nur kepadanya pada Hari Pengadilan" (*Riwayat Ahmad*).

Dengan anjuran tersebut maka tidak hairanlah jika para sahabat semacam berlumba-lumba membacanya sehingga khatam, terutama pada bulan, Ramadan. Para sahabat besar seperti

Usman bin Affan, Zaid bin Thabit, Ibnu Mas'ud dan Ubayy bin Kaab telah menjadi wiridnya untuk mengkhatamkan al-Quran pada tiap-tiap hari Jumaat. Demikianlah para sahabat itu ada yang membaca sampai khatam dalam sebulan, atau dalam seminggu, atau dalam sehari semalam sahaja, bahkan ada yang khatam dua kali dalam sehari!

Kebanyakan para sahabat tidak setakat membacanya sahaja, bahkan terus menghafaznya sekali. Hadis-hadis juga banyak menerangkan keutamaan mereka yang hafiz dalam al-Quran ini. Antaranya ialah: "Pada Hari Pengadilan kelak akan diseru kepada orang al-Quran: Teruskanlah bacaan Quranmu dan teruskanlah menaiki tingkat demi tingkat syurga Jannah, dan bacalah sebanyak mana yang telah engkau baca di masa kehidupan dunia; tempat terakhirmu adalah di mana engkau telah sampai ke tempat ayat terakhir daripada bacaanmu" (*Riwayat Ahmad Turmizi, Abu Dawud, Nasai, dan Ibn Majah).*

Tentang bilangan para sahabat yang menghafaz al-Quran itu, jumlahnya banyak sekali sehingga tidak terbilang. Di antara mereka ada yang sempat membentangkan dan mengulangkaji hafalan mereka di hadapan Rasulullah, tetapi ramai lagi yang walaupun menghafalnya namun tidak sempat mengulangkajinya di hadapan Rasulullah. Dan jumlah mereka ini akan menjadi bertambah ramai jika dimasukkan juga mereka yang tidak berkesempatan menghafaz semua al-Quran melainkan selepas wafatnya Rasulullah. Bagaimanapun, al-Qurtubi ada menyebutkan bahawa para sahabat yang menghafaz al-Quran yang mati syahid dalam peperangan Yamamah sahaja mencapai angka 70 orang, dan sebanyak itu pula yang telah terkorban pada zaman Rasulullah.

Dalam membaca al-Quran itu, para sahabat sangat memperhatikan pada adab dan peraturannya. Rasulullah s.a.w. sangat senang mendengar bacaan al-Quran dengan suara yang bagus lagi merdu, serta dengan lagu dan nada yang tidak melanggar ketentuan-ketentuannya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari disebutkan bahawa Abdullah ibnu Mas'ud menceritakan sebagai berikut: "Rasulullah berkata kepadaku: Hai Ibnu Mas'ud, bacakanlah al-Quran untukku! Lalu aku menjawab, 'Apakah aku pula yang membacakan al-Quran untukku, ya Rasulullah, pada hal al-Quran itu diturunkan Tuhan kepadamu?" Rasulullah menjawab, "Aku senang mendengar bacaan al-Quran itu dari orang lain." Diriwayatkan pula bahawa pada suatu malam Rasulullah s.a.w. menunggu isterinya Siti Aishah yang kebetulan agak terlambat datangnya. Setelah ia datang, Rasulullah bertanya kepadanya: "Bagaimanakah keadaanmu?" Aishah menjawab, "Aku terlambat datang kerana mendengar bacaan al-Quran seseorang yang sangat bagus lagi mer-

du suaranya. Belum pernah aku mendengar suara sebagus itu." Maka Rasulullah terus berdiri dan pergi mendengar bacaan al-Quran yang dikatakan oleh Aishah itu. Rasulullah lama berdiri mendengarnya, kemudian kembali dan mengatakan kepada Aishah, "Orang itu adalah Salim, hamba sahaya Abu Huzaifah. Puji-pujian bagi Allah yang telah menjadikan orang yang suaranya seperti Salim itu sebagai umatku."

Sehubungan dengan faktor pembacaan al-Quran ialah tentang penulisan al-Quran itu sendiri. Dan dalam hal ini tidaklah sukar dicari para sahabat yang mahir menulis dan membaca. Sungguhpun Rasulullah seorang yang ummi atau buta huruf, namun beliau sangat menekankan kepentingan membaca dan menulis. Satu catatan sejarah yang terkenal ada menunjukkan bahawa beliau telah menjadikan tawanan-tawanan perang Badar yang pandai dalam bidang itu mengajarkannya kepada anak-anak Muslimin, sebagai tebusan diri mereka. Dan khusus tentang penulisan al-Quran ini, di antara mereka yang ditugaskan oleh Rasulullah untuk mencatatkan segala butir wahyu itu ialah Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Usman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Thabit, Muawiyah bin Abi Sufyan, Ubayy bin Kaab, Khalid bin al-Walid dan Thabit bin Qais.

Sesungguhnya al-Quran tidak hanya untuk dibaca atau didengar sahaja, malah untuk difahami maksud dan pengertiannya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Apakah mereka tidak memperhatikan (isi) al-Quran?" (*an-Nisa': 82*). Dalam usaha untuk memahami maksud al-Quran itu lahirlah Ilmu Tafsir al-Quran. Memang semasa hayat Rasulullah, baginda sahaja berhak mentafsirkan al-Quran. Tidak ada sesiapapun yang berani mentafsirnya selagi Rasulullah berada di sisi mereka. Namun demikian, di kalangan para sahabat juga terdapat ramai ahli tafsir al-Quran. Tetapi yang paling masyhur di antara mereka ialah seramai 10 orang, iaitu: Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Usman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Ibnu Mas'ud, Ibnu Abbas, Ubayy bin Kaab, Zaid bin Thabit, Abu Musa al-Asy'ari dan Abdullah bin Zubair. Antara tokoh-tokoh Khalifah empat itu, Ali bin Abi Talib adalah tokoh yang paling banyak tafsirannya diriwayatkan. Dan di antara 10 orang itu, tokoh yang paling layak diberi gelaran ahli tafsir sejati ialah Abdullah bin Abbas.

Selain daripada 10 orang sahabat tersebut, terdapat juga tokoh-tokoh lain seperti Abu Hurairah, Anas bin Malik, Abdullah bin Umar, Jabir bin Abdullah dan Siti Aishah Umm al-Mukminin. Bagaimanapun, tafsiran yang diriwayatkan dari mereka amat sedikit jika dibandingkan dengan 10 orang sahabat tadi.

Sesungguhnya ciri agung generasi pertama dari para sahabat ini ialah menjadikan al-Quran sebagai sumber pokok mereka, dan

hadis sebagai tafsiran lanjut terhadapnya. Hanya kitab al-Quran sahaja yang menjadi sumber pemikiran dan panduan hidup mereka. Meskipun pada zaman itu sudah lama berkembang tamadun Greek, Rumawi, Farsi, India dan China, namun semuanya itu tidak dipedulikan sama sekali. Ini kerana al-Quran sahaja yang menjadi pegangan dan sumber yang asasi. Demikianlah, dengan tumpuan terhadap al-Quran dan maksudnya, maka terbentuklah generasi pertama yang bersih hatinya, bersih pemikirannya, pandangan hidupnya serta murni jalan hidupnya dari sebarang unsur yang luar daripada landasan al-Quran. Dengan memahami pengertian dan tafsiran al-Quran, nescaya dapat mengetahui kebenaran kandungannya yang menyebabkan tidak perlu lagi kepada sumber-sumber lain sebagai tambahan.

Kemudian ciri yang sangat bermakna di kalangan generasi pertama ini berhubung dengan al-Quran ialah aspek amali mereka. Sesungguhnya para sahabat dari generasi pertama itu tidaklah sekadar membaca dan belajar ilmu al-Quran semata-mata untuk ilmu sahaja, mereka belajar untuk mengamalkan dan melaksanakannya. Mereka mempelajari al-Quran untuk mengetahui bagaimana arahan dan perintah Allah s.w.t. dalam urusan hidup peribadi dan bermasyarakat. Bahkan mereka belajar untuk melaksanakannya serta merta, laksana orang tentera yang menerima arahan ketuanya, bukannya belajar untuk membuat kajian ilmiah dan akademik sahaja. Dengan itu jadilah generasi pertama itu sebagai "generasi Rabbani yang komited;; (*al-Jilu al-Rabbaniyyu al-Muntazim*), yakni yang menghayati dan mengamalkan setiap arahan-arahan Allah s.w.t., bukannya sekadar pandai berteori atau bercakap sahaja.

Selepas al-Quran, hadis atau sunnah Nabi menduduki tempat yang kedua dari segi keutamaannya sebagai sumber pegangan dan panduan hidup generasi pertama umat Islam. Memang sebagai panduan asasi, kitab suci al-Quran sudah pun cukup lengkap dan sempurna tanpa memerlukan sebarang kitab-kitab yang lain. Tetapi dari segi lain, hadis-hadis mempunyai peranan yang sangat penting untuk menyelesaikan beberapa kesulitan dalam hubungannya dengan al-Quran. Misalnya, hadis dapat menjelaskan beberapa perkara yang sulit dalam al-Quran, atau menguatkan hukum yang terdapat dalam al-Quran, atau memperincikan yang global (seperti masalah Salat), mengkhususkan yang umum, menetapkan sesuatu hukum yang tidak ditetapkan dalam al-Quran dan sebagainya. Dalam kedudukan serta fungsi seperti ini tidaklah bermakna yang generasi pertama umat Islam sudah tidak lagi berpegang keapda al-Quran sebagai satu-satunya sumber panduan. Sebagai kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w., sudah tentu baginda yang

merupakan satu-satunya otoriti yang paling dipercayai dalam memahami dan mentafsirkan al-Quran dengan tepat dan benar.

Menurut pendapat umum, hadis-hadis Nabi hanya baru ditulis dan dibukukan pada abad kedua Hijrah. Bahkan bagi golongan ingkar al-Sunnah atau penentang-penentang Sunnah, hadis-hadis Nabi adalah fenomena zaman kemudian, yakni hanya ciptaan dan rekaan beberapa abad selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Jelasnya, hadis-hadis tidak ada hubungan sama sekali dengan Nabi Muhammad dan para sahabatnya juga tidak tahu mereka tentang semuanya itu.

Sebenarnya dari segi sejarah, perkembangan hadis adalah melalui dua peringkat. Pertama, peringkat perkembangan secara lisan atau sebelum dibukukan (*qabl al-tadwin*) dan kedua, peringkat pembukuan (*tadwin*) secara resmi. Khusus tentang peringkat pertama, ia berlangsung sepanjang abad pertama Hijrah di kalangan para sahabat Nabi s.a.w. Pada perinkat ini hadis-hadis tidaklah ditulis secara resmi, tetapi lebih banyak dihafal dan dituturkan secara lisan. Ada beberapa sebab kenapa berlaku demikian. Pertama, kerana terdapatnya hadis-hadis Nabi yang menegah penulis hadis secara resmi sepertimana al-Quran. Memang dalam hal ini ada pihak (terutama Orientalis) cuba membesar-besarkan isu tentang kontradiksi dalam hadis-hadis tadi, dengan membawa hadis-hadis lain yang mengharuskan penulisan hadis. Tetapi setelah diselidiki, nyatalah hadis tersebut adalah khusus untuk beberapa orang yang tertentu, seperti orang yang kurang kuat hafalannya. Atau kalau ditimbang dari segi situasinya pula, di mana pada mulanya memang Nabi Muhammad menegah penulisan hadis kerana ditakuti bercampur dengan al-Quran, tetapi akhirnya diizinkan pula apabila kebimbangan ini sudah berkurangan. Samalah halnya dengan adanya hadis yang melarang melukis gambar kerana ditakuti yang umat Islam akan kembali menyembah berhala seperti sebelumnya. Tetapi apabila kebimbangan ini sudah tidak ada, timbullah hadis yang mengangkat larangan itu. Dalam hal ini, Dr. Muhammad Hamidullah berkata: *"Suci seemingly 'contradictory' orders did no create any perplexity in the minds of his Companions, because they were fully aware of the context of every pronouncement. They did however a little confusion to some later traditionists, and each one complied with the text of the saying which had come to his knowledge. Later, when all the relevant data for and against, were collected, intelligent and discerning minds find no difficulty in gathering the real desire of the Holy Prophet"*. (Lihat karyanya, *Sahifah Hamman Ibn Munabbih,* hlm. 21).

Selain dari itu, sebab kenapa hadis-hadis tidak dikumpul atau dituliskan ialah agar para sahabat memberi tumpuan yang

penuh terhadap kemurnian dan keaslian al-Quran daripada tercemar oleh tangan manusia sepertimana yang berlaku pada kitab-kitab Taurat dan Injil. Sekiranya hadis-hadis dibukukan secara berleluasan adalah ditakuti ianya akan bercampur-aduk dengan ayat-ayat al-Quran. Dan sebarang percampuran seperti ini jika berlaku sudah pasti akan memberi kesempatan kepada pihak musuh yang sentiasa mencari alasan dan hujah untuk menyerang kesucian al-Quran dengan membawanya sebagai ciptaan manusia.

Demikianlah antara sebab-sebab kenapa hadis-hadis tidak ditulis atau dibukukan secara resmi pada zaman Rasulullah s.a.w. Namun, ini tidaklah bermakna yang para sahabat mengabaikan hadith-hadith dengan memberi tumpuan kepada al-Quran semata-mata. Bahkan sebaliknya mereka bukan sahaja banyak meriwayatkannya, malah mereka juga banyak memiliki catatan-catatan peribadi tentang hadis-hadis Nabi s.a.w. Di antara mereka yang paling banyak meriwayatkan hadis-hadis ialah seperti: Abu Hurairah yang meriwayatkan hadis sebanyak 5374 hadis, Abdullah bin Umar sebanyak 2630 hadis, Anas bin Malik sebanyak 2286 hadis, Siti Aishah Umm al-Mukminin sebanyak 2210 hadis, Abdullah bin Abbas sebanyak 1660 hadis, Jabir bin Abdullah sebanyak 1540 hadis, dan Abu Said al-Khudri sebanyak 1770 hadis. (Lihat Muhammad Mustafa al-A'zami, *Studies in Hadis Methodology and Literature,* hlm. 26).

Para sahabat yang mencatat hadis-hadis pula, jumlahnya juga agak ramai. Dr. Muhammad Mustafa al-A'zami dalam disertasinya yang berjudul *Studies in Early Hadis Literature,* telah menyenaraikan seramai 47 orang pencatat hadis awal ini, serta sembilan orang lagi yang bertolak dari riwayat Abu Hurairah (hlm. 34-74). Dan di antara sembilan orang ini, terdapat nama Hammam Ibn Munabbih yang mana telah menulis sahifahnya pada masa hayat Abu Hurairah sendiri. Keistimewaan sahifah Hammam Ibnu Munabbih (iaitu saudara kepada Wahab Ibnu Munabbih) ini ialah kerana dua buah manuskripnya (MSS) yang sama telahpun ditemui di Damsyik dan di Berlin oleh Dr. Muhammad Hamidullah. Wujudnya sahifah-sahifah atau catatan-catatan peribadi yang banyak itu menunjukkan betapa seriusnya para sahabat mengumpul dan menuliskan hadis-hadis sejak zaman pertama lagi, yakni sebelum ianya dibukukan (*tadwin*) secara resmi pada abad kedua Hijrah atas arahan Khalifah Umar Abdul Aziz.

Bukan hanya terdapat catatan-catatan perseorangan yang mengandungi hadis-hadis Nabi s.a.w., malah juga terdapat dokumen-dokumen lain yang ditulis atas perintah Rasulullah sendiri. Di antaranya ialah: Perlembagaan atau Perjanjian Madinah, surat-surat resmi dan perjanjian-perjanjian lain, surat-surat dakwah kepada Raja Habsyah, Farsi, Rumawi dan lain-lainya,

arahan-arahan Rasulullah kepada gabenor dan lainnya, banci penduduk, aturan-aturan berkenaan dengan zakat dan sebagainya. Demikianlah dengan adanya catatan-catatan dan dokumen-dokumen sejarah dalam berbagai bentuknya itu membuktikan yang hadis-hadis memang ada tertulis sejak abad pertama Hijrah lagi, meskipun kebanyakannya masih berkembang secara lisan dan diriwayatkan melalui ingatan dan hafalan.

BAB 12: MASALAH KHALIFAH

PADA zaman Rasulullah s.a.w., yang menjadi pemimpin masyarakat dan negara ialah baginda sendiri. Baginda memegang dua kekuasaan; kekuasaan agama dan kekuasaan dunia. Sebagai pemimpin agama, baginda menerima syariat (wahyu) dari Allah s.w.t., dan sebagai pemimpin dunia (politik) baginda melaksanakan syariat itu. Dengan kewafatannya, selesailah tugasnya sebagai pembawa syariat, akan tetapi sebagai pemimpin dunia, tugasnya belum lagi selesai dan perlu disambung. Dan mereka yang menyambung atau mengganti tugas-tugasnya inilah yang disebut *khalifah* (pengganti Nabi). Adapun gelaran 'al-Rasyidin' yang diberikan kepada khalifah-khalifah Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Talib ialah kerana mereka merupakan khalifah yang sempurna dan diberi petunjuk untuk melaksanakan syariat Islam dengan ikhlas.

Aliran-aliran Faham Tentang Khalifah

Pada dasarnya, terdapat dua aliran yang besar mengenai masalah jawatan khalifah selepas Rasulullah. Pertama, aliran yang berpendapat bahawa jawatan ini haruslah dipegang oleh keturunan tertentu. Dan keduanya, mereka yang berpendapat sebaliknya, iaitu jawatan ini tidaklah harus dipegang oleh sesuatu keturunan tertentu.

Mengenai aliran pertama ini, ianya terbahagi kepada dua puak pula. Puak pertama memperjuangkan agar jawatan ini dipegang oleh keturunan Quraisy sahaja, iaitu dari kalangan Muhajirin. Pendapat yang mendapat sokongan majoriti (*Ra'yul-jumhur*) ini dipelopori oleh Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Abu Ubaidah al-Jarrah dan lain-lain sahabat berdasarkan hadis "I-mam itu dari kalangan Quraisy". Seperti kata Ibnu Khaldun, sebab nya jawatan khalifah itu dikhaskan kepada orang-orang Quraisy ialah kerana mereka lebih maju daripada kabilah-kabilah lain yang menyebabkan kepimpinan mereka diakui oleh semua pihak (majoriti). Sekiranya khalifah dilantik dari kalangan mereka, adalah dijangka tidak akan ada mana-mana kabilah yang berani menentangnya.

Tentang puak yang kedua dari aliran pertama ini, mereka menuntut agar jawatan khalifah dikhaskan kepada keluarga Bani Hashim sahaja, atau lebih tepat, dari kaum kerabat Rasulullah sen-

diri. Tuntutan ini diperjuangkan oleh Ali bin Abu Talib dan penyokong-penyokongnya, dengan alasan yang sama seperti yang dikemukakan oleh golongan pertama tadi. Sebab itu ketika membidas hujah Abu Bakar tersebut, Ali berkata: "Mereka berhujah dengan berdasarkan pada pokok (puak Quraisy), tetapi mereka lupa buahnya (keluarga Nabi)". Ertinya ketika Abu Bakar membangkitkan soal hak Quraisy untuk memegang teraju pemerintahan, keturunan Quraisy yang lebih dekat kepada Nabi dilupakan. Walau bagaimanapun, Ali kemudiannya tunduk juga kepada pendapat majoriti, iaitu setelah kematian isterinya Fatimah binti Muhammad yang dikatakan kuat berkempen untuk suaminya menjadi khalifah, serta tidak mengiktiraf Abu Bakar al-Siddiq.

Ada pun aliran yang kedua — bahawa jawatan khalifah tidak semestinya didasarkan kepada keturunan atau keluarga tertentu — ianya merupakan pendapat golongan Ansar. Sebagai hujahnya, mereka mengatakan bahawa merekalah yang banyak memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat Islam serta memberi perlindungan di kala Nabi dan golongan Muhajirin terpaksa meninggalkan Makkah. Ataupun sebagai suatu tolak-ansur, biarlah orang-orang Ansar mempunyai ketua mereka sendiri dan orang-orang Muhajirin mempunyai ketua sendiri juga. Bagaimanapun pendapat ini ditewaskan oleh aliran "pro-Quraisy" tadi. Penerimaan mereka berlaku di Balai Bani Saidah ketika orang-orang Ansar sedang merancang untuk melantik tokoh-tokoh dari kalangan mereka, tiba-tiba datanglah Abu Bakar, Umar dan Abu Ubaidah yang kemudiannya berjaya mematahkan hujah-hujah golongan Ansar ini. Dan serentak itu juga mereka membai'at Abu Bakar al-Siddiq sebagai khalifah yang pertama.

Sistem Pemilihan Khalifah

Pada hakikatnya, Islam tidaklah menetapkan sistem tertentu dalam pemilihan seseorang khalifah atau pemimpin. Apa yang dituntut hanyalah agar dihormati konsep *syura (Ali Imran: 159, as-Syura: 38)*, iaitu semacam sistem demokrasi menurut fahaman biasa. Bagaimanapun, sistem demokrasi Islam ini pun ada batasannya pula, iaitu permesyuaratan hanyalah dibenarkan dalam soal-soal yang masih kabur hukumnya dalam Islam (*Zhanni*), sedangkan dalam soal-soal yang sudah jelas dan tegas (*Qat'i*) hukum-hukumnya, seperti hukuman sebat dan potong tangan, mesyuarat tidak perlu lagi. Yang diperlukan hanyalah bagaimana hendak menjalankan hukuman-hukuman yang sudah ditetapkan itu.

Justeru tiadanya sistem tertentu dalam pemilihan seseorang

khalifah itulah maka timbul berbagai cara dalam pemilihannya. Dalam konteks ini, terdapat empat (4) cara yang dilakukan ketika melantik Khulafa al-Rasyidin. Pertamanya, melalui bai'at atau pemberian taat-setia, seperti yang dilakukan terhadap Abu Bakar al-Siddiq, yang mana berlangsung dalam dua peringkat. Peringkat pertama dinamakan '*al-Bai'ah al-Khassah*', iaitu pemberian taat-setia dari golongan-golongan yang khas di dalam perhimpunan di Saqifah Bani Saidah saja. Kemudiannya baru Abu Bakar menerima '*al-Bai'ah al-'Ammah*', iaitu pemberian taat-setia oleh rakyat jelata pada hari yang kedua di Masjid Nabi.

Cara yang keduanya ialah melalui wasiat, seperti yang berlaku pada Umar al-Khattab apabila dia ditunjuk sebagai pengganti oleh Abu Bakar sendiri. Perlunya ditunjuk penggantinya lebih dulu ialah memandangkan suasana genting ketika itu, baik di dalam mahupun di luar negeri. Sebab itu Abu Bakar mencadangkan nama Umar, dan kebetulan nama ini jugalah yang disetujui oleh sahabat-sahabat. Jadi dengan persetujuan ramailah, baru diperintahkannya agar Usman bin Affan menulis dikri yang menetapkan Umar sebagai penggantinya. Jadi sungguhpun pemilihan Umar adalah menurut sistem wasiat, tetapi telah mendapat sokongan ramai juga.

Ketiganya melalui sistem *syura*, iaitu pemilihan khalifah ditentukan oleh Majlis Mesyuarat. Cara ini dilakukan oleh Umar dengan mencalonkan enam orang sahabat besar, iaitu Usman bin Affan, Ali bin Abu Talib, Talhah bin Ubaidullah, Zubair al-Awwam, Saad bin Abi Waqqas dan Abdul Rahman bin Auf. Sedangkan anaknya Abdullah cuma layak sebagai seorang saksi dalam mesyuarat sahaja, tidak sebagai calon. Setelah bermesyuarat sesama mereka, akhirnya Usman dan Ali sahaja yang berjaya masuk ke peringkat 'akhir'. Tetapi setelah ditinjau pendapat rakyat, ternyata mereka lebih memilih Usman, kerana sebab-sebab tertentu:

1. Usia Usman lebih tua daripada Ali.
2. Keinginan rakyat untuk mengubah selera dari corak pemerintahan yang tegas dan keras oleh Umar kepada corak yang lunak dan toleransi. Sikap Ali yang keras hanya akan melanjutkan tradisi ketegasan Umar belaka.
3. Kemungkinan menarik kembali jawatan khalifah nanti dari Usman (Bani Umayyah) adalah lebih besar daripada Ali (Bani Hashim).
4. Kemungkinan adanya lobi-melobi di kalangan orang-orang Umayyah yang sangat menginginkan agar jawatan khalifah itu dipegang oleh mereka.

Suatu hakikat yang perlu diperhatikan dalam pemilihan Umar

dan Usman ialah bahawa sungguhpun nama-nama mereka telah dicalonkan sebelumnya, namun mereka bukanlah putera kepada khalifah sebelumnya. Abu Bakar tidak menetapkan puteranya, sedang Umar sendiri hanya memberi hak saksi sahaja kepada anaknya Abdullah. Ini sejajar dengan pendapat al-Mawardy, bahawa: "Apabila seseorang Imam bermaksud mengangkat seorang Putera Mahkota, maka wajiblah ia sedaya upaya mencari yang lebih berhak dan lebih cukup syarat-syaratnya".

Akhirnya, perlantikan khalifah juga dibuat melalui jalan kekerasan, iaitu apabila rakyat bertindak menggulingkan pemerintah yang gagal menjalankan keadilan. Cara seperti ini berlaku apabila saluran-saluran biasa untuk memilih pemimpin-pemimpin dengan bebas sudah tertutup. Ini berlaku terhadap Usman sendiri yang didakwa telah membuat berbagai kesilapan dan kezaliman. Dan apabila beberapa orang sahabat terkemuka cuba memberi nasihat agar dia (Usman) beristirahat dan mengundurkan diri, dijawabnya: "Kenapa aku akan menanggalkan pakaian yang telah dipakaikan Tuhan kepadaku?" Akibatnya Abdullah bin Saba' menjalankan kegiatan dakyahnya, hingga meletuslah pemberontakan yang membawa kematiannya sendiri. Dalam suasana inilah Ali dilantik oleh penduduk-penduduk Madinah yang memandangnya sebagai tokoh yang paling layak untuk menjadi khalifah, di samping sokongan dari pemberontak-pemberontak yang datang dari wilayah-wilayah Islam yang lain.

Pada mulanya Ali menolak pemilihan rakyat itu, sebab katanya: "Ini bukanlah urusan kamu. Ini adalah urusan orang-orang yang ikut bertempur di Badar. Mana Talhah, mana Zubair, mana Saad?" Bagaimanapun, setelah didesak malah dipaksa oleh pemberontak-pemberontak tersebut, akhirnya Ali menerima juga pemilihannya. Dan, atas kehendak pemberontak juga, Talhah dan Zubair yang berada di Madinah turut membai'atnya. Jadi sungguhpun perlantikan Ali dilakukan secara paksaan tetapi ianya menurut persetujuan rakyat terbanyak ketika itu yang mengira tidak ada calon lain yang lebih layak daripada Ali. Dan penolakan Ali terhadap pencalonannya itu pun menasabah juga, kerana urusan perlantikan bukannya dapat dilakukan secara sewenang-wenang sahaja, sebaliknya haruslah diputuskan oleh tokoh-tokoh pembesar. Tetapi penerimaannya selepas itu adalah juga wajar memandangkan suasana (darurat) ketika itu yang sama sekali tidak mengizinkan berlangsungnya mesyuarat seperti biasa.

Demikianlah beberapa cara dan sistem yang dilakukan ketika melantik Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali. Wujudnya unsur-unsur pemilihan (dengan bebas) itulah yang menyebabkan mereka dinamakan 'Khulafa al-Rasyidin', sedangkan khalifah-khalifah selepasnya tidak lagi digelar 'al-Rasyidin', sebab mereka tidak

dipilih bahkan dilantik oleh khalifah-khalifah sebelumnya untuk mewarisi takhtanya. Ketika mengulas tentang sistem monarki ini, Ibnu Khaldun berkata: "Mengangkat Putera Mahkota dengan maksud menurunkan kedudukan kepala negara kepada anak, bukanlah dari maksud-maksud keagamaan. Sepatutnya ia dilakukan dengan niat yang baik, kerana dikuatiri jawatan-jawatan keagamaan ini akan dipermain-mainkan atau disia-siakan." Apa yang dimaksudkan dengan 'dipermain-mainkan' di sini ialah menjadikan jawatan khalifah sebagai barang pusaka dan dimonopolikan.

BAB 13: ABU BAKAR AL-SIDDIQ (632—634 M)

SELAKU seorang sahabat Nabi yang terkanan, Abu Bakarlah calon utama pilihan rakyat buat meneruskan tugas-tugas baginda sebagai pemimpin umat. Meskipun timbul juga protes tentang pemilihannya, namun sejarah terpaksa juga mengakui hakikat bahawa kalau tidaklah Abu Bakar yang menjadi khalifah, nescaya umat Islam akan berpecah belah. Beliau sanggup berdiri sendiri dalam menghadapi serba kemungkinan dan hasilnya beliau beroleh kemenangan yang gemilang.

Gerakan-gerakan Militer

Luar Negeri

Sebaik sahaja dilantik, Abu Bakar terus menggerakkan tentera pimpinan Usamah bin Zaid ke Ghassan yang terbantut akibat kewafatan Rasulullah. Dalam Peperangan Muktah dulu, tiga orang pahlwan besar Islam tewas di tangan pasukan bersekutu Ghassan, termasuk Zaid bin Harithah, ayah Usamah. Sedang dalam Peperangan Tabuk, tentera Rom dan Ghassan mengundur diri. Sebab itu Rasulullah membentuk pasukan lain pimpinan Usamah untuk menghadapi mereka, tetapi terbengkalai dengan kewafatannya. Walaupun usaha menggerakkan tentera Usamah ini dibantah oleh sahabat-sahabat tetapi Abu Bakar tetap meneruskannya juga. Dan hasilnya Usamah membawa kemenangan besar, setelah berperang selama 40 hari.

Kemudiannya, setelah masalah pemberontakan dalam negeri dapat dileburkan, Abu Bakar melantik Khalid bin Said untuk mengembangkan Islam di daerah tersebut. Seruannya di Tihamah rupanya menimbulkan kemarahan Heraclius hingga menyebabkan Khalid terancam, lalu meminta bantuan dari Madinah. Untuk itu Abu Bakar menyusun tentera Islam kepada empat ketumbukan dengan Abu Ubaidah al-Jarrah sebagai Pemimpin Umum di samping tugas khasnya menyerang Hems. Amru ibnul-Ass ditugaskan ke Palestin, Yazid bin Abu Sufyan ke Damshik dan Shurahbil bin Hasanah ke Lembah Jordan. Jumlah kesemuanya ialah 24,000 orang.

Pada peringkat awal pertempuran tersebut, tentera Islam dapat dikucar-kacirkan oleh 240,000 orang tentera Rom pimpinan Heraclius sendiri. Kecuali kemenangan yang tidak seberapa oleh

Amru ibnul-Ass di Palestin, pasukan-pasukan lain tidak berdaya menghadapi kekuatan Rom yang juga telah membahagikan pasukan tenteranya kepada empat ketumbukan. Maka terfikirlah Abu Bakar untuk menyatukannya kembali dengan Khalid al-Walid sebagai Pemimpin Umumnya. Dengan itu Khalid yang sedang bertempur di Iraq itu terus berangkat ke Syria setelah mempercayai al-Muthana bin Harithah sebagai penggantinya. Pengembaraan ke Syria mengambil masa 18 hari dengan dipandu oleh Rafi bin Umair. Dalam perjalanannya itu berlaku juga pertempuran-pertempuran kecil yang kemenangannya sentiasa di pihak Khalid.

Pertempuran penting yang dihadapi oleh Khalid al-Walid ialah di Ajnadain pada 13 H. Perbezaan kekuatannya ialah 30,000 orang Islam melawan 100,000 orang Rom. Bagaimanapun, tentera Rom yang dipimpin oleh Theodore, saudara Heraclius, mengalami kekalahan. Ini memalukan Heraclius sehingga memaksanya meninggalkan Hems dan menuju Antioch. Seterusnya Khalid menyerbu ke kota Damshik dan berjaya menawannya bersama-sama Abu Ubaidah, Amru dan Yazid. Dan pada ketika inilah khabarnya Khalid menerima surat pemecatan sebagai Pemimpin Umum dari Umar al-Khattab yang baru saja menggantikan Abu Bakar.

Mengenai Farsi pula, pertempuran-pertempuran kecil telah berlaku di antara tentera Islam pimpinan al-Muthana bin Harithah dengan pemberontak-pemberontak di kawasan Oman dan Bahrain. Dan dengan kejayaan yang dicapai itu mendorong Abu Bakar mengutus Khalid al-Walid yang ketika itu baru saja selesai menghancurkan gerakan Musailamah al-Kazzab di Yamamah. Ketibaan Khalid mengecutkan negeri-negeri Iraq dan Hirah hingga mereka menerima tawaran perdamaian dengan Khalid. Selepas itu ditakluki pula al-Anbar dan Ainut-Tamar. Akhirnya, Khalid mengutus surat kepada Hurmuz, wakil Farsi di Ubullah dekat Teluk Farsi. Kepadanya dikemukakan tiga pilihan; sama ada memeluk Islam, membayar *jizyah* atau berperang. Kerana sangat murka, Hurmuz lalu mengirimkan tenteranya untuk menghadapi Khalid. Maka berlakulah pertempuran 'Zatis-Salasil' di mana tentera-tentera Farsi telah mengikat sesama mereka dengan rantai agar tidak dapat melarikan diri. Bagaimanapun, mereka tewas juga dan pelabuhan Ubullah dapat ditawan. Malangnya, pada saat ini tentera Islam sedang mengalami kesulitan dalam menghadapi tentera Rom. Sebab itu Abu Bakar segera memerintahkan agar Khalid menuju Syria untuk menggantikan Abu Ubaidah sebagai Pemimpin Umumnya.

Sepeninggalan Khalid, pimpinan tentera diambil-alih oleh al-Muthana yang nampaknya kurang berwibawa dalam mempertahankan wilayah-wilayah yang ditaklukinya. Al-Muthana terus memegang jawatan ini sehinggalah kematian Abu Bakar.

Dalam Negeri

Nampaknya Abu Bakar bukan sahaja terpaksa menghadapi tentera-tentera Rom dan Farsi, bahkan juga masalah pemberontakan di Semenanjung Tanah Arab sendiri. Ada tiga golongan pemberontak tersebut, baik yang terdapat di sekitar Madinah mahupun yang tinggal berjauhan darinya. Golongan pertama ialah mereka yang baru memeluk Islam yang mana ajaran-ajaran Islam belum menyerap di hati mereka, ataupun mereka sendiri belum benar-benar memahaminya. Dengan wafatnya Rasulullah kebanyakan mereka telah murtad dari agama Islam.

Keduanya ialah golongan pengikut-pengikut Nabi palsu yang tumbuh bagai cendawan, baik ketika Rasulullah masih hidup dan lebih-lebih lagi setelah kewafatannya. Dari Bani Hanifah di Yamamah muncullah Musailamah al-Kazzab, dari Bani Asad terdapat Tulaihah bin Khuailid, dari Bani Tamim muncul nabi wanita iaitu Sajjah, dan di Yaman timbul penyokong-penyokong Aswad al-Ansi di bawah pimpinan Qais bin Yaghus. Semuanya mengaku mendapat wahyu yang mana banyak pula pendukung-pendukungnya. Ini bukanlah kerana mereka mempercayai kebenarannya, tetapi semata-mata kerana sifat *Asabiyyah* yang masih tebal di kalangan mereka; sikap yang tidak mengizinkan jawatan kenabian dibolot oleh keturunan Bani Hashim sahaja.

Adapun golongan ketiga ialah mereka yang enggan membayar zakat yang dipimpin oleh Malik bin Nuwairah dari Bani Tamim. Kebanyakan mereka tinggal di Yaman, Yamamah dan Oman. Tetapi ada juga yang tinggal berhampiran dengan kota Madinah seperti kaum Absin dan Zubyan. Faktor utama penentangan mereka hanyalah kerana mereka mengira bahawa Nabi Muhammad sahaja yang berhak memungut atau menerima zakat, seperti yang kononnya terdapat dalam surah *at-Taubah* ayat *103*!

Sebagaimana ketegasannya ketika mengirim Usamah bin Zaid ke Ghassan dulu, begitu jugalah sikap Abu Bakar dalam menghadapi pemberontakan-pemberontakan ini. Untuk itu beliau membentuk 11 pasukan yang masing-masingnya dipimpin oleh Khalid al-Walid, Amru ibnul-Ass, Ikrimah bin Abu Jahal, Shurahbil bin Hasanah, Muhajjir bin Umayyah, Huzaifah Muhsin, Khalid bin Said dan sebagainya. Sebelum menghadapi mereka, lebih dahulu mereka diajak balik ke pangkal jalan. Ada yang menyahut seruannya ini, ada yang tetap berkeras. Kepada mereka yang terakhir inilah Abu Bakar mengarahkan bala tenteranya tersebut.

Tentera pimpinan Khalid al-Walid dapat memukul pengikut-pengikut Tulaihah, malah dia sendiri telah melarikan dirinya dari peperangan tersebut. Tentang penyokong-penyokong Aswad al-

Ansi, mereka telah mengalami kekalahan teruk oleh pasukan Muhajjir. Kekalahan Tulaihah menyebabkan pengikut-pengikut Malik bin Nuwairah berpaling tadah. Ini memudahkan Khalid menumpaskan mereka hingga menyebabkan Malik tertawan. Ketika dalam tahanan, terjadi pembunuhan ke atas Malik yang tidak disengajakan kerana salah faham terhadap perintah Khalid.

Bagaimanapun, pasukan yang menghadapi ancaman Musailamah al-Kazzab mengalami kesulitan. Apalagi kekuatan Musailamah bertambah setelah bersatu dengan tentera Sajjah menjadikan jumlahnya 40,000 orang. Ada pendapat mengatakan bahawa Ikrimah telah mendahului perintah Khalifah agar menunggu pasukan Shurahbil sebelum menyerbu Musailamah. Walau bagaimanapun, ketibaan Khalid telah menyelesaikan segala-galanya, sehingga tempat berlakunya pertarungan sengit tersebut dinamakan 'Taman Maut' (*Garden of Death*). Khabarnya Musailamah telah dibunuh oleh Wahsyi, pembunuh Hamzah bin Abdul Mutalib dulu. Dengan kematiannya maka kaum Bani Hanifah lalu berikrar kembali ke pangkuan Islam.

Dengan selesainya pertempuran tersebut, Abu Bakar bukan sahaja berjaya menyatukan kembali umat Arab yang berpecahbelah itu, bahkan juga dapat mengukuhkan negara, sungguhpun tidaklah begitu kukuh dalam ertikata sebenarnya.

Sejarah Pembukuan al-Quran

Pada hakikatnya usaha-usaha pengumpulan al-Quran tidaklah dimulakan di zaman Rasulullah. Meskipun kesemua ayat-ayat al-Quran sudah sedia tertulis di zaman baginda, tetapi tidaklah diusahakan pengumpulannya dalam suatu mashaf. Ini memandangkan bahawa ayat-ayat al-Quran sentiasa dalam proses *nuzul* (turun) malah setengahnya ada yang memansuhkan ayat sebelumnya. Maka jika dikumpulkan, terpaksalah diperbaiki selalu. Jadi biarlah kesemuanya selesai diturunkan meskipun terpaksa menunggu sehingga wafatnya Nabi.

Dengan gugurnya 70 orang *huffaz* (penghafaz) dalam Perang Yamamah tersebut, barulah timbul kesedaran dan keperluan buat menghimpunkannya. Atas cadangan Umar al-Khattab yang disetujui oleh Abu Bakar, ditugaskanlah Zaid bin Thabit melaksanakan usaha-usaha pembukuannya. Demikianlah selama setahun baru dia dapat menyelesaikannya dengan cara menemui para *huffaz* serta dari catatan-catatan. Atas inisiatif Abu Bakar itulah Ali bin Abu Talib kemudiannya berkata: "Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas Abu Bakar sebagai orang pertama yang mengumpulkan kitab Allah di antara dua Luh."

Dengan kewafatan Abu Bakar, mashaf itu berpindah

ke tangan Umar sampailah wafatnya pula. Kemudian baru disimpan oleh anaknya Hafsah yang juga isteri Rasulullah. Ini bukan sahaja kerana dia sendiri menghafalnya serta pandai pula membaca dan menulis, bahkan juga kerana belum jelas lagi siapa pengganti Umar agar dapat diserahkan naskhah itu kepadanya.

Di zaman Usman bin Affan, timbullah beberapa faktor yang mendorong al-Quran disalin semula. Pernah Huzaifah al-Yaman ketika berada di Azerbaijan dan Armenia menyaksikan pertelingkahan yang berlaku antara orang Sham dengan orang Iraq mengenai bacaan al-Quran. Lalu dilaporkanlah kepada Usman dengan harapan masalah itu dapat diatasi. Malah Usman sendiri pun pernah melihat kejadian yang sama, sebab itu dia berkata: "Sedangkan engkau berada berhampiran denganku bercakaran dan salah-menyalahi antara satu sama lain, maka apatah lagi mereka yang tinggal jauh dariku, sudah tentu perbalahan mereka lebih dahsyat dari kamu. Wahai para sahabat Rasulullah, berhimpunlah kamu dan tuliskan al-Quran untuk menjadi pedoman ikutan sekalian orang."

Sekali lagi tugas penyusunannya diketuai oleh Zaid bin Thabit. Maka dimintalah mashaf yang disimpan oleh Hafsah sebagai sandaran. Pedomannya ditetapkan oleh Usman, iaitu hendaklah ditulis menurut loghat (dialek) kaum Quraisy, sebab al-Quran diturunkan menurut dialek mereka. Hasilnya lahirlah beberapa naskhah yang kemudiannya dihantar ke Makkah, Syria, Basrah, Kufah dan satu lagi disimpan oleh Usman sendiri. Dan bersama mashaf tersebut diutuskan kepada setiap wilayah itu seorang *huffaz* khas untuk membetuli bacaan di dalam mashaf yang dibawanya. Oleh Usman diperintahkan agar dibakar segala mashaf peribadi yang nampaknya mendapat sokongan ramai, kecuali tentangan yang tidak bertenaga dari Abdullah bin Mas'ud. Terhadap tindakan Usman ini, Ali mengatakan: "Jangan kamu mengata-ngatakan kepada Usman sesuatu yang tidak baik. Sesungguhnya demi Allah, segala sesuatu yang dilakukannya terhadap mashaf itu adalah dengan persetujuan dan kehendak dari kami semua."

Mashaf Usmani ditulis tanpa tanda bacaan, jadi ia berkemungkinan dibaca dengan berbagai-bagai cara. Selama lebih 40 tahun mashaf ini dipakai oleh umat Islam, hinggalah ke zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan (685 — 705 M.) yang sejak itu bermacam-macam kesamaran timbul mengenai bacaannya. Oleh pembesar-pembesar negeri seperti al-Hajjaj bin Yusuf al-Saqafy dan Ubaidullah bin Ziyad diperelokkanlah perkataan-perkataannya agar lebih jelas serta senang difaham. Pembetulan ini dilakukannya terus menerus, dan kemuncaknya ialah pada akhir abad ke-3 H., apabila al-Quran dibubuh titik dan baris.

Tokoh-tokoh yang terlibat ialah Abul-Aswad ad-Dualy, Yahya bin Yakmar dan Nasim bin Asim al-Laisy. Kemudiannya disusuli oleh penulisan nama-nama surah, membahagikan al-Quran kepada juzuk-juzuk dan sebagainya. Semuanya ini berlaku meskipun selepas wafat Nabi, namun ianya dilakukan secara *tauqifi* (menurut pandangan Nabi).

Pada zaman al-Walid bin Abdul Malik (705 — 715 M.) diperintahkannya Khalid Abi Hiyaj mencantikkan tulisannya. Mulanya hingga akhir kurun ke-4 H., dipilih seni khas gaya Kufi, tetapi kemudiannya pada awal abad ke-5 H., lebih disukai gaya Nasakh. Mulai abad ke-6 H. (1145 M.), diusahakan terjemahan pertama al-Quran dalam bahasa Latin untuk keperluan Gereja Clugni, tetapi baru dapat diterbitkan pada 1543, oleh penerbitan Bibliander di Basle. Dan berdasarkan naskhah Latin inilah al-Quran diterjemahkan ke bahasa Itali, Jerman dan Belanda. Adapun terjemahan dalam Bahasa Melayu telah dirintis oleh Syeikh Abdur Rauf Singkel pada abad ke-17 M. di Aceh, berdasarkan *Tafsir al-Baidhawi.*

Dengan sejarah ringkas ini, dapatlah difahamkan betapa terjaminnya keselamatan al-Quran dari semasa ke semasa. Sejarah pembukuannya jelas, demikian juga sejarah pemeliharaannya. Tidak pernah terdapat sebarang bukti ada pihak yang berjaya menyebarkan al-Quran palsu, atau sekurang-kurangnya berjaya menyelewengkan ayat-ayat tertentu. Tiadanya penyelewengan ini dan terjaminnya keselamatan al-Quran bukannya secara kebetulan saja, tetapi memang kerana ianya telah dipelihara oleh Allah sendiri seperti dalam firman-Nya: *"Sesungguhnya, Kami yang menurunkan al-Quran, dan sesungguhnya Kami tetap memelihara" (al-Hijr: 9).*

Keistimewaan seperti ini tidak ada pada kitab Injil; suatu kitab yang telah mengalami banyak perubahan, baik dalam bentuk pembuangan atau penyisipan pada ayat-ayatnya. Contoh terkemuka tentang adanya perubahan ini ternyata sekali pada ayat yang *dikenali sebagai "Comma Johaeum"* atau Tiga Kesaksian Langit: "Kerana Tiga yang menjadi saksi di syurga, iaitu Bapa dan Firman dan Ruhul-Kuddus, maka ketiganya itu menjadi satu" (*St. John 5: 7*). Menurut Rev. Dr. Charles Francis Potter, ayat ini dianggap sebagai *a deliberate to forgony*, suatu pemalsuan yang disengajakan. Malah untuk kesemua 25 ayat dalam *Fasal 21 Injil St. John* itu, oleh Jemaah Penyunting The Holy Bible, Catholic ed. RSV, Nelson 1966 ditegaskan bahawa *This chapter was added later, either by the evangelist or by a disciple*, bahawa "fasal ini ditambah kemudian, sama ada dari *evangelist* atau oleh seorang murid." Begitu juga dalam *Injil St. Mathews* (*15: 24*) dikatakan bahawa agama Kristian hanyalah khusus buat kaum Yahudi sahaja. Tetapi

ini ditolak oleh para penganut Kristian dengan mengemukakan bukti dari *Injil St. Marks* (*16: 15*). Anehnya menurut Jemaah Penyunting yang sama, *it is possible that Mark did not write it*, iaitu ada kemungkinan yang Mark tidak menulisnya.

Demikianlah perbezaan besar antara sejarah al-Quran dengan sejarah Injil; yang satu masih terpelihara keasliannya, sedangkan yang satu lagi sudah dikotori oleh tangan manusia. Dan dalam hal ini, sesungguhnya jasa Abu Bakar tidaklah ternilai.

BAB 14: UMAR AL-KHATTAB (634—644 M)

KETIKA Umar menyoal sahabat-sahabatnya, tentang sama ada beliau telah menunaikan tugasnya dengan melantik mereka yang terbaik sahaja, serta menasihatkan mereka agar berlaku adil dan bijaksana, mereka sepakat mengiyakan. Sebaliknya Umar membantah dengan mengatakan: "Belum, aku belum menunaikan kewajipanku selagi aku belum memeriksa apakah mereka ada menjalankan apa yang aku nasihatkan atau tidak." Jadi bagi Umar, dengan melantik orang yang terbaik sahaja tidak memadai jika mereka tidak menunaikan tanggungjawab. Sebab itu, telah menjadi kebiasaan baginya untuk meronda tengah malam dalam usahanya untuk mengetahui denyut nadi rakyatnya. Maka bertemulah dia dengan mereka yang daif, dan yang memerlukan bantuan. Malah, dia sendiri telah menolong mereka tanpa diketahui oleh sesiapa bahawa dialah Khalifah Umar al-Khattab.

Dasar Pentadbiran

Sungguh besar perhatiannya terhadap kebajikan rakyat sehingga di zamannyalah bermulanya sistem pentadbiran yang serba teratur. Dengan berdasarkan kepada prinsip 'syura', Umar telah membentuk Majlis Syura atau Majlis Perundingan Negara (*Consultative Assembly*) yang mengandungi tokoh-tokoh seperti Usman bin Affan, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Thabit, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Waqqas dan Muaz bin Jabal.

Untuk melicinkan pentadbiran wilayah, Umar telah melaksanakan dasar disentralisasi dengan membahagikan negara kepada lapan wilayah, iaitu:

i. Madinah sebagai pusat pemerintahan.
ii. Hijaz dengan ibu negerinya, Makkah.
iii. Sham/Syria dengan ibu negerinya, Damascus.
iv. Iran dengan ibu negerinya, Basrah.
v. Iraq dengan ibu negerinya, Kufah.
vi. Mesir dengan ibu negerinya, Fustat.
vii. Palestin dengan ibu negerinya, Jerusalem.
viii. Jazirah/Mesopotamia dengan ibu negerinya, Hems.

Suatu langkah Umar yang nampaknya telah mendahului sejarah ialah apabila beliau menjalankan sistem pentadbiran yang

dalam istilah perundangan moden dipanggil prinsip 'perasingan kuasa' (*separation of power*). Meskipun caranya agak berbeza dengan fahaman dan amalan masakini, tetapi Umar telah berjaya melaksanakannya apabila para kadi diberi kebebasan untuk menjalankan tugas-tugasnya, tanpa takut kepada kuasa politik. Pernah terjadi seorang Muslim meminta fatwa dari Hakim Ali bin Abu Talib, sedangkan Umar tidak sependapat dengan keputusan Ali tersebut. Namun Umar tidaklah bertindak agar keputusannyalah yang dipakai, apa lagi untuk memecat hakim yang bertentangan pendapat dengannya.

Dari segi ekonomi, Umar telah menubuhkan Baitul-Mal (perbendaharaan). Sumber utama kewangan negara tentunya dari kutipan zakat atau *usyr* (zakat tanaman), iaitu 1/10 jika menggunakan air hujan atau 1/20 jika menggunakan tenaga. Terhadap orang-orang bukan Islam pula, mereka dikenakan cukai *kharaj* (cukai tanah) serta cukai *jizyah*, iaitu cukai kepala kerana tinggal dalam negara Islam. Selain dari itu, Baitul-Mal juga memperolehi hartanya dari *al-Fai'*, iaitu harta-harta rampasan musuh tanpa melalui peperangan, dan juga *ghanimah*, iaitu harta-harta rampasan perang.

Dengan adanya sumber-sumber kewangan seperti ini, dapatlah Umar melaksanakan program-program sosialnya, seperti memberi elaun-elaun khas kepada rakyat. Dan dalam hal ini, Umar mengutamakan keluarga Nabi (*Ahlul-bait*), seperti isteri-isteri Nabi serta anak cucunya dan lain-lain. Kepada mereka diberikan 12,000 dirham setahun, sedangkan kepada kaum Muhajirin dan Ansar di antara 4,000 — 5,000 dirham setahun, golongan tentera biasanya 500 — 6,000 dirham dan golongan kanak-kanak serta perempuan mendapat 200 — 400 dirham setahun. Dan kepada mereka yang tidak berdaya diberi imbuhan khas dan perlindungan, meskipun mereka adalah orang Yahudi. Dengan wujudnya sistem pembahagian sara hidup tersebut, Umar seolah-olah telah berjaya mengasaskan sebuah negara kebajikan (*welfare state*) seperti yang diamalkan oleh setengah negara Barat masa kini.

Dalam bidang pentadbiran tanah pula, Umar telah dapat menghapuskan pemerasan tuan-tuan tanah (*landlords*) terhadap kaum petani. Umar juga menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru dengan memberikan hak milik kepada pengusahanya.

Tentang soal ketenteraan, Umar telah membahagikan tentera Islam kepada dua bahagian; mereka yang bertugas sepenuh masa (*standing army*) dan orang-orang awam yang dapat dikerahkan pada masa-masa tertentu (*volunteer*). Sebagai tentera sepenuh masa, mereka mendapat gaji tetap serta kemudahan-kemudahan sampingan lain, tetapi mereka tidak diberikan habuan tanah demi untuk mengelakkan mereka menetap di sesuatu tempat. Hanya

tentera *volunteer* sahaja mendapat habuan tanah tersebut.

Dari segi pendidikan, pusat-pusat pengajian Islam telah didirikan di kota-kota Basrah, Kufah, Fustat dan sebagainya. Guru-guru agama telah dihantar ke pusat-pusat ini, sedangkan imam-imam diadakan di masjid-masjid. Dan buat pertama kalinya Umar mengadakan kalendar (*taqwim*) Islam sendiri yang bermula dari peristiwa Hijrah Nabi ke Madinah.

Dengan adanya perubahan-perubahan pentadbiran seperti ini, serta sumbangan-sumbangan lain yang tidak disebutkan, maka tidak hairanlah jika Umar al-Khattab digelar *Amirul-Mukminin*, atau raja orang-orang yang beriman. Bahkan di kalangan rakyat, istilah 'keadilan' itu sinonim dengan nama Umar sendiri.

Gerakan-gerakan Militer

Gerakan-gerakan militer di zaman Umar tertumpu kepada jajahan-jajahan Rom serta wilayah Farsi sendiri, sebagai penerusan daripada gerakan-gerakan di zaman Abu Bakar dulu. Mengenai ekspedisi ke Rom, telah pun disentuh bahawa Khalid al-Walid telah dipecat oleh Umar sebagai Pemimpin Umumnya sebaik sahaja beliau menjadi khalifah. Sebab-sebab pemecatannya hingga diganti oleh Abu Ubaidah al-Jarrah agak kabur. Ada pendapat mengatakan bahawa Khalid ikut menyokong Ali bin Abu Talib sebagai khalifah, dan ada pula yang menganggap bahawa Umar takut keperwiraan Khalid menyebabkan ramai yang akan menjadi mangsanya atau mengkaguminya secara berlebih-lebihan. Pendapat lain mengatakan bahawa kecekapan Khalid hanyalah di bidang militer sahaja, sedangkan Abu Ubaidah mempunyai kelebihan di bidang diplomasi. Bagaimanapun, pemecatannya tidaklah menggugat perasaannya, malah sebelum kedatangannya dulu pun, Abu Ubaidahlah yang merupakan Pemimpin Umum.

Kekalahan di Damshik menyebabkan Heraclius mengumpul semula kekuatannya sehingga dapat membentuk suatu ketumbukan berjumlah kira-kira 1½ juta orang. Pimpinannya diserahkan kepada Jabalah ibnul-Aiham, raja terakhir kerajaan Ghassan dengan bantuan Mahan dari Armenia. Tentera Islam yang berjumlah 24,000 orang dipimpin oleh Abu Ubaidah sendiri. Maka berlakulah Peperangan Yarmuk pada 636 M., dan ianya begitu sengit sehingga Heraclius terpaksa sekali lagi berangkat dari Antioch menuju Constantinople (ibu kota Byzantine) pula setelah tenteranya dipukul. Kemudiannya tentera Islam berpecah dua, sebahagian menuju ke utara di bawah pimpinan Abu Ubaidah dan Khalid, dan sebahagian lain menuju ke selatan dengan ketuanya Shurahbil dan Amru ibnul-Ass. Adapun Yazid bin Abu Sufyan sendiri harus menjaga Damshik.

Dalam perjalanannya itu Abu Ubaidah dan Khalid telah menakluki Hems, Hama, Qinnisria, Laziqiyah dan Aleppo, Amru dan Shurahbil pula berjaya merebut Acre, Haifa, Jaffa, Ghazzah dan lain-lainnya, kecuali Baitul-Maqdis sahaja yang belum dapat ditawan. Tetapi ini pun tidak lama sebab penduduk-penduduknya sendiri ingin berdamai dengan syarat khalifah sendiri datang ke Jerusalem buat mengadakan perundingan. Demikianlah yang berlaku apabila Jerusalem tunduk kepada Umar pada 15 H. Kemudian Amru berangkat ke Qisariyah lalu mara pula ke Mesir dengan keizinan Umar. Dengan melalui Padang Pasir Sinai, Amru sampai ke Arisy dan seterusnya ke Farma. Sebulan lamanya kaum Muslimin mengepung Farma, dan dengan sokongan penduduk-penduduk Mesir sendiri, akhirnya kota itu dapat ditawan.

Dari Farma, Amru mara ke Bulbais dengan menghadapi tentera Rom pimpinan Artibun yang sebelumnya melarikan diri dari Baitul-Maqdis. Di sini juga tentera Islam menang, tetapi dalam pertempuran di Ummu Dunain kemudiannya tentera Islam mengalami kesukaran. Amru meminta bantuan pusat, lalu tibalah 4,000 tentera tersebut yang dipimpin oleh Zubair al-Awwam, Miqdad al-Aswad, Muslimah bin Mukhlid dan Ubaidah al-Samit. Maka bertemulah mereka dengan tentera Rom pimpinan Theodore yang berjumlah 20,000 di Ainus-Shams. Dengan kebijaksanaan Amru tercapailah kemenangan, tetapi sebahagian tentera Rom dapat melarikan diri ke benteng Babylon. Selama 7 bulan kaum Muslimin mengepungnya akhirnya diberi tiga pilihan kepada Muqauqis (gabenor Rom di Mesir) sama ada mahu masuk Islam, membayar *jizyah* atau berperang. Melihat kekuatan tentera Islam yang cukup berdisiplin itu Muqauqis memilih perdamaian saja dengan membayar pajak. Meskipun tindakannya ini dibantah keras oleh Heraclius, tetapi Muqauqis tidak memperdulikannya.

Buat mengakhiri siri serangan terhadap Rom, kaum Muslimin terus mara ke Iskandariyah, ibu kota Mesir. Disebabkan benteng pertahanannya agak kuat, sukarlah kaum Muslimin menyerangnya. Maka timbullah semacam kelemahan semangat untuk meneruskan pertempuran. Hanya setelah tibanya surat dari Umar yang membidas sikap tersebut itulah baru mereka bertekad untuk berjuang habis-habisan sehingga sanggup memanjat benteng tersebut. Ini menyebabkan tentera Rom melarikan diri ke kapal mereka yang berlabuh di laut. Akhirnya, dengan penerimaan syarat-syarat perdamaian oleh Muqauqis itu maka jatuhlah seluruh Mesir ke bawah kekuasaan Islam setelah sekian lama dijajah oleh kerajaan Rom.

Mengenai Farsi pula, sebaik sahaja Umar menggantikan Abu Bakar, segera dikirimkannya bantuan tentera pimpinan bersama Abu Ubaid al-Saqafy dan Sulait al-Ansary kepada al-Muthana

yang baru mengambil-alih pimpinan Khalid al-Walid dulu. Maka berlakulah Peperangan Jambatan sebanyak dua kali berhampiran dengan al-Hirah pada 13 H. Tentera Farsi yang dipimpin oleh Rustum telah mencapai kemenangan sehingga Abu Ubaid dan Sulait sendiri terbunuh. Ini menyebabkan Umar membekukan gerakan ketenteraan selama setahun sambil melengkapi persiapan-nya. Untuk menebus kekalahan tersebut pada 15 H., Umar lalu menghantar satu pasukan tentera pimpinan bersama al-Muthana dan Jarir bin Abdullah yang hasilnya berjaya menewaskan tentera Farsi pimpinan Mahran.

Kemenangan ini mendorong Umar melantik Saad bin Abi Waqqas mengetuai angkatan tentera seramai 10,000 untuk menghadapi tentera Farsi yang berjumlah 120,000 pimpinan Rustum. Turut membantu Saad ialah al-Mughirah bin Abi Shu'bah, Qais bin Hubairah dan Tulaihah bin Khuailid, salah seorang nabi palsu dulu. Ketika bertemu, kedua belah pihak cuba mencari penyelesaian agar peperangan dapat dihindari. Malangnya satu rombongan diplomatik untuk menghadap maharaja Farsi di Madain telah dibunuh oleh Rustum, kecuali ketua rombongan Nukman bin al-Mughirah. Akibatnya tercetuslah Pertempuran al-Qadisiyah yang hebat selama tiga hari yang menyebabkan kekalahan teruk di pihak Farsi, sementara tentera Islam telah memperolehi banyak harta rampasan. Malah, Rustum sendiri telah dibunuh oleh Hilal bin al-Qamah.

Kejayaan ini mendorong mereka untuk mencapai kemenangan muktamad. Ketika tentera Islam berjaya merebut Bahrain yang terletak di bahagian bandar Madain, ibu kota Farsi, tentera Farsi terus menyeberangi Sungai Dajlah lalu membinasakan jambatan-nya. Begitu pun tentera-tentera Islam dapat juga menyeberanginya dengan kuda sehingga gugup tentera Farsi dibuatnya. Akhirnya Madain dapat ditawan, tetapi Maharaja Yazdajird bin Shahriar telah berangkat ke Helwan dengan memindahkan segala alat-alat kebesarannya di situ.

Di Helwan, Yazdajird lalu menyusun kembali angkatannya di samping meminta bantuan di sana sini. Dengan terkumpulnya bala tentera tersebut di suatu tempat bernama Jalaula, mereka menggali parit di sekelilingnya. Tetapi tentara Islam berjaya juga merempuhnya sehingga dapat menawan Helwan. Ini menyebabkan Yazdajird sekali lagi berangkat dari Helwan menuju Nihawand. Di sini dia sempat mengumpul kembali tenteranya seramai 100,000 orang pimpinan Firzan. Dan agar mereka tidak melarikan diri, tenteranya telah dirantaikan sesama sendiri. Pimpinan tentera Islam dipegang oleh Nukman al-Muqarrin setelah Saad bin Abi Waqqas dipecat kepada setengah tindakannya di Kufah tidak direstui oleh Umar. Dalam pertempuran Nihawand pada 19 H., ini

kaum Muslimin mencapai kemenangan gemilang. Dan buat menamatkan siri ini tentera Islam terus menakluki Ahwaz, Kashan, Qam dan Azerbaijan. Adapun Yazdajird sendiri tidaklah berdaya lagi untuk melawan, dan pada 31 H., dia dibunuh di Khurasan. Sejak ini jadilah wilayah Farsi di bawah perintah Islam.

Demikianlah di zaman Umar al-Khattab jatuhnya empayar Farsi serta jajahan-jajahan Rom ke tangan Islam. Kejatuhan Rom dan Farsi sesungguhnya amat memalukan, kerana selama berabad-abad kedua-duanya sangat terkenal sebagai kuasa-kuasa besar yang sangat menggerunkan.

BAB 15: USMAN BIN AFFAN (644—656 M)

ZAMAN pemerintahan Usman dapat dibahagikan kepada dua peringkat. Dalam sepanjang enam tahun yang pertama suasananya aman tenteram, tetapi sepanjang enam tahun yang terakhir timbul huru-hara dan pemberontakan terhadap pemerintahannya. Mengkaji faktor-faktor yang mencetuskan pemberontakan itu kita tidaklah dapat menyalahkan Usman sahaja, malah penting sekali disebutkan peranan-peranan yang dimainkan oleh pembantunya Marwan al-Hakam, Abdullah bin Saba' dan Muawiyah bin Abu Sufyan sendiri pada saat-saat akhirnya.

Pemberontakan di Zaman Usman

Pertama sekali perlu dibincangkan peranan dan penglibatan Marwan al-Hakam, sepupunya yang dilantik sebagai pembantu atau penasihatnya. Di atas 'nasihat'nyalah dilantik tokoh-tokoh dari keluarga Bani Umayyah saja sambil melucutkan tokoh-tokoh lantikan Umar dulu. Dengan itu terlucutlah Abu Musa al-Shaari yang warak itu sebagai gabenor Basrah dengan diganti oleh Abdullah bin Amir, anak saudara Usman yang baru berusia 25 tahun. Gabenor Mesir, Amru ibnul-Ass digantikan oleh Abdullah bin Sarah, saudara sesusu Usman. Sedangkan gabenor Sham yang seketurunan dengannya iaitu Muawiyah bin Abu Sufyan dikekalkan jawatannya, malah bidang kuasanya diluaskan sehingga meliputi kawasan Hems dan Palestine. Dan banyaklah lagi berlaku pemecatan-pemecatan yang kemudiannya diserahkan kepada suku-sakatnya; suatu amalan nepotisme yang membawa keruntuhannya sendiri. Kiranya amalan seperti inilah yang akhirnya menimbulkan gerakan-gerakan penentangan dari wilayah-wilayah yang jauh.

Api kemarahan yang sedia menyala akan terus menggila jika dicurahkan minyak ke atasnya. Demikianlah peranan yang dimainkan oleh Abdullah bin Saba', seorang Yahudi yang pura-pura memeluk Islam. Berkat kelicinannyalah yang bertanggungjawab menyemarakkan lagi suasana sehingga bibit kemarahan yang baru bertunas itu terus menanjak naik bagai tidak dapat ditahan-tahan lagi.

Sesungguhnya peranan Abdullah bin Saba' (atau Ibn Sauda) sebagai faktor terbesar memecah perpaduan umat Islam sangatlah penting sekali. Kegiatannya bermula pada zaman Usman, kemu-

dian berkembang pada zaman Ali dan akhirnya mencapai kemuncaknya selepas kematian Ali. Berasaskan kepercayaan Yahudi tentang Yusha bin Nun yang dikatakan menerima wasiat daripada Nabi Musa, lalu didakyahkannya bahawa Ali bin Abi Talib juga menerima wasiat daripada Nabi Muhammad sebagai penggantinya. Kemudiannya selepas kematian Ali disiarkannya pula dakyah bahawa Ali tidaklah mati, sebaliknya akan kembali semula. Hujahnya ialah jika Isa bin Maryam kelak akan kembali semula ke dunia, maka Muhammad juga sepatutnya akan kembali juga. Tetapi oleh kerana Ali sudah diwasiatkan sebagai pengganti Nabi, maka yang akan kembali semula ialah Ali bin Abi Talib. Dan teratas dari semuanya itu ialah dakwaannya tentang pantheisme, iaitu Tuhan bersemayam atau bersatu dalam tubuh Ali!

Seiring dengan penyebaran dakyah-dakyah tersebut ialah pernanan Ibn Saba' dalam mencipta dan menyebarkan hadis-hadis palsu tentang keutamaan Ali dan keluarganya, dan serentak dengan itu pula diperburukkannya para sahabat besar terutamanya khalifah-khalifah sebelum Ali. Semuanya ini menjadi asas kepada kepercayaan mazhab Syiah kemudiannya.

Hasil dari peranannya itu, Abdullah berjaya mengumpulkan pendokong-pendokongnya seperti Ammar bin Yasir, Abu Zar al-Ghifary dan Abdullah bin Mas'ud. Dan untuk menghangatkan lagi keadaan, ditulisnya surat-surat palsu atas nama tokoh-tokoh sahabat. Misalnya, melalui seorang lelaki kulit hitam, ditulisnya surat kepada gabenor Mesir, Abdullah bin Sarah atas nama Khalifah Usman, agar membunuh pemberontak dari Mesir itu termasuk pemimpinnya Muhammad bin Abu Bakar. Kepada para pemberontak, dihasutnya melalui siaran suratnya atas nama Ali agar bangun menentang Usman. Malah, Abdullah juga menggunakan nama Aishah r.a. sehingga Marwan sendiri menganggap yang Aishah turut terlibat dalam mengeruhkan suasana.

Demikianlah peranan Abdullah bin Saba' sehingga akibatnya pemberontak-pemberontak yang sedia mendidih semangatnya itu tidak kuasa lagi menahan perasaan lalu terus mengepung rumah Usman. Dalam suasana yang kritikal ini, beberapa orang sahabat termasuk Ali cuba menjadi orang tengah dan mengawal pintu rumah Usman. Jemaah-jemaah haji yang tidak begitu ramai itu juga turut menahan pemberontakan ini. Sepatutnya dalam saat-saat seperti ini Bani Umayyah serta Muawiyah khususnya, datang segera membantunya, tetapi malangnya mereka lebih senang bersikap berkecuali dalam hal ini. Sikap seperti inilah yang rupanya mempercepatkan pemberontakan tersebut mencapai matlamatnya. Demikianlah yang terjadi, setelah 22 hari dikepung, akhirnya Usman telah dibunuh oleh mereka ketika sedang membaca al-Quran, iaitu dalam usia 82 tahun.

Jasa-jasa Usman

1. Menumpaskan pemberontakan di wilayah-wilayah yang telah ditakluki pada zaman Umar al-Khattab, seperti Khurasan, Iskandariyah, Armenia dan Azerbaijan.
2. Meneruskan gerakan penaklukan dan perkembangan Islam. Di zamannya dapat ditawan daerah-daerah Jurjan, Talkan dan Balkh, malah sampai dapat melampaui Sungai Jihun (Amu Daria). Demikian juga Pulau-pulau Cyprus dan Rhodes.
3. Menyalin semula al-Quran menurut dialek yang betul.
4. Melaksanakan azan Jumaat dua kali, pertama dilakukan di zaurak (pasar) sebelum tibanya waktu salat, dan kedua (yang sebenarnya) dilakukan di dalam masjid setelah masuknya waktu salat Jumaat.

BAB 16: ALI BIN ABU TALIB (656—661 M)

PADA hakikatnya, Ali bin Abu Talib telah mewarisi satu pemerintahan yang kucar-kacir, dan dia tidak berdaya memperbaikinya sehingga di tangannya, tamatlah rangkaian Khulafa al-Rashidin. Ini bukan kesalahannya seorang, bahkan tanggungjawab bersama, termasuk tokoh-tokoh sahabat sendiri. Sebagai seorang yang terkenal tegas dan radikal, sebaik sahaja Ali dilantik sebagai khalifah dikeluarkannya beberapa ketetapan:

1. Memecat gabenor-gabenor lantikan Usman.
2. Merampas balik tanah-tanah yang diberi oleh Usman kepada kaum kerabatnya secara tidak sah.
3. Mengubah pusat pentadbiran dari Madinah ke Kufah.

Sesungguhnya, Ali dapat mempertahankan kebenaran tindakannya itu, tetapi cepatnya dia bertindak menyebabkan beberapa tokoh sahabat kurang menyenanginya. Sebaliknya pula Ali melambat-lambatkan tuntutan penyokong-penyokong Usman agar pembunuhannya segera disiasat dan mereka yang terlibat dihukum. Dan faktor kelengahannya inilah yang menimbulkan tuduhan liar bahawa dia turut bersubahat dalam pembunuhan Usman. Seperti juga Usman, Ali terpaksa menghadapi cabaran dari gerakan Abdullah bin Saba' yang menyokongnya secara keterlaluan, serta dari beberapa orang tokoh sahabat besar.

Bermulanya Perang Saudara Dalam Sejarah Islam

Peperangan Jamal

Dalam sejarah Islam, Peperangan Jamal merupakan perang saudara yang pertama sekali. Mulanya persiapan tentera Ali adalah untuk menghadapi tentera Muawiyah bin Abu Sufyan di Sham, tetapi tekanan suasana memaksa Ali membelok ke Basrah untuk menghadapi tentera Aishah r.a. Penentangan Aishah ini bukan tidak ada sebabnya. Tetapi yang penting sekali ialah bujukan beberapa orang tokoh, terutamanya Abdullah bin Zubair, anak saudaranya. Memang Aishah ingin membela kematian Usman, tetapi tidaklah sampai melalui peperangan. Antara Ali dan Aishah semacam ada krisis peribadi. Misalnya, Ali pernah dikatakan meragui kesucian Aishah dalam peristiwa 'Pesona Keji' (*Hadithul-*

ifki) sewaktu Perang Bani Mustaliq dulu. Apa lagi Ali kemudiannya ingin menyaingi ayah Aishah iaitu Abu Bakar dalam rebutan kuasa Khalifah. Adanya krisis ini mungkin benar, tetapi tidaklah sampai memerlukan Aishah mengangkat senjata memerangi Ali. Atas tekanan Abdullah bin Zubairlah, Aishah yang teragak-agak itu sanggup berperang.

Bersama Aishah ialah Talhah bin Ubaidullah dan Zubair al-Awwam yang pernah membai'at Ali dulu. Khabarnya tentangan mereka terhadap Ali ialah kerana mereka diketepikan oleh Ali dalam perlantikan gabenor-gabenor wilayah Yaman dan Iraq. Pada 36 H., berlakulah Peperangan Jamal di al-Kharibah berhampiran Basrah. Memang pada mulanya tercapai persetujuan damai di antara Ali dengan Aishah untuk mengelakkan pertumpahan darah. Malangnya pengikut-pengikut Abdullah bin Saba', terutamanya mereka yang terlibat dalam pembunuhan Usman telah menyerang pihak Aishah, sehingga peperangan tidak dapat dielakkan lagi.

Peperangan ini berakhir dengan kemenangan pihak Ali, namun Aishah tetap dimuliakan oleh Ali. Atas arahan Ali, Aishah dihantar oleh adiknya Muhammad bin Abu Bakar kembali ke Madinah. Khabarnya, sehingga wafatnya Aishah dikatakan sangat sedih dan menyesal di atas penglibatannya dalam peperangan itu. Pernah dia mengeluh: "Wahai, kalaulah aku menjadi pokok kayu! Wahai, kalaulah aku menjadi pokok likir! Wahai, kalaulah aku telah lama mati!" Dan apabila hampir meninggal dunia, dia berwasiat: "Jangan kuburkan aku di samping Rasulullah, kerana aku telah membuat kesilapan setelah ia meninggal."

Mengenai Zubair al-Awwam, dia sendiri melarikan diri dari peperangan tersebut kerana tidak menyakini betul atau tidak penentangannya terhadap Ali. Melihat tindakannya itu, Amru bin Jurmuz telah membunuhnya. Begitu juga dengan Talhah yang telah dibunuh oleh Marwan al-Hakam dari pihaknya sendiri kerana disyaki cuba melemahkan semangat perjuangan. Adapun Abdullah bin Zubair, ia telah ditetak oleh al-Ashtar, panglima Ali yang gagah terbilang. Tetakan tersebut tidak membawa kematian, namun dia tidak lagi mencampuri Peperangan Jamal. Untuk beberapa waktu, Abdullah seolah-olah tenggelam tetapi kemudiannya timbul semula dengan gagah buat mencabar kerajaan Bani Umayyah.

Peperangan Siffin

Kesilapan besar Ali ialah melucutkan secara mendadak jawatan Muawiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenor Sham yang telah dipegangnya sejak zaman Umar lagi. Tindakan ini benar-benar me-

nyinggung perasaannya malah juga rakyat Sham yang belum pernah mengecap kemakmuran sehinggalah datang Muawiyah. Jadi, dengan pemecatannya rakyat Sham sendiri yang sekian lama memujanya, tidaklah begitu sukar untuk dikobar-kobarkan semangat mereka untuk menentang Ali. Apa lagi Muawiyah sendiri bijak bermain politik, dengan cara membentangkan baju gamis Usman yang berlumuran darah di mimbar, bersama anak-anak jari isteri Usman yang terpotong sewaktu mempertahankan pukulan pemberontak-pemberontak itu. Ini menyebabkan semangat rakyat meluap-luap.

Bagaimanapun, Ali cuba memperlihatkan semangat toleransinya dengan mengutus Jarir bin Abdullah menemui Muawiyah. Hanya setelah kegagalan rundingan-rundingan itulah tercetusnya pertempuran di Siffin, pada 37 H. Dan walaupun peperangan sudah bermula, namun Ali dengan 50,000 tenteranya masih berlembut dengan Muawiyah. Misalnya, apabila pengikut-pengikut Muawiyah telah dapat menguasai satu kawasan yang banyak airnya, pengikut-pengikut Ali telah dihalangi dari meminumnya. Tetapi sebaliknya apabila ianya dikuasai oleh Ali, tidak pula dihalangi pengikut-pengikut Muawiyah meminumnya.

Dilihat dari segi kepimpinan dan kekuatan tentera, barisan Ali ternyata mempunyai potensi besar untuk mencapai kemenangan, dan memang sudah terbayang tanda-tanda untuk mencapainya. Sebaliknya di sisi Muawiyah terdapat barisan tentera yang lemah, ditambah pula dengan keretakan pucuk pimpinannya. Pernah terjadi di tengah-tengah peperangan itu, Ali menyerbu kepada Muawiyah dan berkata: "Hai Muawiyah, untuk apakah orang-orang ini akan terbunuh kerana kita berdua? Mari kita *bertahkim* kepada Allah. Barang siapa di antara kita dapat menewaskan lawannya, maka tidak ada orang yang akan mengganggu-gugatnya lagi." Ketika itu Amru ibnul-Ass berada di samping Muawiyah, berkata kepadanya: "Hai Muawiyah, apa yang dianjurkan orang ini (Ali) adalah adil." Muawiyah menjawab: "Tetapi apa yang engkau anjurkan itu tidak adil, hai Amru, kerana engkau menghasutku untuk berlawan dengan Ali, pada hal engkau tahu bahawa siapa saja yang berani melawannya satu sama satu pastilah tewas!" Seterusnya Amru berkata lagi: "Tetapi satu-satunya jalan yang terbaik bagimu hanyalah menyambut tentangannya!" Jawab Muawiyah: "Sebenarnya engkau ingin menjadi khalifah bila aku telah tewas nanti."

Demikianlah kita melihat adanya tanda-tanda kemenangan di pihak Ali. Walau bagaimanapun, Muawiyah tidak pula kehilangan akal, sebaliknya disuruhnya Amru mencari jalan keluar. Maka atas muslihat Amru, tentera-tentera Muawiyah diminta mengangkat mashaf al-Quran sambil menyeru: "Inilah kitabullah yang akan

menjadi hakim antara kami dan kamu!" Melihat julangan al-Quran itu (betulkah itu al-Quran?) menyebabkan tentera Ali terpecah dua; satu yang menyokong gencatan senjata dan yang lain ingin meneruskan peperangan. Adapun Ali meskipun sedar tipu helah Muawiyah, namun dia terpaksa bersetuju dengan kehendak ramai agar diadakan rundingan. Anehnya, golongan yang meminta dihentikan pertempuran inilah (Khawarij), yang nantinya menentang Ali pula, sambil menyalahkan Ali kerana menerima cadangan mereka.

Dalam *tahkim* tersebut, sekali lagi Amru sebagai wakil Muawiyah menjalankan siasahnya sehingga menyebabkan wakil Ali, Abu Musa al-Shaari tertipu. Dengan menerima perlucutan Ali sebagai khalifah, Amru lalu mengekalkan jawatan Muawiyah. Sebenarnya keputusan *tahkim* itu, tidaklah penting bagi Muawiyah yang hanya ingin agar peperangan itu dihentikan. Dan di sini Muawiyah berhasil mencapai matlamatnya. Bahkan lebih dari itu, ianya membawa perpecahan pula di kalangan pengikut-pengikut Ali — satu yang menyokongnya (Syiah) dan satu yang menentangnya (Khawarij). Dengan ini bukan sahaja Ali terpaksa menghadapi Muawiyah, bahkan terpaksa pula menghadapi musuh terbaru, iaitu golongan Khawarij.

Ketika mendedahkan sebab-sebab kemenangannya dalam menghadapi Ali, Muawiyah telah mengemukakan empat faktor:

i. Aku sentiasa menyembunyikan rahsia, sedangkan Ali suka membukakan rahsia.
ii. Aku mempunyai tentera yang terbaik dan amat patuh, sedangkan Ali mempunyai tentera yang paling jelik dan sering membangkang.
iii. Aku biarkan dia bertempur melawan pasukan Aishah. Kalau Ali kalah, mudah bagiku menghadapinya. Tetapi kalau dia menang, aku akan menuduhnya sebagai pembunuh mereka.
iv. Aku lebih dicintai oleh orang-orang Quraisy daripada Ali.

Lahirnya Mazhab-mazhab Politik

Kelahiran mazhab-mazhab politik dalam Islam adalah berasaskan persoalan-persoalan sekitar masalah kepimpinan, yakni siapakah yang lebih berhak untuk menjadi khalifah (pengganti Rasulullah). Sebetulnya, masalah-masalah tentang pemilihan khalifah ini bermula sejak wafatnya Rasulullah, apa lagi baginda sendiri tidak pula menentukan siapakah penggantinya, dan bagaimana pula cara pemilihannya. Ini menimbulkan beberapa aliran tertentu, seperti golongan-golongan pro-Ansar, pro-Quraisy dan pro-Ali bin Abu Talib. Bagaimanapun, aliran yang pro-Quraisy menang, maka

naiklah Abu Bakar dan Umar al-Khattab sebagai khalifah. Tetapi aliran yang pro-Ali terus hidup, cumanya kurang berpengaruh berkat keadilan dan kebijaksanaan kedua-dua khalifah tersebut.

Dengan naiknya Usman bin Affan barulah aliran pro-Ali hidup kembali, apa lagi bila terlihat bahawa Usman seolah-olah bersikap memihak atau mementingkan keluarga Umayyah saja. Bagaimanapun, tentangan-tentangan terhadap Khalifah Usman kelihatan terpencar-pencar di sana sini, hinggalah munculnya Abdullah bin Saba' yang menyatukannya di bawah slogan *Ahlul-bait.* Lalu dipropagandanya bahawa Nabi telah berwasiat kepada Ali untuk menjadi khalifah sesudahnya. Dan untuk memperkuatkan teorinya, disebarkannya fahaman 'Hak Ilahi' (*Divine Right*) bahawa Alilah yang berhak menjadi khalifah, kerana hal itu sudah ditentukan oleh Allah, dan Usman telah merampas hak itu dengan kekerasan. Jadinya pengasas gerakan Syiah ialah Abdullah bin Saba' seorang Yahudi yang memeluk Islam semata-mata untuk meruntuhkannya dari dalam.

Tetapi, dengan berlakunya peristiwa *Tahkim* tersebut, terpecahlah pengikut-pengikut Ali kepada dua golongan; golongan Syiah yang menyokongnya dan golongan Khawarij yang menentangnya. Mengenai puak Syiah, pokok kepercayaan mereka berasaskan kepada fahaman bahawa Alilah yang lebih berhak menjadi khalifah, sedang Abu Bakar, Umar dan Usman telah merampas hak Ali tersebut. Maka adalah menjadi tugas mereka untuk mengembalikan hak tersebut kepada empunya, iaitu keluarga Ali. Bagi mereka, soal Imamiah (kepimpinan) tidak termasuk kepentingan umum yang dapat diserahkan saja kepada rakyat untuk menetapkan siapa yang mereka kehendaki, sebaliknya merupakan ketetapan dari Rasulullah sendiri yang harus diterima sebagai dasar agama. Soal siapa pengganti Rasulullah dikatakan telah diwasiat lebih dulu kepada Ali, seperti yang terdapat pada hadis *Ghadir Khum.*

Adapun mengenai puak Khawarij, mereka dulunya adalah penyokong Ali juga. Tetapi kerana Ali menerima *tahkim* (yang mereka sendiri memaksanya), mereka lalu menentangnya pula. Terhadap khalifah-khalifah sebelumnya, sikap mereka agak *moderate.* Mereka menyokong Abu Bakar, Umar dan juga tahun-tahun pertama pemerintahan Usman. Malah mereka juga menyokong Ali, tetapi kemudiannya menyalahkannya kerana menerima perundingan, dan menuduh Ali sebagai kafir kerana itu. Mereka juga mengkafirkan Abu Musa al-Shaari, Amru ibnul-Ass Muawiyah dan Usman. Mengenai soal pemerintahan, mereka berpendapat bahawa khalifah harus dipilih secara bebas dari segenap rakyat umat Islam, tidak semestinya dari puak Quraisy sahaja. Dan andai kata sudah dipilih maka dia adalah pemimpin

umat Islam yang harus tunduk kepada hukum-hukum Allah, dan sekiranya dia menyeleweng dia harus dipecat.

Selain dari kedua-dua mazhab tersebut, timbul juga mazhab Murji'ah. Golongan ini timbul setelah mengetahui bahawa Khawarij mengkafirkan Usman dan Ali serta penyokong-penyokong *tahkim*, juga setelah dilihatnya bahawa dalam Syiah juga ada mengkafirkan Abu Bakar, Umar, Usman dan pengikut-pengikut mereka. Setiap golongan dari umat Islam menganggap bahawa mereka saja yang benar sedangkan golongan lain sesat dan kafir. Maka datanglah aliran Murji'ah yang cuba mengkompromikan semua golongan dan tidak mengkafirkan salah satunya. Bagi mereka, baik Syiah, Khawarij, mahupun pengikut-pengikut Umayyah adalah orang-orang Mukmin, ada salahnya dan ada benarnya. Mereka tidak menentukan mana yang salah dan mana yang benar, sebaliknya menyerahkan saja kepada Allah. Sebab itulah mereka digelar Murji'ah, yakni golongan yang menangguhkan atau mengakhirkan persoalan-persoalan sehingga Hari Pembalasan nanti. Antara mereka yang dapat digolongkan dalam puak ini ialah seperti Abi Bakrah, Abdullah bin Umar, Imran bin al-Hussain dan Saad bin Abi Waqqas. Mereka terdiri daripada golongan yang enggan terlibat dalam pertentangan-pertentangan yang berlaku pada akhir pemerintahan Usman tersebut.

Demikianlah mazhab yang timbul di zaman-zaman akhir Khulafa al-Rasyidin. Baik golongan Syiah, Khawarij mahupun Murji'ah, semuanya itu asalnya bersifat politik semata-mata. Bagaimanapun, akhirnya mereka berubah menjadi mazhab agama, lantaran kecenderungan membicarakan soal-soal akidah dan syariat. Dan persoalan utama yang dipertikaikan ialah masalah kafir atau dosa besar.

BAB 17: KETAKWAAN KHULAFA AL-RASYIDIN SEBAGAI TELADAN

SELEPAS Rasulullah s.a.w., para Khulafa al-Rasyidin merupakan contoh teladan terbaik bagi umat Islam. Mereka tergolong di kalangan sepuluh orang sahabat yang dijamin masuk syurga, selain daripada Zubair al-Awwam, Abu Ubaidullah al-Jarrah, Abdul Rahman ibn Auf, Saad bin Abi Waqqas, Talhah bin Ubaidullah dan Said bin Zaid.

Mengenai Abu Bakar al-Siddiq, beliau merupakan tokoh sahabat yang tertinggi martabatnya. Pernah beliau terlanjur mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Rabi'ah al-Aslami, tetapi kerana dia lekas sedar, lalu dipaksanya agar Rabi'ah menggunakan kata-kata yang sama terhadapnya, jika tidak beliau akan merujukkannya kepada Nabi. Begitu sederhananya Abu Bakar sehingga walaupun beliau telah dilantik menjadi khalifah, beliau masih ingin berniaga di pasar untuk menampung keperluan hidupnya. Mujur atas gesaan Umar al-Khattab, beliau menerima sara hidupnya dari Baitul-Mal. Itu pun kemudiannya diserahkan sebahagiannya balik kepada Baitul-Mal kerana dianggapnya telah melebihi keperluannya sendiri. Dan apakala beliau hendak meninggal, diserahkan kebunnya kepada Baitul-Mal sebagai membayar apa yang telah diterimanya selama ini.

Kesabarannya dalam menghadapi penderitaan untuk menegakkan Islam sangat luar biasa sekali. Dalam kehidupannya, beliau lebih mengasihi dan mementingkan Nabi daripada dirinya. Khabarnya, ketika jumlah umat Islam sudah 38 orang, Abu Bakar mencadangkan kepada Nabi untuk berdakwah secara terbuka. Selepas mendapat keizinan Nabi, beliau terus *bertabligh* di Baitul-Haram. Akibatnya beliau diseksa sampai luka parah, lalu dibawa pulang ke rumahnya. Tetapi, sebaik sahaja beliau sedar, soalan yang diucapkannya ialah tentang keadaan Rasulullah sendiri. Demikian juga ketika beliau bersembunyi bersama Nabi di Gua Thur setelah melarikan diri daripada orang-orang Quraisy, yang dikhuatirkannya bukanlah keselamatan dirinya, tetapi keselamatan Rasulullah dan keselamatan Islam. Ini menyebabkan Rasulullah terpaksa mententeramkannya, dan kejadian ini juga menyebabkan turunnya ayat al-Quran yang antara lain berbunyi: *"Janganlah kamu takut dan berdukacita, sesungguhnya Tuhan bersama kita" (at-Taubah: 40).*

Ketakwaan Umar al-Khattab juga tidak kurang hebatnya. Per-

nah pada suatu malam, beliau meronda kota Madinah bersama hambanya, Aslam. Tiba-tiba, beliau bertemu dengan sebuah khemah yang di dalamnya terdapat seorang perempuan sedang menjerang secerek air, dan bersamanya terdapat beberapa orang anak sedang menangis kelaparan. Apabila ditanya oleh Umar apa yang ada dalam cerek itu, lalu dijawab oleh perempuan itu, bahawa yang ada hanya air yang dijerang untuk memperdayakan supaya mereka tidur, dengan sangkaan yang makanan sedang disediakan untuk mereka. Ini mendorong Umar untuk kembali ke kota, dan terus ke Baitul-Mal untuk mendapatkan makanan yang digalasnya sendiri, tanpa mengharapkan bantuan Aslam. Apabila Aslam hendak memikulnya, Umar berkata: "Apa! Adakah engkau yang akan memikul dosaku di Hari Kiamat kelak? Aku terpaksa memikulinya kerana akulah yang akan ditanyakan nanti mengenai perempuan ini." Malah beliau sendiri yang meniupkan asap untuk menyalakan api sehingga abu mengenai janggutnya. Apabila siap makanan itu dan kanak-kanak itu makan dengan gembiranya, lalu perempuan itu pun berkata kepada Umar: "Semoga Allah memberi ganjaran kepadamu kerana kebaikan hatimu. Sesungguhnya, kamu lebih layak memegang jawatan khalifah daripada Umar!"

Pada zaman Umar ini, berlakulah kemarau panjang hingga tahun itu digelar *Amul-Ramadah* atau Tahun Abu. Kepapaan yang menimpa rakyat itu turut dirasakan oleh Umar, hingga beliau bersumpah tidak akan mengecap daging agar rakyat dapat makan dan hidup. Begitu berat bebanan yang ditanggungnya itu, sehingga kata Zaid ibn Aslam: "Andai kata musim kelaparan ini tidak lekas diakhiri oleh Tuhan, berat dugaan kami bahawa Umar akan tewas kerana merasa susah dan sedih memikirkan penderitaan kaum Muslimin."

Seperti Abu Bakar al-Siddiq, Umar juga mencari rezekinya dengan berniaga. Tetapi setelah diangkat menjadi khalifah, maka atas cadangan Ali ibn Abi Taib beliau menerima wang sara sekadar keperluannya. Bagaimanapun, beberapa orang sahabat seperti Ali, Usman, Zubair dan Talhah mencadangkan agar wang saranya ditambah. Tetapi kerana tidak seorang pun dari mereka yang berani mengemukakannya kepada Umar, mereka terpaksa mendapatkan kerjasama puterinya, Hafsah. Sebaik sahaja ura-ura ini diketahuinya dari Hafsah, beliau begitu marah. Ini kerana beliau ingin hidup sederhana seperti Rasulullah bin Abu Bakar al-Siddiq.

Mengenai kesabarannya, pernah beliau dipukul dan dipijak kepalanya oleh kaum Quraisy kerana beliau telah masuk Islam. Dalam keadaan inilah, beliau diselamatkan oleh Ass bin Wail yang datang melepaskannya.

Ketakwaan Usman juga sangat terkenal dalam sejarah. Sungguhpun beliau seorang saudagar kaya, namun beliau sangat dermawan dan sanggup berkorban harta bendanya. Sewaktu Rasulullah melancarkan *Jaisyul-'Usrah* atau kempen ketenteraan dalam masa kesukaran waktu Peperangan Tabuk, Umar al-Khattab telah mendermakan separuh daripada harta kekayaannya. Usman sendiri telah menderma 950 ekor unta, 50 ekor kuda dan seribu dinar untuk keperluan tentera. Selain dari peristiwa ini pun, Usman memang banyak kali mendermakan hartanya yang tidak terkira banyaknya, untuk kepentingan umat Islam.

Mengenai kesabaran Usman, ketika beliau masuk Islam bapa saudaranya yang bernama al-Hakam ibn Abil Ass mengikatnya dengan tali dan mengugutnya tidak akan melepaskannya sampai beliau meninggalkan agama baru itu. Namun beliau tetap berkeras dengan pendiriannya, hinggalah pamannya itu terpaksa melepaskan tali itu.

Adapun tentang Ali bin Taib, pengorbanannya terhadap Islam setanding dengan Abu Bakar al-Siddiq. Dalam peristiwa Hijrah beliau telah memperlihatkan contoh pengorbanan yang gilang-gemilang, dengan mengutamakan orang lain dari diri sendiri. Beliau, bukan sahaja dengan segala senang hati sanggup tidur di atas tempat tidur Rasulullah, walaupun beliau tahu bahawa risikonya ialah mati, tetapi beliau juga telah mengembalikan barang-barang yang diamanahkan kepada Rasulullah itu, kepada yang empunya. Dengan itu, berhaklah beliau mendapat sanjungan Allah sebagaimana tersebut dalam al-Quran (maksudnya): *"Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah, dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hamba-Nya" (al-Baqarah: 207).*

Selain dari itu, beliau juga menunjukkan contoh sifat dermawan meskipun beliau tidak berharta. Pernah beliau berpuasa nazar, dan hanya memiliki makanan petangnya sahaja. Pada hari puasa yang pertama beliau didatangi seorang miskin, lalu diberikan makanannya kepada orang itu. Pada hari puasa yang kedua, beliau didatangi anak yatim, dan kepadanya juga diberikan makanan. Dan pada hari puasa nazar yang ketiga, beliau didatangi orang tawanan, dan kepadanya juga diberikan makanan, sehingga apabila Ali berbuka puasa selama tiga hari itu, yang diminumnya hanya air. Kerana sikapnya, yang lebih mengutamakan orang lain dari dirinya itu, maka turunlah ayat al-Quran yang memujinya: *"Mereka menunaikan nazar dan takut akan suatu hari yang azabnya merata di mana-mana. Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan. Sesungguhnya, kami memberi makanan kepadamu, hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, kami tidak*

mengharapkan balasan dari kamu, dan tidak pula ucapan terima kasih" (al-Insan: 7 — 9).

Demikianlah ketakwaan dan keutamaan para Khulafa al-Rasyidin yang merupakan suri teladan yang terbaik bagi umat Islam. Begitu besar pengorbanan mereka terhadap Allah dan Rasul-Nya, hingga layaklah mereka digelar sebagai Khulafa al-Rasyidin, yakni, khalifah-khalifah yang mendapat petunjuk dan salih.

Bahagian 3
Zaman Kemunduran Islam

BAB 18: BERMULANYA SISTEM MONARKI DALAM SEJARAH ISLAM

DENGAN kematian Ali, maka terentanglah jalan buat Bani Umayyah menjayakan cita-citanya. Bani Umayyah memang sejak lama mengingini jawatan khalifah ini, hanya belum timbul kesempatan buat mereka. Ini mungkin kerana mereka termasuk dalam golongan terakhir memeluk Islam. Sebab itu dalam peringkat-peringkat awalnya, mereka berusaha keras menabur bakti terhadap Islam, seolah-olah ingin menyaingi golongan yang lebih dulu memeluk Islam. Dan ternyata berkat kegigihan dan pengorbanan mereka, mereka segera mendapat kepercayaan Nabi, Abu Bakar, Umar dan lebih-lebih lagi Usman.

Dengan kematian Ali juga, maka bermulalah satu lembaran baru dalam sejarah Islam, iaitu dengan terbentuknya sistem *absolute monarchy* dalam pemerintahan negara. Bagaimanapun, bukanlah Muawiyah yang memulakannya, kerana dengan kematian Ali, sebahagian pengikut-pengikut Ali cuba melantik Hassan , dan kemudiannya Hussein sebagai khalifah, semata-mata kerana mereka putera Ali. Meskipun kedua-duanya gagal dalam menyambung tugas-tugasnya, namun merekalah yang merintis jalan dalam pembentukan sistem warisan tersebut. Maka kelirulah jika terdapat anggapan bahawa sistem ini dimulai oleh Bani Umayyah, atau lebih tepat, oleh Muawiyah bin Abu Sufyan. Bagaimanapun, dalam praktiknya, Bani Umayyahlah yang benar-benar telah menjayakannya.

Pada hakikatnya, dalam Islam, soal nama atau sistem apa yang dipakai dalam urusan kenegaraan tidaklah penting. Baik ia bernama monarki, demokrasi malah diktator sekalipun, semuanya itu terpulang pada suasana. Ini berdasarkan ketentuan yang di berikan oleh Nabi sendiri bahawa: "Dalam urusan keduniaanmu, kamu lebih mengetahui" (*HR Muslim*). Jadi nama apa pun juga, bukannya soal dasar. Hanya yang perlu diperhatikan ialah sejauh mana bentuk tersebut selaras dengan jiwa dan semangat Islam dan mampu memikul tanggungjawab dalam menjalankan Islam (*al-Hajj: 41*).

Misalnya, jika keadaan memerlukan sistem monarki, haruslah ditentukan bahawa bakal Putera Mahkota itu memenuhi syarat-syarat sebagai seorang pemimpin. Tidak mengapa sekiranya penggantinya itu merupakan puteranya sendiri, asalkan cukup kelayakannya. Atau, jika dipilih sistem demokrasi, haruslah

difahami bahawa tidak semua perkara dapat diputuskan melalui suara ramai. Ini kerana dalam Islam, terdapat hukum-hukum *qat'i* (pasti) yang harus dilaksanakan tanpa banyak bicara, seperti kesalahan berzina dan mencuri umpamanya. Yang boleh dirundingkan, hanyalah dalam masalah-masalah *Ijtihad* yang mana hukum-hakamnya tidak disebutkan dengan jelas dalam al-Quran.

Demikian juga sistem diktator. Memanglah pada dasarnya sistem ini sangat jauh dari jiwa Islam yang memberi hak memilih, memecat pemerintah serta hak bermesyuarat. Yang nyata, ketiga-tiga unsur ini tidak terdapat langsung dalam sistem diktator. Tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu, misalnya apabila suasana negara begitu gawat, sistem ini perlu juga dipertimbangkan.

Adapun tentang sistem monarki yang dimulakan oleh Muawiyah tersebut, memanglah kurang tepat jika terus dikecam sebagai menyimpang dari ketentuan-ketentuan Islam. Muawiyah atau sesiapa sahaja boleh melantik bakal penggantinya, atau menerima saja saranan al-Mughirah bin Abi Shu'bah agar melantik puteranya Yazid sebagai Putera Mahkota, asalkan pada calonnya terdapat syarat-syarat yang diperlukan. Abu Bakar sendiri pernah menunjuk Umar al-Khattab sebagai calon penggantinya, dan segera pula orang ramai menerimanya kerana Umar memang layak menjawat jawatan itu. Jadi dari segi ini, mengecam Muawiyah nyatalah suatu kesilapan.

Tetapi dari segi lain, Muawiyah memang patut dikecam lantaran ketelanjurannya melantik seorang yang kurang layak, malah memang sedia dikenali sebagai seorang yang kurang serius serta gemar bermain. Maka, dengan kerana itu berhaklah Muawiyah dianggap bertanggungjawab mengasaskan sistem *absolute monarchy* yang mana tidak pernah dikenal oleh Islam, dan malah tidak diakuinya.

Bagaimanapun, penilaian seperti ini tetaplah tidak mengurangi darjatnya sebagai tokoh sahabat yang terbilang. Kebesarannya terbukti jelas apabila Rasulullah sendiri mempercayai beliau sebagai salah seorang penulis wahyu. Dan, beliau terus dipercayai oleh Abu Bakar, Umar dan lebih-lebih lagi Usman. Demikian gemilang derma bakti ditaburkannya, hingga jika ditimbang kesalahan-kesalahan politiknya dengan kebaikan-kebaikan yang dilakukannya, nescaya kebaikan-kebaikannya masih tetap berat. Beliau memang patut dikecam lantaran kesilapan yang dilakukannya, tetapi mungkinkah itu merupakan hasil *ijtihad*nya belaka? Samalah halnya seperti Usman yang sering dikecam kepada kecuaiannya itu, tetapi bukankah itu juga merupakan hasil *ijtihad*nya yang kebetulan salah, sedang dia tetap berhak mendapat satu pahala kerana *ijtihad*nya yang salah itu! *Wallahu-a'lam!*

BAB 19: KERAJAAN BANI UMAYYAH

Muawiyah Bin Abu Sufyan (661 — 680 M)

SEORANG tokoh sahabat yang terbilang serta tokoh politik dan pentadbir yang cekap lagi pintar. Muawiyah secara rasminya mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah pada tahun 661 M. Tindakan yang berani ini tidaklah dibuat tanpa sebarang perhitungan, melainkan setelah diduga kemungkinan kejayaannya. Sejak menjadi gabenor di Sham lagi, Muawiyah sudah mulai menegakkan asas-asas kekuasaannya, sehingga kemudiannya ia muncul sebagai pemimpin yang paling disegani oleh rakyatnya.

Betapa besarnya kekuatan Muawiyah dan betapa sempurna persiapannya terbukti jelas ketika berlaku kekacauan yang menyebabkan terbunuhnya Usman. Dalam suasana yang kritikal ini, beliau menemui sahabat-sahabat besar di Madinah seperti Ali bin Abu Talib, Talhah bin Ubaidullah, Zubair al-Awwam, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abi Waqqas dan Ammar bin Yasir dan berkata: "Wahai para sahabat Rasulullah! Aku berpesan kepadamu sekalian agar menjaga orang tua ini (Usman) dengan baik. Demi Allah, kiranya orang tua ini sampai terbunuh di bawah penglihatan dan pendengaran kamu sekalian, maka kota Madinah ini akan aku gempur dengan bala tentera dan pasukan berkuda." Dan terhadap Ammar (penyokong kuat Ali) ditegaskannya: "Hai Ammar. Ketahuilah bahawa di Sham ada beratus ribu tentera berkuda yang semuanya mendapat gaji untuk diri serta anak-anak dan hamba sahaya mereka. Mereka sama sekali tidak kenal kepada Ali dan kerabatnya, tiada pula kenal kepada Ammar dan tentang kedahuluannya masuk Islam. Juga kepada Zubair tentang persahabatan dengan Nabi, atau kepada Talhah tentang hijrahnya, malah tidak takut kepada Ibn Auf atau harta kekayaannya. Mereka juga tidak segan kepada Saad dan tidak pula kepada jasa-jasanya dalam menyiarkan Islam. Sebab itu, hai Ammar, janganlah engkau ikut campur dalam kekacauan ini yang kiranya telah diketahui permulaannya, tetapi kita tidak tahu bila dan bagaimana kesudahannya kelak!"

Demikian tersusun persiapannya hingga segala kemungkinan sanggup diharunginya dengan penuh keyakinan. Maka, tidak hairanlah jika hal ini yang menyebabkan Hassan patah semangat untuk meneruskan pimpinan yang dibai'atkan oleh sebahagian pengikut-pengikut Syiah di Kufah terhadapnya, bukan semata-

mata kerana dia tidak sanggup melihat berlakunya pertumpahan darah sebagaimana diketahui. Sebab itu dia sanggup mengundurkan diri dari jawatan khalifah, asalkan Muawiyah bersedia menerima syarat-syarat tertentu. Begitu *ambitious* sekali Muawiyah untuk menjadi khalifah sehingga ketika diketahuinya hasrat Hassan untuk berdamai, segera dikirimkannya sehelai kertas kosong yang telah pun ditandatanganinya terlebih dulu, agar Hassan menulis syarat-syarat tersebut!

Demikianlah dengan penerimaan Muawiyah terhadap syarat-syarat tersebut, maka pada 661 M., dengan rasminya beliau dibai'at sebagai khalifah, lalu diikuti oleh Hussein dan orang-orang Kufah. Memandangkan peristiwa yang bersejarah ini, tahun itu pun diumum sebagai *Amul-Jamaah*, yakni tahun penyatuan di kalangan rakyat. Selepas penerimaan ini, Muawiyah kembali ke Damshik dan terus menjadikan kota ini sebagai pusat pentadbirannya menggantikan Madinah dan Kufah. Pemilihan kota ini sebagai pusat, bukanlah semata-mata kerana ia merupakan kawasan yang strategis bagi kegiatan-kegiatan perdagangan dan pertanian, malah di sinilah terhimpun barisan penyokong-penyokongnya yang sentiasa berdiri teguh di belakangnya. Kota Damshik juga merupakan kawasan aman dari hiruk-pikuk politik.

Selain dari perubahan pusat pentadbirannya, Muawiyah juga telah mencipta suatu cara hidup baru (*bid'ah*) berasaskan tradisi Rom dan Farsi. Antara lain, beliau memastikan para pengawalnya mengangkat senjata tombak bila berada di hadapannya. Dan agar dirinya terkawal, dibuatkan anjung dalam masjid berupa tempat khasnya dalam bersalat. Lebih-lebih lagi di istananya, dihiasi berbagai bentuk kemewahan seperti lampu-lampu neon dan lain-lain, yang kesemuanya itu di tiru dari Rom dan Farsi. Mungkin Muawiyah mempunyai alasan-alasan tersendiri dalam mencipta *bid'ah* tersebut, tetapi masalahnya dia telah meletakkan dirinya terasing malah lebih tinggi tarafnya daripada rakyat.

Tidak cukup dengan cara hidup baru itu, Muawiyah juga telah bertindak lebih jauh dengan melantik puteranya, Yazid, sebagai calon penggantinya (*Waliyul-ahdi*). Pernah hasratnya untuk memilih penggantinya ini dibayangkannya kepada Marwan al-Hakam, gabenornya di Madinah. Katanya: "Aku ini telah lanjut usia, telah lama tulangku. Aku khuatir akan terjadinya perpecahan di kalangan umat sesudah wafatku. Dan aku berpendapat, sudah sampai masanya aku memikirkan untuk memilih khalifah sesudahku nanti. Dan, aku tidak suka untuk memutuskan sesuatu masalah tanpa bermesyuarat dengan orang-orang terkemuka di tempatmu lebih dulu. Sebab itu cubalah kemukakan pendapat ini kepada mereka dan harap beri khabar kepadaku, bagaimana jawapan mereka kepadamu."

Ketika ditulisnya surat kepada Marwan ini, tidaklah Muawiyah menyebut siapakah calonnya. Sebab itulah pembesar-pembesar di Madinah tidak teragak-agak menyokongnya. Malangnya calon tersebut ialah puteranya sendiri Yazid, kononnya sebagai memenuhi saranan al-Mughirah bin Abi Shu'bah. Sebenarnya cadangan melantik Yazid tersebut dibuat ketika al-Mughirah dikatakan dalam kebimbangan akan kemungkinan jawatannya sebagai gabenor Kufah dilucutkan oleh Muawiyah, dengan alasan semoga dapat menghindari pertumpahan darah dan perpecahan. Malah diberinya jaminan betapa rakyat tetap mendukungnya, dan tidak akan berani menentangnya. Mungkin dari segi ini, dapat dikatakan bahawa bukannya Muawiyah yang memilih puteranya. Bagaimanapun, sukarlah untuk menolak kemungkinan bahawa Muawiyah memang sudah lama memendam hasratnya itu, cuma ditunggu-tunggu saja kesempatan untuk meluahkannya. Dan kesempatan itu tiba-tiba datang melalui saranan al-Mughirah yang oportunis itu!

Suatu hal yang agak mengkagumkan tentang diri Muawiyah ialah kemampuannya merangkul musuh-musuh politiknya hingga mereka lalu mendukungnya pula. Misalnya, al-Mughirah sendiri dulunya menjauhkan diri dari kekacauan, sedang Marwan al-Hakam pula turut membai'at Ali sebagai khalifah, malah Hassan dan Hussein sendiri merupakan saingan politiknya yang agak berpengaruh. Tetapi berkat kepintaran dan sikapnya yang mudah bertolak ansur itu, mereka kini menyokongnya pula.

Tentang Amru ibnul-Ass, memang sejak Peperangan Siffin lagi hubungannya dengan Muawiyah sudah tegang, hingga timbul tuduh-menuduh antara keduanya. Pernah ketika Amru menjawab soalan Muawiyah, dia menegaskan: "Yang paling aneh ialah bahawa yang tidak benar (Muawiyah) mengalahkan yang benar (Ali)." Tetapi Muawiyah menyindir pula: "Yang paling aneh ialah bahawa ada orang diberi sesuatu yang bukan haknya, seandainya ia tidak ditakuti." Maksudnya, jawatan Amru sebagai gabenor Mesir. Demikian juga Ziyad bin Abihi, seorang bekas gabenor di Farsi yang diangkat oleh Ali. Selepas terbunuhnya Ali, Ziyad menetap di Farsi dan enggan membai'at Muawiyah. Tetapi dengan usaha keras Muawiyah, Ziyad berjaya dipujuk untuk membai'atnya, lalu diangkat sebagai gabenor Basrah, Khurasan dan Sajistan. Ziyad ini terkenal sebagai seorang yang keras dan pernah menghukum orang semata-mata berdasarkan prasangka. Sifat-sifat tersebut kemudiannya diwarisi oleh anaknya Ubaidullah yang mengganti tempat ayahnya sebagai gabenor di situ.

Bagaimanapun, dalam hubungannya dengan Ali, Muawiyah gagal memperlihatkan tolak ansurnya untuk menghentikan cacian terhadap musuh politiknya itu. Ini mungkin disebabkan hasratnya

untuk mengubah tumpuan rakyat umum terhadap keturunan Ali demi memperkukuhkan kekuasaannya. Dari segi politiknya, Bani Umayyah terpaksa bertindak demikian untuk memesongkan perhatian rakyat daripada pemujaan yang keterlaluan terhadap keluarga Ali semata-mata kerana mereka adalah *ahlul-bait* (keluarga Rasulullah). Hakikat ini pernah didedahkan sendiri oleh Abdul Aziz bin Marwan, salah seorang pembesar Umayyah kepada puteranya Umar: "Anakku, kau harus tahu bahawa rakyat umum, seandainya mereka mengenal Ali itu sebagaimana yang kita kenal, nescaya mereka semua akan meninggalkan kita dan akan berpihak kepada puteranya!"

Inilah barangkali kenapa Bani Umayyah terpaksa melancarkan siri-siri kecaman terhadap Ali sambil menyembunyikan jasa-jasa gemilangnya. Hakikat adanya usaha-usaha tersebut bukan sahaja didedahkan oleh Abdul Aziz bin Marwan, bahkan juga pernah dibayangkan oleh Muawiyah sendiri kepada Ammar bin Yasir dulu, bahawa "orang-orang Sham sama sekali tidak kenal Ali dan kerabatnya". Tentunya tidak kenalnya mereka terhadap Ali itu disebabkan langkah-langkah Muawiyah sendiri yang menyembunyikannya.

Demikianlah kita menyaksikan sepak terajang seorang tokoh yang bercita-cita cukup tinggi, dan berjaya pula dalam cita-citanya itu. Sebagai pengasas Bani Umayyah, dia berjaya membendung gerakan-gerakan anti kerajaan, malah berjaya pula mendekati musuh-musuh politiknya sehingga mereka lalu mendukungnya. Dan tidak cukup dengan kejayaan-kejayaan dalam negeri, dia juga turut memperhebatkan gerakan-gerakan ketenteraan di luar negeri. Hal ini akan kita bicarakan dalam bab yang tersendiri.

Dari segi sejarah perkembangan politik, nyatalah penubuhan Bani Umayyah merupakan puncak dari semangat *Asabiyyah* yang berjaya dikikis oleh Rasulullah. Sebaliknya Muawiyah dengan gigih telah menghidupkannya kembali.

Yazid bin Muawiyah (680 — 683 M.)

Kata Ibnu Tabatiba: "Masa pemerintahan Yazid hanya berlangsung kira-kira tiga tahun dan beberapa bulan sahaja. Dalam tahun pertama ia telah membunuh Hussein bin Ali. Dalam tahun kedua, ia menyerang Madinah dan membiarkan tenteranya selama tiga hari berbuat sesuka hati terhadap penduduk di sana. Dan pada tahun ketiga, ia menggempur Kaabah."

Peristiwa-peristiwa di zamannya:

1. Berlakunya tragedi yang menyebabkan terkorbannya Hussein

bin Ali oleh panglima-panglima Yazid iaitu Ubaidullah bin Ziyad dan Umar bin Saad. Dikatakan bahawa peristiwa ini tidak akan berlaku jika Hussein mendengar nasihat para sahabat tentang kecurangan penduduk Kufah yang mengundangnya ke sana, atau memilih berdamai sahaja dengan Ubaidullah bin Ziyad ketika dalam perjalanannya ke Kufah itu.

2. Di bawah Muslim bin Uqbah, tentera-tentera Yazid menghadapi pemberontakan penduduk-penduduk Madinah pimpinan Abdullah bin Hanzalah pada 683 M. Bagaimanapun, ibnu Hanzalah tewas oleh kerana sebahagian penduduk Madinah memilih Abdullah bin Mutik sebagai pemimpin mereka, di samping kesilapan ibnu Hanzalah sendiri yang menghalau orang-orang Bani Umayyah dari Madinah. Setelah berjaya, Muslim memberi kebebasan selama tiga hari kepada tentera-tenteranya untuk melakukan apa saja di Madinah.
3. Selepas kejayaan di Madinah, Muslim bin Uqbah dan kemudiannya Hussain bin Numair menghadapi pemberontakan Abdullah bin Zubair di Makkah. Dalam kepungannya selama dua bulan itu tentera-tentera Yazid menggunakan alat al-manjanik yang membawa kerosakan kepada Kaabah. Peperangan ini tidak selesai kerana Yazid meninggal dunia.

Muawiyah bin Yazid (683 M)

Muawiyah hanya sempat memegang jawatan khalifah selama 40 hari saja kemudian dia meletak jawatan. Selepas itu dia mengurung dirinya di rumah, hingga meninggal dunia tiga bulan kemudian. Dengan perletakan jawatannya, maka berakhirlah kekuasaan keturunan Abu Sufyan, dan bermulalah era Bani Umayyah yang kedua dengan kenaikan Marwan al-Hakam bin Abul-Ass bin Umayyah sebagai khalifah.

Marwan al-Hakam (683 — 685 M)

Suasana negara ketika Marwan mula-mula memerintah:

1. Sokongan terhadap Abdullah bin Zubair semakin pesat, hingga kawasan pengaruhnya bukan saja sekitar Makkah dan Madinah, bahkan meliputi Basrah, Mesir dan Syria. Kerana luasnya pengaruh beliau, hingga pernah dikatakan bahawa beliaulah khalifah yang sah dan *de facto* ketika itu, sedang Marwan ialah seorang pemberontak.
2. Konflik perkauman berlaku di antara Bani Qais (Arab Utara) yang menyokong Abdullah bin Zubair dengan Bani Kalb (Arab

Selatan). Sungguhpun Bani Kalb ini menyokong Bani Umayyah, tetapi sokongan mereka berbelah-bagi di antara Marwan al-Hakam dengan Khalid bin Yazid.

Usaha-usahanya:

i. Menghadapi pemberontakan Bani Qais. Tentera Marwan berjaya menewaskannya di Marj Rahit, malah Dahhak iaitu pemimpinnya turut terbunuh.
ii. Menakluki Mesir dan meletakkan puteranya, Abdul Aziz sebagai gabenor di situ.
iii. Mengirim Amru bin Said ke Palestine untuk menghadapi Mus'ab bin Zubair, saudara Abdullah. Amru menang dalam pertempuran itu.
iv. Menetapkan puteranya sebagai calon pengganti, iaitu Abdul Malik dan diikuti oleh Abdul Aziz. Tindakan ini bererti Marwan mengenepikan keputusan di Muktamar al-Jabiyah dulu yang menetapkan bahawa khalifah selepasnya ialah Khalid bin Yazid dan Amru bin Said.

Abdul Malik bin Marwan (685 — 705 M)

Sebelum menjadi khalifah, Abdul Malik dianggap sebagai salah seorang daripada empat orang ulama-ulama fiqh di Madinah, yang terdiri dari Said bin Musayyab, Urwan bin Zubair, Qabisah bin Zuaib dan beliau sendiri. Tetapi sejak dilantik sebagai khalifah, beliau melempar jauh keunggulannya dalam bidang ilmiah untuk hidup di antara gemerincingan suara pedang dan tusukan tombak. Khabarnya ketika ia diangkat menjadi khalifah, mashaf al-Quran yang sedang terbuka di pangkuannya, lalu ditutupkannya sambil berkata: "Inilah akhir riwayatku denganmu!"

Suasana negara ketika Abdul Malik mula-mula memerintah:

1. Kawasan pengaruh Abdullah bin Zubair semakin luas dan teguh. Marwan tidak berjaya menghapuskannya, kecuali sekadar menguatkan kedudukannya.
2. Gerakan Syiah di Kufah semakin giat, lebih-lebih lagi sejak berlakunya tragedi Karbala yang membawa kematian Hussein bin Ali.
3. Kebangkitan kaum Khawarij di bawah pimpinan dua orang pahlawan yang terkenal, Nafi' ibnul-Azraq dan Qatari ibnul-Fujaah.
4. Gerakan al-Mukhtar bin Abi Ubaid al-Saqafy yang mengaku

berjuang di bawah panji-panji Syiah, khasnya di bawah Muhammad bin Hanafiah. Kekuatannya semakin bertambah dengan kemasukan seorang pahlawan Ibrahim al-Ashtar.

5. Ancaman Amru bin Said al-Ass yang menuntut jawatan khalifah diserahkan kepadanya, berasaskan persetujuan di Muktamar al-Jabiyah dulu.

Usaha-usahanya:

i. Akibat tragedi Karbala, muncullah golongan Syiah al-*Tawwabun* (yang bertaubat) yang berazam untuk menuntut bela atas kematian Hussein. Di bawah pimpinan Sulaiman bin Surad, berlakulah pertempuran di Ainul-Wardah dengan tentera Abdul Malik pimpinan Ubaidullah bin Ziyad. Hasilnya orang-orang Syiah dapat ditewaskan, bahkan Sulaiman sendiri turut gugur. *Nota: Bagi Prof. Ahmad Shalaby, pertempuran ini berlaku di zaman Marwan al-Hakam.*

ii. Selepas itu Ubaidullah terpaksa pula menghadapi pemberontakan al-Mukhtar bin Abi al-Saqafy. Mulanya al-Mukhtar berjuang di samping Abdullah bin Zubair ketika berlaku serangan al-Hussein bin Numair terhadap Makkah. Dan ketika orang-orang Syiah *al-Tawwabun* bangun memberontak, al-Mukhtar cuba memimpinnya, tetapi mereka lebih memilih Sulaiman bin Surad. Untuk memperkukuhkan dirinya, al-Mukhtar mengaku dirinya wakil (*wasi*) al-Mahdi, iaitu Muhammad bin Hanafiah, hingga berjaya mempengaruhi Ibrahim al-Ashtar untuk menjadi pembantunya. Sebab itu dikatakan al-Mukhtarlah yang mempelopori fahaman *al-Mahdi*. Di bawah pimpinan al-Ashtarlah kemudiannya tentera al-Mukhtar berjaya memukul Ubaidullah bin Ziyad dan juga Husain bin Numair dalam pertempuran di Sungai Khazar di Mausil pada 686 M.

   Bagaimanapun, gerakan al-Mukhtar kecundang juga akhirnya. Pertama, kerana al-Ashtar telah memisahkan diri daripadanya setelah mengetahui kecurangan-kecurangan al-Mukhtar. Keduanya kerana dia terlalu menggantungkan nasibnya kepada penduduk Kufah yang sedia terkenal kerana kecurangan mereka. Tetapi yang tidak kurang pentingnya ialah apabila Abdullah bin Zubair mengutus saudaranya Mus'ab untuk menyerang al-Mukhtar, dan berjaya menewaskannya pada 687 M. Abdullah lalu melantik Mus'ab sebagai gabenor Iraq.

iii. Dengan memimpin sendiri angkatan tenteranya, Abdul Malik kemudiannya menghadapi Mus'ab di Iraq. Mus'ab

mengalami kekalahan teruk, bahkan dia sendiri turut terbunuh di Sungai al-Dajil. Kekalahan ini disebabkan keengganan Abdullah sendiri untuk membantu saudaranya. Juga kerana sikap orang-orang Iraq yang selalu mengkhianat dalam segala keadaan. Faktor lain ialah kelicinan politik Abdul Malik sendiri yang berjaya merangkul pemimpin-pemimpin tentera Mus'ab dengan memberi janji-janji yang menarik.

Kemudiannya, Abdul Malik mengutus al-Hajjaj bin Yusuf al-Saqafy untuk menghadapi Abdullah bin Zubair di Makkah. Ketika al-Hajjaj menggempur Makkah pada 692 M, Abdullah cuma bertahan saja di Masjidil-Haram, hingga memaksa al-Hajjaj menggunakan alat *al-manjanik*. Disebabkan kekikirannya, pengikut-pengikut Abdullah mula memisahkan diri, termasuk puteranya, Hamzah dan Khubaib. Khabarnya, Abdullah ingin menyerah saja kalau tidak dihalang oleh ibunya, Asma' binti Abu Bakar. Kerana itu beliau keluar juga berjuang sampai tertewas. Kepalanya dikirim oleh al-Hajjaj kepada Abdul Malik, sedang tubuhnya disalib sampai beberapa hari baru diturunkan.

iv. Selepas itu, al-Hajjaj menghadapi kaum Khawarij di Iraq. Sesampainya di sana, ditegaskan: "Aku ini bukanlah seorang yang tak dikenal. Aku tak segan mencabut gigi orang-orang yang membangkang. Bila serbanku ini telah kuletakkan tahulah siapa aku!" Ucapannya yang mengancam ini menyebabkan orang-orang Kufah tunduk patuh, dan diikuti oleh penduduk Basrah. Di sini al-Hajjaj melantik Muhallab bin Abi Safrah sebagai gabenor Khurasan. Selanjutnya Muhallab ditugaskan membanteras kegiatan Khawarij di situ.

Kaum Khawarij kemudiannya mulai memperkukuhkan dirinya di bawah pimpinan Nafi' ibnu-Azraq dan Qatari Ibnu-Fujaah. Tetapi mereka terpecah kepada dua kumpulan: Golongan Azariqah menuju Basrah manakala golongan Najdat menuju Yamamah. Sejak pimpinan Azariqah diserahkan kepada Qatari, timbul lagi perselisihan sesama mereka, sehingga terbahagi dua kumpulan pula: Bahagian terbesar memilih Abdul Rabbih al-Kabir sebagai pemimpin mereka, sedang bahagian lainnya tetap bersama Qatari. Kedua-dua golongan ini saling serang-menyerang hingga mereka menjadi lemah. Perpecahan ini dipergunakan oleh Muhallab dengan memecahbelahkan mereka, hingga dapat menewaskan Qatari, Ubaidah bin Hilal dan Abdul Rabbih al-Kabir.

Di samping pemimpin-pemimpin tersebut, terdapat juga seorang pahlawan besar Khawarij, Shabib bin Yazid al-Shaibani. Beliau pernah bertempur dengan pasukan-pasukan Umayyah dan berjaya pula dalam gerakannya, sehingga

dapat mengancam istana al-Hajjaj sendiri. Bagaimanapun, mengirim Sufyan bin Abrad yang berjaya menewaskan Shabib.

v. Untuk menawan Raja Ratbil yang enggan membayar ufti menurut perjanjian sebelumnya, al-Hajjaj mengirim Abdul Rahman ibnul-Ash'as. Setelah berjaya memeranginya, Abdul Rahman enggan menurut perintah al-Hajjaj agar menyerbu ke dalam negeri, sebaliknya berputar haluan dengan memerangi al-Hajjaj pula. Mulanya Abdul Rahman dapat menewaskan pasukan-pasukan al-Hajjaj, tetapi kemudiannya Abdul Rahman melarikan diri dan meminta perlindungan daripada Raja Ratbil. Al-Hajjaj lalu meminta kepada Ratbil agar diserahkan Abdul Rahman kepadanya, tetapi dia lalu membunuh diri, dan kepalanya saja yang dikirimkan kepada al-Hajjaj.

vi. Pemberontakan juga timbul dari kalangan keluarganya sendiri, iaitu dari Amru bin Said al-Ass yang menurut perjanjian dulu dia seharusnya menjadi khalifah selepas Khalid bin Yazid. Sebab itu Amru memberontak, tetapi akhirnya terjadi semacam perdamaian sementara. Amru kemudiannya dipanggil mengadap, dan di sanalah ia dibunuh oleh Abdul Malik. Khabarnya, ketika pembantu-pembantu Amru memanggilnya di luar istana, Abdul Malik lalu melemparkan kepala Amru bersama pundi-pundi wang. Kerana berputus-asa untuk menolongnya, mereka segera mengambil wang tersebut lalu pulang.

Demikianlah usaha-usaha yang dilakukan oleh Abdul Malik untuk mengukuhkan kuasanya. Dan kejayaannya membanteras pemberontak-pemberontak tersebut menyebabkannya digelar sebagai 'pengasas' atau 'pendiri' yang kedua bagi kerajaan Bani Umayyah. Apabila keadaan sudah aman, bermulalah kembali gerakan militer terhadap Rom.

Usaha-usaha lain:

a). Melantik ketua-ketua tentera yang cekap dan berani, seperti al-Hajjaj, Muhallab dan Abdul Aziz.

b). Menetapkan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran di bawah pimpinan Sulaiman bin Saad di Sham dan Saleh bin Abdul Rahman di Farsi.

c). Mengadakan matawang sendiri sebagai alat pertukaran untuk menggantikan dirham Farsi dan dinar Rom.

d). Melantik anak-anaknya sebagai Putera Mahkota, itu al-Walid dan Sulaiman.

Al-Walid bin Abdul Malik (705 — 715 M)

Jika dulunya Abdul Malik telah berjuang dengan sekuat tenaga untuk menegakkan kembali kerajaan Bani Umayyah dan berjaya mewarisi satu kerajaan yang stabil, maka kini peranan al-Walid ialah memelihara warisan tersebut serta memperbaiki dan meluaskan lagi wilayah Islam.

Usaha-usahanya:

1. Membina Masjid Umawwi yang indah di Damshik serta memperbaiki Masjid Nabawi di Madinah dan Masjid al-Aqsa.
2. Membina jalan-jalan raya dan perigi-perigi di wilayah-wilayah pemerintahan Islam.
3. Membina hospital dan mengadakan jaminan hidup kepada anak-anak yatim, orang-orang cacat, orang-orang buta dan berpenyakit kusta.
4. Memberi sara hidup kepada para pelajar dan penghafal al-Quran.

Kegiatan-kegiatan penaklukan di zaman al-Walid dan selepasnya akan dibincangkan dalam bab yang khusus.

Sulaiman bin Abdul Malik (715 — 717 M)

Usaha-usahanya:

1. Membunuh panglima-panglima yang berjasa, seperti Qutaibah bin Muslim dan Muhammad al-Qasim, serta merampas harta Musa bin Nusair kerana mereka dikatakan menyokong langkah al-Walid untuk melantik anaknya sebagai Putera Mahkota.
2. Mengirim saudaranya, Maslamah bin Abdul Malik, untuk mengepung kota Constantinople, tetapi malangnya usaha tersebut gagal kerana Sulaiman telah mangkat pada ketika berlakunya peperangan tersebut.
3. Melantik Umar Abdul Aziz sebagai penggantinya atas nasihat wazirnya, Raja' bin Haiwah, kerana Umar dikatakan menentang langkah al-Walid untuk melantik puteranya itu.

Umar bin Abdul Aziz (717 — 720 M)

Menurut Abul A'la al-Maududi, Umar Abdul Aziz merupakan *mujaddid* pertama dalam sejarah Islam. Penghormatan yang

sebegitu besar tentulah tidak akan diberikan semudah itu tanpa alasan-alasan tertentu. Dan alasan-alasan itu tidak lain daripada kegigihannya untuk menghidupkan kembali (*revive*) sunnah dan menghancurkan tradisi jahilīah. Sungguhpun beliau dilantik secara warisan, tetapi rakyat sendiri telah membai'at dan menyatakan sumpah setia kepadanya.

Sebaik sahaja tampok kuasa di dalam genggamannya, tindakan pertama yang dilakukannya ialah membersihkan diri dan keluarganya dari segala unsur kemewahan hidup. Terhadap dirinya, diserahkannya kembali harta benda atau tanah yang diwarisinya. Jika dulunya dia paling menggemari perhiasan-perhiasan yang serba indah dan makanan-makanan yang lazat, maka kini semuanya itu dilempar jauh. Malah, dia tidak membenarkan sesiapa pun melayani dirinya, kerana dia sendiri akan menguruskannya. Sebab itu hambanya dibebaskan. Terhadap isterinya, Fatimah, dimintanya agar memilih antara hidup sederhana atau perhiasan-perhiasan yang serba mahal, tetapi ternyata isterinya juga turut bersamanya. Hingga pernah terjadi apabila seorang perempuan Iraq mengunjunginya untuk meminta hadiah, dilihatnya tiada sesuatu pun yang berharga di rumah Umar, malah isteri Umar didapati sedang memegang kapas yang dipintalnya. Maka, tidak hairanlah jika dengan kesederhanaan hidup yang sedemikian rupa, Khalifah Umar lalu disifatkan sebagai seorang 'zahid' dan 'wali'.

Selepas itu mulalah Umar mengalihkan perhatian kepada keluarga Umayyah pula, iaitu dengan merampas kembali harta benda atau keistimewaan-keistimewaan yang dimiliki oleh mereka selama ini. Setelah mengumpul daftar harta-harta tersebut, Umar lalu mengumumkan kepada rakyat yang berhimpun di masjid. Katanya: "Bahawasanya khalifah-khalifah yang terdahulu telah memberikan hadiah-hadiah yang sesungguhnya mereka itu tidak berhak menghadiahkannya dan hadiah itu tidak pula patut diterima. Dan aku telah memulai terhadap diriku sendiri, maka aku telah mengembalikan semua hak kepada empunya. Telah kukembalikan semua tanah-tanah dan harta benda ke Baitul-Mal milik kaum Muslimin. Dan kemudian kulakukan pula tindakan itu terhadap keluargaku." Setelah penasihatnya Muzahim membaca daftar harta haram itu, Umar kemudiannya merobek-robeknya dan segera mengumumkan bahawa semua tanah-tanah tersebut dikembalikan ke Baitul-Mal, tanpa mengira siapa yang memberi atau menerimanya.

Tindakan Umar yang drastik itu segera ditentang oleh kalangan keluarganya sendiri, tetapi dijawabnya: "Hak engkau di dalam menggunakan harta benda orang-orang Islam adalah sama seperti orang-orang Islam itu sendiri. Dan, engkau mempunyai hak

yang sama seperti mereka, dan mempunyai kewajipan yang sama seperti mereka. Demi Allah, aku tidak berikan kepada engkau suatu dirham pun kecuali orang-orang Islam yang lain mendapat seperti engkau juga." Ketegasan tersebut tentunya tidak menyenangkan kalangan Umayyah, yang merasakan betapa kepentingan mereka akan terkubur jika ajaran-ajaran Islam dihidupkan.

Sebaik sahaja selesai menjalankan tindakan pembersihan terhadap diri dan keluarga Umayyah, mulailah pula dia menyusun semula dasar pentadbirannya iaitu dengan memecat pegawai-pegawai yang curang dan zalim. Maka tersingkirlah gabenor di Afrika Utara iaitu Yazid bin Abu Muslim, Muhammad bin Yusuf (saudara al-Hajjaj) gabenor Yaman, gabenor Iraq — Yazid bin Muhallab dan gabenor Andalusia — Harris bin Abdul Rahman. Juga dilucutkan jawatan Usamah bin Zaid at-Tanukhi sebagai amil zakat di Mesir kerana tindakannya yang zalim dan melampaui batas. Malah dihapuskannya pengawal peribadi, agar rakyat jelata dapat menemuinya secara langsung tanpa sebarang sekatan.

Tindakan pembersihan seperti ini juga nampaknya tidak disenangi oleh mereka, tetapi tidak ada yang sanggup mencabar kewibawaan Umar, kecuali Yazid bin Muhallah yang dipecat kerana kezalimannya dan keengganannya menyerahkan harta rampasan sewaktu penaklukan di Tabaristan. Apabila Umar melantik Abdul Hamid bin Abdul Rahman mengganti tempatnya serta melantik A'ddi bin Kaab mengawal Basrah, bangunlah Yazid memberontak menentang gabenor-gabenor tersebut. Bagaimanapun, A'ddi berjaya mematahkannya dan menangkap Yazid lalu membawanya kepada Umar. Setelah menyoal tentang penyelewengan-penyelewengan yang dilakukannya terhadap harta Baitul-Mal, Yazid lalu dibenamkan ke dalam penjara. Bagaimanapun, ketika Umar hampir wafat, Yazid melepaskan dirinya dari penjara.

Di zaman Umar, kedudukan kadi-kadi (hakim) telah diletakkan di taraf yang terhormat dengan kuasa-kuasa yang agak luas pula. Di antara tokoh-tokoh hakim yang terkemuka ialah Hassan al-Basri di Basrah, Amir al-Shaabi di Kufah dan Abu Bakar Abdul Rahman di Madinah.

Serentak dengan tindakan pemulihan terhadap pembantu-pembantunya, dilaksanakanlah program-program ekonomi yang radikal sehingga mengkagumkan ahli-ahli sejarah. Pertamanya, dia meringankan bebanan cukai terhadap orang-orang Nasrani. Dan bagi mereka yang sudah memeluk Islam, dihentikan pungutan *jizyah*. Memang tindakannya ini pernah ditentang oleh seorang amil di Ahwaj kerana dirasakan dapat mengancam pendapatan *jizyah*. Tetapi bagi Umar: "Allah mengutus Nabi adalah menjadi pemimpin dan penunjuk jalan, bukan untuk memungut cukai!"

Maka tidak hairanlah jika dengan dasar seperti ini ramai yang tertarik untuk memeluk Islam.

Sebenarnya *jizyah* bukanlah satu-satunya sumber kewangan negara. Selain daripada zakat, sumber Baitul-Mal (perbendaharaan) di zaman Umar juga diperolehi dari cukai-cukai *kharaj* (tanah) yang telah diturunkan, harta pusaka tanpa warisnya serta *jizyah*. Juga terdapat cukai *usyr* sebanyak 1/10 daripada hasil-mahsul pertanian. Kutipannya dilakukan dalam tiga cara: secara *Muhasabah* iaitu mengikut luas tanah yang diusahakan dan diperolehi hasilnya, secara *Muqasamah* iaitu kiraan membayar dengan hasil tanah yang diusahakan dan secara *Ittisam* iaitu membayar cukai pajak tahunan.

Dengan cara demikian, dapatlah dilaksanakan program-program pembangunan yang pesat. Misalnya, dengan mengadakan jabatan-jabatan pos, rumah-rumah tumpangan di wilayah-wilayah untuk persinggahan para musafir, menggali parit dan terusan dan sebagainya. Dan puncak dari semuanya itu ialah kegigihannya untuk membasmi kemiskinan rakyat yang telah mencapai hasil yang gilang-gemilang. Hakikat ini pernah diakui oleh Yahya bin Said, bahawa: "Umar telah mengutus aku ke Afrika Utara untuk membahagi-bahagikan zakat penduduk di sana. Maka aku pun laksanakanlah perintah itu. Lalu aku carilah fakir-fakir miskin untuk kuberikan zakat kepada mereka, tetapi tak seorang pun orang-orang yang mahu menerimanya. Umar betul-betul telah menjadikan rakyatnya kaya. Akhirnya, aku beli dengan zakat itu beberapa orang hamba sahaya yang kemudian aku bebaskan!" Sungguh besar perhatiannya terhadap golongan miskin, sehingga apabila diminta sejumlah biaya yang besar untuk memperindahkan masjid, dijawabnya: "Aku lebih suka membiayakan wang itu untuk membantu fakir miskin yang sedang kelaparan, daripada membiayakannya untuk memperindahkan dinding-dinding dan perabot-perabot itu."

Sebenarnya, dengan usaha-usaha seperti ini, Umar telah cuba menunaikan amanah yang telah dibebankan atas pundaknya. Sebagai khalifah yang sedar, dia insaf bahawa di dalam genggamannyalah terletak tanggungjawab mengawasi kepentingan umat. Pernah dia menangis apabila sebaik sahaja diangkat sebagai khalifah, hingga ditegur oleh isterinya. Dalam jawapannya Umar menegaskan: "Aku telah diangkat untuk mengurusi kepentingan umat Muhammad, maka terfikirlah olehku nasib orang-orang miskin yang kelaparan, orang sakit yang tersia-sia, orang bawahan yang berpakaian compang-camping, orang-orang yang tertindas dan teraniaya, orang-orang asing dan tawanan perang dan orang tua bangka yang tidak kuat lagi bekerja. Dan aku tahu bahawa Tuhan akan menyoalku tentang mereka itu semua, maka aku

khuatir kalau-kalau aku tidak dapat menjawab. Itulah sebabnya aku menangis."

Sebagai seorang yang *committed* terhadap Islam, segala sesuatu yang dilakukannya adalah semata-mata untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai penyambung risalah Muhammad. Sebab itu, dipergiatkannya usaha-usaha dakwah Islamiah baik di dalam mahupun di luar negeri. Sebagai langkah pertamanya ialah dengan menghentikan usaha-usaha penaklukan, sebaliknya memperhebatkan gerakan dakwah. Pertama-tama dipanggilnya pulang angkatan tentera pimpinan Maslamah bin Abdul Malik yang ketika itu sedang bertempur di Constantinople. Berkat kegigihannya yang luar biasa, ditambah pula dengan sifat toleransi Umar sendiri, usaha-usaha tersebut mencapai kejayaan besar. Dikatakan, bahawa usahanya itu telah menyebabkan raja-raja Sind turut memeluk Islam, dan diikuti oleh rakyat mereka. Khabarnya juga, kegiatan-kegiatan dakwah Umar telah menjangkau kawasan Nusantara, kerana terdapat bukti-bukti di mana suatu rombongan orang-orang Arab yang terdiri dari 35 buah kapal telah berlepas dari Ceylon menuju Palembang pada tahun 717 M. Dikatakan bahawa Umar telah mengadakan hubungan dengan raja Srivijaya, iaitu Srindravarman (718) hingga dia memeluk Islam. Wujudnya hubungan antara kedua-dua raja ini dapat disahkan dengan adanya salinan surat-menyurat di antara mereka yang masih tersimpan (Lihat S.Q. Fatimi, "*Two letters from the Maharaja to the Khalifah*", dalam *Islamic Studies*, vol. II, March 1963).

Sehubungan dengan kegiatan-kegiatan dakwah tersebut, ialah usaha-usaha penyebaran ilmu pengetahuan. Ini sejajar dengan kedudukan beliau sendiri sebagai seorang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, hingga diakui kealimannya. Umar lalu mengerah ulama-ulama agar mengembangkan ilmunya, dan masjid telah dijadikan sebagai tempat berkumpul untuk tujuan tersebut. Atas inisiatif Umar, diperintahkannya gabenor Madinah, Ibnu Hazm agar mengumpulkan hadis-hadis yang ada padanya dan pada Amrah binti Abdul Rahman, juga diperintahkannya Ibnu Shihab Az-Zuhry untuk tujuan yang sama.

Bagaimanapun, lapangan kesusasteraan tidak mendapat tempat langsung, hingga dikatakan penyair-penyair menjadi resah dibuatnya. Pernah seorang penyair bernama al-Nusaib yang ingin meminta sesuatu daripada Umar telah menghadapnya dengan membawa syair, maka berkatalah Umar: "Hai si Hitam, engkaukah yang mempertontonkan wanita dengan syairmu?" Jawabnya: "Ya, saya telah melepaskan pekerjaan itu ya Amirul-Mukminin, dan saya berjanji tidak akan mengatakan lagi." Oleh kerana janji itu disaksikan oleh orang yang datang waktu itu, maka Umar

memberikan sesuatu kepadanya.

Tidak seperti khalifah-khalifah sebelumnya, Umar bersikap lunak kepada musuh-musuh politik Umayyah. Terhadap puak Khawarij misalnya, Umar berjaya menundukkan mereka dengan alasan-alasan yang dapat memuaskan hati mereka. Pernah berlaku apabila kaum Khawarij pimpinan Shauzab bangkit di Iraq, lalu Umar mengirim ke sana satu pasukan tentera besar pimpinan Maslamah bin Abdul Malik. Serentak itu juga Umar mengutus delegasi kepada Shauzab, hingga akhirnya berlaku dialog antara Umar dengan tokoh-tokoh Khawarij. Dan, hasilnya kaum Khawarij meyakini bahawa Umar benar-benar berusaha untuk kebaikan kaum Muslimin.

Demikian juga terhadap kaum Syiah, Umar menukar polisi lama yang sering menekan mereka. Jika selama ini peribadi Ali sentiasa dicaci dalam khutbah, maka kini Umar menggantikan celaan tersebut dengan ayat al-Quran: ''*Sesungguhnya, Allah menyuruh mengerjakan keadilan dan kebajikan, serta memberi kaum kerabat; dan Dia melarang perbuatan yang keji, yang mungkar dan aniaya. Moga-moga kamu mengambil ingatan*'' (*al-Nahl: 90*). Malangnya akibat sikapnya yang terlalu bertolak ansur itu telah memberi kesempatan yang sebaik-baiknya bagi kegiatan-kegiatan sulit golongan Abbasiah. Ini bukanlah kerana mereka meragui keadilan Umar, tetapi kerana usaha-usaha Umar tersebut dirasakan tidaklah dapat menebus segala kekejaman yang mereka alami selama ini.

Akhirnya, terhadap golongan-golongan bukan Islam seperti orang-orang Yahudi dan Nasrani, Umar dikatakan menjalankan dasar 'diskriminasi'. Mereka bukan sahaja disekat dari memegang jawatan-jawatan dalam pentadbiran, malah dipaksa memotong rambut di dahi, memakai tali pinggang dari kulit dan menunggang kuda tanpa pelana. Orang-orang Nasrani juua ditegah memakai serban, meninggikan rumah-rumah mereka melebihi rumah orang-orang Islam, meninggikan suara ketika sembahyang, dan lebih-lebih lagi membesar dan mendirikan tempat-tempat ibadat mereka. Dalam sesuatu perbicaraan, orang-orang Kristian dilarang menjadi saksi, dan kiranya mereka membunuh orang Islam, mereka dibunuh balas. Sebaliknya, orang-orang Islam hanya didenda sahaja jika didapati membunuh mereka. Sebenarnya dalam menjalankan sebarang hukum bunuh atau potong tangan, ianya haruslah mendapat persetujuan Umar terlebih dulu. Anehnya, dasar-dasar diskriminasi itu tidaklah menghasilkan kesan-kesan yang negatif seperti yang diduga, sebaliknya bertambah ramai golongan bukan Islam yang memeluk Islam!

Demikianlah kita menyaksikan sebutir bintang yang mengerdip di tengah gelitanya malam. Ketika orang sudah semacam

kecewa terhadap para khalifah, maka tampillah Umar memberi semangat baru. Begitu besar jasanya terhadap kebangkitan umat Islam, namun ianya tidaklah menyenangkan keluarganya sendiri. Sebab itu mereka segera meracuninya, hingga wafatnya Umar dalam usia 39 tahun, setelah bekerja keras selama 2½ tahun. Kematiannya bukan saja diratapi rakyat, malah telah mengejutkan Maharaja Rom yang begitu kagum terhadap peribadi Umar. Dikatakan katika Umar wafat, maharaja Rom, iaitu Leo III (717-741) berkata: "*I should not be the least suprised if a monk renounces the world and busies himself in worship behind closed doors. But I am simply amazed at this man who had a vast empire at his feet, but the rejected it and lived the life of a monk.*"

Yazid bin Abdul Malik (720 — 724 M)

Dengan kematian Umar, bermulalah titik-titik akhir kegemilangan Bani Umayyah. Dan dengan kenaikan Yazid, bermulalah bibit-bibit keruntuhannya. Seperti Yazid bin Muawiyah, Yazid bin Abdul Malik juga dikatakan terkenal kerana hidupnya yang gemar berfoya-foya, terutama dengan wanita.

Peristiwa-peristiwa di zamannya:

1. Memecat pegawai-pegawai lantikan Umar dulu, lalu menggantikannya dengan mereka yang telah dipecat Umar, seperti Umar bin Hubairah dan Abdul Rahman bin Dhihak.
2. Pemberontakan Yazid bin Muhallab bin Abi Safrah yang telah melepaskan diri dari tahanan Umar dan pergi ke Iraq. Bagaimanapun, tentera Yazid pimpinan Maslamah bin Abdul Malik berjaya menewaskannya di al-Aqir, dekat Karbala.
3. Pemberontakan Khawarij yang diketuai oleh Shauzab yang berhasil mendapat kemenangan-kemenangan di Kufah dan daerah-daerah sekitarnya. Bagaimanapun, mereka ditewaskan oleh Maslamah bin Abdul Malik dan Said bin Umar al-Harashi yang sekaligus menamatkan riwayat Shauzab.
4. Pergolakan perkauman antara puak Arab Utara (Mudhar) dengan Arab Selatan (Yaman) timbul semula dengan dimenangi oleh puak Mudhar. Yazid tidak dapat berbuat apa-apa.

Hisham bin Abdul Malik (724 — 743 M)

Di antara enam orang khalifah di zaman keruntuhan Bani Umayyah, Hisham dianggap yang terbaik dari segi peribadinya dan juga cara pentadbirannya.

Peristiwa-peristiwa di zamannya:

1. Pemberontakan Khawarij pimpinan Bahlul bin Umair al-Shaibani di Kufah. Bagaimanapun, ia ditumpaskan oleh Khalid bin Abdul al-Qisri.
2. Pemberontakan Zaid bin Ali bin Hussein di Kufah, tetapi ditewaskan oleh Yusuf bin Umar, panglima Umayyah di Hirah. Putera Zaid iaitu Yahya kemudiannya melarikan diri ke Balkh, tetapi dapat ditangkap oleh Nasr dan Saiyar, gabenor di Khurasan.
3. Pemberontakan al-Haris bin Suraij al-Tamimi yang mengakui dirinya al-Mahdi.
4. Timbulnya gerakan Rafidhiah.
5. Timbulnya faham perkauman di antara Arab Utara dengan Arab Selatan, khasnya di Khurasan. Masalah ini diperburukkan lagi oleh gabenor Umayyah di situ, Asad bin Abdullah iaitu saudara Khalid bin Abdullah al-Qisri.
6. Di zamannya gabenor Umayyah di Sepanyol, Abdul Rahman bin Abdullah al-Ghafiqi bertempur dengan Charles Martel di Tour pada 732 M., tetapi tertewas.
7. Mengadakan bid'ah azan Jumaat dua kali dalam masjid setelah masuknya waktu salat.

Al-Walid bin Yazid (743 — 744 M)

Peristiwa-peristiwa di zamannya:

1. Menyeksa keluarga Hisham, seperti memukul, memenjara dan merampas harta benda mereka.
2. Pemberontakan rakyat terhadap al-Walid dengan melantik Yazid bin al-Qalid (sepupunya) sebagai khalifah.

Yazid bin al-Walid (744 M)

Ibrahim bin al-Walid (744 M)

Yazid memerintah cuma enam bulan sahaja, kerana selepas itu dia meninggal dunia. Di zamannya penduduk Hems memberontak untuk menuntut bela di atas kematian al-Walid dulu. Yazid digantikan oleh saudaranya Ibrahim. Di zamannya berlaku pemberontakan Marwan bin Muhammad, gabenor di al-Jazirah dan Armenia. Kalau dulunya di masa Yazid bin al-Walid, Marwan sanggup mengiktirafnya, tetapi terhadap Ibrahim ditentangnya, sehingga berjaya menewaskannya.

Marwan bin Muhammad (744 — 750 M)

Marwan dianggap pahlawan yang cekap dan bijak. Malangnya dia datang ketika Bani Umayyah di ambang kehancurannya, sehingga tidak ada harapan lagi untuk mempertahankannya.

Pemberontakan-pemberontakan di zamannya:

1. Pemberontakan timbul di seluruh daerah Sham, seperti di Hems dan Ghutah.
2. Pemberontakan Khawarij di Makkah oleh Abu Hamzah al-Khariji, tetapi dapat dihancurkan oleh pasukan Marwan.
3. Pemberontakan Syiah di Khurasan yang mana berjaya mencapai beberapa kemenangan.
4. Gerakan Abbasiah yang dipimpin oleh Abu Muslim al-Khurasani berjaya menewaskan gabenor Khurasan, Nasr bin Saiyar, dan seterusnya menyerbu daerah-daerah Iraq, Sham dan Mesir. Di Mesir inilah Marwan dibunuh, dan dengan kematiannya berakhirlah kerajaan Bani Umayyah.

BAB 20: PENAKLUKAN DI ZAMAN UMAYYAH

PENAKLUKAN di zaman Umayyah meliputi kawasan-kawasan berikut:

A. Penaklukan di Asia
B. Penaklukan di Afrika
C. Penaklukan di Eropah

Penaklukan di Asia (Rom, India dan China)

Mengenai kerajaan Rom (Byzantine), ianya telah menjadi tumpuan pertama kerana letaknya di sempadan Damshik, pusat kerajaan Umayyah sendiri. Sejak Muawiyah menjadi gabenor Sham hingga menjadi khalifah, wilayah ini sentiasa dipertahankan olehnya dari ancaman musuh. Dalam strategi Muawiyah, kota Constantinople sentiasa menjadi idamannya sebab ia merupakan ibu kota kerajaan Byzantine sendiri. Untuk itu dipersiapkan armada yang terdiri daripada 1,200 kapal, lengkap dengan perbekalan dan alat senjata. Dengan dipimpin oleh Janadah bin Abu Umayyah, diserangnya pulau-pulau di Laut Tengah (Mediterranean) seperti Pulau Rhodes, Crete, Sicily, Arwad termasuk Cyprus yang mana pernah ditakluki di zaman Usman bin Affan oleh Muawiyah sendiri.

Dengan kejayaan-kejayaan awal tersebut, mulailah dipersiapkan kelengkapan-kelengkapan untuk mengepung kota Constantinople di bawah pimpinan bersama Yazid bin Muawiyah dan Sufyan bin Auf. Juga terdapat pahlawan-pahlawan terbilang seumpama Abu Ayub al-Ansary, Abdullah bin Zubir dan Abdullah bin Abbas. Tetapi kerana pertahanannya sangat kuat, sukarlah bagi pihak penyerang untuk menewaskannya meskipun telah dikepung selama 7 tahun. Serangan ini telah menyebabkan kematian seorang sahabat besar, Abu Ayub al-Ansary yang kemudiannya ditanam di bawah tembok, satu hal yang telah pun disebut oleh Nabi dulu. Kesukaran-kesukaran ini memaksa armada Islam mengundurkan diri, apa lagi ketika itu Yazid yang baru menggantikan Muawiyah sedang menghadapi masalah-masalah dalam negeri.

Peperangan dengan Rom ini berlangsung terus hingga ke zaman Abdul Malik bin Marwan. Bagaimanapun, kerana tenaga dan masa lebih banyak digunakan oleh Abdul Malik untuk mengatasi ancaman-ancaman dalam negeri, menyebabkan bangsa Rom mengambil kesempatan memperhebatkan gerakan

tenteranya, hingga berjaya membebaskan beberapa buah negeri daripada kekuasaan Islam. Dalam mengatur strateginya, Abdul Malik mengadakan perjanjian damai dengan maharaja Rom buat sementara waktu. Tetapi setelah ancaman-ancaman dalam negeri dapat diatasinya, mulailah dia menggerakkan kembali usaha *reconquista* (menawan kembali) daerah-daerah yang direbut oleh Rom tadi, dan berjaya pula dalam usahanya itu.

Dengan kematian Abdul Malik, muncullah zaman perluasan kuasa di bawah al-Walid bin Abdul Malik. Sungguhpun usaha-usaha Walid menghasilkan kejayaan gemilang, tetapi dalam menghadapi Rom beliau hanya sekadar menguasai kubu-kubu pertahannya seperti Mar'asy, Amuriyah dan Antioch. Ini mungkin sebagai strateginya buat mengepung semula kota Constantinople, tetapi sayangnya tidak sempat disempurnakannya kerana dia meninggal dulu.

Al-Walid digantikan oleh Sulaiman yang kemudiannya cuba menyambung usaha-usaha tersebut. Apa lagi ketika itu Leon, pemimpin Mar'asy telah menggabungkan diri dengannya serta berjanji untuk berada di bawah naungan Damshik meskipun dia berjaya merebut singgahsana Byzantine. Dengan pimpinan tentera di bawah Maslamah bin Abdul Malik, angkatan perang Islam cuba mengepung kota Constantinople buat kali keduanya. Malangnya, mereka tidak mendapat bantuan Leon seperti yang dijanjikan, kerana setelah dia berhasil menduduki takhta Rom dengan bantuan Islam, ia berbalik menentang mereka pula dengan cara memotong jalan-jalan yang menghubungkan negeri-negeri Islam dengan angkatan perang mereka. Kesukaran-kesukaran tersebut ditambah pula dengan tibanya musim dingin menyebabkan terputus langsung bekalan-bekalan terhadap angkatan Islam. Dengan itu apabila Sulaiman digantikan oleh Umar Abdul Aziz, dikeluarkan perintah agar kepungan itu dihentikan, dan angkatan Islam kembali ke pangkalannya.

Mengenai India, perhubungan dengannya telah pun wujud sejak zaman jahiliah lagi. Bagaimanapun, mulai zaman Usman barulah terdapat usaha-usaha secara lebih serius. Ini berlaku apabila gabenor Iraq, Abdullah bin Amir mengutus Abdul Hakam bin Jabillah al-Abdi untuk menyiasat kekuatan dan hal ehwal orang-orang India. Di zaman Ali, dikirimkan al-Haris bin Murrah al-Abdi untuk tujuan-tujuan yang sama, hingga berlaku serangan-serangan kecil yang dimenangi oleh al-Haris.

Kegiatan-kegiatan awal tersebut diteruskan pula oleh Muawiyah dengan mengirim Muhallab bin Abi Safrah ke India, tetapi sempat ke Lahore dan Kabul sahaja. Hanya sejak dilantik al-Hajjaj bin Yusuf al-Saqafy itulah baru gerakan ketenteraan bertukar corak. Mulanya, al-Hajjaj mengirim utusannya Said bin

Aslam ke Sind, tetapi ia dibunuh oleh Muawiyah dan anaknya Muhammad, dua daripada 500 orang pemberontak Umayyah yang dilindungi oleh Raja Dahar (Sind). Ketika al-Hajjaj meminta izin daripada al-Walid untuk menyerang Sind, al-Walid menolaknya. Kemudiannya, berlaku pula rompakan oleh lanun-lanun Daibul (ibu kota Sind) terhadap kapal-kapal Ceylon yang memuatkan puteri atau janda-janda pedagang-pedagang Islam yang mati di sana. Mulanya al-Hajjaj menuntut mereka dibebaskan, tetapi Raja Dahar menolaknya. Maka, sekali lagi dia meminta izin daripada al-Walid untuk menyerang India. Setelah mendapat kebenaran khalifah, al-Hajjaj mengirim Muhammad bin al-Qasim untuk menyerang Sind. Serangan ini berjaya hingga dapat menakluki Daibul hanya dengan menggunakan alat *al-manjanik* dan tindakan *bloked.*

Meskipun Sind jatuh, namun tokoh-tokoh Brahmin dimuliakan dengan syarat mereka taat dan membayar ufti. Muhammad al-Qasim kemudiannya menyerang Nirun, dan di sinilah Raja Dahar menemui ajalnya. Segala harta benda dan wanita dirampas, lalu dihantar ke Damshik. Di Brahmanabad, ia menghadapi anak Raja Dahar. Kerana kalah, putera raja ini meminta bantuan raja Kashmir. Adapun di Multan, penduduknya segera menyerah diri dan membayar ufti kepada Muhammad al-Qasim, oleh kerana mereka selama ini ditindas oleh kaum Brahmin. Bagaimanapun, bila Muhammad al-Qasim meminta izin daripada al-Hajjaj untuk menyerang Kanauj, al-Hajjaj telah meninggal sebelum sempat menjawabnya.

Segalanya berubah apabila al-Walid diganti oleh Sulaiman, sebab di zamannya berlaku 'tragedi dendam' terhadap pahlawan-pahlawan yang berjasa. Terhadap al-Hajjaj sendiri, Sulaiman sangat marah kerana dia turut menyokong ura-ura al-Walid untuk melantik puteranya sebagai pengganti, tetapi dia tidak sempat bertindak ke atasnya kerana al-Hajjaj mati dulu. Tetapi Muhammad al-Qasim dipenjarakan. Untuk menggantikan tempat Muhammad sebagai gabenor Sind, Sulaiman melantik Yazid bin Abi Kabshah, namun dia gagal mengatasi pemberontakan anak Raja Dahar.

Polisi berubah lagi, apabila Sulaiman digantikan oleh Umar Abdul Aziz. Sebagai seorang yang merasa dipanggil buat menegakkan Islam, Umar lalu melantik Amru bin Muslim al-Bahili yang turut bergiat dalam dakwah Islamiah, hingga dikatakan anak Raja Dahar memeluk Islam. Seterusnya Umar menulis kepada raja-raja lain agar mentaati Islam dan menukar kepada nama-nama Islam.

Nampaknya tentera Muslimin tidak hanya sampai ke India, bahkan terus menjangkau sempadan China. Usaha-usaha permulaan telah dilakukan oleh Qais bin Haisam, gabenor Khurasan

di zaman Muawiyah. Ketika gabenor Iraq dipegang oleh Ubaidullah yang menggantikan ayahnya, Ziad bin Abihi, kaum Muslimin telah dapat mara hingga ke Bukhara dan Samarqand. Dan puncaknya ialah ketika daerah Iraq dan Khurasan dipimpin oleh al-Hajjaj bin Yusuf al-Saqafy pada masa Abdul Malik dan kemudiannya masa al-Walid.

Dalam persiapan awalnya, al-Hajjaj meletakkan Muhallab bin Abi Safrah dan anak-anaknya, Yazid dan Mufadhal, yang mana telah dapat menempa beberapa kejayaan kecil, tetapi agak tergencat dalam meletusnya pemberontakan Abdul Rahman ibnul-Asy'as. Hanya setelah dapat dipadamkan pemberontakan itu, barulah al-Hajjaj menggerakkan semula ekspedisi tenteranya, dan kali ini dipimpin oleh Qutaibah bin Muslim. Ini berlaku di zaman al-Walid.

Dengan menggunakan Merw sebagai pangkalan gerakannya, beliau telah berjaya meluaskan penaklukan hingga ke negeri-negeri di sebelah Sungai Jihun dan Sungai Sihun. Beliau menakluk bahagian bawah Tukharestan dan ibu kotanya, Balkh, pada tahun 705 M. Antara tahun-tahun 705 M hingga 715 M., Bukhara, Samarqand, Khawarizmi, Farghanah dan daerah-daerah sekitarnya jatuh ke tangannya. Dalam siri-siri gerakannya, Qutaibah bukan sekadar menakluk, bahkan berusaha pula menyeru penduduk-penduduknya memeluk Islam dan meninggalkan penyembahan berhala. Pernah terjadi mereka menentangnya kerana takut menerima kecelakaan dari berhala-berhala mereka, jika mereka meremehkannya. Melihat itu, Qutaibah lalu memasuki tempat penyembahan berhala-berhala itu dan memusnah serta membakarnya. Lantaran dia selamat, lalu penduduk di situ memeluk Islam.

Selepas itu, Qutaibah meneruskan gerakannya hingga ke sempadan China. Dengan mengutus Hubairah bin Musyamraj al-Kilabi, disuruhnya raja China memilih sama ada ingin memeluk Islam, membayar ufti atau berperang. Sambil merendah-rendahkan Hubairah, raja China menegaskan: "Kembalilah kepada tuanmu, dan katakan kepadanya agar pulang saja. Aku sudah tahu keinginannya kepada dunia dan tahu pula bahawa pengikut-pengikutnya tiada seberapa banyaknya. Jika tidak, maka aku akan mengirimkan orang-orang yang akan membinasakan kamu dan dia!" Mendengarnya Hubairah membalas: "Bagaimana dapat dikatakan ingin kepada dunia, seorang yang meninggalkan keduniaan, pada hal dia sanggup mencapainya dan dia datang menyerangmu? Dan bagaimana pula dapat dikatakan tiada mempunyai pengikut yang baik, orang yang permulaan bala tenteranya berada di negerimu dan penghabisannya di negeri tempat tumbuhnya pohon-pohon zaiton? Tentang gertak kamu itu, maka bagi kami bila ajal sudah datang, maka yang paling mulia menurut

keyakinan kami ialah mati terbunuh, sebab itu kami tidak benci dan gentar kepadanya!"

Menyedari kekuatan kaum Muslimin itu, maka raja China pun bertanya: "Apakah yang dapat menyenangkan hati tuanmu?" Jawab Hubairah: "Ia telah bersumpah bahawa ia tidak akan pulang sebelum menginjak tanahmu dan mencap raja-raja negerimu ini (sebagai tanda penguasaannya), sebelum kamu membayar ufti kepadanya." Akhirnya raja itu berkata: "Kami akan membebaskannya dari sumpahnya itu sehingga ia takkan berdosa kerana melanggar sumpah. Akan kami kirimkan kepadanya segumpal tanah ini supaya ia dapat menginjaknya, beberapa orang anak-anak kami supaya dicapnya dan juga akan mengirimkan ufti kepadanya sebanyak yang disenanginya."

Dengan demikian, jadilah negeri China ketika itu di bawah 'naungan' kerajaan Umayyah, apabila rajanya sanggup membayar ufti. Dalam hubungannya dengan China, setakat inilah saja kejayaan yang dicapai oleh kerana selepas itu al-Walid digantikan oleh Sulaiman yang banyak melakukan penyeksaan terhadap pahlawan-pahlawan besar. Sepertimana yang dilakukannya terhadap Musa bin Nusair dan Muhammad al-Qasim, Qutaibah kemudiannya menjadi mangsa dendam Sulaiman kerana dikatakan menyokong ura-ura al-Walid untuk melantik puteranya sebagai calon penggantinya.

Penaklukan di Afrika (Utara)

Tentang wilayah Afrika Utara, bahagian pantainya adalah di bawah penguasan Rom, tetapi bahagian gurun pasir dan daerah-daerah pertanian, merupakan negeri-negeri yang merdeka. Sejak zaman Usman lagi, tentera Islam sudah sampai ke Barqah dan Tripoli dengan tujuan untuk menjaga keamanan daerah Mesir. Tetapi oleh kerana kerajaan Rom memperkuatkan semula kubunya di situ, Muawiyah kemudiannya telah bertekad untuk memberi pukulan terakhir kepada kerajaan Rom. Lalu dikirimkan Uqbah bin Nafi' al-Fihri yang telah menetap di Barqah untuk mempengaruhi bangsa Barbar memeluk Islam. Dengan kemahirannya, beliau berjaya menyapu bersih pasukan-pasukan Rom, dan atas nasihat Muawiyah maka Uqbah lalu memilih kota Qairawan sebagai markas tentera dan tempat tinggal orang-orang Islam.

Setelah memecat Muawiyah bin Khudaij sebagai gabenor Mesir, Muawiyah bin Abu Sufyan segera melantik Maslamah bin Makhlad menggantikannya dengan kuasa meliputi Maghribi, Barqah dan Mesir sendiri. Di sini Maslamah memecat Uqbah dan menggantikannya dengan Abul Muhajir. Sungguhpun Abul Muhajir berjaya mengislamkan seorang tokoh Barbar, Kusailah, tetapi

beliau gagal dalam serangannya terhadap kubu pertahanan Rom di Cartagina.

Bagaimanapun, di zaman Yazid kedudukan Uqbah berjaya dipulihkan dengan Abul Muhajir sebagai pembantunya, dan bersama-sama meneruskan penaklukan mereka hingga ke Lautan Atlantik. Malangnya, perlantikan Uqbah tidak disenangi oleh kaum Barbar, khasnya Kusailah. Dengan kerjasama orang-orang Rom, Kusailah dengan kaumnya dapat menghalangi Uqbah dan Abul Muhajir serta menewaskannya. Malah, dikatakan Kusailah kembali murtad bersama-sama sebahagian kaumnya. Dengan kekalahan ini maka kekuasaan di daerah pantai kembali ke tangan Rom dan di pedalaman ke tangan Kusailah.

Di zaman Abdul Malik, dikirimkan pasukan yang besar di bawah pimpinan Hassan bin Nukman al-Ghassani yang berjaya menempa beberapa kejayaan. Hassan bukan saja dapat menewaskan pasukan-pasukan Rom di Afrika Utara bahkan juga bangsa Barbar. Dengan itu, beliau dilantik sebagai gabenor pertama di Afrika Utara dan Maghribi. Kemudian beliau digantikan pula oleh Musa bin Nusair yang memakai gelaran '*Amir Qairawan*'. Di zamannya, Musa bukan sahaja dapat menumpaskan saki-baki Barbar, malah juga menakluki Tangier dan Centa dari tangan bangsa Goth.

Penaklukan di Eropah (Sepanyol dan Perancis)

Di seberang Afrika Utara, terletak Semenanjung Andalusia (Sepanyol) yang penduduknya terdiri dari berbilang bangsa. Asalnya diduduki oleh bangsa Iberia, kemudian pada tahun 133 M., ditakluki oleh bangsa Rom, kemudian orang-orang Yahudi, lalu orang-orang Vandal pada abad ke-5, dan akhirnya bangsa Goth pada abad ke-6. Apabila Roderick merampas kuasa, timbullah kemarahan putera-putera raja sebelumnya, khasnya Witiza yang kemudiannya meninggalkan Sepanyol menuju Afrika. Perselisihan juga berlaku antara Roderick dengan Count Julian, seorang gabenor di Ceuta yang memimpin atas nama bangsa Goth. Apalagi dengan perbuatan Roderick mencemar kehormatan puteri Julian, maka bertekadlah Julian untuk membalas dendam terhadapnya. Dan ini hanya dapat berlaku dengan meminta kerjasama orang-orang Islam.

Sebagai langkah pertama, Tarif bin Malik menyerbu Sepanyol dengan kapal-kapal yang disediakan oleh Julian. Kejayaan ini mendorong Musa bin Nusair untuk terus menuju ke sana. Maka ditugaskan hambanya, Tariq bin Ziad, untuk memimpin 7,000 orang tentera Barbar. Dengan kapal-kapal yang disediakan oleh Julian, akhirnya Tariq mendarat di sebuah gunung yang kemu-

diannya dinamakan *Gibraltar* (Jabal Tariq). Setelah kapal-kapal tersebut dikembalikan kepada Julian (bukannya dibakar), tinggallah Tariq bersama-sama tenteranya buat menghadapi dua kemungkinan: musuh atau laut. Dan dalam suasana seperti inilah dia mengucapkan pidatonya yang terkenal: "Saudara-saudara sekalian! Ke manakah kamu hendak melarikan diri? Lautan di belakang kamu dan musuh di hadapan kamu. Demi Allah, kamu haruslah tabah dan sabar."

Buat menghadapinya, Roderick lalu menyiapkan sejumlah 100,000 tentera Goth, termasuk musuh-musuhnya sendiri. Meskipun perbezaan jumlahnya sangat besar, namun pasukan Tariq yang padu itu berjaya mengkucar-kacirkan tentera Roderick. Dengan kejayaan besar ini, Tariq terus menakluki kota-kota Cordova, Granada dan Toledo yang ketika itu adalah ibu kota kerajaan Goth.

Kejayaan-kejayaan tersebut, mendorong Musa bin Nusair untuk turut menyertainya, sekurang-kurangnya untuk mendapat penghormatan sebagai pahlawan. Dengan suatu pasukan pimpinannya sendiri, Musa berhasil menakluki Carmona dan Seville yang dulunya ibu kota Sepanyol sebelum diserbu oleh bangsa Goth. Apabila tiba di Toledo, bertemulah Musa dengan Tariq, dan kemudiannya lalu berganding bahu menakluki negeri-negeri yang masih tertinggal, kecuali daerah Galicia yang kemudiannya dijadikan markas pelarian-pelarian Goth. Pengabaian terhadap daerah ini adalah satu kesilapan besar, kerana ianya telah memberi kesempatan bagi bangsa Goth untuk menjadikannya sebagai markas hingga berjaya merebut kembali Andalusia kelak.

Jika tadinya dikatakan yang Musa agak 'iri hati' terhadap kejayaan-kejayaan Tariq, maka kini Khalifah al-Walid pula semacam 'cemburu' terhadap kejayaan kedua-dua pahlawan tersebut. Sebab itu, diperintahkannya agar gerakan tentera dihentikan dan kembali saja ke Damshik. Ini diperburukkan lagi oleh tindakan balas dendam Sulaiman yang menggantikan al-Walid, terhadap Musa dan panglima-panglima lain. Alasannya kerana Musa enggan mematuhi perintahnya agar jangan memasuki Damshik untuk menghadap al-Walid yang sedang sakit, walhal dia berharap agar al-Walid cepat meninggal dunia dan dengan itu hadiah-hadiah yang dibawa oleh Musa akan jatuh ke tangannya.

Sejak itu berganti-gantilah pimpinan di Andalusia. Mulanya oleh Samih bin Malik yang menggantikan Musa, lalu di gantikan pula oleh Anbasah bin Sulaiman. Tidak terdapat kemajuan-kemajuan yang bererti sepanjang pentadbiran mereka, hinggalah apabila Anbasah digantikan oleh Abdul Rahman bin Abdullah al-Ghafiqi. Banyak kemenangan-kemenangan yang dicapai olehnya, malah hingga sampai ke kota Poitiers yang jauhnya kira-kira 70

km saja dari Paris. Bagaimanapun, Abdul Rahman tewas juga dalam peperangan di Tours pada 732 M., apabila menghadapi Charles Martel. Ini kerana tentera-tentera Islam telah kemabukan harta-harta rampasan, hingga apabila digempur oleh Charles Martel, mereka lalu meninggalkan medan perang. Mungkin jika Abdul Rahman berjaya dalam pertempuran ini, tentunya Zaman Kegelapan (*Dark Ages*) yang menyelubungi bangsa Eropah itu akan lebih cepat berakhir, seperti kata Dr. Thorndike: *If the Arabs had defeated Charles Martel and the Franks, whose kingdom were actually to collapse in any case, and if they overrun Western Europe as they did the Spanish Peninsula, European civilization might have revived more quickly.*"

BAB 21: PERTUMBUHAN ILMU *NAQLIYYAH* *(REVEALED SCIENCES)*

DI DALAM tamadun Islam tradisional, pada umumnya taraf ilmu-ilmu (*maratib al-ulum*) terbahagi kepada dua jenis:

i. *Ilmu naqliyyah* atau *revealed sciences* yang dinukilkan atau diperturunkan dari Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya. Ilmu ini dikenali juga dengan nama *Ilmu Syar'iyyah*, yang meliputi al-Quran, ilmu hadis, ilmu tauhid atau usuluddin, ilmu fiqh, ilmu tasawuf dan ilmu-ilmu lain seperti Sirah dan Bahasa Arab.
ii. *Ilmu aqliyyah* atau *rational sciences*, yakni ilmu-ilmu akal yang biasa dibahagikan kepada sains tabii (*natural sciences*) sains sosial (*social sciences*) dan juga kemanusiaan (*humanities*). Di antara ilmu-ilmu akal ini ialah ilmu perubatan, astronomi, geologi, matematik, sejarah, sosiologi, psikologi, falsafah dan sebagainya.

Dari segi penarafannya, ilmu *naqliyyah* menduduki taraf yang tertinggi oleh kerana ia berasaskan sumber yang sentiasa benar. Sedangkan ilmu *aqliyyah* menduduki taraf yang kedua selepasnya kerana ia bersumberkan pemikiran akal yang ada kalanya benar, dan ada kalanya salah.

Pada hakikatnya, kita tidaklah dapat menyaksikan adanya keghairahan di kalangan khalifah-khalifah Bani Umayyah terhadap usaha-usaha pengembangan ilmu pengetahuan. Kenyataan menunjukkan bahawa kehidupan *Tasyri'* tidak mendatangkan sebarang kemajuan yang bererti, kecuali di zaman Umar Abdul Aziz. Malah, bidang ilmu *aqliyyah* langsung tidak diperhatikan, kecuali oleh Khalid bin Yazid bin Muawiyah. Dikatakan bahawa Khalidlah orang yang pertama memindahkan pengetahuan-pengetahuan asing ke dalam Islam dengan cara mempelajari ilmu-ilmu perubatan, kimia dan astronomi daripada Maryanus, seorang pendeta Kristian di Iskandariah, dan kemudian menterjemahkannya.

Ada beberapa sebab kenapa usaha pengembangan ilmu pengetahuan kurang dijalankan di zaman ini. Antaranya:

i. Bani Umayyah telah memperlihatkan sikap fanatik Arab (*al-Asabiyyah al-Arabiyyah)* yang keterlaluan, hingga mereka

belum bersedia menerima ilmu-ilmu asing secara luas dan mendalam, malah belum membenarkan usaha tenaga-tenaga asing dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan secara terbuka.

ii. Sebagai sebuah kerajaan yang berdasarkan kekerasan, perhatian Bani Umayyah lebih banyak tertumpu di bidang ketenteraan, baik di dalam menghadapi pemberontakan dalam negeri mahupun usaha-usaha penaklukan di luar negeri.

Bagaimanapun, untuk mengatakan yang zaman Umayyah adalah kosong dari kegiatan ilmiah tentunya agak keterlaluan. Bagi pihak pemerintah, mereka begitu cenderung terhadap kegiatan-kegiatan sastera dan sejarah. Ini kerana:

a. Ianya merupakan saki-baki sifat-sifat Badwi yang memang menggemari syair-syair yang indah.
b. Oleh kerana Bani Umayyah ditegakkan secara kekerasan, ia sangat memerlukan cerdik-pandai buat memuja atau menguatkan rejim mereka.
c. Dengan adanya kegiatan mengumpul hadis di zaman Umar Abdul Aziz, secara tidak langsung riwayat-riwayat tentang Rasulullah dan peperangan-peperangannya turut diperhatikan.

Diriwayatkan oleh al-Mas'udy, bahawa selesai saja Muawiyah menjalankan tugas rasmi, lalu dia meneruskan sampai sepertiga malam untuk mempelajari cerita-cerita bangsa Arab dan peperangan yang terjadi antara mereka, cerita-cerita bangsa asing serta politik pemerintahannya. Kemudian baru dia tidur sepertiga malam. Tetapi dia bangun lagi melihat kitab-kitab tentang biografi raja-raja serta cerita-cerita perang. Semua ini dibacakan oleh seorang pencerita rasmi. Akhirnya, bercerita itu termasuk sebagai pekerjaan rasmi, di mana ada beberapa orang yang diangkat menjadi pencerita oleh pemerintah dengan mendapat gaji.

Khusus tentang ilmu keagamaan, kalau adapun perkembangannya, itu hanyalah timbul dari kesedaran dan semangat keagamaan itu sendiri, bukannya dari galakan pemerintah. Kecuali Umar Abdul Aziz, para khalifah Bani Umayyah tidak memberi dorongan terhadap perkembangan ilmu keagamaan sepertimana kecenderungan mereka terhadap sastera dan cerita-cerita sejarah tersebut. Orang-orang Umayyah tidak berusaha membentuk *tasyri'* yang rasmi. Kita tidak melihat para pembuat undang-undang berhubungan dengan pembesar-pembesar Umayyah, kecuali sedikit seperti al-Zuhry. Di zaman ini juga, belum ada mazhab empat, kecuali beberapa *Imam Mujtahid* seperti al-Auza'i yang mana mazhabnya berantakan. Hanya pada akhir Bani Umayyah lahir imam Abu Hanifah di Iraq dan Imam Malik di Madinah. Itu pun kita

diberitahu bahawa Imam Abu Hanifah telah dibenamkan ke dalam penjara beberapa kali oleh Marwan bin Muhammad, semata-mata kerana beliau menolak jawatan kadi seperti kehendak khalifah!

Seperti diketahui, al-Quran telah selesai dikumpulkan pada zaman Abu Bakar. Di zaman Bani Umayyah, al-Quran yang telah disalin sebanyak enam naskhah itu kemudiannya disalin lebih banyak dan dikirimkan ke berbagai penjuru. Antara ahli tafsir yang termasyhur di zaman Umayyah ialah Ibnu Abbas yang dianggap orang pertama menafsirkan al-Quran, iaitu secara riwayat dan *isnad*. Beliau terkenal sebagai seorang yang banyak ilmu, yang kebanyakan masa hidupnya dihabiskan dengan belajar dan mengajar. Juga terkenal ialah mujahid dan seorang tokoh Syiah, Muhammad al-Baqir bin Ali bin Hussein.

Seiring dengan tafsir al-Quran ialah ilmu nahu dan saraf, di mana ianya diatur secara lebih sistematik. Ini dilakukan oleh Abul-Aswad ad-Dauly di masa Muawiyah dengan cara menambah tanda-tanda *Fathah, Dhammah, Kasrah* dan *Syiddah*. Dan di zaman Abdul Malik bin Marwan, atas inisiatif al-Hajjaj, diperintahkannya Nasr bin Asim dan Yahya bin Yakmar (kedua-duanya murid Abul-Aswad) agar merencana tanda-tanda untuk membezakan satu persatunya huruf dari ayat-ayat al-Quran, seperti huruf *ba, ta, tha* dan lain-lain. Malah, al-Hajjaj juga berusaha agar al-Quran dibahagi 30 juz, dan pada tiap-tiap juz diadakan tanda separuh (*Nisf*), sedang pada tiap-tiap separuhnya pula diadakan tanda seperempat (*Rubu'*). Apa yang anehnya, ialah usaha-usaha ini dilakukan oleh seorang manusia yang bernama al-Hajjaj yang cukup terkenal dengan kekejaman dan keganasan. Dialah juga orangnya yang telah memenggal leher seorang ulama yang warak lagi salih, iaitu Said bin Zubair!

Tentang ilmu hadis, terdapat beberapa orang tokoh-tokoh besarnya seperti Hassan al-Basry, Ibnu Shihab al-Zuhry, al-Auza'i dan Ibnu Abi Malikah, murid Ibnu Abbas yang terbesar. Pembukuan hadis-hadis hanya berlaku atas inisiatif Umar Abdul Aziz kerana sebab-sebab berikut:

a. Jika dulunya, di zaman Abu Bakar alasan dikumpulkan al-Quran ialah kerana ramai para *huffaz* yang terkorban, maka kini sebab yang sama menuntut agar hadis-hadis dibukukan.
b. Jika di zaman Rasulullah dan Khulafa al-Rasyidin dilarang pengumpulan hadis kerana dikhuatiri bercampur aduk dengan al-Quran, tetapi dengan selesainya pembukuan al-Quran di zaman Abu Bakar dan penyempurnaannya di zaman Usman, maka alasan tersebut sudah hilang, kerana *mashaf* al-Quran sudah tersebar luas dan dihafal oleh beribu-ribu orang.
c. Kemahuan Umar Abdul Aziz yang keras, untuk membukukan

hadis. Dengan pembukuan, ia dapat memelihara hadis-hadis sahih dari bercampur dengan hadis-hadis palsu, yang disebarkan oleh golongan yang fanatik kepada mazhabnya. Penciptaan hadis-hadis palsu ini dipelopori oleh Abdullah bin Saba' dan golongan Saba'iyah.

Dengan alasan-alasan tersebut, Umar memerintah gabenor Madinah, Ibnu Hazm agar mengumpulkan hadis-hadis yang ada padanya dan pada Amrah binti Abdul Rahman, dan wanita yang banyak meriwayatkan hadis iaitu Aishah r.a. Beliau juga memerintahkan Ibnu Shihab al-Zuhry, seorang ulama dan iman besar di Hijaz dan Yaman. Al-Zuhry telah mengumpulkan hadis-hadis dan kemudian ditulisnya pada lembaran-lembaran, lalu dikirimkan kepada penguasa-penguasa wilayah masing-masing satu lembar. Itulah sebabnya ahli-ahli sejarah dan ulama menganggap bahawa al-Zuhrylah orang pertama yang mendewankan (menyusun) hadis-hadis secara rasmi, iaitu atas perintah Umar. Beliaulah di antara ulama yang berhubungan dengan tokoh-tokoh Umayyah, malah diangkat sebagai hakim oleh Yazid bin Abdul Malik.

Meskipun zaman Umayyah bukannya zaman perkembangan ilmu, namun terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kebangkitannya, iaitu:

a. Peranan Umar Abdul Aziz sendiri sebagai tokoh mujaddid yang cuba menghidupkan kembali sunnah. Hal ini telah dibicarakan sebelumnya.
b. Timbulnya pertikaian politik yang terus-menerus sepanjang pemerintahan Bani Umayyah, akhirnya berubah menjadi pertikaian yang bercorak agama. Konflik yang meluas ini menimbulkan golongan-golongan, yang mana mempercepat pertumbuhan ilmu kalam (teologi).

Sebetulnya pertikaian tersebut bermula sejak zaman Usman lagi. Dan, yang memulakannya ialah Abdullah bin Saba', seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam. Untuk mengumpul sokongan kepada Ali, ditaburnya fikiran-fikiran yang sesat serta hadis-hadis palsu, dan hasilnya dia berjaya. Tetapi selepas peristiwa *tahkim*, penyokong-penyokong Ali lalu terpecah kepada puak Syiah yang masih setia kepadanya dan puak Khawarij yang kini menentangnya pula. Namun, kedua-dua golongan ini lebih memusuhi Muawiyah.

Semuanya itu merupakan persoalan-persoalan politik belaka, tetapi akhirnya membawa kepada timbulnya persoalan-persoalan teologi. Timbullah persoalan siapa yang kafir dan bukan kafir, atau siapa yang telah murtad atau masih tetap Islam. Khawarij memandang Ali, Muawiyah, Amru, Abu Musa dan lain-lain yang

menerima *tahkim* sebagai kafir, kerana tidak menghukum menurut al-Quran: "*Barang siapa tidak menghukum menurut apa yang diturunkan Allah, adalah kafir*" (*al-Maidah: 44*).

Lama kelamaan, kaum Khawarij sendiri terpecah kepada beberapa golongan, malah konsep kafir itu pun turut mengalami perubahan. Yang dipandang kafir, bukan lagi hanya yang tidak menetapkan hukum dengan al-Quran, tetapi juga orang-orang yang berbuat dosa besar. Jadi yang mempengaruhi timbulnya ilmu kalam (teologi) ialah persoalan-persoalan seperti: Masihkah ia dipandang mukmin ataukah ia sudah kafir kerana berbuat dosa besar itu? Aliran Khawarij menganggap bahawa orang yang berdosa besar adalah kafir dan murtad, dan dari itu wajib dibunuh. Sedangkan aliran Murji'ah mengatakan bahawa orang yang berdosa besar masih tetap mukmin dan bukan kafir. Terserahlah kepada Allah nanti untuk menentukannya.

Kalau sekiranya aliran-aliran tersebut muncul terlibat akibat daripada masalah-masalah dalaman di kalangan umat Islam sendiri, selepas itu muncul pula aliran-aliran lain berikutan daripada pengaruh asing. Akibat daripada kegiatan penaklukan maka berlakulah proses asimilasi bangsa yang menyebabkan umat Islam mula terdedah kepada pengaruh pemikiran asing. Aliran pertama yang timbul hasil dari proses asimilasi tersebut ialah mazhab Qadariyah. Mazhab ini dipelopori oleh Ma'bad al-Juhani yang telah mempelajarinya daripada Sausan, seorang Kristian dari Iraq yang pernah memeluk Islam tetapi kemudiannya murtad kepada agamanya yang asal. Daripada Sausan inilah, Ma'bad mempelajari tentang qadar, dan seterusnya mengasaskan mazhab Qadariyah yang mengajarkan tentang konsep '*free will*' atau kebebasan tindakan manusia.

Sebagai reaksi terhadap keterlaluan faham Qadariyah itu timbullah pula mazhab Jabariyah yang diasaskan oleh al-Ja'd bin Dirham dan Jahm bin Safwan. Asalnya al-Ja'd mempelajarinya daripada Ibban bin Sam'an, sedang Ibban mengetahuinya dari Talut bin A'sam, seorang Yahudi Yang hidup sezaman dengan Nabi dan para sahabat. Tentang Jahm bin Safwan pula terpengaruh dengan John of Damascus tentang penafian sifat-sifat Tuhan. Aliran Jabariyah ini sebaliknya mengajarkan yang manusia tidak mempunyai sebarang kekuasaan terhadap sesuatu, kerana segala-galanya adalah dalam kekuasaan Tuhan belaka.

Dengan kematian Ma'bad al-Juhani dan juga Ghailan al-Dimasyq aliran '*free will*' tidak pula terkubur. Demikian juga dengan kematian Jahm bin Safwan, fahamannya yang menafikan sifat-sifat Tuhan itu tidak mati, malah kedua-dua aliran yang bercanggah ini hidup dalam bentuk baru iaitu dalam mazhab Muktazilah. Bagaimanapun, mazhab ini juga timbul sebagai reaksi

kepada mazhab Khawarij tentang masalah dosa besar, yang mana bagi Muktazilah ianya tidak kafir dan tidak pula mukmin, tetapi terletak di antara posisi mukmin dengan kafir (*al-Manzilah bain al-Manzilatain*).

Ada berbagai-bagai teori tentang mulanya mazhab Muktazilah, tetapi yang terkenal ialah berasal dari suatu diskusi antara Wasil bin Ata' dan temannya, Amru bin Ubaid, dengan Hassan al-Basri. Ketika kedua-duanya sedang mengikuti pelajaran Hassan, datang seorang bertanya tentang orang yang berdosa besar. Sebelum Hassan sempat menjawab, Wasil mencelah: "Bagi saya orang yang berdosa besar bukanlah mukmin dan bukan pula kafir, tetapi berada di antara kedua-dua posisi itu". Selepas dia beredar, Hassan lalu berkata: "Wasil memisahkan diri dari kita" (*I'tazala 'anna Wassil*). Menurut al-Shahrastani, dari peristiwa inilah lahirnya mazhab Muktazilah.

Sementara itu, mazhab Syiah juga turut mengalami perkembangan pesat. Bermula sebagai gerakan politik juga, kini ia berubah menjadi satu mazhab agama. Pada pokoknya, orang-orang Syiah semuanya lebih mengutamakan Ali daripada segala makhluk. Tetapi dalam persoalan *Imamah* (kepimpinan), mereka tidak sependapat. Di sinilah bermulanya perpecahan di kalangan pengikut-pengikut Syiah, yang mana menimbulkan berbagai-bagai aliran pula. Bagi aliran Ithna' Asyariah dan Ismailiah, mereka selama-lamanya menganggap bahawa Imam mestilah dari keturunan Ali saja. Bagaimanapun, aliran Ismailiah nampaknya lebih ekstrim lagi, sebab bagi mereka antara Ali dengan Nabi Muhammad adalah seumpama Harun dengan Musa, iaitu sebagai pembantu (asas) Musa. Bahkan, puncak dari kesesatan mereka ialah kebebasan mentafsirkan (*takwil*) kepercayaan-kepercayaan asas dalam Islam secara sewenang-wenang sahaja. Mengenai aliran Zaidiyah, sungguhpun keutamaan Ali tetap diakui, namun mereka mengiktiraf juga Abu Bakar sebagai khalifah.

Sebenarnya, pertikaian-pertikaian politik yang berlanjutan itu telah juga menimbulkan kesan sampingan yang lain, iaitu lahirnya suatu cara hidup yang tersendiri dan khas sebagai reaksi terhadap cara hidup khalifah-khalifah yang meniru raja-raja Rom dan Farsi, tanpa menghiraukan kemelaratan rakyat. Sebagai satu reaksi terhadapnya, timbullah golongan-golongan yang lebih mementingkan kerohanian, yang jemu melihat telatah khalifah-khalifah tersebut. Mereka yang menyisih inilah asal usulnya kaum sufi (tasawuf).

Ini tidaklah bermakna yang fahaman tasawuf hanya bermula sebagai reaksi terhadap sesuatu keadaan, sebab sejak zaman Rasulullah lagi sudah terdapat cara hidup yang demikian. Di samping golongan 'Ahli Suffah' yang tinggal di Masjid Madinah, ter-

dapatlah Huzaifah al-Yaman, sahabat Nabi yang dianggap mempelopori kelahiran tasawuf, yang juga digelar pemegang rahsia Rasulullah. Pernah orang berkata kepadanya: "Kami melihat tuan bercakap mengenai ilmu ini, percakapan itu kami tidak pernah dengar daripada sesiapa pun dari kalangan sahabat Rasul." Beliau menjawab: "Ilmu ini Rasulullah menentukannya kepadaku sahaja. Orang ramai bertanya kepadanya tentang kebaikan, tetapi aku bertanya kepadanya tentang kejahatan dan aku tahu bahawa kebaikan itu tidak terlepas dariku dan sesiapa yang tidak mengetahui kejahatan tidak akan mengetahui kebaikan."

Jika Huzaifah dianggap sebagai pelopor ilmu tasawuf, maka pada peringkat keduanya timbullah Hassan al-Basry yang hidup di zaman Bani Umayyah. Pernah beliau ditanya: "Tuan bercakap mengenai apa yang tidak pernah kami dengar selain dari tuan, dari mana tuan mempelajarinya?" Jawab Hassan: "Dari Huzaifah al-Yaman." Sebenarnya, Hassan merupakan seorang alim yang pertama sekali menyediakan waktunya di Masjid Basrah dalam membahas masalah-masalah kerohanian, kemuliaan akhlak dan pembaikan jiwa. Dalam perbahasan-perbahasannya, beliau menonjolkan *zuhud* terhadap dunia, tawakal, *khuf* (takut) dan *raja'* (pengharapan). Diajarkannya, janganlah semata-mata takut kepada Allah melainkan diikuti dengan *raja'*, dan hendaklah sentiasa bersedih hati dan takut, kalau-kalau diri tidak menunaikan perintah-perintah Allah.

Selain Hassan, terdapat juga Sufyan al-Thauri, seorang pemuka ilmu hadis yang terkenal hingga digelar 'Amirul-Mukminin' dalam hal hadis. Kerana begitu *zuhud*nya, dia enggan mendekati khalifah-khalifah, tetapi banyak mengembara untuk mengajar intisari agama. Juga terdapat Rabi' bin Ammar, al-Fadhl al-Rafashi dan lain-lain. Dari contoh-contoh kehidupan tasawuf inilah yang membukakan pintu dalam melahirkan ilmu tasawuf secara lebih sistematik di zaman kemudiannya.

Kesimpulannya, zaman Umayyah bukanlah satu zaman kegiatan ilmu pengetahuan dalam ertikata yang sebenarnya. Bagaimanapun, ia telah meletakkan asas (*groundwork*) dalam melahirkan perkembangan yang lebih bererti pada zaman Abbasiah kemudiannya.

BAB 22: KENAIKAN BANI ABBASIAH

PADA hakikatnya, cara kelahiran kerajaan Abbasiah dengan Umayyah hampir serupa saja coraknya, jika ditinjau dari segi falsafah Machiavellian. Baik daulah Umayyah mahupun Abbasiah, kedua-duanya ditegakkan di atas landasan yang telah dihapuskan oleh Rasulullah dulu, iaitu sifat-sifat perkauman, permusuhan dan putar-belit. Mengkaji tentang sejarah kenaikan Bani Abbasiah, tidak dapat tiada haruslah ditinjau sebab-sebab timbulnya gerakan Abbasiah ini.

Perpecahan umat Islam dalam soal-soal khalifah (pemerintahan) ini telah pun bermula sejak kewafatan Rasulullah, iaitu apabila Ali bin Abu Talib didahului oleh Abu Bakar dalam pimpinanan umat. Sebagai seorang tokoh yang memiliki berbagai keistimewaan, terkebelakangnya Ali dari Abu Bakar, dan kemudiannya Umar dan Usman tentulah agak mengecewakannya, serta juga penyokong-penyokongnya seperti Huzaifah al-Yaman, Abu Zar al-Ghifary, Salman al-Farisi dan sebagainya. Jika dengan sebab ini umat Islam terpecah sokongannya, maka faktor yang benar-benar menjadikan perpecahan itu suatu realiti ialah sejak berlakunya peristiwa *tahkim*, di antara Ali dengan Muawiyah. Sejak inilah bermulanya gerakan Syiah, yang bertujuan untuk mengembalikan semula kerusi khalifah kepada yang 'berhak', iaitu kepada keturunan Ali atau lebih khusus dari keturunan Fatimah.

Malangnya, kepimpinan Syiah yang diharap-harapkan dapat diteruskan oleh putera-puteranya, Hassan dan Hussein, tidak tercapai. Ini kerana Hassan telah 'menyerahkan' kuasanya kepada Muawiyah, sedangkan Hussein pula mati terbunuh di Karbala oleh tentera Yazid bin Muawiyah. Dengan itu harapan kini tertumpu kepada putera Hussein, iaitu Ali. Malangnya pula Ali tidak pun menunjukkan apa-apa reaksi terhadap kematian ayahnya. Faktor inilah yang mendorong sebahagian golongan Syiah beralih sokongannya kepada Muhammad bin Hanafiah (putera Ali bin Abu Talib dengan isterinya dari Bani Hanifah) dengan menganggapnya lebih utama dari Ali bin Hussein. Setelah Muhammad meninggal, kepimpinannya terserah pula kepada anaknya, Abu Hashim. Dan sebelum Abu Hashim meninggal, beliau sempat menyerahkan jawatan tersebut kepada Ali bin Abdullah al-Abbas. Berdasarkan peristiwa inilah maka golongan Abbasiah mendakwa Ali al-Abbaslah pewaris Ali bin Abu Talib yang sah dan sekaligus pewaris Abbas bin Abdul Mutalib.

Jika tradisi kebencian yang turun-menurun terhadap Umayyah itu merupakan faktor asasi yang menimbulkan gerakan Abbasiah ini, maka sokongan rakyat jelata pula telah menggalakkan lagi kelahirannya. Ini bukan sahaja kerana kebejatan moral khalifah-khalifah Umayyah, bahkan kerana sikap *vested interest* yang melampau-lampau di kalangan mereka telah membangkitkan kebencian rakyat. Sebagai alternatif, mereka mengalih sokongan terhadap penentang-penentang Umayyah, khasnya golongan Bani Hashim (Syiah Alawiyah dan Abbasiah) tersebut. Bagaimanapun, suatu faktor yang telah menjadikan gerakan propaganda Abbasiah itu suatu realiti ialah sikap toleransi Umar Abdul Aziz sendiri. Meskipun keunggulan Umar tidak dipertikaikan, termasuk oleh kalangan Syiah sendiri, tetapi parut-parut kebencian yang sebegitu lama, tidaklah dapat dihapuskan oleh pemerintahannya yang begitu singkat itu.

Dalam mengkaji bagaimana golongan Abbasiah menjalankan gerakannya, biasanya para sarjana membahagikannya kepada dua peringkat. Peringkat pertamanya, ia dijalankan secara sulit atau 'bawah tanah', dan pada peringkat keduanya, barulah dijalankan secara terbuka atau terang-terang. Ada dua pengertian tentang 'bawah tanah' ini. Pertama, gerakan mereka dijalankan secara rahsia tanpa diketahui oleh pemerintah. Yang keduanya, golongan Abbasiah belumlah 'menyatakan diri' sebagai suatu golongan yang tersendiri dan terasing dari Syiah, sebaliknya mereka berselindung di bawah kedudukan Bani Hashim atau *Ahlul-bait*. Ini dilakukan bukan saja dengan tujuan untuk memelihara perpaduan antara sesama keturunan Bani Hashim, malah kecenderungan rakyat terhadap mereka mungkin terjejas, andainya mereka secara terang-terang mengumumkan identiti mereka.

Bermulanya gerakan Bani Abbasiah secara sulit ini ialah sejak zaman Umar Abdul Aziz lagi. Dan pemimpin-pemimpin yang sering disebut-sebut mengetuainya dalam peringkat ini ialah Ali bin Abdullah dan anaknya Muhammad. Mengenai Ali, pada peringkat awalnya beliau memang terkenal kerana *zuhud*nya dan kuat beribadat. Sebab itu pihak kerajaan Umayyah tidak begitu curiga terhadapnya. Apalagi Ali bukannya keturunan Ali bin Abu Talib, hingga kerajaan Umayyah merasa tidak perlu bimbang terhadapnya sebagai pemimpin Syiah. Jadi, dengan adanya dua keadaan ini, sikap zuhudnya di samping keturunannya, menyebabkan dia tidak diragui oleh pihak Umayyah.

Bagaimanapun, keadaan seperti ini tidak kekal lama. Sejak 'penyerahan' pimpinan Syiah daripada Abu Hashim kepadanya, Ali mulai menukar sikap dan cara hidupnya lalu kemudian menyusun gerakan-gerakan sulit di Humaimah, Kufah dan Khurasan. Pentingnya Kufah, adalah kerana di situlah terdapatnya

puak Syiah yang bencikan Bani Umayyah, sedangkan di Khurasan pula terdapat puak-puak Mawali atau Bani Hashim yang memang memusuhi amalan diskriminasi Umayyah terhadap mereka. Dari Humaimah, Ali mengirim utusan-utusannya ke Khurasan untuk menjalankan propaganda atas nama *ahlul-bait* (keluarga Rasulullah) atau Bani Hashim dengan menyamar diri sebagai golongan saudagar. Dengan itu bilamana terjadi pengangkapan, mudah saja terlepas kerana mereka hanya akan mengaku sebagai saudagar saja. Setiap perkembangan yang berlaku akan segera dilaporkan ke ibu pejabat mereka di Humaimah. Dan setahun sekali mereka akan berkumpul di Makkah ketika orang-orang mengerjakan haji. Semuanya ini berjalan dengan baik lagi licin, khasnya di zaman tersebut.

Apabila pucuk pimpinan bertukar tangan kepada anaknya Muhammad pada 117 H. gerakan Abbasiah mengalami perkembangan pesat. Dan, dalam mengatur strateginya, Muhammad menggariskan tiga panduan penting sebagai asas gerakan:

1. Meneruskan kempen atas nama *Ahlul-bait* agar tidak berpecah dengan Syiah.
2. Terus menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai kawasan gerakan, walaupun pusat gerakannya kini diubah ke Kufah pula.
3. Tidak akan memberontak selagi persediaan belum lengkap.

Dengan kematian Muhammad, tempatnya diambil alih oleh anaknya, Ibrahim. Dan sejak zaman Ibrahim inilah bermulanya peringkat terbuka dalam gerakan Bani Hashim, namun sebagai golongan Abbasiah, belum lagi dinyatakan. Dalam tahap ini, gerakan Abbasiah dibantu malah diperkukuhkan oleh dua orang pahlawan besar, iaitu Abu Salamah al-Khalal bagi mengetuai gerakan di Kufah dan Abu Muslim al-Khurasani sebagai ketua di Khurasan. Pernah dikatakan bahawa sejak kemasukan Abu Muslim, seorang Mawali, ke dalam gerakan Abbasiah pada 128 H. itulah bermula detik perjuangan secara nyata atau lebih tepat, secara militan.

Mulanya gerakan Abu Muslim masih berjalan secara sulit, tetapi apabila surat perintah Ibrahim kepadanya terbocor hingga diketahui oleh Khalifah Marwan bin Muhammad, maka tidak dapat tiada terpaksalah diteruskan juga gerakan mereka. Bagaimanapun, peralihan corak perjuangan seperti ini tidaklah begitu membimbangkannya, kerana ketika itu mereka sudah kuat, sedangkan Bani Umayyah pula di ambang kehancuran. Tetapi meskipun kegiatan ini berlaku secara terang, namun identiti mereka sebagai golongan Abbasiah masih juga dirahsiakan. Misalnya, apabila Abu Muslim

menganjurkan satu perjumpaan di Hijaz untuk bertindak tegas bagi menghancurkan Bani Umayyah, mereka lalu melantik Muhammad bin Abdullah dari kalangan Alawiyah sebagai khalifah pertama. Tindakan seperti ini nyatalah suatu taktik semata-mata demi mendapatkan sokongan semua pihak.

Sebagai langkah pertama gerakannya, Abu Muslim mengirim sepucuk surat kepada Nasr bin Saiyar, gabenor Khurasan, yang mengandungi ayat-ayat al-Quran di dalamnya. Oleh kerana Nasr mengira ianya sebagai satu ancaman, beliau lalu mengumpulkan tenteranya, tetapi dapat dipatahkan oleh Abu Muslim. Untuk memberatkan lagi masalah Nasr, seorang ketua Arab Yaman di Khurasan, Ali al-Karmani bersama tenteranya telah menyerang Nasr yang berpihak kepada golongan Arab Nizar dan Ali mendapat kemenangan. Dalam situasi yang gawat inilah Abu Muslim memasuki ibu Kota Khurasan dengan mengibarkan bendera hitam pada 129 H. Dengan bantuan Qahtabah bin Shahib, lalu Nasr bin Saiyar dikejar, tetapi Qahtabah meninggal sebelum sempat Nasr dibunuh. Qahtabah lalu diganti oleh anaknya Hassan yang kemudiannya dapat memukul tentera Ibnu Hubairah, gabenor Iraq. Sebagai gantinya, dilantik Abu Salamah sebagai gabenor baru Iraq.

Dalam suasana seperti ini, Marwan lalu bertindak menangkap Ibrahim bin Muhammad di Humaimah. Tetapi sebelum itu Muhammad sempat melantik saudaranya Abdullah (Abul-Abbas) sebagai penggantinya. Sementara itu, didapati Abu Salamah sedang giat berusaha untuk menyerahkan jawatan Imam (khalifah) kepada golongan Syiah Alawiyah, iaitu sama ada Jaafar al-Sadiq, Abdullah bin Hassan ataupun Umar bin Ali al-Hassan yang kesemuanya tinggal di Hijaz. Melihat usaha-usaha tersebut, maka barulah Abdullah mengisytiharkan golongan mereka dengan program perjuangan yang tersendiri pula, yakni tidak lagi bergabung dengan orang-orang Syiah.

Kerana sikapnya yang pro-Alawiyah itu, akhirnya Abu Salamah lalu disingkir dari kedudukannya. Golongan Abbasiah segera melantik Abul-Abbas sebagai khalifah pertama pada 794 M., yang dibuat di Masjid Kufah. Sementara itu Marwan bin Muhammad cuba memulihkan kedudukannya sebagai khalifah, malangnya ditewaskan dalam Peperangan Zab dan kepalanya dikirim kepada Abul-Abbas. Dengan ini secara rasmi tamatlah riwayat kerajaan Umayyah.

Dalam menganalisa sebab-sebab kejayaan gerakan Abbasiah dalam menumbangkan kerajaan Umayyah itu, terdapat beberapa aspek yang patut ditinjau. Pertamanya, ialah kelemahan kerajaan Umayyah sendiri di peringkat-peringkat akhirnya, sehingga dapat dikatakan bahawa kalaupun tiada tentangan-tentangan dari Bani Abbasiah, mungkin ia akan jatuh juga. Keduanya ialah faktor

kepimpinan Abbasiah yang cekap serta strategi yang tersusun dengan baik, sehingga sukar dikesan kegiatan-kegiatan mereka oleh pihak kerajaan. Ini ditambah pula dengan sokongan rakyat terhadap mereka, sebagai reaksi daripada kebencian mereka terhadap kerajaan Umayyah. Bagaimanapun, yang tidak kurang pentingnya ialah kaedah Machiavellian yang mereka amalkan dalam perjuangan mereka — bahawa dalam menuju sesuatu matlamat, setiap cara dihalalkan. Dan dalam hal ini, tidak ada bezanya cara kenaikan Bani Umayyah dengan Bani Abbasiah.

BAB 23: ZAMAN KEAGUNGAN BANI ABBASIAH

Abul Abbas al-Saffah (750 — 754 M.)

NAMA sebenarnya ialah Abdullah Abul-Abbas bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas, tetapi digelar '*al-Saffah*' (penumpah darah) kerana sikapnya yang gemar menumpahkan darah musuh-musuhnya. Bahkan, di akhir ucapan perlantikannya sebagai khalifah, dia mengucapkan kalimat: *"Ana al-Saffah."*

Usaha-usahanya:

i. Memindahkan pusat pemerintahannya dari Kufah ke Hirah, dan kemudiannya ke al-Anbar.
ii. Menghapuskan Bani Umayyah, baik dengan memburu atau membunuh keluarga-keluarga mereka. Bahkan kubur Khalifah-khalifah Umayyah, kecuali kubur Umar Abdul Aziz, telah dibongkar dan dibakarnya.
iii. Memerintahkan Abu Muslim al-Khurasani agar membunuh Abu Salamah al-Khalal kerana dikatakan menyokong orang-orang Syiah.
iv. Menghapuskan pemberontakan Habib bin Murrah dan penduduk-penduduk Hems, Qinasrin dan Tadmor oleh Abdullah bin Ali.
v. Menghapuskan pemberontakan Ishak bin Muslim di al-Jazirah dan Mesopotamia dengan bantuan Abu Jaafar al-Mansur.

Abu Jaafar al-Mansur (754 — 755 M.)

Jika Abdul Malik bin Marwan dianggap sebagai pengasas yang kedua kerajaan Umayyah, maka al-Mansur pula pernah disifatkan sebagai pengasas yang sebenar kerajaan Abbasiah, bukannya Abul-Abbas al-Saffah. Seperti Abdul Malik juga, al-Mansur telah berjaya mengukuhkan kerajaannya dan menyatukan negara.

Usaha-usahanya:

i. Menubuhkan ibu kotanya di Baghdad dengan menggantikan al-Anbar.

ii. Menghapuskan pemberontakan bapa saudaranya Abdullah bin Ali yang menuntut jawatan khalifah.
iii. Membunuh Abu Muslim al-Khurasani, panglimanya yang sangat berpengaruh. Juga dapat menghapuskan pemberontakan penyokong-penyokong Abu Muslim di wilayah Farsi yang dipimpin oleh Subadh.
iv. Menghapuskan pemberontakan orang-orang Syiah pimpinan Muhammad bin Abdullah di Madinah, dan saudaranya Ibrahim bin Abdullah di Basrah.
v. Memadam gerakan golongan-golongan sesat seperti al-Rawandiyah dan Zindiq.
vi. Memulakan kegiatan penterjemahan buku-buku Yunani, Parsi, India ke bahasa Arab.
vii. Mendirikan Perpustakaan Darul-Hikmah di Baghdad.

Muhammad al-Mahdi (775 — 782 M.)

Usaha-usahanya:

i. Melepaskan tahanan-tahanan ayahnya (al-Mansur) dulu, termasuk golongan Syiah, serta mengembalikan semula harta-harta yang dirampas dari mereka dulu.
ii. Membina masjid-masjid dan meluaskan Masjidil-Haram, serta membuat kelambu bagi Kaabah.
iii. Membina rumah-rumah untuk musafir, perigi-perigi untuk kafilah-kafilah, memperbaharui ukuran-ukuran batu di jalan serta mengadakan hubungan pos dari Makkah, Madinah dan Yaman.
iv. Memberi elaun khas kepada orang-orang tahanan dan orang-orang yang berpenyakit kusta untuk mengelakkan mereka dari meminta-minta yang mana boleh merebakkan penyakit.
v. Menghapuskan pemberontakan-pemberontakan al-Muqama di Khurasan dan Abdullah bin Marwan bin Muhammad di Syria.
vi. Menawan kawasan-kawasan Rom yang dipimpin oleh anaknya Harun al-Rashid, hingga Ratu Irene di Constantinople berjanji membayar ufti.

Musa al-Hadi (782 — 786 M.)

Peristiwa di zamannya:

Berlaku pemberontakan Hussain bin Ali, cucu Hassan bin Ali bin Abu Talib di Hijaz, tetapi dapat ditewaskan oleh tentera al-Hadi. Bagaimanapun, seorang keluarga Hussain, Idris bin Abdullah bin

Hassan terselamat dan kemudiannya mendirikan kerajaan Bani Idrisiah di Maghribi. Sedang saudara Idris iaitu Yahya melarikan diri ke Dailam dan mendirikan kerajaan di sana.

Campur tangan ibunya Khaizuran dan Yahya al-Barmaki dalam pemerintahan telah mempercepatkan kenaikan saudaranya Harun al-Rashid.

Harun al-Rashid (786 — 808 M.)

Usaha-usahanya:

i. Melantik Yahya bin Khalid al-Barmaki sebagai Wazir Besar dengan dibantu oleh empat orang anaknya, iaitu al-Fadhal, Jaafar, Musa dan Muhammad. Walau bagaimanapun, keluarga al-Barmaki ini kemudiannya dihapuskan oleh Harun atas sebab-sebab tertentu.
ii. Menghapuskan pemberontakan-pemberontakan di Mosul, Afrika Utara, Syria, Nasibin, Dailam, Khurasan dan Samarqand.
iii. Menyerang kerajaan Rom (Byzantine) kerana Maharaja Nicephorus I telah membatalkan perjanjian perdamaian dengan Harun di zaman Ratu Irene dulu.
iv. Mengadakan hubungan diplomatik dengan Charlemagne, maharaja kerajaan Carolingia di Perancis. Kesanggupan mereka untuk berbaik-baik dikatakan kerana sama-sama memusuhi kerajaan Byzantine dan Bani Umayyah di Sepanyol.
v. Melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, jalan raya, perigi, jambatan, terusan dan khasnya mata air yang terkenal dengan nama 'Ain Zubaidah'.
vi. Menggiatkan usaha-usaha penterjemahan dan kegiatan ilmu pengetahuan.
vii. Mendirikan Perpustakaan Baitul-Hikmah.

Al-Amin (808 — 813 M.)

Usaha-usahanya:

Sepanjang pemerintahannya, berlaku huru-hara akibat perang saudara antara al-Amin (ibunya bernama Zubaidah) dengan al-Makmun (ibunya bernama Marājil, seorang Farsi). Dengan nasihat menterinya al-Fadhl bin Rabi', al-Amin memecat al-Makmun sebagai penguasa Khurasan, bahkan juga sebagai penggantinya seperti wasiat Harun al-Rashid, sebaliknya melantik anaknya Musa

sebagai Putera Mahkota. Kedudukan al-Makmun yang beribukan seorang Farsi seperti al-Fadhl bin Sahl, Tahir bin Hussain dan Hurthumah menjadikan pergolakan ini lebih berbentuk perkauman. Dan, kemenangan al-Makmun sendiri pernah disifatkan sebagai kemenangan orang-orang Farsi.

Al-Makmun (813 — 833 M.)

Usaha-usahanya:

i. Mula-mulanya bersikap lunak terhadap kaum Syiah, hingga atas nasihat wazirnya al-Fadhl bin Sahl dilantiknya Ali al-Ridha sebagai penggantinya. Sikap pro-Syiah ini ketara sekali apabila ia menggunakan lambang hijau di samping tinggal di Khurasan sampai enam tahun lamanya. Bagaimanapun, apabila polisinya bertukar, tokoh-tokoh Syiah dimusnahkannya, lalu menggunakan warna hitam (lambang Abbasiah) dan berpindah ke Baghdad.
ii. Menghapuskan pemberontakan-pemberontakan Nasr bin Syabath di Mesopotamia, pemberontakan Abu al-Saraya di Kufah, pemberontakan Babik al-Khurami (Majusi) di Khurasan, pemberontakan di Makkah dan Mesir serta suku Zath di Teluk Farsi.
iii. Menetapkan mazhab Muktazilah sebagai mazhab negara tanpa bertolak-ansur. Polisi keagamaan seperti ini, ditentang hebat oleh ulama-ulama, khasnya Ahmad bin Hanbal yang akibatnya beliau diseksa dengan berat oleh khalifah.
iv. Menggiatkan kegiatan penterjemahan, pembukuan dan penciptaan ilmu pengetahuan, serta mendirikan pusat-pusat pengajian.

Al-Muktasim (833 — 824 M.)

Usaha-usahanya:

i. Meneruskan polisi al-Makmun yang menetapkan mazhab Muktazilah sebagai mazhab rasmi negara.
ii. Menghapuskan pemberontakan kaum Zat di Basrah, pemberontakan Mizyar di Tabaristan, pemberontakan kaum Alawiyah pimpinan Muhammad bin al-Qasim dan menentang Rom dalam Peperangan Amuriah.
iii. Memasukkan orang-orang Turki serta memberi tempat kepada mereka dalam pentadbiran negara, hingga timbul kemarahan orang-orang Arab, tetapi rancangan mereka untuk menghapuskan pengaruh Turki dapat dipadamkan.

Al-Wathiq (842 — 847 M.)

Usaha-usahanya:

i. Meneruskan polisi menjadikan aliran Muktazilah sebagai mazhab rasmi serta memberi kebebasan kepada orang-orang Turki.
ii. Menghapuskan pemberontakan orang-orang Arab dari Bani Qais di Damshik dan juga kekacauan-kekacauan di Iraq.

Dengan meninggalnya al-Wathiq, tamatlah kekuasaan Bani Abbasiah dan digantikan pula oleh zaman kekuasaan orang-orang asing, iaitu bangsa Turki, Bani Buwaih dan Seljuq. Sungguhpun Bani Abbasiah masih tetap berdiri hingga 1258, tetapi itu hanya pada zahirnya sahaja, sebab yang sebenarnya berkuasa ialah orang-orang asing tersebut, sedang khalifah-khalifah Abbasiah tidak lebih sebagai simbol semata-mata.

Khalifah-khalifah Abbasiah selanjutnya adalah seperti berikut:

Al-Mutawakkil (847 M.)
Al-Muntasir (861 M.)
Al-Musta'in (862 M.)
Al-Muktaz (866 M.)
Al-Muhtadi (869 M.)
Al-Muktamid (870 M.)
Al-Muktazid (892 M.)
Al-Muktafi (902 M.)
Al- Muqtadir (908 M.)
Al-Qahir (932 M.)
Al-Razi (934 M.)
Al-Muttaqi (940 M.)
Al-Mustakfi (944 M.)
Al-Muti'ullah (946 M.)
Al-Ta'i (974 M.)
Al-Qadir (991 M.)
Al-Qa'im (1031 M.)
Al-Muqtadi (1075 M.)
Al-Mustazir (1094 M.)
Al-Mustarsyid (1118 M.)
Al-Rashid (1135 M.)
Al-Muktafi (1136 M.)
Al-Mustanjid (1160 M.)
Al-Mustazi (1170 M.)
Al-Nasir (1180 M.)
Al-Zahir (1225 M.)
Al-Mustansir (1226 M.)
Al-Mustaksim (1242-1258 M.)

BAB 24: KERAJAAN ORANG-ORANG ISLAM PADA ZAMAN KEMUNDURAN ABBASIAH

Zaman Kekuasaan Asing

ZAMAN Bani Abbasiah dapat dibahagikan kepada dua peringkat:

1. Peringkat keagungan ini bermula dari Abul-Abbas al-Saffah hingga al-Muktasim (750 — 833 M.) di mana kuasa politik benar-benar di tangan khalifah-khalifah Abbasiah.
2. Sejak al-Muktasim hingga kejatuhannya pada 1258M., khalifah-khalifah Abbasiah seumpama patung sahaja yang namanya disebut dalam khutbah, sedangkan kuasa politik kini di tangan kaum Mamluk Turki, diikuti Bani Buwaih dan Bani Seljuq.

Zaman Kekuasaan Mamluk Turki

Pada hakikatnya, sejarah penguasaan Turki bertunas sejak al-Makmun lagi, iaitu apabila beliau memberi kedudukan yang tinggi kepada mereka. Tetapi usaha secara besar-besaran untuk memasukkan orang-orang Turki dilakukan oleh al-Muktasim sejak masih menjadi gabenor Khurasan. Setelah menyaksikan peperangan saudara antara al-Amin dengan al-Makmun, al-Muktasim merasakan perlunya ditubuhkan pasukan tentera yang tidak menyebelahi mana-mana pihak. Sebab itu, dia lalu membentuk suatu pasukan tentera khas sebagai pengawal peribadinya yang terdiri daripada orang-orang Turki berjumlah 4,000 orang, dan kemudiannya berjumlah 70,000 setelah menjadi khalifah. Tindakan ini membangkitkan kemarahan orang-orang Arab, yang merasa tersingkir hingga mereka cuba memberontak di bawah pimpinan Ajif untuk melawan orang-orang Turki. Ajif cuba mempengaruhi al-Abbas bin al-Makmun, supaya merampas kuasa dari bapa saudaranya al-Muktasim. Malangnya, rahsia ini diketahui oleh al-Muktasim, lalu ditangkapnya Ajif dan al-Abbas. Kerana peristiwa ini, al-Muktasim semakin percaya kepada orang-orang Turki.

Dengan kepercayaan tersebut dilantiknya orang-orang Turki memegang jawatan-jawatan penting, malah sebagai penasihat khalifah sendiri. Tetapi dikatakan al-Muktasim segera sedar tentang bahayanya pengaruh Turki itu, lalu dipindahkannya ibu kota

ke Samarra (Surra-man-raa) untuk menghindarkan diri dari bantahan orang ramai. Malah dikatakan yang dia lalu bertindak tegas terhadap mereka, sehingga sanggup dibunuhnya Afsin yang banyak berjasa kepadanya itu.

Dengan meninggalnya al-Muktasim, naiklah puteranya al-Wathiq yang kemudiannya mengurniakan gelaran *Sultan* kepada Ashnas, seorang panglima Turki dengan diberi kuasa untuk memerintah seluruh pasukan tentera. Apabila al-Wathiq meninggal, jawatan *Sultan* itu diganti oleh Wasif yang kuasanya melebihi Ashnas, hingga di tangannyalah terletak kuasa pemutus. Misalnya, dalam melantik al-Mutawakkil sebagai pengganti al-Wathiq.

Sungguhpun kenaikan al-Mutawakkil kerana ditunjuk oleh Turki, namun beliau tidak senang melihat pengaruh mereka itu. Untuk membatasi pengaruh tersebut, beliau cuba memindahkan ibu kota dari Samarra ke Damshik, tetapi gagal. Lalu dibunuhnya panglima Turki, Ibnul-Zayyat dan Itakh. Sebelum kematian al-Mutawakkil, dilantiknya ketiga-tiga anaknya sebagai penggantinya, iaitu al-Muntasir, al-Muktaz dan al-Muayyid. Kerana al-Muktaz lebih diutamakan, al-Muntasir lalu berpakat dengan orang-orang Turki untuk membunuh ayahnya.

Sebagai khalifah lantikan Turki, sukarlah bagi al-Muntasir untuk melepaskan dirinya dari mereka yang semakin bertambah kuat. Di kota Baghdad sahaja terdapat 70,000 orang-orang Turki, tidak termasuk di Samarra dan Damshik. Bagaimanapun, perbuatannya terhadap ayahnya dulu begitu menyeksa batinnya, hingga dia jatuh sakit. Tetapi ketika dia cuba berubat, orang-orang Turki telah memasukkan racun ke dalam ubat tersebut, hingga membawa maut. Kemudiannya orang-orang Turki melantik al-Mustain, anak al-Muktasim, sebagai penggantinya. Di zamannya timbullah panglima-panglima seperti Baikabak, Atamusy, Kalbatikan yang rupanya lebih berkuasa dari khalifah sendiri. Kerana itu orang-orang Turki memecat pula al-Mustain, dan menggantikannya dengan al-Muktaz yang lebih mereka senangi.

Dengan perlantikan al-Muktaz itu, semakin berleluasalah kekuasaan Turki, hingga tanpa teragak-agak mereka menuntut harta yang lebih banyak, meskipun perbendaharaan negara sudah muflis. Kerana dia enggan, dia lalu diseret, dijemur di cahaya matahari dan kemudiannya dibunuh dengan mengurung dalam lubang di bawah tanah. Kemudian dilantik pula al-Muhtadi, tetapi dia juga mati dibunuh oleh orang-orang Turki dengan cara yang amat menyedihkan.

Bagaimanapun, dengan kematian al-Muhtadi, selama 33 tahun kemudiannya pengaruh Turki dapat dikurangi. Ini berlaku apabila Khalifah al-Muktamad mempercayai adiknya al-Muwaffaq sebagai panglima angkatan tentera. Dengan kebijaksanaannya

musuh-musuh Bani Abbasiah dapat dikurangkan kalau tidak pun dihapuskan. Polisi ini diteruskan pula oleh pengganti al-Muktamid iaitu al-Muktadhid yang mempunyai kemahuan keras seperti ayahnya al-Muwaffaq. Tetapi dengan kematian al-Muktadhid, pengaruh Turki berkembang semula, meskipun tidak sehebat dulu. Misalnya, orang-orang Turki mengambil kesempatan daripada keadaan huru-hara di zaman al-Muqtadir, dengan membunuhnya dan mayatnya dibiarkan bogel beberapa hari sebelum dikebumikan.

Pengaruh Turki kemudiannya pulih kembali di zaman al-Radhi, malangnya sesama mereka pula saling berebut kuasa. Ini menyebabkan pemerintahan pusat kucir-kacir, hingga wilayah-wilayah yang terpencil tidak lagi menaruh harapan kepadanya, lalu bertindak dengan mengisytiharkan kebebasannya dari pentadbiran pusat. Demi menyelamatkan negara dan khasnya dirinya sendiri, Khalifah al-Radhi melantik pemerintah Basrah, Ibnu Raiq sebagai *Amirul-Umara'* (Amir segala Amir) dengan tugas-tugas khas untuk memulihkan suasana. Ini menjadikan kedudukan wazir-wazir dan menteri-menteri semacam tidak bermakna lagi, bahkan khalifah sendiri telah kehilangan kuasanya. Akhirnya, al-Radhi lalu memecat Ibnu Raiq dengan menggantikannya dengan Bajkam. Akibatnya, tercetuslah pertempuran antara Ibnu Raiq dengan Bajkam, yang membawa kemenangan Bajkam. Seperti Ibnu Raiq juga, Bajkam memerintah secara berleluasa hingga menyebabkan negara muflis. Pengaruh *Amirul-Umara'* semakin menjadi-jadi di zaman al-Muttaqi yang menggantikan al-Radhi. Kemudian Touzon telah memecat al-Muttaqi dan melantik al-Mustaqfi. Di zaman al-Mustaqfi inilah pengaruh orang-orang Turki telah digantikan oleh kebangkitan Bani Buwaih.

Zaman Kekuasaan Bani Buwaih (945 — 1055 M)

Kerajaan Bani Buwaih berasal dari keturunan Abu Shujak Buwaih, seorang nelayan miskin dari Dailam, Farsi. Tiga orang anaknya, Ahmad, Ali dan Hassan kemudiannya berjaya menguasai beberapa kawasan yang sebelumnya di bawah kekuasaan Bani Abbasiah, dan berjaya pula mendapat pengiktirafan daripada khalifah Abbasiah. Bagaimanapun, Ahmad yang dianggap lebih terkemuka itu terus mara ke Baghdad pada 945 M. hingga pengawal peribadi Khalifah al-Mustaqfi melarikan diri. Kebetulan ketika itu kuasa *Amirul-Umara'* berada di dalam kelemahan, hingga dengan itu orang-orang terkemuka di Baghdad mempersilakan Ahmad masuk untuk mengambil-alih kuasa daripada orang-orang Turki. Setelah memenuhi jemputan tersebut, khalifah mengakui keturunan Buwaih ini sebagai *Sultan*, sedangkan mereka pula mengakui

kedudukan khalifah, yang namanya disebut dalam khutbah Jumaat dan diukir pada matawang.

Di samping kedudukan sebagai *Sultan* tersebut, Ahmad digelar *Muizuddaulah* (Semarak Negara), Ali digelar *Imadud-daulah* (Tiang Negara) dan Hassan di gelar *Ruknud-daulah* (Sendi Negara). Dengan lenyapnya orang-orang Turki maka jawatan *Amirul-Umara'* diambil-alih oleh Ahmad Buwaih dan keturunannya. Sebagai golongan Syiah, tradisi Syiah cuba dihidupkan semula, seperti mengadakan perayaan awal Muharram, 10 Muharram, malah mengisytiharkan bahawa Ali bin Abi Taliblah pengganti Rasulullah yang sebenarnya. Ini tentunya bercanggah dengan pendirian Bani Abbasiah yang bermazhab Sunnah, namun khalifah tidaklah dapat membantahnya. Bahkan tidak sampai dua bulan berkuasa, Ahmad segera menurunkan jawatan al-Mustaqfi kerana dituduh berkomplot untuk menggulingkannya.

Muizud-daulah kemudiannya digantikan oleh anaknya, Bakhtiar, yang bergelar *Izud-daulah* pada 949 M, dan dialah yang menyingkir Khalifah al-Muti, dan menggantikannya dengan al-Taii, Tetapi tujuh tahun kemudiannya, *Izud-daulah* sendiri digulingkan oleh *Adhadud-daulah* yang oleh ahli-ahli sejarah dianggap pemimpin Bani Buwaih yang termasyhur. Setelah berjaya memaksa khalifah memberi kuasa lebih luas sehingga sebagai '*Tajul-Millah*', *Adhadud-daulah* cuba menyatukan kuasa Bani Abbasiah dengan Bani Buwaih dengan cara berkahwin dengan puteri al-Taii. Di samping mengambil berat dalam usaha-usaha sosial dan pembangunan, beliau juga menjadi penaung kegiatan-kegiatan intelektual di zamannya.

Dengan kematiannya, beliau digantikan oleh anaknya *Shamsud-daulah* yang digelar '*Shamsul-Millah*'. Bagaimanapun, beliau disingkir pula oleh saudaranya *Sharafud-daulah* yang mana usaha-usahanya di bidang pengetahuan menyamai ketokohan Harun al-Rashid. Beliau digantikan pula oleh anaknya *Bahaud-daulah* yang kemudian menyingkir Khalifah al-Taii dan melantik saudaranya al-Qadar sebagai khalifah. Bagaimanapun, al-Qadar telah juga dipecat dan digantikan oleh anaknya, al-Qaim. Di zamannya tercetus pemberontakan yang dipimpin oleh penyokong Fatimiah bernama Basasiri hingga dapat menguasai Baghdad dan al-Qaim sendiri ditangkap. Dalam suasana seperti inilah pengikut-pengikut khalifah meminta bantuan Toghrulbek, pemerintah Seljuq yang berpusat di Khurasan. Maka masuklah Toghrulbek ke Baghdad dan berjaya membunuh Basasiri, yang dengan ini menandakan tamatnya pemerintahan Bani Buwaih untuk digantikan oleh Bani Seljuq pula.

Sebenarnya zaman Bani Buwaih tidaklah sunyi dari kegiatan-kegiatan keilmuan. Di samping adanya kegiatan-kegiatan falsafah

yang bergerak secara sulit seperti 'Ikhwanus-Saffa', terdapatlah sarjana-sarjana yang terkemuka seperti al-Mas'udi, al-Mutanabbi, Abul-Faraj al-Isfahani dan sebagainya. Bagaimanapun, kesan daripada pemerintahan Bani Buwaih yang buruk dan kejam itu telah timbul satu puak yang dinamakan 'Hashashin'; disebut demikian kerana mereka gemar menghisap ganja (*hashish*). Dengan meminta simpati orang ramai terhadap keturunan Ali bin Abi Talib, mereka menganggap pembunuhan terhadap musuh-musuh Syiah sebagai suatu perjuangan. Antara mangsa mereka ialah Nizamul-Mulk, wazir Bani Seljuq yang termasyhur.

Zaman Kekuasaan Bani Seljuq (1055 — 1242 M)

Bani Seljuq berasal dari keturunan Seljuq bin Taklak dari Turkistan yang di bawah perintah Raja Turki bernama Bigu. Kerana Seljuq orang yang dipercayai, Raja Bigu melantiknya sebagai pemerintah tentera. Tetapi permaisurinya mahu agar Seljuq dibunuh saja, takut kelak dia akan menyaingi baginda. Mendengarnya, Seljuq lalu berpindah ke negeri yang diperintah oleh Sultan Sabuktigin, dan di sinilah Seljuq memeluk Islam dan melancarkan serangan ke atas musuh-musuh raja Bigu. Ketika kerajaan Samaniyah berperang dengan Ghaznawiyah (asalnya di bawah Samaniyah), orang-orang Seljuq mengambil kesempatan memperkuatkan diri mereka dengan menyokong Samaniyah. Ini merapatkan hubungan mereka dengan Samaniyah, sebaliknya menjadi musuh kepada Ghaznawiyah yang dulunya memberi perlindungan kepada mereka.

Seperti Bani Buwaih juga, Seljuq mempunyai tiga orang putera, iaitu Mikhail, Arselan dan Musa. Apabila pimpinan Seljuq digantikan oleh Mikhail, beliau cuba berbaik-baik dengan Ghaznawiyah, tetapi tidak berpanjangan kerana dia sendiri terbunuh ketika bertempur dengan Ghaznawiyah. Mikhail meninggalkan empat orang anak, tetapi yang lebih terkemuka hanya Toghrulbek. Di bawah pimpinan Toghrulbeklah mereka dapat mengalahkan kerajaan Ghaznawiyah yang dipimpin oleh Sultan Mas'ud, malah dapat meneruskan penaklukannya hingga ke wilayah Iraq. Ketika itu kerajaan Abbasiah diperintah oleh Bani Buwaih sedangkan Khalifah al-Qasim sebagai simbol sahaja.

Setelah mengalahkan Basasiri, Toghrulbek lalu mengusir Malikul-Rahim, pemerintah Buwaih yang terakhir. Atas jasa-jasanya itu, Khalifah al-Qaim lalu melantiknya sebagai *Sultan* dengan kuasa-kuasa yang amat luas. Seperti Adhadud-daulah juga, Toghrulbek cuba memperdekatkan pertalian keluarganya dengan khalifah, iaitu dengan berkahwin dengan saudara perempuan al-Qaim yang usianya sudah 90 tahun. Dan tidak seperti kerajaan

Mamluk dan Bani Buwaih yang bersikap kejam terhadap khalifah-khalifah Abbasiah, sebaliknya terdapat hubungan mesra di antara kerajaan Seljuq dengan Bani Abbasiah yang sama-sama bermazhab Sunnah.

Dengan meninggalnya Toghrulbek pada 1063 M., naiklah puteranya Alp Arselan (Singa yang menang) menggantikannya. Di samping berjaya mencapai keharuman dalam kegiatan-kegiatannya dalam negeri, beliau juga terkenal kerana ketegasannya dalam menentang musuh. Antara musuhnya yang paling utama ialah kerajaan Byzantine yang ketika itu diperintah oleh Maharaja Rumanos IV. Pada 1071 M. tercetuslah pertempuran antara Alp Arselan dengan Maharaja Rumanos. Sungguhpun Arselan beroleh kemenangan, namun dibebaskannya Rumanos. Malangnya dia dibunuh pula oleh pemerintah baru Byzantine, Mikhail VII (1071 — 78 M.) kerana dituduh mencuaikan kepentingan negara. Bagaimanapun, regim Mikhail ini diganti oleh Alexius Comnenus I (1081 — 1118 M.), seorang Maharaja yang bertanggungjawab merancang Peperangan Salib dengan kerjasama Pope Gregory VII serta penggantinya Pope Urbanus II. Nyatalah bahawa penggerak asas Perang Salib ialah kekalahan Byzantine di tangan Bani Seljuq, bukan lebih kerana agama.

Alp Arselan kemudiannya digantikan oleh anaknya, Malik Shah (1072 — 1092 M.). Seperti ayahnya juga, beliau merupakan pahlawan gagah perkasa di samping gigih memajukan ilmu pengetahuan. Apa lagi di sisinya terdapat bekas Wazir Besar ayahnya yang sangat bijaksana, iaitu Nizamul-Mulk. Atas inisiatif wazir inilah terdirinya sekolah-sekolah Nizamiyah di Nisabur, Baghdad, Balk, Harat, Isfahan, Basrah, Merw, Amul dan Mausil. Nizamul-Mulk inilah yang dianggap sebagai orang yang pertama mendirikan sekolah, atau setidak-tidaknya mempelopori sistem persekolahan dengan menentukan tunjangan kepada pengajar-pengajar serta pelajar-pelajarnya juga. Di antara profesor di Universiti Nizamiyah ini, yang paling terkenal ialah Imam al-Ghazali.

Sebagai seorang yang berkuasa penuh, Malik Shah pernah mengusir Khalifah al-Mustarshid di samping merebut 'Bordah Nabi', iaitu semacam kain pengikat leher semasa musim dingin yang dihadiahkan Nabi kepada Kaab bin Zuhair, seorang penyair Arab yang masyhur, kerana syairnya yang memuji Rasulullah begitu mengharukan. Bordah ini dibeli oleh Muawiyah dari Kaab dengan 10,000 dinar dan dijadikan alat kebesaran khalifah di upacara-upacara rasmi.

Dengan kematian Malik Shah, kekuasaan Seljuq mulai lemah. Pengganti-penggantinya sering bercakaran sesama sendiri, hingga menyebabkan kekuasaan Seljuq terpecah kepada lima kumpulan:

satu di Karmah, di Iraq, di Kurdestan, di Sham dan di Asia Kecil (Byzantine). Dan akhirnya, kuasa-kuasa Seljuq ini dapat digulingkan oleh pemerintah Otobek di Khawarizmi pada 1157 M. atas permintaan khalifah. Ini berlaku dengan kematian Mas'ud, ketua Seljuq yang mana tidak ada penggantikan yang kuat. Tetapi meskipun kekuasaan Bani Seljuq sudah hampir tamat, namun perselisihan dengan khalifah tidak juga tamat. Seorang sultan dari kerajaan Otobek yang bernama Alauddin Takasy kemudiannya dapat meluaskan kuasanya hingga dapat mengalahkan kerajaan Seljuq di Iraq. Sungguhpun Khalifah al-Nasir merebut kembali kawasan Rayy, tetapi Alauddin dapat merampasnya semula.

Permusuhan seperti ini terus berlanjutan hinggalah ke zaman Khalifah al-Muktasim (1243 — 1258 M.). Di zaman ini berlaku perbalahan antara khalifah yang bermazhab Sunnah dengan wazirnya Ibni al-Alqi al-Rafidhi yang bermazhab Syiah. Atas jemputannyalah tentera-tentera Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan menyerbu kota Baghdad pada 1258 M., hingga hancurlah kota itu dalam masa 10 hari saja. Setelah membunuh Khalifah al-Muktaksim dan wazirnya yang khianat itu maka dengan rasminya tamatlah riwayat kerajaan Abbasiah.

Setelah runtuhnya kota Baghdad, Hulagu Khan meneruskan penghijrahannya ke seluruh tanah Iraq yang lain, kemudiannya ke Sham yang dapat disempurnakan dalam masa setahun saja, setelah tidak kurang dari 14 juta manusia dikorbankannya. Dari Sham dia bercita-cita untuk meneruskannya hingga ke Mesir yang ketika itu diperintah oleh kaum Mamluk dengan rajanya Saifuddin Qataz. Mungkin kerana yang memimpin tentera Mongol bukannya Hulagu, menyebabkan kemaraan mereka dapat disekat di Ain Jalut, yang dengan itu memaksa tentera Mongol mundur kembali ke markas di Azerbaijan.

Munculnya Kerajaan-kerajaan Kecil

Kerajaan-kerajaan Kecil di Zaman Keagungan Abbasiah

a. Kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol (756 — 1002 M.)

Kerajaan ini didirikan oleh Abdul Rahman bin Muawiyah di zaman Abu Jaafar al-Mansur. Beberapa hal tentang kerajaan ini akan kita bicarakan nanti dalam bab yang khusus tentangnya.

b. Kerajaan Idrisyah (788 — 947 M.)

Didirikan oleh Idris bin Abdullah, kerajaan Syiah pertama yang ditubuhkan pada masa al-Hadi. Setelah meneguhkan kedudukan-

nya di Maghribi, beliau menguasai negeri Talsaman dan mendirikan ibu kotanya di Fez. Saingannya yang utama ialah kerajaan Fatimiyah di Afrika dan kerajaan Umayyah di Andalusia. Kerana kewangan negara kukuh, kerajaan Idrisiyah dapat mengekalkan kekuasaannya hingga lebih kurang 263 tahun.

c. Kerajaan Aghlabiah (800 — 909 M.)

Nama Aghlab berasal dari al-Aghlab bin Salim, salah seorang teman Abu Muslim al-Khurasani yang besar jasanya dalam mendirikan kerajaan Abbasiah dulu. Abu Jaafar al-Mansur melantik al-Aghlab sebagai gabenor Afrika, lalu bertolaklah dia ke Qairawan pada 864 M. Kemudiannya, jawatan itu digantikan oleh anaknya Ibrahim yang dilantik oleh al-Rashid. Tetapi sejak pemerintahannya, penduduk Afrika yang begitu menyayanginya mencadangkan agar Ibrahim menuntut kuasa autonomi dari Khalifah al-Rashid. Al-Rashid bersetuju memberi kuasa autonomi setelah Ibrahim sanggup membayar 140,000 dinar, lalu bermulalah kerajaan Aghlabiah pada 800 M., dengan Ibrahim sendiri sebagai Amirnya yang pertama yang berpusat di Tunisia. Keturunan Ibrahim inilah yang terus-menerus mewarisi kerajaan Aghlabiyah sehingga lebih sekurun, apabila ia kemudiannya digantikan oleh kerajaan Fatimiyah pada tahun 909 M.

d. Kerajaan Tahiriyah (820 — 874 M.)

Kerajaan ini diasaskan oleh Tahir bin Hussain, panglima al-Makmun. Kerana besar jasanya dalam membantu al-Makmun menewaskan saudaranya al-Amin, dia diberi kemerdekaan penuh untuk memerintah di Khurasan. Namun, hubungannya dengan Baghdad, terus wujud melalui pengiriman ufti (*kharaj*) setiap tahun ke Baghdad. Kerajaan ini berdiri selama 54 tahun, dan jatuh pada 874 M., setelah ditewaskan oleh kerajaan Saffariyah.

Kerajaan-kerajaan Kecil di Zaman Kemunduran Abbasiah

Akibat langsung dari kelemahan kerajaan pusat di Baghdad terhadap penguasaan orang-orang Turki, Bani Buwaih dan Bani Seljuq tersebut, tumbuhlah di sana sini kerajaan-kerajaan wilayah yang mengisytiharkan kemerdekaannya dari kekuasaan Baghdad.

a. Kerajaan Saffariyah (867 — 912 M.)

Kerajaan ini diasaskan oleh Yaakob bin al-Lais As-Saffar. Setelah itu digantikan oleh saudaranya Amr yang dapat pula meluaskan

kuasanya hingga sebahagian Iran tertakluk di bawahnya, termasuk Karman, Sijistan dan Khurasan. Jadi ia bukan saja dapat merebut beberapa daerah milik Bani Tahiriyah, bahkan juga milik Samaniyah. Mungkin untuk mengurangi pengaruh kerajaan Zaidiyah dan Samaniyah, maka Khalifah al-Muktamad mengakui kekuasaannya, bahkan kerajaan Saffariyah juga menyatakan kesetiaannya kepada khalifah Baghdad itu.

b. Kerajaan Samaniyah (874 — 1044 M.)

Kerajaan ini berasal dari keturunan Baheram Jur, salah seorang bangsawan dan sahabat karib Kisra Hormuz, raja Farsi. Dari keturunannyalah muncul Asad bin Saman. Al-Makmun lalu memerintahkan panglima Tahir bin Hussain agar memberi pangkat Khurasan. Di antara anak-anaknya itu, Ahmad bin Asad yang menjadi gabenor di Khurasan itulah yang lebih dihormati. Sepeninggalan Ahmad puteranya, Nasr, mengganti tempatnya sebagai gabenor Samarqand, sedangkan Ismail menjadi wakilnya memerintah di Bukhara. Akibat fitnah, timbullah perselisihan antara kedua-duanya. Meskipun Ismail dapat mengalahkan abangnya, Nasr, namun akhirnya diserahkan kembali takhta Nasr di Samarqand, sedang dia sendiri kembali ke Bukhara.

Berbanding dengan kerajaan-kerajaan kecil lain, kerajaan Samaniyah nampaknya sangat menonjolkan kegiatan keilmuan. Di zaman inilah hidupnya Ibnu Sina, ahli falsafah besar yang pernah menjawat sebagai wazir pada kerajaan ini. Ketika menceritakan tentang Perpustakaan Samaniyah di Bukhara di masa Nuh bin Mansur (387 H.), Ibnu Sina mengatakan: "Saya memasuki sebuah gedung yang di dalamnya banyak kamar-kamar. Pada tiap-tiap kamar itu ada kopor bersusun-susun berisi buku-buku. Ada kamar untuk buku-buku yang berhubung dengan bahasa Arab dan syair, ada kamar untuk buku-buku fiqh, demikianlah tiap-tiap ilmu mempunyai kamar (*section*) sendiri."

Begitu banyaknya jumlah buku-buku di perpustakaan tersebut, sehingga Ibnu Sina mengatakan bahawa dia sendiri belum pernah melihatnya sebelum itu, juga tidak pernah menjumpainya sesudah itu. Kecenderungan terhadap buku-buku rupanya merata pula di kalangan rakyat. Misalnya, apabila Nuh bin Mansur menawarkan jawatan menteri kepada Salib bin Abbad, beliau menolaknya dengan alasan, bahawa dia tidak dapat bercerai dengan buku-bukunya. Dia tidak dapat pergi tanpa buku-bukunya, dan tidak mungkin pula buku-buku itu akan dibawanya, kerana ianya memerlukan 400 ekor unta untuk mengangkutnya. Oleh kerana itu dia lebih suka berada di samping buku-bukunya daripada menjawat jawatan yang tinggi itu!

c. Kerajaan Ghaznawiyah (962 — 1186 M.)

Kerajaan ini diasaskan oleh Alptigin, seorang hamba bangsa Turki yang menjadi wakil pemerintah kerajaan Samaniyah di Bukhara pada 961 M. Kerana satu perselisihan dengan Sultan Mansur, pemerintah Samaniyah ketika itu, jawatannya dilucutkan. Lalu bersama-sama pengikut-pengikutnya beliau mengisytiharkan Khurasan bebas dari kongkongan kerajaan Samaniyah. Kemudian beliau menyerang Ghaznah pada 962 M., dan beberapa wilayah di Farsi, lalu membentuk kerajaan Ghaznawiyah.

Bagaimanapun, hubungan dengan kerajaan Samaniyah baik semula di zaman Sabuktigin, anak saudaranya (menurut Hamka, dia adalah hamba Ishak bin Alptigin). Ketika terjadi kekacauan di Khurasan, kerajaan Samaniyah memberi kuasa penuh kepadanya untuk menghapuskan pemberontakan dan mengembalikan keamanan. Atas jasa-jasanya itu kerajaan Samaniyah mengakui kekuasaannya sebagai sebuah wilayah yang tersendiri. Dengan kematian Sabuktigin pada 998 M., pimpinan kerajaan Ghaznawiyah terjatuh ke tangan anaknya Mahmud. Dan di zaman Mahmudlah kerajaan Ghaznawiyah mencapai puncak kegemilangannya. Hal ini akan kita bicarakan nanti dalam bab **'Islam di India'**.

d. Kerajaan Touloniyah (868 — 905 M.)

Kerajaan ini berasal dari keturunan Toulon, bekas tawanan perang bangsa Turki yang dihantar kepada al-Makmun oleh Sultan Samaniyah yang ketika itu berkuasa di Bukhara. Oleh al-Makmun, Toulon kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengawal Istana, sedang anaknya Ahmad menjadi Pembantu Pengawal. Kerana sifat kepahlawanannya itu, beliau dijadikan menantu kepada Burgug, seorang pembesar Turki. Melalui bapa mentuanya inilah dia mendapat kedudukan tinggi, hingga dilantik sebagai gabenor Mesir oleh Khalifah al-Mutawakkal.

Sejak di Mesir, dibelinya hamba-hamba bangsa Dailam dan Zanki di samping orang Arab sendiri untuk berkhidmat dengannya. Setelah kedudukannya teguh, diisytiharkannyalah kemerdekaan dari kekuasaan Baghdad. Segala hasil-hasil negeri tidak lagi dikirimkan ke Baghdad, dan khutbah Jumaat pun diganti dengan puji-pujian kepada Ahmad bin Toulon sendiri. Kerana murka, Khalifah al-Muktadhid cuba mengirimkan tenteranya ke Mesir, tetapi gagal merebutnya. Bagaimanapun, kerajaan Touloniyah tidak dapat bertahan lama apabila diganti oleh amir-amir yang lemah, yang dengan itu jatuhlah kembali ke tangan Bani Abbasiah. Ini berikutan dengan tertewasnya Amir Harun bin

Khamrawaihi bin Ahmad bin Toulon dan bapa saudaranya Shaiban bin Toulon di tangan Muhammad bin Sulaiman, panglima al-Muktadhid.

e. Kerajaan Ikhshidiyah (935 — 969 M.)

Kejatuhan kerajaan Touloniyah pada 905 M., menyebabkan wilayah Mesir dikuasai oleh kerajaan Abbasiah untuk beberapa waktu. Tetapi kerana kelemahan kerajaan pusat, akhirnya gabenornya di Mesir, Muhammad bin Thugj al-Ikhsyidi mengistiharkan kemerdekaannya. Keturunan al-Ikhshidiyah tidak lama memerintah kerana timbulnya perselisihan sesama sendiri dan dipengaruhi kemewahan hidup.

f. Kerajaan Hamdaniyah (944 — 1033 M.)

Kerajaan ini berasal dari keturunan Hamdan bin Hamdun dari puak Taghlib. Dengan dipimpin oleh *Saiful-daulah*, ditawan Aleppo dan Hems dari tangan Ikhshidiyah lalu diasaskan kerajaan Hamdaniyah di Syria Utara. Di zamannya hidup al-Faraby, al-Isfahani dan Mutanabbi.

g. Kerajaan Fatimiyah (909 — 1171 M.)

Mengenai asal usulnya, ahli-ahli sejarah tidak sependapat tentang siapa pengasasnya yang sebenar, dan sejauh mana pula benarnya hubungan kerajaan ini dengan keturunan Fatimah, puteri Rasulullah s.a.w. Apa yang jelas ialah bahawa ia adalah sebuah kerajaan Syiah Ismailiyah, yang cara kelahirannya dihubungkan dengan gerakan-gerakan propaganda oleh Abu Abdullah bin Hussin al-Shi'i di Maghribi dan beberapa orang propagandis lainnya seperti Abdullah bin Maimun, al-Halawani dan Abu Sufyan. Mulanya dikatakan Abu Abdullah menyiarkan dakyahnya di Yaman, kemudian ke Afrika Utara yang ketika itu dikuasai oleh kerajaan Aghlabiyah. Dengan pertolongan orang-orang Barbar, kerajaan Aghlabiyah dapat dikalahkan pada 909 M., dan dilantiklah Abu Ubaidullah al-Mahdi sebagai khalifah Fatimiyah yang pertama. Menurut Hamka, al-Mahdi ialah putera al-Shi'i tersebut. Kerajaan yang berpusat di Qairawan ini diperintah oleh empat orang khalifah, hinggalah berlakunya pemindahan pusat ke Mesir di zaman khalifahnya yang keempat, iaitu al-Muizlidinillah.

Dengan bantuan pahlawan gagah perkasa iaitu Jauhar al-Siqli (dari Sicily) dan Jaafar bin Falah, al-Muiz dapat merampas wilayah Mesir yang ketika itu di bawah kerajaan Ikhshidiyah. Sebagai lambang kemenangannya, didirikanlah kota baru yang

bernama 'al-Qahirah' (gagah perkasa), dan 'Jami' al-Azhar' (yang gemilang), sempena nama puteri Rasulullah, Fatimah al-Zahra' untuk menyiarkan faham Syiah. Pada tahun 973 M., al-Muiz datang ke Mesir dan menjadikan kota Qahirah sebagai pusat baru kerajaan Fatimiyah. Kerajaan Fatimiyah di Mesir tamat pada tahun 1171 M., apabila Salahuddin al-Ayyubi merampas kuasa daripada al-Azid, rajanya yang terakhir.

h. Kerajaan Ayyubiyah (1169 — 1250)

Kerajaan ini diasaskan oleh Salahuddin al-Ayyubi yang mulanya menjadi menteri kerajaan Fatimiyah menggantikan tempat bapa saudaranya Asaduddin Syirkuh yang dikirim oleh Nuruddin Zanki Mesir. Jasa Salahuddin sesungguhnya sangat besar terhadap umat Islam, terutama dalam menghadapi gerakan Salibiyyah.

i. Kerajaan Mamluk (1250 — 1517)

Dengan kejatuhan dinasti Ayyubiyah, ia diganti pula oleh kerajaan Mamluk yang berasal dari keturunan hamba. Pada zaman inilah hidupnya Taqiyuddin Ibnu Taimiyyah (1263-1328), pelopor gerakan Salafiyyah yang berjuang dengan gigih bersama muridnya Ibnu al-Qaiyyim untuk mengembalikan umat Islam kepada landasan yang sebenar menurut ajaran al-Quran dan Sunnah.

j. Kerajaan Mongol Il-Khan (1256 — 1353)

Pada tahun 1258, kerajaan Abbasiah yang hanya tinggal nama sahaja itu jatuh ke tangan kaum Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan. Kedatangannya itu adalah atas undangan seorang wazir khalifah al-Muktasim yang bermazhab Syiah, Muhammad ibn Ahmad al-Alqami. Selepas menjarah Baghdad, Hulgu Khan menguasai negeri-negeri Iraq dan Iran (Farsi), dan seterusnya mengasaskan kerajaan "Il-Khan". Pada tahun 1282, dan lebih-lebih lagi pada tahun 1295, kerajaan Il-Khan memulai zaman baru apabila rajanya memeluk Islam dan memutuskan hubungannya dengan kerajaan Mongol di China.

k. Kerajaan Usmaniah (1281 — 1924)

Kerajaan ini diasaskan oleh Usman bin Ertoghril. Kerajaan ini bukan sahaja cuba meneruskan warisan intelektual Islam, bahkan menjadi tenaga besar dalam menghadapi gerakan Salibiyyah kemudiannya.

BAB 25: PERKEMBANGAN ILMU *NAQLIYYAH*

SESUNGGUHNYA di zaman Bani Abbasiah ilmu *naqliyyah* telah mencapai kemuncaknya, hasil dari asas-asas yang telah terbina di zaman Bani Umayyah dulu. Bagaimanapun seperti sebelumnya, perkembangan ilmu *naqliyyah* pada zaman ini adalah semata-mata atas kegigihan para ulama sendiri, sedangkan pihak pemerintah tidak menyokong malah menentang kegiatan keagamaan.

Ilmu Tafsir

Sebenarnya di zaman Rasulullah, baginda sajalah yang berhak mentafsir dan menjelaskan kandungan al-Quran. Tidak ada orang lain yang berani mentafsirnya selagi baginda masih ada. Tetapi dengan kewafatannya, tugas ini dipikul oleh sahabat-sahabatnya yang alim seperti Khulafa al-Rasyidin yang empat, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Mas'ud, Ubayy bin Kaab, Zaid bin Thabit, Abu Musa al-Shaari dan Abdullah bin Zubair. Di antara empat orang Khulafa al-Rasyidin itu, paling banyak tafsir diriwayatkan daripada Ali. Dan di antara 10 orang pentafsir tersebut, hanya ibnu Abbaslah yang dianggap ahli tafsir sejati. Selain dari pernah digelar oleh Nabi sebagai 'Pentafsir al-Quran', Ibnu Abbas sendiri pernah didoakan oleh baginda: "Wahai Tuhan kami, ajarlah beliau mengenai ilmu agama dan takwilan al-Quran."

Selain dari mereka, terdapat juga nama-nama seperti Abu Hurairah, Anas bin Malik, Abdullah bin Umar, Jabir bin Abdullah dan Siti Aishah r.a. Bagaimanapun, tafsiran yang diriwayatkan dari mereka amat sedikit berbanding dengan 10 orang sahabat tadi.

Selepas zaman sahabat, lahir pula ahli-ahli tafsir dari golongan *Tabi'in* (pengikut sahabat) yang terdapat di berbagai tempat di masa itu, seperti di Makkah, Madinah dan Kufah. Menurut Ibnu Taimiyah, golongan yang terhandal dalam Ilmu Tafsir ialah penduduk Makkah kerana mereka terdiri dari para sahabat kepada Ibnu Abbas, seperti Mujahid, Ita'z bin Abi Rayyah, Akramah Maulah Ibnu Abbas, Said bin Jubir Tawus dan sebagainya. Begitu juga penduduk Madinah seperti Zaid bin Aslam yang mana anaknya Abdul Rahman bin Zaid dan Malik bin Anas mengambil tafsir daripadanya.

Setelah berlalunya zaman sahabat dan *Tabi'in*, para ulama mulai mengarang tafsir secara menyebut suatu ayat kemudian menyalin tafsirnya, yang diriwayatkan dari para sahabat dan

Tabi'in, seperti tafsir Sufyan bin Uyainah, Waqi'al-Jarrah, Abdul Razzaq dan lain-lain yang mendasarkan tafsir mereka dari tafsir Ibnu Abbas. Tafsir-tafsir ini tidak sampai kepada kita, cuma dari tafsiran-tafsiran mereka seperti yang diusahakan oleh Ibnu Jarir al-Tabary yang mana hampir keseluruhan ahli tafsir yang selepasnya bergantung kepadanya.

Selepas itu, para ulama berpecah dalam mewarnakan tafsiran masing-masing kepada berbagai corak yang berbeza, yang dapat dibahagikan kepada dua jenis:

1. *Tafsir bil-ma'thur* iaitu mentafsir al-Quran dengan bersandar kepada hadis-hadis, *Tabi'in* dan *Tabi'it-tabi'in.* Dalam jenis ini, *tafsir Jamiul-Bayan* oleh al-Tabary dianggap yang teragung di mana ianya memuatkan segala kata-kata sahabat dan *Tabi'in* beserta dengan *sanad-sanad*nya sekali. Dan, yang terdekat dengan tafsir al-Tabary ialah *tafsir Ibnu-Kathir.*
2. *Tafsir bir-ra'yu,* ialah pentafsiran al-Quran dengan menggunakan akal fikiran. Ada dua jenis tafsiran ini. Pertama, Tafsir bir-ra'yi al-Mamduh al-Maqbul yang masih dapat diterima kerana menurut kaedah-kaedahnya yang betul. Dan kedua, Tafsir bir-ra'yi al-Mazmum al-Mardud yang tertolak kerana unsur rasionalismenya yang ekstrim dan menurut hawa nafsu. Di antaranya ialah tafsir-tafsir dari golongan Muktazilah, Syiah Batiniyyah, dan golongan Sufi mistik seperti Ibnu Arabi.

Dengan berlakunya perkembangan pengetahuan di dunia Islam, maka ianya juga turut mempengaruhi ilmu tafsir juga. Dengan itu tafsiran al-Quran telah ditinjau dari beberapa sudut:

1. Tafsiran yang menekankan aspek gaya bahasa dan keindahan bahasa, seperti *tafsir al-Kasyaf* oleh al-Zamakhsari dan tafsir al-Baidhawi.
2. Tafsiran yang menekankan aspek tatabahasa, dengan menggunakan syair-syair Arab untuk mengukuhkan pendapat mereka, seperti *tafsir Maanil-Quran* oleh al-Zajjad, *tafsir al-Basiith* oleh al-Wahadi, *tafsir al-Bahrul Muhith* oleh Abu Hassan Muhammad bin Yusuf al-Andalusi.
3. Tafsir yang menitikberatkan kisah dan cerita-cerita lama, termasuk yang berasal dari Yahudi dan Nasrani malah dari kaum Zindiq juga. Misalnya tafsir al-Tha'labi dan tafsir Alauddin bin Muhammad al-Baghdadi.
4. Tafsiran yang meninjau dari segi hukum-hukum fiqh. Pelopornya ialah imam al-Shafii dengan kitabnya Ahkam al-Quran. Sesudahnya lahir tokoh-tokoh lain dengan kitab

mereka yang kebanyakannya memakai judul Ahkam al-Quran juga.
5. Tafsir yang menekankan sifat-sifat Allah, seperti tafsir *Mafa'tihul Ghaib* oleh al-Razy.
6. Tafsir yang menitikberatkan isyarat-isyarat al-Quran yang berhubungan dengan ilmu tasawuf, seperti tafsir Abu Muhammad Sahl bin Abdullah At-Tastury.
7. Tafsir yang memperkatakan lafaz al-Quran yang *gharib* (yang jarang terpakai dalam perkataan sehari-hari), seperti kitab **Mu'jam Gharibul-Quran** oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi.

Ilmu Hadis

Seperti juga ilmu tafsir, ilmu hadis telah mengalami perkembangan yang pesat yang mana dapat dibahagikan kepada beberapa periode tertentu, iaitu:

1. Period pra-pembukuan (Qabl-al-Tadwin) pada abad pertama Hijrah. Dalam periode ini, Rasulullah tidak membenarkan hadis-hadis ditulis, kecuali ayat-ayat al-Quran sahaja. Ini demi menghindarkan kemungkinan penulis-penulis mencampuradukkan hadis-hadis dalam lembaran tulisan al-Quran. Bagaimanapun, terdapat juga naskhah-naskhah hadis yang bersifat peribadi dan dokumen-dokumen yang ditulis atas arahan Nabi sendiri. Hal ini telah dibincangkan sebelumnya.
2. Periode pembukuan (Tadwin) hadis secara rasmi pada abad ke-2 H, iaitu atas inisiatif Umar Abdul Aziz. Hal ini telah kita bicarakan sebelumnya. Periode pembukuan ini terus berlangsung hingga zaman Bani Abbasiah apabila para khalifah turut menggalakkannya. Dengan itu muncullah Imam Malik sebagai pen*dewan* hadis di Madinah, Rabi'bin Sahih dan Hammad bin Salamah di Basrah, Ibnu Juraij di Makkah, Sufyan al-Thauri di Kufah, al-Auza'i di Sham dan lain-lain. Imam Malik misalnya, menyusun **al-Muwatta**nya atas anjuran Khalifah al-Mansur. Dalam periode ini juga Imam Shafie menyusun kitab-kitab hadisnya, seperti **Musnad al-Shafie** dan **Mukhtaliful-Hadis.**
3. Periode penyaringan hadis-hadis dari fatwa-fatwa pada abad ke-3 H. Dalam periode inilah berkembangnya Ilmu Mustalah Hadis, satu ilmu untuk menyaring hadis-hadis sahih dengan yang palsu, antaranya dengan memeriksa peribadi perawi-perawinya sejak yang mula-mula meriwayatkannya hinggalah kepada yang terakhir. Sebagai perintisnya, terkenallah kitab-kitab *Musnad* seperti oleh Musa al-Abbasi, Musaddad al-Basry, Asad bin Musa, Nuaim bin Hammad al-Khazaiy dan

khasnya Ahmad bin Hanbal. Bagaimanapun, oleh kerana kitab-kitab *Musnad* mengandungi kelemahannya kerana terdapat hadis-hadis *hasan* dan *daif*, muncullah kitab-kitab *Sunad* yang mencakup seluruh hadis-hadis, kecuali yang sangat daif dan mungkar, seperti **Sunan Abu Dawud, Sunan al-Turmuzy, Sunan Nasai** dan **Sunan Ibnu Majah.** Tetapi yang paling terkenal kerana hadis-hadis sahihnya ialah Muhammad bin Ismail Bukhari dan Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushairi.

4. Periode menghafaz atau meng*isnad* hadis-hadis sebelumnya pada abad ke-4 H. Jika dalam periode-periode sebelumnya, ulama-ulama berusaha sendiri menemui para sahabat dan *Tabi'in* dan kemudiannya meneliti sendiri dan menyusunnya, maka dalam periode ini ulama-ulama hanya sekadar menukil dari kitab-kitab hadis yang telah disusun tersebut. Antara kitab-kitab nukilan tersebut ialah **Mu'jamul-Kabir, Mu'jamul-Ausat** dan **Mu'jamus-Saghir** oleh Imam at-Tabrani, **Sunan ad-Daraqutni** dan **Sahib Ibnu Khuzaimah.**
5. Periode mengklasifasi dan mensistematiskan suasana kitab-kitab hadis mulai abad ke-5 dan seterusnya. Dalam periode ini, usaha-usaha yang dilakukan hanyalah untuk membahagikan hadis dengan menghimpunnya dengan yang sejenis sifat-sifat isinya dalam sebuah kitab hadis. Mereka juga telah mensyarahkan dan meringkaskan kitab-kitab hadis yang telah disusun sebelumnya. Antaranya terdapatlah **Sunanul-Kubra** oleh al-Baihaqy, **Muntaqal-Akhbar** oleh al-Harrany, **Nailul-Autar** oleh al-Syaukany (syarah kitab **Riyadhus-Salihin** oleh al-Nawawy).

Ilmu Kalam

Seperti yang disebutkan dulu, pertikaian-pertikaian politik di zaman Umayyah telah mempercepat tumbuhnya ilmu kalam. Dan yang benar-benar mempengaruhi pertumbuhannya ialah persoalan-persoalan tentang dosa besar yang dibangkitkan oleh kaum Khawarij, hingga melahirkan aliran-aliran Murji'ah, Muktazilah, Qadariah dan Jabariah.

Di zaman Abbasiah, kedudukan kaum Khawarij semakin terhimpit. Berkali-kali mereka memberontak, seperti di zaman Abul-Abbas al-Saffah oleh al-Julandi, di zaman al-Mansur oleh Mulabbad bin Harmalah al-Shaibani, Abu Hatim dan lain-lain, dan di zaman al-Rashid oleh Sahsah dan al-Walid bin Tarif. Bagaimanapun, kesemuanya gagal belaka, hingga akibatnya mereka menjadi lemah.

Seperti golongan Khawarij juga, golongan Syiah terus-

menerus menggugat keutuhan Bani Abbasiah. Setiap kali muncul khalifah Abbasiah, setiap itu pula seorang dari golongan Alawiyin menyeru orang ramai untuk menyokongnya. Kemudian kedua-dua pihak akan berperang dan kesudahannya orang-orang Alawiyin sentiasa tewas. Penjara-penjara Khalifah al-Mansur dan al-Rashid hanya dipenuhi dengan golongan Syiah dan penyokong-penyokongnya sahaja.

Tentang golongan Murji'ah, seperti di zaman Umayyah juga, sikap mereka terhadap kerajaan Abbasiah agak sederhana dan penuh perdamaian, hingga al-Makmun dilaporkan sebagai berkata: "Aliran Murji'ah adalah agama raja-raja." Maksudnya, orang-orang Murji'ah disukai oleh khalifah-khalifah Abbasiah kerana jarang menimbulkan ketegangan. Mengenai aliran Qadariah dan Jabariah pula, sebenarnya sejak di zaman Umayyah lagi kedudukan mereka sudah tergugat.

Bagaimanapun, satu-satunya aliran yang telah mencapai kemuncaknya di zaman Bani Abbasiah ialah faham Muktazilah. Ini kerana dua sebab:

1. Jasa pemuka-pemuka mereka dalam membela dengan gigih agama Islam dari serangan Yahudi, Nasrani dan Wasani. Dari pergeseran itulah yang menjadi sebab kepada perkembangannya, oleh sebab kaum Muktazilah telah mempersenjatai diri mereka dengan senjata yang sama dipakai oleh pihak musuh, iaitu senjata falsafah Yunani.
2. Peranan al-Makmun dan lain-lainnya yang telah menjadikan aliran Muktazilah sebagai mazhab negara.

Jika kaum Khawarij dianggap sebagai mempelopori kebangkitan ilmu kalam, maka yang bertanggungjawab membawanya hingga ke zaman puncaknya ialah kaum Muktazilah. Merekalah yang telah mencipta dan menggubal asas-asas ilmu kalam, ilmu bahas dan lain-lain. Jadi yang dikatakan ilmu kalam itu adalah hasil campuran ajaran al-Quran dan falsafah Yunani, tetapi bentuk keislamannya lebih nyata di dalamnya berbanding dengan falsafah Yunani. Tanpa kedua-duanya, tidaklah akan ada ilmu kalam. Dan tanpa kaum Muktazilah, tidaklah akan ada falsafah Yunani dalam Islam. Terutama al-Makmun, di samping seorang khalifah adalah juga seorang pemuka Muktazilah yang dalam ilmunya. Selain al-Makmun, terdapatlah nama-nama seperti Wasil bin Ata' sendiri yang dianggap sebagai '*Syeikhul-Muktazilah waqadimuha*' (pemimpin Muktazilah yang tertua), Amru bin Ubaid, Abul-Huzail al-Allaf, al-Nazzam dan al-Jubaii.

Dari segi ajarannya, terdapat lima pegangan asasnya yang disebut '*al-Usul al-Khamsah*', iaitu:

1. *Al-Tauhid* (keesaan Tuhan).
2. *Al-'Adl* (keadilan Tuhan).
3. *Al-Wa'd wal-Wa'id* (janji dan ancaman).
4. *Al-Manzilah bainal-Manzilatain* (kedudukan tengah di antara mukmin dengan kafir).
5. *Al-'Amr Ma'ruf wal-Nahi'anil-Mungkar* (menyuruh kebaikan dan melarang membuat kejahatan).

Seperti ditegaskan tadi, kaum Muktazilah telah berpegang dengan falsafah Yunani dalam menghadapi musuh-musuh mereka. Dengan itu mereka lalu digelar kaum *rasionalist*, oleh sebab lebih mementingkan akal dalam membahas atau menegakkan hujah-hujah mereka. Sebenarnya merekalah pelopor aliran *modernist* lantaran terlalu berkiblat kepada sumber Barat daripada sumber asasi Islam, iaitu al-Quran dan sunnah. Dan teratas dari semuanya itu, mereka adalah kaum *extremist* lantaran polisi kekerasan yang dijalankan oleh pemuka-pemuka mereka, terutamanya al-Makmun, dalam menegakkan fahaman mereka.

Akibat dari sikap yang keterlaluan dalam pelbagai bentuk itulah timbul reaksi yang hebat di kalangan pemangku sunnah, baik dari tokoh-tokoh fiqh mahupun ilmu kalam sendiri. Dari barisan *fuqaha*, yang terkenal sekali ialah Imam Ahmad bin Hanbal yang dengan keberaniannya sanggup mencabar kewibawaan al-Makmun, hingga dia menderita kerana itu. Dan dari barisan ulama Kalam, timbullah protes dari tokoh-tokoh Muktazilah sendiri, seperti Abu Isa al-Warraq, Abul-Hussain Ahmad al-Rawandi dan khasnya Abul-Hassan al-Ashaari yang sebelumnya menjadi pengikut Muktazilah selama 40 tahun. Akibat gugatan-gugatan tersebut dan ditambah pula oleh dasar Khalifah al-Mutawakkil yang memansuhkan fahaman Muktazilah sebagai mazhab negara dan menunjukkan sikap penghargaan terhadap Imam Ahmad bin Hanbal, akhirnya faham Muktazilah mengalami zaman keruntuhannya.

Seiring dengan Abul-Hassan al-Ashaari (873 — 935 M.) ialah Abu Mansur al-Maturudi (944 M.), dua orang tokoh besar yang bertanggungjawab mengasaskan aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah sebagai reaksi terhadap aliran Muktazilah tersebut. Jika aliran Muktazilah kurang berpegang kepada sunnah kerana lebih mementingkan akal, maka aliran Ahli Sunnah sebaliknya lebih berpegang dan mempercayai hadis-hadis sahih tanpa memilih atau membuat interpretasi lagi. Aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah kemudiannya menjadi lebih teguh dan berpengaruh dengan munculnya seorang pengikut al-Ashaari yang terbesar dan terpenting, iaitu Abu Hamid Al-Ghazali (1058 — 1111 M.) atau lebih terkenal dengan nama Imam al-Ghazali.

Ilmu Fiqh

Sungguhpun ilmu-ilmu tafsir dan hadis berkembang dengan pesat, namun ianya tentulah tidak akan mencakupi semua persoalan dan masalah yang timbul kemudian. Maka untuk menetapkan hukum dalam masalah-masalah yang baru itu, para ulama terpaksalah berijtihad dengan mendasarkannya dari al-Quran dan hadis. Dengan demikian, berkembanglah ilmu fiqh di zaman ini. Dalam pada itu, terdapat pula faktor-faktor pembantu yang mempercepatkan perkembangannya, iaitu:

1. Penilaian sumber-sumber hukum.
2. Batas-batas penggunaan akal (*ra'yu*) dan hadis.
3. Pemakaian istilah bahasa.

Mengenai faktor pertama, terdapat perbezaan pendapat dalam men*tarjih*kan (mengutamakan) sesuatu hadis. Misalnya ulama-ulama Iraq seperti Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya mengutamakan hadis-hadis *mutawatir* (dari sekumpulan ramai) dan hadis *masyhur* (yang diterima ramai daripada seorang perawi), sedangkan ulama-ulama Madinah seperti Imam Malik dan sahabat-sahabatnya mengutamakan hadis-hadis yang dipegang oleh orang-orang Madinah saja. Tentang *qias*, sungguhpun jumhur ulama menyetujuinya, tetapi mereka berselisih tentang sebab-sebab yang membolehkannya dilakukan.

Mengenai faktor kedua, terdapat pertentangan di antara ahli-ahli fiqh Hijaz yang lebih mengutamakan *nas* dengan ahli-ahli fiqh Iraq seperti Imam Abu Hanifah yang mengutamakan akal. Sebab timbulnya dua aliran perundangan ini — Ahlul-Hadis dan Ahlur-Ra'yi — ialah kerana di Iraq didapati hadis-hadis kurang tersebar seperti di Hijaz. Lagipun di sana juga banyak timbul fitnah-fitnah dan hadis-hadis palsu sehingga perlu berhati-hati dalam menerimanya. Apa lagi suasana di sana tidaklah sama dengan di Hijaz, sebab Iraq telah sekian lama dipengaruhi oleh peraturan dan adat resam Farsi.

Mengenai pemakaian bahasa, para ulama juga berselisih tentang perintah-perintah dalam al-Quran dan sunnah tersebut juga berkisar sekitar '*taklif*' iaitu antara *amar* dan *nahi* (suruhan dan larangan). Misalnya, setengah-setengah ulama memahaminya sebagai wajib, sedangkan yang lain menganggapnya sebagai sunat sahaja, yakni suatu galakan saja.

Dengan adanya pertentangan-pertentangan seperti ini maka berkembanglah ilmu fiqh dengan pesatnya. Pada zaman inilah lahirnya para *fuqaha* dan imam-imam *mujtahid* yang bukan sahaja menyebarkannya secara lisan, bahkan juga melalui tulisan dengan

cara membukukannya. Antara imam-imam *mujtahid* yang terkemuka ialah Abu Hanifah (150 H.), Malik bin Anas (179 H.), Shafie (204 H.) dan Ahmad bin Hanbal (241 H.). Juga terdapat ulama-ulama mazhab yang lain seperti Daud al-Zahiri, al-Auza'i dan at-Tabary yang mana pengaruh dan usianya tidak panjang.

Imam-imam tersebut masing-masing mempunyai kitabnya sendiri, yang sama ada dibukukan sendiri atau oleh murid-muridnya. Imam Abu Hanifah misalnya, tidak pernah mengarang sebuah kitab tentang fiqh. Kebanyakan fikiran-fikirannya disebarkan melalui catatan murid-muridnya seperti Abu Yusuf dan Muhammad al-Hassan. Antara karya-karya Abu Yusuf ialah **al-Kharaj** dan **Ikhtilaf Abi Hanifah wabni Ali Laila**. Sedang karya-karya Muhammad al-Hassan seperti **al-Mabsut, al-Jamiul-Saghir, al-Sairil-Kabir, al-Sairis-Saghir** dan **al-Ziyadat**. Mengenai Imam Malik, telah disebutkan bahawa dia telah membukukan mazhabnya dalam kitabnya **al-Muwatta'**.

Adapun tentang Imam Shafie, beliaulah yang mula-mula mencipta *Usul-Fiqh* yang ditulisnya dalam kitab yang terkenal **al-Risalah**. Jika Imam Malik dikenali mazhabnya melalui **al-Muwatta'**, maka Imam Shafie juga mempunyai kitabnya **al-Umm** di samping kitab M*usnad*nya. Tentang Imam Ahmad bin Hanbal, kitabnya yang termasyhur ialah **al-Musnad**.

Pada hakikatnya pemuka-pemuka fiqh tersebut bergerak di atas kesedarannya sendiri, meskipun ada juga atas inisiatif para khalifah. Imam Malik misalnya, telah menyusun kitab **al-Muwatta'**nya itu di atas permintaan Khalifah al-Mansur. Khalifah Harun al-Rashid juga pernah meminta Abu Yusuf menyusun suatu panduan tentang penyusunan ekonomi Islam ketika itu. Dengan itu lahirlah kitab **al-Kharaj** yang meliputi soal-soal punca kewangan negara, pentadbirannya dan perkara-perkara yang harus dilakukan oleh perbendaharaan negara Islam.

Bagaimanapun, pendapat yang lebih benar ialah bahawa kemajuan dalam bidang fiqh ini lebih banyak kerana runtuhan jiwa atau semangat sendiri. Ini berdasarkan kedudukan dan kegiatan mereka yang tidak disenangi oleh khalifah-khalifah Abbasiah, sehingga mereka mengalami tekanan dan seksaan. Seperti yang disentuh dulu, Imam Abu Hanifah telah beberapa kali dipenjarakan oleh Marwan bin Muhammad, khalifah terakhir Bani Umayyah. Beliau juga telah didenda 100 rotan oleh Yazid bin Umar, salah seorang pembesar Umayyah. Semuanya itu hanya kerana beliau menolak jawatan kadi yang ditawarkan kepadanya. Penyeksaan ke atasnya terus berlanjutan hingga zaman Abu Jaafar al-Mansur akibat keengganannya menerima jawatan Kadi Besar kerajaan. Sebab itu beliau dipenjarakan dan lehernya dirantai dengan besi yang berat, sedang setiap pagi dia didera dengan

cemeti sampai berdarah muka dan badannya. Kerana beliau tetap tegas menolaknya, akhirnya beliau diberi segelas air racun untuk diminum. Setelah diminumnya, maka menggeleparlah badannya lalu terus meninggal dalam penjara.

Tentang Imam Malik pula, beliau juga pernah dijatuhi hukuman dengan dipukul sampai 70 kali dengan cemeti di zaman al-Mansur. Setelah dipukul dia diikat dengan tali dan dinaikkan ke atas punggung unta dan diarak keliling kota Madinah. Semuanya itu kerana 'kesalahannya' mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan kehendak pemerintah, pada hal beliau adalah Mufti Madinah yang dilantik. Adapun mengenai Imam Shafie, beliau pernah tertangkap bersama tokoh-tokoh Syiah Yaman, lalu dibawa ke Baghdad untuk diadili. Dalam perjalanan yang memakan masa dua bulan itu, kedua belah tangannya telah dibelenggu, sehingga apabila sampai di Baghdad, darah-darah hitam yang melekat pada tangannya mengalir ke tangan tahanan-tahanan lain. Bagaimanapun ketika berdepan dengan Khalifah Harun al-Rashid, beliau dapat membela dirinya sehingga dilepaskan.

Nampaknya, penyeksaan yang dialami oleh Abu Hanifah juga dialami oleh Imam Ahmad bin Hanbal. Ketika al-Makmun cuba menekan faham Muktazilah kepada seluruh rakyat, Imam Hanbali berdiri teguh dengan pendiriannya sendiri. Kerana tidak setuju yang al-Quran itu *makhluk*, beliau didera dan kemudiannya dipenjarakan oleh al-Makmun. Penyeksaan tersebut berlangsung apabila al-Makmum diganti oleh saudaranya al-Muktasim dan oleh al-Wathiq, putera al-Muktasim.

Demikianlah tragedi yang menimpa imam-imam *mujtahid* di zaman Abbasiah; suatu pertanda bahawa kerajaan Abbasiah memangnya anti agama.

Ilmu Tasawuf

Jika sebelumnya yang ada cuma praktik-praktik tasawuf, maka pada zaman Abbasiah ianya telah berkembang hingga wujud sebagai satu ilmu yang khas. Ini bukan sahaja kerana timbulnya pertikaian-pertikaian politik yang terus menerus bahkan kerana melimpahnya kemasukan pengetahuan asing ke Baghdad. Dari agama Kristian datanglah ajaran *zuhud* (meninggalkan dunia), dan dari India, Farsi dan terutamanya Greek, datanglah fahaman pantheisme (Wahdat al-Wujud) atau kesatuan wujud di antara Tuhan dengan alam dan manusia. Meskipun pihak-pihak yang mempertahankan kemurnian ilmu tasawuf sering menolak adanya unsur-unsur asing di dalamnya, sebaliknya mengatakan yang ianya timbul dari watak Islam sendiri, namun kita tidaklah dapat

menolak sama sekali pengaruh luar tersebut terhadap perkembangannya.

Pengaruh doktrin pantheisme dalam tasawuf Islam yang mempunyai berbagai bentuk. Dari segi sejarahnya, tokoh yang dianggap mempeloporinya dalam tasawuf Islam ialah Abu Yazid al-Bistami (874 M.), yang mana mengajarkan doktrin 'Ittihad'. Kemudiannya muncul pula Hussain bin Mansur al-Hallaj (858-922 M.), yang mana mengajarkan doktrin 'Hulul', dan cukup terkenal kerana pengakuannya '*Ana al-Haq!*' (Akulah Tuhan!). Pada umumnya kedua-dua doktrin tersebut adalah berasaskan fahaman pantheisme belaka. Cuma perbezaannya kalau dalam Ittihad diri Abu Yazid hancur lebur dalam diri Tuhan, tetapi Hulul diri al-Hallaj tidak hancur, kerana yang terjadi ialah dua wujud bersatu dalam satu tubuh.

Tasawuf pantheisme kemudiannya mencapai kemuncaknya dengan munculnya Muhyiddin Ibn Arabi (1165-1240 M.) melalui doktrinnya yang terkenal dengan nama '*Wahdat al-Wujud*'. Ajaran ini menganggap, bahawa segala maujud itu hanya satu, bukannya dua. Selepas Ibn Arabi, tasawuf pantheisme berkembang pesat, namun kebanyakannya sekadar mengulangi pemikiran Ibn Arabi belaka.

Seperti juga Ilmu Kalam yang tercemar oleh pengaruh-pengaruh asing, Ilmu Tasawuf juga tidak terkecuali. Berbagai-bagai bentuk penyelewengan timbul di dalamnya, tetapi yang terpenting ialah fahaman *pantheisme* seperti yang dianuti oleh al-Hallaj dan Ibnul-Arabi. Dalam suasana seperti inilah timbulnya Imam al-Ghazali buat membersihkannya, dengan mengemukakan falsafah akhlaknya dan menentang teori-teori percantuman dan resapan. Seperti ditegaskan tadi, al-Ghazali adalah seorang jaguh al-Ashaari di samping seorang sufi, hingga beliau dianggap sebagai tokoh pemimpin kedua-dua aliran itu. Selepas beliau, lahir pula Ibnu Taimiyah (1328 H.) yang dengan hebatnya menentang ajaran-ajaran tasawuf yang menyesatkan, seperti teori-teori Ibnul-Arabi tentang *wahdatul-wujud*, kesatuan peribadatan, percantuman agama-agama dan sebagainya. Malah, dia juga menyerang al-Ghazali kerana karya besarnya **Ihya Ulumiddin** itu dikatakan mengandungi banyak hadis-hadis *daif*, seperti misalnya hadis; *"Yang pertama dijadikan Allah ialah akal"*, yang menurut Ibnu Taimiyah adalah dari pengaruh teori 'Akal Pertama' Aristotle.

BAB 26: PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN ILMU *AQLIYYAH (RATIONAL SCIENCES)*

JIKA sebelumnya ilmu keagamaan tumbuh dan berkembang lebih banyak kerana semangat dan kesedaran ulama-ulama sendiri, sebaliknya dalam bidang ilmu-ilmu sekular kita dapat melihat betapa gigihnya khalifah-khalifah Bani Abbasiah untuk memajukannya. Berbeza daripada ilmu *naqliyyah* yang kebanyakannya bersumberkan tradisi sendiri, hampir keseluruhan ilmu *aqliyyah* adalah berasal dari luar, yakni dari tradisi asing. Sebab itu ada kalanya ilmu *aqliyyah* ini dinamakan juga ilmu *dakhiliyah,* yakni ilmu-ilmu yang disalinkan dari bahasa asing.

Rasionalisasi di Dunia Islam

Proses Asimilasi

Dengan tertakluknya wilayah Farsi dan jajahan-jajahan Rom di bawah kekuasaan Islam, maka pengetahuan asing dibawa masuk ke negeri-negeri Islam secara langsung. Sebenarnya sejak sebelum Islam lagi falsafah Yunani telah berpindah ke Iskandariah dan kemudiannya ke Syria hingga menimbulkan aliran falsafah *Neo Platonisme.* Pengasas aliran ini ialah Ammonius Saccas yang bertanggungjawab mengkompromikan pemikiran Plato dengan Aristotle. Bagaimanapun, para pengkaji lebih senang menghubungkan aliran *Neo Platonisme* ini dengan Plotinus, murid Saccas, dan juga Prophyrius, murid Plotinus.

Nampaknya, aliran *Neo Platonisme* ini segera dipengaruhi oleh dogma-dogma Kristian apabila pemuka-pemukanya seperti Clement dan Origen memindahkannya kembali ke Iskandariah, dan berusaha menyatukannya dengan teori-teori Kristian. Sebelum itu berlaku suatu perbahasan di antara Gereja Ortodoks dengan orang-orang Kristian Katolik sekitar masalah ketuhanan Jesus. Dari kegoncangan ini, timbullah mazhab Nestorian yang berpendapat bahawa Jesus dari segi kehidupannya adalah manusia yang dilahirkan dari Maryam, dan Maryam adalah ibu manusia, bukannya ibu Tuhan. Hubungan antara Allah dengan anaknya adalah rasa kecintaan, dan Isa al-Masih itu bukanlah Tuhan, tetapi seorang yang diberkati dengan pemberian beberapa ayat tanda bukti dari kemuliaan. Jadi kesimpulannya, ia tidak mengatakan ketuhanan al-Masih dan tidak pula anak Tuhan.

Akibatnya, lalu diadakan Sidang Ephesus pada 431 M., yang dihadiri oleh 200 orang Bishop termasuk Bishop Rom, Patriach Iskandariah, Bishop Antioch, Bishop Darussalam, sedangkan Nestor sendiri memboikotnya kerana ia sedar tujuan sidang itu untuk melaknati dan mengusirnya. Sebagai tindak-balas, golongan Nestorian lalu membina Gereja Nestorian di Nasibin dengan mendapat bantuan raja-raja Farsi di situ. Dan, untuk mempertahankan aliran-aliran kepercayaan mereka, golongan ini menggunakan falsafah Greek. Jadi secara tidak langsung mereka turut menyalurkan falsafah Greek di Syria, iaitu dengan menterjemahkan karya-karya Greek ke bahasa Suryani.

Kegiatan penterjemahan tersebut bukan hanya dilakukan oleh golongan Nestorian sahaja, bahkan juga oleh orang-orang Suryani sendiri yang turut bertindak menyiarkan falsafah *Neo Platonisme* tersebut. Selain dari kegiatan-kegiatan di Iskandariah dan Nasibin itu, raja Farsi Anushirwan telah mendirikan sebuah Sekolah Tinggi Majusi di Jundi Shahpur. Penuntut sekolah ini bukan saja mempelajari tamadun Greek dan Suryani saja, malah juga falsafah India serta ilmu pengetahuannya, yang kesemuanya dalam bahasa Farsi.

Setelah orang-orang Islam dapat menguasai daerah-daerah Syria dan Farsi pada abad ke-7 M., ramai di antara orang-orang Suryani memeluk Islam, di samping ada yang masih mengekalkan agama asalnya. Apa yang perlu ditekankan di sini ialah bahawa meskipun mereka sudah dijajah, namun kegiatan mereka masih tetap tidak terusik. Jundi Shahpur sendiri masih tetap berdiri dengan gagahnya. Sebenarnya dengan menakluki Farsi, orang-orang Islam juga dapat berhubung dengan India melalui karya-karya Sanskrit, seperti dalam bidang astronomi dan matematik.

Apa yang nyata ialah bahawa khalifah-khalifah Umayyah enggan mencampuri soal-soal mereka, kecuali jika timbul perselisihan yang memerlukan campur tangan. Ertinya kebudayaan Yunani masih terpisah, belum bercampur dengan kebudayaan Islam, sehinggalah orang-orang Abbasiah menghilangkan rintangan yang menghalangi proses asimilasi. Sejak itulah Baghdad menjadi pusat pertemuan kebudayaan Timur dan Barat, bahkan menjadi pusat kebudayaan internasional.

Kegiatan Terjemahan

Di peringkat pertama, umat Islam mengenali kebudayaan Greek-Romawi melalui proses asimilasi atau percampuran dengan bangsa-bangsa yang dipengaruhi oleh kebudayaan tersebut, atau dengan masuknya bangsa-bangsa asing ke dalam Islam. Selain dari itu, pemikiran Greek juga tersebar hasil dari kegiatan-kegiatan

penterjemahan buku-buku Greek ke bahasa Syriani pada peringkat awalnya, dan ke bahasa Arab kemudiannya. Di zaman Bani Umayyah, orang yang mempelopori kegiatan penterjemahan buku-buku Greek ialah Khalid bin Yazid bin Muawiyah (meninggal 86 H.). Dia membawa orang-orang Rom dari Mesir, termasuk Pendeta Maryanus yang daripadanya dipelajari ilmu kimia, dan kemudian disuruhnya Istafan menyalinnya ke bahasa Arab.

Di zaman Bani Abbasiah, kegiatan penterjemahan dipelopori oleh Abu Jaafar al-Mansur. Bagaimanapun, cuma buku-buku logika saja yang diterjemahkan. Hal ini kerana; pertama, banyaknya berlaku perdebatan yang sengit mengenai soal-soal agama antara kaum Muslimin dengan Ahli Kitabi. Untuk menghadapinya, orang-orang Islam mempersenjatai diri mereka dengan alat yang sama, seperti yang digunakan oleh Ahli-Ahli Kitabi, iaitu logika Greek. Keduanya, kerana pengaruh kepercayaan Farsi terhadap kaum Muslimin. Orang-orang Farsi dalam menguatkan kepercayaan mereka memakai cara berfikir yang didasarkan kepada falsafah Greek.

Pada zaman al-Mahdi dan al-Hadi, tidak terdapat kegiatan-kegiatan terjemahan tersebut. Sedangkan pada masa Harun al-Rashid, apa yang dilakukan hanyalah sekadar memperbaiki penterjemahan buku-buku sebelumnya, bukannya menterjemah buku-buku baru. Hanya, baru di zaman al-Makmun kegiatan penterjemahan mencapai peringkat kemuncaknya, di mana untuk pertama kalinya diterjemahkan buku-buku falsafah, metafizika, etika, psikologi dan sebagainya. Ada beberapa sebab kenapa al-Makmun bertindak demikian:

1. Sewaktu mudanya, al-Makmun banyak berkawan dan berguru dengan golongan yang beraliran Muktazilah. Kerana pengaruh tersebut, beliau mendekati tokoh-tokoh Muktazilah seperti Abul Huzail al-Allaf dan al-Nazzam. Oleh kerana beliau dan tokoh-tokoh Muktazilah lain mengalami kesulitan untuk mempertahankan pendirian mereka, maka ia lalu mempergiatkan usaha-usaha penterjemahan buku-buku falsafah dan logika Greek.
2. Kerana kecenderungan al-Makmun sendiri terhadap kebebasan berfikir, serta rasa simpati dan keyakinannya yang mendalam bahawa ahli-ahli falsafah adalah manusia pilihan di kalangan makhluk Allah. Dengan sikap dan anggapan seperti ini, ia bukan saja mengurangi penghargaannya terhadap warisan turun-temurun, bahkan juga mendorongnya untuk mengenali fikiran orang lain melalui karya-karya mereka.
3. Keadaan dan keperluan kepada kemahiran-kemahiran asing di waktu itu sendiri, juga mendorong al-Makmun menter-

jemahkan buku-buku asing seperti ilmu perubatan, astronomi, matematika dan sebagainya.

4. Selain dari sebab-sebab tersebut, dikatakan juga bahawa dorongan untuk menterjemahkan falsafah Aristotles, timbul apabila al-Makmun sendiri pernah bermimpi dan berbincang dengannya.

Di antara penterjemah buku-buku Greek ke bahasa Arab tersebut, yang terkenal sekali ialah Hunain bin Ishak al-Abdi. Selain beliau, terdapatlah anaknya yang bernama Ishak, juga Abu Bishr Matta, Qusta bin Liqa, Thabit bin Qurra, Yahya bin Masawayh (guru Hunain) dan sebagainya. Mengenai buku-buku yang diterjemahkan itu, kebanyakannya ialah karya-karya Galen, Hippocrates, Archimedes, Euclide dan karya-karya Plato, Aristotles dan Neo Platonisme.

Dengan usaha-usaha tersebut, maka terdedahlah pemikiran umat Islam kepada rasionalisme Greek. Dari segi sambutannya, memang ada yang agak berhati-hati dalam menerimanya, seperti ulama-ulama Kalam yang beraliran Muktazilah, atau ada yang berlebih-lebihan menerimanya seperti golongan filosuf. Ada beberapa sebab kenapa mereka dapat menerima falsafah Greek itu:

1. Ketelitian dan kejelasan yang terdapat pada falsafah dan logika Aristotles adalah sangat mengkagumkan orang-orang Islam.
2. Corak keagamaan dan mistisisme yang terdapat pada falsafah Greek itu sendiri, seperti pada Pythagoras dan Neo Platonisme.
3. Bercampur-aduknya fikiran-fikiran keagamaan dari kalangan Yahudi dan Nasrani yang bercorak falsafah.

Bagaimanapun juga, tidak kesemua buku-buku yang diterjemahkan itu benar-benar karangan Aristotles, sepertimana sangkaan orang-orang Islam ketika itu. Apa yang disangka sebagai karya Plato dan Aristotles itu, sebenarnya bukanlah benar-benar karya mereka, sebaliknya karangan-karangan orang lain yang dinisbahkan kepada kedua-dua tokoh tersebut. Sebab itu percubaan al-Farabi untuk memadukan fikiran-fikiran Plato dan Aristotles mengalami kegagalan besar, kerana buku **Theologia** yang disangkanya karya Aristotles itu, sebenarnya adalah sebahagian dari karangan Plotinus yang berjudul **Enneads.**

Pemalsuan tersebut berlaku kerana beberapa sebab. Pertama, kemungkinan ia sengaja disandarkan kepada nama-nama Aristotles yang mana sangat popular di kalangan bangsa Arab, agar ianya mudah diterima. Atau, boleh jadi peranan orang-orang

Syria sendiri yang sengaja menyandarkan terjemahan-terjemahan mereka kepada filosuf-filosuf besar, dengan tujuan untuk menyebarkan aliran mereka di kalangan bangsa Arab.

Walau apa pun juga, sama ada ianya palsu ataupun tidak, yang jelas orang-orang Islam menyambut baik pemikiran Greek tersebut. Dan, kesan dari penerimaan mereka dapat dilihat dalam pembahasan-pembahasan mereka dalam ilmu Naqliyyah dan terutamanya Ilmu Aqliyyah.

Ilmu Aqliyyah

Hasil dari proses asimilasi dan kegiatan penterjemahan tersebut, lahirlah berbagai bidang ilmu pengetahuan dengan barisan-barisan tokohnya sendiri.

Ilmu Falsafah

Pada hakikatnya, ilmu falsafah dalam Islam adalah merupakan kelangsungan dari ilmu kalam. Dalam pengajian falsafah Skolastik Islam, biasanya ia dimulai lebih dulu dengan periode Mutakallimin (700 — 900 M.), lalu diikuti oleh periode falsafah Islam (850 — 1200 M.) Ini menunjukkan adanya kesinambungan yang langsung di antara kedua-duanya. Dan ini tidaklah berlaku secara kebetulan, oleh sebab antara keduanya terdapat unsur-unsur yang mempertalikannya, iaitu sama-sama bersumberkan falsafah Yunani dalam perbahasannya. Sebenarnya, ilmu kalam merupakan pendahuluan kepada falsafah Islam.

Begitupun, antara ilmu kalam dengan falsafah Islam terdapat perbezaan yang menjolok. Dari segi pertumbuhannya sendiri, Ilmu Kalam timbul secara beransur-ansur. Masalah demi masalah dicetuskan, dan mazhab demi mazhab timbul untuk memecahkan-nya. Tetapi, falsafah yang dipindahkan ke dalam Islam sudah pun sempurna bentuknya, cuma yang barunya ialah usaha orang Islam dalam memahaminya, menjelaskannya, memberi komentar dan menyesuaikannya dengan masalah-masalah Islam. Dengan itu ilmu kalam lebih merupakan ilmu Islam sungguhpun dipengaruhi falsafah Yunani di dalamnya, sedangkan falsafah Islam adalah sebahagian kebudayaan orang-orang Islam (falsafah Muslim) dan belum tentu secocok dengan Islam.

Dari segi lain pula, fungsi ilmu kalam hanya sekadar menegakkan hujah-hujah untuk membenarkan al-Quran yang sudah dipercayainya, sedangkan dalam ilmu falsafah ayat-ayat al-Quran dijadikan bukti untuk membenarkan kajian-kajian falsafah. Pendirian ilmu kalam persis seorang peguam yang cuba mempertahankan kesnya, sedangkan pendirian ilmu falsafah

seperti seorang hakim yang hanya akan menghukum setelah mendengar hujah kedua-dua belah pihak. Seorang ahli ilmu kalam tidaklah akan membahas hal-hal yang sudah dimustahilkan mengetahuinya oleh al-Quran, seperti soal roh atau hakikat zat Allah. Tetapi dalam falsafah hal ini masih dibahas juga, seperti menggambarkan Allah sebagai 'Akal Pertama' (menurut al-Farabi dan Ibnu Sina).

Pengajian falsafah sebagai suatu ilmu yang tersendiri dalam Islam dipelopori oleh Abu Ishak al-Kindi (796 — 872 M), seorang tokoh Muktazilah juga. Beliau dikatakan telah mengarang beratus-ratus buah karya, yang meliputi bidang-bidang logika, falsafah, matematik, muzik dan lain-lain. Sebagai perintis, al-Kindi tidaklah mempunyai sistem falsafah yang lengkap dan mendalam. Ketika hidupnya beliau mendapat kedudukan yang tinggi dari al-Makmun dan al-Muktasim, tetapi ditentang oleh seorang pemuka hadis iaitu Abu Jaafar bin Muhammad al-Balakhy. Falsafah Islam baru mencapai kematangannya di tangan Abu Nasr al-Faraby (870 — 950 M.) seorang yang cukup terkenal kerana komentar-komentarnya terhadap falsafah Plato, Aristotle dan Galen. Sungguhpun al-Faraby kurang berkecimpung dalam masyarakat, namun dia cuba menyarankan konsep negara impiannya (*al-Madinatul Fadhilah*).

Kira-kira sezaman dengan al-Faraby itu muncullah suatu perkumpulan ahli-ahli falsafah 'Ikhwan al-Safa' yang bergerak secara rahsia bukan saja kerana dasar pemerintah (zaman al-Mutawakkil) yang anti falsafah, bahkan juga kerana kebanyakan anggota Ikhwan al-Safa terdiri dari orang-orang Muktazilah dan Syiah 'ghulah' (*extreme*). Selain dari itu, terdapat juga Ibnu Maskawaih (kira-kira 936 — 1030 M.) yang sangat terkenal sebagai ahli falsafah akhlak, terutama karyanya **Tahzibul-Akhlak**.

Bagaimanapun, falsafah Islam baru mencapai kesempurnaannya di tangan Abul-Ali al-Hussein ibn Abdullah ibn Sina (980 — 1038 M.). Sungguhpun dia memegang jawatan penting, namun ia berhasil meninggalkan berpuluh-puluh karya, terutama di bidang falsafah dan perubatan. Begitu pun kepakarannya tidak juga dapat menolongnya, kerana akhirnya dia ditimpa penyakit dingin (*cooling*), kononnya akibat kekuatan seks yang luar biasa.

Lebih kurang 20 tahun kemudian, lahirlah pula seorang pemikir besar yang nantinya terus menggerhanakan tokoh-tokoh sebelumnya, iaitu Abu Hamid al-Ghazali (1058 — 1111). Kemunculan al-Ghazali adalah dalam suasana ketika pemujaan terhadap falsafah Yunani telah mencapai kemuncaknya, hingga menggoncangkan akidah Islam. Memang di peringkat awalnya beliau turut berkecimpung di dalamnya, tetapi setelah mengalami kegoncangan batin, akhirnya dia lalu menyerang falsafah, malah mengkafirkan filosuf-filosuf kerana pendapat-pendapat berikut:

i. Kepercayaan tentang *qadim*nya alam dan keazaliannya (tiada permulaan dan kekal).
ii. Tuhan tidak mengetahui perincian (*particular*) terhadap kejadian-kejadian di alam.
iii. Pengingkaran kebangkitan jasmani.

Kerana keraguannya dalam ilmu falsafah, al-Ghazali akhirnya beralih kepada ilmu tasawuf, dan menjadi besar pula dalam bidang ini sehingga pemikiran-pemikirannya segera menguasai sebahagian besar alam fikiran umat Islam. Pengaruh falsafah Yunani yang sangat berkembang di zaman al-Kindi, al-Farabi dan Ibnu Sina mengalami zaman keruntuhannya akibat pengaruh al-Ghazali. Bagaimanapun, hal ini cuma berlaku di Timur, sebab di Barat (Sepanyol) pengaruh falsafah tetap mendapat tempat yang baik.

Ilmu Sains dan Perubatan

Seiring dengan perkembangan falsafah ialah kemajuan dalam bidang sains dan perubatan. Jika dalam bidang falsafah, para orientalis sering melemparkan tuduhan betapa ahli-ahli falsafah Islam cuma sekadar mengulas atau mentafsir (*commentator*) sahaja falsafah Yunani, maka dalam bidang sains tidak dapat tiada mereka mengakui juga keaslian (*originality*) sumbangan sarjana-sarjana Islam.

Dalam bidang biologi misalnya, sarjana-sarjana Islam telah mengadakan kebun-kebun untuk eksperimen-eksperimen pertanian di Baghdad, Cairo dan Cordova. Melalui ujian-ujian tersebut, diketahui perbezaan pembiakan di antara pohon-pohon tertentu, dan kemudiannya dapat dijeniskan menurut punca kesuburannya. Di antara ahli botani Islam yang terkemuka ialah Abu Zakaria (akhir abad 11) yang telah menulis sebuah buku penting mengenai pertanian berjudul **Kitab al-Falahah.**

Dalam bidang zoologi pula, nama yang terkemuka ialah Muhammad al-Damiri (meninggal 1405 M.) yang telah menulis buku **Hayatul-Hayawan.** Suatu hal yang agak menakjubkan ialah bahawa teori evolusi Darwin (1890-1882 M.) yang begitu mengemparkan itu sebenarnya telah pun dibayangkan oleh kajian-kajian al-Jahiz (meninggal 868 M.) dan kemudiannya Ibnu Maskawaih. Dalam bukunya **Tahzibul-Akhlak** tersebut Ibnu Maskawaih pernah menerangkan "kemajuan hidup dari tumbuhan, sampai kepada ikan, binatang dan manusia." Dijelaskannya bahawa akhir kemajuan binatang terbatas kepada kera, dan permulaan kemajuan menjadi insan dimulai dari kehidupan orang Negro yang belum bertamadun. Kemudiannya, dalam **Muqaddimah**, oleh Ibnu

Khaldun (1332 — 1406 M.) juga diterangkan teori yang serupa.

Mengenai bidang fizika, al-Kindi sendiri telah menulis tentang ilmu optika yang disesuaikan dengan teori geometri dan fiziologi. Dikatakan bahawa terjemahan karyanya yang berjudul **De Aspectibus** amat mempengaruhi kajian Roger Bacon. Bagaimanapun, tokoh yang paling terkemuka sekali ialah Ibnul-Haitham (965 — 1039) yang pernah bekerja dengan Khalifah al-Hakim dari kerajaan Fatimah. Sambil menolak teori Euclide dan Ptolemy, Ibnul-Haitham telah mengemukakan teori cahaya dan warnanya. Khusus dalam aspek geologi, Ibnu Sina dikatakan pernah mengkaji tentang perlombongan dan cara-cara pengeluaran logam. Juga mengenai pengaruh-pengaruh gempa bumi, angin, air, iklim, mendapan, pengeringan dan akibat-akibat lain dari pengerasan benda. Dalam aspek meteorologi, terdapat sarjana-sarjana seperti al-Khazini yang telah mendahului hipotesis Roger Bacon tentang kepadatan air dan hawa bilamana bertambah dekat dengan bumi. Malah al-Jazari sendiri pernah menulis dengan gambarajahnya sekali tentang ilmu mekanik dan jenis-jenis jam, baik yang dijalankan dengan raksa, ayunan besi mahupun dengan lilin menyala.

Nampaknya, di antara bidang yang tidak kurang besar sumbangannya dari sarjana-sarjana Islam ialah ilmu matematik. Dan satu-satunya tokoh yang sering disebut-sebut peranannya ialah al-Khawarizmi yang dianggap sebagai pengasas algebra dalam bukunya yang terkenal **Hisab Al-Jabr wal-Mukabalah.** Selain dari beliau, terdapat tokoh-tokoh matematik lain seperti Omar al-Khayyam, Nasirruddin Tusi, Al-Battani dan Abul-Wafa'.

Penyelidik-penyelidik Islam juga telah memberi sumbangan besar dalam bidang kimia (*alchemy*). Antara mereka ialah al-Razi dengan karyanya **Kitabul-Asrar, al-Kimia** dan **al-Hawi.** Bagaimanapun, sarjana yang diberi jolokan 'Bapa Alchemy Arab' ialah Jabir bin Hayyan (766 M.) yang bertanggungjawab dalam perkembangan teori dan praktik ilmu kimia, dengan mengemukakan dua prinsip operasi dalam ilmu kimia iaitu *calcination* dan *reduction*. Nama-nama lain dalam bidang ini ialah seperti al-Tughrai dan Abul-Qasim al-Iraqi.

Kajian-kajian yang mendalam tentang ilmu-ilmu tersebut telah memberi saham yang besar dalam perkembangan ilmu perubatan, dan nampaknya dalam bidang ini orang-orang Islam telah menunjukkan kemajuan yang tiada tolok bandingnya. Tentang al-Razi sendiri, kitab **al-Hawi**nya itu merupakan suatu ensaiklopedia besar dalam bidang ini. Mengenai Ibnul-Haitham, beliau telah memberi sumbangan penting dalam aspek optalmologi. Sedangkan al-Biruni (meninggal 440 H.) terkenal pula dalam bidang farmakologi.

Bagaimanapun, nama yang paling gemilang dalam sejarah perubatan Islam ialah Ibnu Sina, yang juga seorang ahli falsafah. Dengan karyanya **al-Qanun fit-Tib** (*Canon of Medicine*) yang merupakan sebuah ensaiklopedia perubatan serta kitab **al-Sifa**, beliau dianggap sebagai *zenith* (puncak tertinggi) dalam dunia perubatan Islam. Begitu pentingnya sumbangan Ibnu Sina hingga ketika diadakan *Fair Millenium* ke-1000 Ibnu Sina di Teheran pada 1955, dia telah ditetapkan sebagai '*Father of Doctors*' untuk selama-lamanya.

Ilmu Sejarah

Kemahiran dalam ilmu hadis telah memberi manfaat yang besar dalam melahirkan ulama-ulama tarikh (sejarah) yang berjaya menghasilkan kajian-kajian yang halus dan teliti berasaskan fakta-fakta yang benar. Dan, persoalan yang pertama sekali menjadi tumpuan mereka ialah mengenai *sirah* Rasulullah sendiri serta perjuangannya. Dikatakan bahawa orang yang mempelopori penulisan tersebut ialah Ibnu Ishak, tetapi malangnya karya-karyanya tidak dijumpai lagi. Kita hanya dapat mengetahuinya melalui karya besar Ibnu Hisham (meninggal 213 H.) iaitu **Sirah Ibnu Hisham** yang banyak memanfaatkan kajian-kajian Ibnu Ishak tersebut.

Jika Herodotus dikatakan telah meletakkan asas-asas pengajian sejarah dengan menekankan perlunya usaha-usaha penjelajahan untuk mencari fakta-fakta yang lengkap, maka sesungguhnya orang-orang Islamlah yang telah melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh. Di antara mereka terdapatlah Ibnu Jarir at-Tabari (923 M.), al-Mas'udi (956 M.) dan Ibnu Battutah (1377 M.). Untuk menghasilkan kajian-kajian sejarahnya, at-Tabari telah menjelajah dari Paris ke Iraq, Sham dan Mesir. Al-Mas'udi yang digelar '*Herodotus Arab*' itu pun telah menjelajah hampir seluruh negeri Asia, termasuk negeri China dan Madagascar. Dan khasnya Ibnu Battutah, beliau telah menjelajahi kebanyakan negeri-negeri di dunia terutama India dan China.

Selain dari mereka, terdapat juga tokoh-tokoh seperti al-Waqidy (meninggal 207 H.), al-Baladhuri (meninggal 279 H.) al-Yaquby (280 H.), Ibnu Abdil Hakam (257 H.), al-Baghdady (463 H.), Ibnu Hayyan (469 H.). Nampaknya sarjana-sarjana tarikh tidak hanya membicarakan sejarah penaklukan-penaklukan Islam seperti pada al-Waqidy dan al-Baladhuri, malah juga biografi tokoh-tokoh berjasa seperti yang diusahakan oleh Ibnu Khallikan.

Ilmu Alam

Umat Islam juga tidak ketinggalan dalam pengajian geografi. Berasaskan terjemahan karya-karya Ptolemy oleh Thabit bin Qurrah, muncullah tulisan **Surah al-Ardh** oleh Khawarizmi dan kajian-kajian lain. Hasil dari *rihlah ilmiyah* (pengembaraan ilmiah), umat Islam telah mempersembahkan kajian-kajian geografi yang bernilai. Misalnya, Ibnu Khuzdazbih dengan kitabnya **Kitabul-Masaliki wal-Mamalik**. Al-Maqdisi sendiri telah mengembara selama 20 tahun untuk menghasilkan ensaiklopedia geografinya.

Kajian-kajian al-Maqdisi, ibn Hawqal dan al-Istakhri dianggap asli sifatnya. Tetapi yang lebih terkemuka ialah Yaqut al-Hamawi yang menghasilkan kamus geografinya **Mujamul-Buldan** dan **Mujamul-Udaba**. Al-Biruni sendiri telah menyiarkan bukunya mengenai geografi Rusia dan Eropah Utara, sedangkan al-Zarqali hampir mendekati kiraan sebenar tentang garisan bujur Laut Tengah. Malah al-Idrisi berjaya membuat satu globa langit dan satu peta dunia dalam bentuk piring yang diperbuat dari perak, kemudiannya dihadiahkan kepada King Roger II, Raja Sicily (1101 — 1154 M.). Peta-peta seperti ini menunjukkan yang orang-orang Islam sudah menggambarkan bumi dalam bentuk bulat. Hakikat ini terbayang dalam jawapan Imam Abu Hanifah terhadap pertanyaan seorang Muktazilah yang ingin mengetahui di manakah pusat bumi. Katanya: "Di tempat yang terang di mana engkau sedang duduk." Ertinya Abu Hanifah bermaksud yang bumi adalah bulat.

Kesenian

Sesungguhnya, zaman Abbasiah menyaksikan tingkat perkembangan seni dan budaya yang menggalakkan. Perkembangan seperti ini memang pada dasarnya didorongkan oleh semangat agama, tetapi akhirnya telah menuju ke arah yang keterlaluan, hingga dengan itu Baghdad seolah-olah menghidupkan kembali tradisi 'Suq Ukkaz' seperti di zaman jahiliah. Ini mungkin sebagai akibat daripada pengaruh kebudayaan asing (Farsi dan India) atau kerana dukungan khalifah-khalifah sendiri yang rupanya lebih asyik dengan kehidupan duniawi.

Perkembangan seni muzik misalnya, adalah kerana kerajaan Abbasiah menjadikan keahlian bernyanyi dan bermuzik sebagai salah satu syarat mendapat pekerjaan. Hanya mereka yang cekap bermain alat-alat muzik dapat diterima menjadi pelayan, dayang-dayang dan inang pengasuh di istana atau di rumah-rumah pembesar dan hartawan. Sebab itu ianya menjadi keharusan bagi para pemuda dan gadis untuk belajar muzik. Maka lahirlah

biduan-biduan yang terkenal, seumpama Ma'bad, Ibnu Muhriz, Ibnu Misjah, Ibnu Suraij dan sebagainya. Juga terdapat biduanita-biduanita seperti Basbas, penyanyi di istana Khalifah al-Mahdi, Zatul-Khal dan Bazel di istana Khalifah al-Rashid, Fitna di istana Jaafar al-Barmaki, Dananir di istana Yahya al-Barmaki dan Neam di istana al-Makmun. Dalam bentuk teorinya pula, dikatakan bahawa al-Kindi dan al-Faraby banyak sekali menulis tentang soal-soal muzik.

Apabila para seniman mendatangi istana-istana khalifah, wazir atau amir yang mewah dengan kehidupan senda dan gila, akan terpengaruhlah daya cipta mereka dengan gambaran hidup berfoya-foya. Misalnya, Abu Nuwas (meninggal 810 M.) yang dianggap pelopor kepada aliran baru dalam sastera Arab, tema syair-syairnya adalah cinta dan sanjungan kepada arak, seperti terdapat dalam '*dewan*'nya. Demikian juga Muti Ibnu Iyas, syair-syairnya secorak dengan Abu Nuwas di mana berisi nyanyian-nyanyian cinta dan arak yang sangat mengghairahkan. Demikian juga al-Mu'arry, penyair skeptis dan pesimis, serta Umar Khayyam dengan syairnya yang menggalakkan manusia bebas dari ikatan agama untuk mendampingi arak, wanita-wanita jelita dari bunga-bungaan.

Mengenai seni lukis pula, pada mulanya seni Islam tumbuh di dalam masjid, akan tetapi sejak zaman Muawiyah muncullah *secular art* di luar masjid pula. Dan dengan masuknya ahli-ahli seni Farsi, India dan China ke Baghdad di zaman Abbasiah, perkembangannya sangat pesat. Seperti diketahui, orang-orang Farsi menganut agama Manu yang diasaskan oleh Zoroaster yang juga seorang pelukis. Sebagai pelukis pengikut-pengikutnya turut menggambari buku-buku sucinya dengan tulisan dan gambar-gambar indah. Di zaman Abbasiah muncullah Firdausi (935 — 1020 M.) yang lahir di Khurasan dengan karya epiknya yang teragung, iaitu **Shah Nameh.** Epik nasional yang mengambil masa lebih 30 tahun untuk menyiapkannya itu penuh dengan berbagai-bagai gambar raja dan para pahlawan.

Sebagai sebuah kerajaan duniawi, perkembangan seni bina sangat dipandang berat. Misalnya, untuk membangun kota Baghdad, Khalifah al-Mansur telah mengerahkan para arkitek, jurutera dan pakar berbagai-bagai bidang dari berbagai penjuru negara yang jumlahnya 100,000 orang. Setelah selesai, kelihatanlah dengan megahnya *Qusruz Zahab* (Istana Keemasan) yang seluas 160,000 hasta persegi, berbanding dengan masjid di depannya yang hanya seluas 40,000 hasta persegi. Tetapi dua tahun kemudian dibinanya pula istana baru di luar kota, yang diberi nama *Qasrul-Khuldi* (Istana Abadi).

BAB 27: KERUNTUHAN AKHLAK PARA KHALIFAH SEBAGAI LAMBANG ZAMAN KEMUNDURAN

SUNGGUHPUN pada zaman-zaman Umayyah dan Abbasiah, tamadun dan ilmu pengetahuan berkembang subur, namun umat Islam sudah ketiadaan pemimpin yang beriman (*al-Qiadah al-Mukminah*). Kecuali Umar Abdul Aziz, para khalifah sudah tidak lagi memiliki dua syarat asas untuk menjadi seorang pemimpin Islam, iaitu semangat Jihad dan kemampuan Ijtihad. Tentang Muawiyah Abi Sufyan, dialah yang bertanggungjawab mengasaskan suatu corak pentadbiran sekular (keduniaan) dan materialistik. Adapun Yazid, lantaran kekejamannya, meletuslah tragedi Karbala yang membawa kematian Hussein. Tentang diri Marwan al-Hakam, dialah orangnya yang bertanggungjawab menimbulkan huru-hara di zaman Usman dulu? Berkat polisi nepotismenya, kebanyakan pegawai-pegawai lantikan Umar dulu dipecat oleh Usman, lalu digantikan dengan orang-orang Umayyah saja. Dan dia juga pernah diusir dari Madinah oleh Rasulullah kerana dikatakan pernah menyinggung perasaan baginda.

Mengenai Abdul Malik bin Marwan, memang benar dia termasuk salah seorang tokoh fiqh yang ulung di Madinah. Tetapi sejak menjadi khalifah, keulungan tersebut hilang sinarnya ditelan oleh gemerincingan suara pedang dan tombak. Dikatakan bahawa ketika dia dilantik sebagai khalifah, mashaf al-Quran yang sedang terbuka di depannya itu ditutupnya seraya berkata: "Inilah akhir riwayatku denganmu." Tentang Sulaiman pula, hubungannya dengan soal-soal seks hampir sinonim dengan hubungan al-Walid dengan bangunan-bangunan yang indah atau hubungan Umar Abdul Aziz dengan kegiatan-kegiatan keagamaan.

Keruntuhan moral lebih ketara pada diri Yazid bin Abdul Malik, hingga pernah dikatakan dia jatuh cinta kepada dua orang hamba sahayanya sendiri, Sallamah dan Hubabah. Sifat seperti ini diwarisi pula oleh anaknya al-Walid yang mempunyai semacam sifat kegila-gilaan. Tidak cukup dengan kegilaannya kepada wanita-wanita rupawan dan arak, al-Walid juga begitu zalim dan kejam, khasnya terhadap keluarga Hisham bin Abdul Malik. Dan akhirnya, pimpinan Bani Umayyah dipegang oleh Marwan bin Muhammad, seorang yang sering ditonjolkan sebagai cekap dan punya kaliber besar. Tetapi bukankah dia jugalah orangnya yang menyeksa Imam Abu Hanifah dengan begitu dahsyat sekali?

Kelemahan moral di kalangan khalifah-khalifah diperburukkan lagi oleh pembantu-pembantunya yang kejam pula. Di antara mereka yang terkenal dengan keganasan tersebut ialah Ubaidullah bin Ziyad dan al-Hajjaj. Tentang Ubaidullah, dialah pemimpin tentera Yazid yang membunuh dan memenggal leher Hussein bin Ali di Karbala. Adapun tentang al-Hajjaj, keganasannya menjadi satu legenda dalam sejarah. Antara mangsanya yang dipenggal lehernya ialah Said bin Zubair, seorang ulama yang warak lagi salih di Iraq. Dan al-Hajjaj jugalah yang pernah mengepung Kaabah dan menghancurkannya dengan *al-manjanik*!

Suatu fenomena keruntuhan moral di kalangan para khalifah Umayyah ialah dasar perkauman (*asabiyyah*)) Arabnya, yang bererti menghidupkan kembali tradisi jahiliah yang telah pun dihancurkan oleh Rasulullah. Politik 'anak tiri, anak kandung' tersebut, telah meletakkan golongan Arab pada darjat tertinggi, sedangkan golongan Mawaly (bukan Arab) dipandang rendah; seakan-akan telah ditentukan bahawa bangsa Arab merupakan '*sayyid*' (tuan) ke atas golongan Mawaly yang digelar '*al-Hamra*' (si merah) itu. Akibat dasar diskriminasi ras seperti inilah, yang melahirkan satu gerakan rahsia di kalangan kaum Mawaly yang terkenal dengan nama '*asy-Syu'biyah*' untuk menghapuskan dasar tersebut.

Tidak cukup dengan sikap fanatik kearaban tersebut, golongan Umayyah nampaknya lebih memberi keutamaan kepada keturunan mereka saja (Bani Umayyah), tidak kepada suku lain, meskipun sama-sama berbangsa Arab. Dari namanya sendiri iaitu kerajaan Bani Umayyah, sudah dapat difahami bagaimana implikasinya terhadap dasar-dasar pentadbiran, seperti keutamaan kepada golongan sendiri dalam pemilihan pegawai-pegawai atau gabenor. Semangat kesukuan yang melampau ini dapat disaksikan dengan jelas pada tindakan-tindakan mereka terhadap kaum Syiah dan Khawarij, yang terus-menerus ditekan dan ditindas pada zaman Umayyah.

Selain dari itu, Bani Umayyah seolah-olah cuba menggalakkan lagi konflik perkauman ini dengan cara menyokong kaum-kaum tertentu dalam sesuatu pertikaian. Misalnya, dalam pertikaian antara kabilah Qais (Arab Utara) dengan kabilah Kalb (Arab Selatan), Bani Umayyah menyokong salah satunya. Dan kemudiannya pada ketika yang lain, disokongnya pula kabilah yang lain. Sikap berpihak seperti ini nyata sekali menambahkan lagi penyakit berpuak-puak yang mana pernah dihapuskan oleh Rasulullah.

Puncak dari sikap atau semangat kesukuan itu ialah mementingkan anak sendiri dalam pemilihan Putera Mahkota. Sistem politik anti Islam ini mula-mula diamalkan oleh Muawiyah bin Abi

Sufyan yang melantik anaknya Yazid, lalu oleh Marwan al-Hakkam dengan mengenepikan Khalid bin Yazid dan Amru bin Said seperti yang ditetapkan dalam Muktamar al-Jabiyah, sebaliknya dia melantik putera-puteranya Abdul Malik dan Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota. Dan apabila Abdul Malik pula memerintah, dia cuba menyingkir Abdul Aziz sebagai penggantinya, sebaliknya melantik anak-anaknya al-Walid dan Sulaiman. Kemudiannya setelah al-Walid berkuasa, dia juga ingin menyingkirkan Sulaiman dengan melantik anaknya Abdul Aziz. Mujurnya al-Walid mati, hingga cita-citanya itu terbengkalai begitu saja.

Apakah akibat daripada sifat egoisme yang beragam-ragam itu? Bagi golongan Mawaly, mereka segera menyokong gerakan-gerakan pemberontak. Dan bagi golongan bukan Umayyah, khasnya Bani Hashim, mereka menyusun strategi secara sulit buat menumbangkan kerajaan Umayyah. Adapun bagi bakal-bakal Putera Mahkota yang tersingkir itu, timbullah masalah rebutan kuasa dan perang saudara yang berlarut-larutan. Tiadanya unsur perpaduan di kalangan Bani Umayyah sendiri, telah memudahkan pihak oposisi mengambil peluangnya.

Mengenai khalifah Abbasiah, keruntuhan akhlak di kalangan mereka begitu menjolok sekali. Tidak ada lagi sifat kezuhudan dan kesederhanaan seperti Khulafa' al-Rashidin, sebaliknya kehidupan mereka penuh dengan kemewahan dan kesenangan, sedang arak dan wanita ada di mana-mana. Khalifah al-Mahdi misalnya, sungguhnya tidak meminum arak, tetapi membenarkan teman-temannya meminum arak di depannya. Dengan itu jadilah khalifah al-Hadi dan Harun al-Rashid turut meminum arak, kerana mereka telah biasa dan belajar meminumnya di istana ayahanda mereka sejak muda belia.

Betapa mewahnya khalifah Abbasiah, sehingga dikatakan yang mahar al-Makmun kepada Buran anak wazirnya al-Hasan bin Sahl, berjumlah lebih dari sejuta dinar. Sedang al-Hasan sendiri telah menaburkan mutiara yang tidak terkira banyaknya kerana perkahwinan itu. Dia telah membahagi-bahagikan buah-buahan tembikai, yang antaranya diletakkan di dalamnya sekeping kertas kecil bertulis dengan nama salah-satu estetnya. Siapa yang menemui tembikai yang berisi kertas tersebut, maka dia diberikan estet tersebut. Untuk menyambut khalifah al-Makmun sahaja, al-Hasan telah membentangkan hamparan tenunan emas bertatahkan seribu butir mutiara. Demikian juga hantaran kahwin yang dipersembahkan oleh khalifah al-Muktazid kepada Qatrun-Nada, puteri Khumaruyah bin Ahmad bin Toulon raja negeri Mesir, berjumlah sejuta dirham. Tetapi ini pun masih kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan oleh Khumaruyah yang telah menyediakan

katil emas yang berbumbungkan emas juga dan bertatahkan permata yang mahal. Dan dalam majlis perkahwinan tersebut, dia telah menyediakan pinggan-pinggan yang diperbuat dari emas dengan berbagai jenis makanan dan minuman. Puteri Qatrun-Nada sendiri menghadiri jamuan-jamuan tersebut dengan menggunakan pakaian sutera dan hiasan intan berlian yang tidak ternilai harganya, kepalanya memakai mahkota emas bertatahkan berlian, kedua pergelangan tangannya memakai gelang yang sangat indah, dan jari-jarinya berhias dengan cincin-cincin yang istimewa rupa bentuknya. Khumaruyah juga telah membuat persiapan yang luar biasa bagi perjalanan puterinya. Di setiap tempat persinggahan puterinya, di sepanjang perjalanan dari Qahirah ke Baghdad, dibinakan mahligai yang lengkap serba-serbinya.

Kemewahan mereka dalam kehidupan yang melimpah-ruah dapat disaksikan dalam zaman Harun al-Rashid sendiri. Dalam zaman itulah banyak terdapat mahligai-mahligai dengan taman-tamannya yang indah, perabot-perabot dan barang-barang perhiasan yang mahal dan bernilai, dihiasi pula dengan dayang-dayang dan penyanyi-penyanyi penglipur lara. Kebanyakan istana-istana dan mahligai pada zaman itu dialiri oleh sungai di bawahnya dan dihiasi dengan bidadari-bidadari yang menawan. Istana al-Khuldi sendiri dikelilingi oleh taman-taman yang subur lebat, kebun-kebun yang luas, aneka bunga berwarna-warni yang indah menarik. Di antara taman-taman dan kebun-kebun itu pula terdapat terusan-terusan dan anak-anak sungai. Di sebelah depannya ialah Sungai Dajlah (Tigris) yang kelihatan begitu indah perahu-perahu dan sampan. Golongan bangsawan pula telah membina mahligai-mahligai mereka di sekitar istana al-Khuldi dengan semangat kemewahan yang menguasai diri. Maka di samping istana al-Khuldi, terdapatlah mahligai Abu Ayyub Sulaiman bin Jaafar al-Mansur, mahligai Ummi Jaafar isteri khalifah sendiri, mahligai-mahligai kaum Barmaki, dan mahligai-mahligai lain yang penuh dengan perhiasan dan kemewahan. Dan untuk menambahkan lagi keindahan dan kenikmatan kawasan tersebut diserikan pula dengan pesta-pesta hiburan, nyanyian dan muzik.

Contoh yang lain ialah pada gambaran istana Khalifah al-Muktadir (908 — 932 M.), ketika suatu perutusan menziarahinya. Dikatakan bahawa al-Muktadir mempunyai 11,000 khadam lelaki berbagai bangsa, seperti bangsa Rom, Cyprus dan berkulit hitam. Alangkah tercengangnya pelawat-pelawat tersebut, ketika melihat pokok-pokok yang dibuat dari dirham yang beratnya 500,000 dirham, sedang di atasnya terdapat burung-burung yang juga dibuat dari perak. Kelihatan pula kain-kain tirai yang diimport dari Badhghaiyah, Wasitah dan Bahnisyah yang berjumlah 38,000 helai kesemuanya. Kemudian pelawat-pelawat itu

dibawa ke kandang kuda, yang mana 500 ekor darinya mempunyai 500 buah pelana emas dan perak, sedangkan 500 ekor lagi diselimuti dengan kain sutera yang terukir indah. Di kebun binatang pula, kelihatan 4 ekor gajah yang dihiaskan dengan kain-kain berwarna-warni dan bersulam, juga terdapat 100 ekor harimau. Di taman pula, pada tengahnya terletak sebuah kolam jernih, dikelilingi oleh anak-anak sungai yang mengalir indah yang panjangnya 30 hasta, dan lebar 20 hasta. Di tepi kolam, ada taman bunga mengandungi satu kawasan pokok tamar sebanyak 400 pokok, yang tingginya tiap satu 5 hasta. Sedang di sebelah kanan kolam berbaris 15 orang askar berkuda memakai pakaian yang bersulam indah dan lembing yang terhunus. Setelah selesai mengelilingi 23 buah istana, barulah mereka dibawa kembali mengadap Khalifah al-Muktadir.

Kecenderungan kepada kehidupan yang bermewah-mewah seperti ini, dilukiskan dengan tepatnya oleh para penyair, seperti karya Bisyar bin Burud misalnya. Justeru gambaran Bisyar tersebut, beliau dianggap telah mengubah syair-syair Arab kepada yang bertemakan asmara dan meminum arak. Dan kadang-kadang dia menitikberatkan pada hiasan kata dalam bentuk baru, hingga menjadi ikutan pula kepada penyair-penyair lain. Umpamanya, penyair Abu Nuwas yang meluaskan lagi bidang penerokaan syair melalui tema perempuan dan arak, atau syair asmara memuja hamba lelaki. Meskipun ini bercanggah dengan Islam, namun pengaruhnya cepat menjalar, termasuk di kalangan orang-orang salih juga.

Begitu cintanya khalifah-khalifah Abbasiah kepada hidup berfoya-foya lagi khayal itu, sehingga sanggup menghampurkan wang negara untuk penyair-penyair yang bijak bermain kata-kata, atau kepada ulama yang pandai bermuka-muka. Dengan demikian, bercambahlah ulama-ulama yang suka mengampu, sedang mereka pun lalu memperalatkan pula ulama untuk kepentingan mereka. Misalnya, dengan mengeluarkan fatwa-fatwa bahawa soal pembahagian rezeki adalah dari ketentuan Tuhan, yakni soal qadak dan qadar. Dikatakan juga bahawa pemerintah adalah bayangan Tuhan di muka bumi, dan semua kezaliman yang dilakukan oleh mereka, adalah berpunca dari kezaliman rakyat jelata. Demikianlah seterusnya diadakan fatwa-fatwa yang memenuhi selera pemerintah dan yang merosakkan rakyat, hingga menggalakkan timbulnya sikap munafik dan bermuka-muka.

Adapun bagi mereka yang enggan mengikut pemerintah, deritalah habuannya. Misalnya, terdapat ulama-ulama seperti Abu Hayyan al-Tauhidi dan Abu Sulaiman al-Mantiqi. Juga Abdul Wahab al-Baghdadi al-Maliki, seorang ulama fiqh yang ternama dan banyak pula kitab-kitabnya, tetapi kehidupannya penuh

sengsara, hinggalah beliau pergi ke Mesir.

Untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu seperti ini tentunya memerlukan ongkos yang cukup besar. Maka dinaikkanlah cukai-cukai, sedang tanah-tanah rakyat dirampas. Dengan itu wujudlah jurang kekayaan yang amat luas — yang kaya bertambah kaya dan yang miskin papa kedana.

Tidak cukup dengan cara hidup yang khayal tersebut, khalifah-khalifah rupanya bertindak lebih kejam dari Bani Umayyah terhadap musuh-musuh politiknya. Jika kerajaan Umayyah dulunya dianggap sangat tebal dengan fanatik perkaumannya, apa kurangnya dengan kerajaan Abbasiah yang lebih kuat tekanannya terhadap golongan-golongan Syiah dan orang-orang Umayyah terutamanya. Mungkin orang-orang Umayyah mempunyai alasan-alasan yang menasabah, kenapa golongan Syiah dan Alawiyah terpaksa dimusuhi, tetapi alasan apakah yang dapat dipakai oleh orang-orang Abbasiah untuk menghalalkan kekejaman mereka terhadap golongan yang bukan sahaja dari keturunan yang sama bahkan saling berganding bahu pula dalam gerakan menumpaskan kerajaan Umayyah dulu?! Dan apakah alasan al-Mansur untuk menghalalkan pembunuhan terhadap panglima besar al-Muslim al-Khurasani, atau pembunuhan keluarga al-Barmaky oleh Harun al-Rashid?

Tidak puas dengan perasaan dendamnya terhadap golongan Umayyah, dan tidak puas dengan kekejamannya terhadap golongan Syiah Alawiyah, kebiadaban orang-orang Abbasiah telah mencapai kemuncaknya, dengan tindakan-tindakannya terhadap golongan ulama. Baik Imam Abu Hanifah, Imam Maliki, Imam Shafie dan lebih-lebih lagi Imam Hambali, semuanya tidak luput dari seksaan khalifah-khalifah Abbasiah. Kesalahan mereka pun mudah saja — ada disebabkan kerana enggan menerima jawatan tinggi yang ditawarkan, atau kerana tidak sependapat dengan pemerintah dalam sesuatu masalah tertentu. Kerana itu mereka lalu dibenamkan ke dalam penjara, dipukul dengan cemeti, atau diberi minum dengan racun hingga mati seperti Imam Abu Hanifah.

Seperti khalifah-khalifah Umayyah dan Abbasiah, khalifah-khalifah kerajaan Andalusia juga leka dengan segala rupa bentuk hiburan, arak dan sebagainya. Cukai-cukai yang dipungut cuma untuk kepentingan diri belaka, sedangkan nasib rakyat terbiar. Begitu gemar dan lekanya Khalifah Muhammad II terhadap minuman keras sehingga dia digelar 'pembuat arak'. Sedang Khalifah al-Muktafi pula asyik dengan perempuan dan penari sahaja.

Nampaknya cara hidup penuh mewah dan lumayan itu, bukan hanya bagi khalifah-khalifah yang lemah peribadinya, bahkan juga

pada khalifah yang sedia terkenal kecekapannya. Lihat saja pada khalifah Abdul Rahman al-Nasir. Pendapatan tahunannya berjumlah $336 juta, kekayaanya bernilai $2,600,000 mempunyai 6,321 'isteri' dan 618 orang anak! Begitu mewahnya beliau dan begitu utuh kerajaannya, tetapi ketika beliau meninggal, terdapat surat yang berbunyi: "Selama pemerintahan aku yang panjang dan cemerlang, aku hitung hari-hari yang benar-benar aku merasa bahagia, aku dapati hanya ada 14 hari sahaja!"

Begitu mewahnya mereka sehingga sanggup dihabiskan wang negara untuk bangunan-bangunan yang indah dan mahal. Bandingkan saja istana Alhamra di Granada yang dipunyai oleh raja-raja Islam dengan istana Khazar di Cordova yang dimiliki oleh Raja Ferdinand ketika membuat persiapan untuk menakluk Sepanyol. Alangkah jauh bezanya istana Alhamra yang sungguh indah dengan istana Khazar, yang hanya sebuah bangunan kecil dari batu-batu kasar saja tanpa sebarang ukiran.

BAB 28: GERAKAN SALIBIYYAH DI DUNIA ISLAM

Perang Salib I — VII (1097 — 1292 M.)

PEPERANGAN ini dinamakan 'Perang Salib' kerana orang-orang Kristian yang terlibat di dalamnya memakai tanda salib (*cross*) sebagai simbol perjuangan mereka. Dari segi ini, pengertian Perang Salib itu dipakai oleh kerana umat Kristianlah yang melanggar (*aggressor*) umat Islam. Kiranya yang melanggar mereka ialah kaum Muslimin, maka istilah 'jihad' pulalah yang digunakan. Kelihatannya peperangan ini lebih bersifat agama, memandang pada simbol salibnya itu. Tetapi, dengan mengkaji lebih mendalam, akan ketaralah bahawa faktor agama sesungguhnya agak kabur, sebaliknya yang lebih tertonjol ialah cita-cita ekspansi politik dan ekonomi belaka.

Sebab-sebab Peperangan

i. Faktor Politik

Berbanding dengan sebab-sebab lain, faktor politiklah yang lebih dominan dalam memulakan fajar Perang Salib. Hakikat ini dapat ditemui pada sejarah asal-usul konfrontasi antara kaum Muslimin dengan kaum Kristian di Barat. Sesungguhnya, permusuhan antara kaum Kristian dengan kaum Muslimin telahpun bermula sejak zaman Rasulullah lagi, iaitu dengan berlakunya peperangan-peperangan Muktah dan Tabuk. Di zaman Khulafa al-Rasyidin pula, Islam telah berjaya merempuh bukan saja jajahan-jajahan Rom, bahkan wilayah Farsi itu sendiri. Kemudiannya di zaman Umayyah, selain dari gugatan yang terus-menerus terhadap kerajaan Rom (Byzantine), Islam berjaya pula bertapak di Sepanyol dan terus memerintah di situ selama beberapa abad. Dan puncak dari semuanya itu ialah apabila Alp Arselan dari Bani Buwaih berjaya menewaskan puak Byzantine di Manzikert pada tahun 1071, yang dipimpin oleh Maharaja Rumanos IV. Kekalahan serta gugatan yang bertalu-talu inilah yang menyebabkan pihak Barat sentiasa merasakan bahawa Islamlah yang merupakan musuh utama lagi abadi bagi mereka.

Atas dasar inilah, maka Maharaja Byzantine kemudiannya, iaitu Alexius Comnenus I (1081 — 1118 M.) mulai merancang strategi untuk menghadapi Islam secara besar-besaran, bukannya secara

bersendirian seperti sebelumnya. Sebab itu dimintanya bantuan dari Pope Gregory VII di Rom. Kebetulan ketika itu gereja-gereja Kristian telah berpecah dua kepada Gereja Ortodoks di Byzantine (Timur) dan Gereja Katolik di Rom (Barat). Konflik antara kedua-duanya begitu sengit, sehingga masing-masingnya tidak mengiktiraf dan malah mengkafirkan satu sama lain. Justeru itulah, maka Gereja Rom segera menyahut permintaan kerajaan Byzantine, yang menganggap bahawa kemenangan kaum Muslimin itu adalah ancaman kepada kerajaannya. Bagi Pope Gregory VII, rayuan Comnenus ini sebagai suatu pengakuan tentang kekuasaannya dalam hal-ehwal kaum Kristian seluruhnya. Harapannya ialah untuk menjadi pelindung umat Kristian seluruhnya, dan dengan permintaan Comnenus tersebut maka terbukalah jalan baginya untuk mencapai cita-citanya.

Sungguhpun kematian Pope Gregory telah membantut segala-galanya, namun penggantinya, Pope Urbanus II, terus melaksanakan cita-cita asalnya. Maka diadakanlah suatu rapat umum di Clermont, Perancis pada 26 November 1095, dan seterusnya di Limoj, Angerzuman, Tours, Poitiers, Pordeaux, Toulouse dan sebagainya. Sebagai wakilnya dalam memimpin Peperangan Salib ini, dilantiknya Uskup Adhemar de Monteil. Urbanus menetapkan 15 Ogos 1096, sebagai hari memulakan pergerakan tentera Salib ini, dan Constantinople sebagai pusat semua angkatan tentera Eropah yang akan melanggar ke Timur itu.

Demikianlah kita melihat bahawa faktor politiklah penggerak asas peperangan ini. Sesungguhnyalah peperangan ini lebih merupakan lanjutan kepada peperangan-peperangan di antara orang-orang Rom (Byzantine) dengan kaum Muslimin sejak berabad-abad sebelumnya.

ii. Faktor Ekonomi

Jika politik merupakan penggerak asasinya, maka ekonomi adalah faktor pembantunya. Seperti yang dijelaskan oleh Henri Pirenne sebelumnya (lihat sebelum ini), perkembangan Islamlah yang memulakan Zaman Pertengahan di Eropah. Dan salah satu akibat yang dirasai oleh Barat ialah pemindahan punca atau paksi kehidupan mereka dari Laut Mediterranean ke utara yang berpusat pada kerajaan Carolingia (481 — 877 M.). Jika dulunya dapat diusahakan kegiatan-kegiatan perdagangan, maka kini dengan terancamnya punca tersebut di Laut Mediterranean itu, maka terpaksalah dicari punca-punca lain yang bersifat ekonomi tanah pula. Inilah yang memulakan sistem feudal, suatu sistem hamba abdi dalam kegiatan-kegiatan pertanian. Dan dalam mengem-

bangkan sistem ini, Charles Martel serta raja-raja Carolingia lainnya dikatakan telah membenarkan bangsawan-bangsawan tempatan menggunakan tanah-tanah tertentu, dengan syarat mereka menyediakan angkatan tentera untuk menentang orang-orang 'Moor' (Islam).

Apakah hubungannya sistem feudal ini dengan Perang Salib? Yang jelas, sebahagian pembesar-pembesar Eropah lalu bercita-cita untuk mendapatkan tanah-tanah baru di Timur, bukan saja kerana kesuburannya, tetapi juga kerana jaminan keamanan yang ada padanya, berbanding dengan peperangan-peperangan yang tidak kunjung padam di Eropah ketika itu. Dan, oleh kerana sistem ini hanya memberi hak mewarisi harta kepada anak-anak sulung sahaja, maka sebilangan besar anak-anak muda menjadi miskin. Ini mendorong mereka, dan orang-orang lain yang tidak berharta, lalu berangan-angan besar untuk memperolehi kekayaan dengan jalan mengembara ke negeri-negeri baru. Sedangkan, bagi kalangan hamba-hamba pula, mereka telah mendapat peluang yang baik untuk memerdekakan diri masing-masing, melalui penglibatan dalam peperangan Salib ini.

Itu dari suatu segi. Dari segi lain pula, dorongan ekonomi ini juga berhubung rapat dengan sejarah permusuhan Eropah Barat dengan kerajaan Byzantine seperti yang disentuh di atas. Bagi Steven Runciman, ketika Raja Bohemund (salah seorang pemimpin Perang Salib I) datang ke Perancis, ia ditemani oleh Bruno, seorang wakil Pope. Sebenarnya, Bruno mendapat perintah agar menimbulkan rasa benci di kalangan orang-orang Kristian Eropah terhadap kekuasaan Byzantine, yang dikatakannya telah mengubah-ubah agama Kristian. Semangat anti-Byzantine ini, dipergunakan oleh raja-raja Eropah untuk kepentingan ekonomi mereka sendiri, sebab mereka telah sekian lama ingin menguasai langsung pasar perdagangan di Timur Tengah yang kaya itu. Bagaimanapun, semangat anti-Byzantine ini telah dibelokkan oleh raja-raja Byzantine sehingga menjadi Perang Salib, dengan menyerang kaum Muslimin di Jerusalem pula. Jadi peperangan yang tadinya dihalakan ke arah Byzantine, kini berubah menjadi Perang Salib (*Crusades*). Akhirnya, raja-raja Eropah Barat dan Byzantine dapat menguasai Jerusalem, kononnya didorongkan oleh semangat agama, tetapi realitinya untuk kepentingan ekonomi belaka. Demikian pendapat Steven Runciman (lihat **A History of the Crusades.** Cambridge University Press, 1952, hlm. 48).

iii. Faktor Agama

Faktor ini dikaitkan dengan kebangkitan kuasa Turki Seljuq di Asia Minor yang mana pada 1070 M., telah berjaya menawan

Jerusalem dan Baitul-Maqdis khasnya. Kononnya dengan kejayaan tersebut, orang-orang Seljuq telah bertindak kejam terhadap jemaah-jemaah 'haji' Kristian yang mengunjungi Baitul-Maqdis itu. Sebelum kenaikan kuasa Seljuq itu, orang-orang Kristian dikatakan dapat mengunjungi Baitul-Maqdis mengikut jalan darat melalui Asia Minor. Tetapi, dengan penguasaan mereka di kawasan-kawasan Asia Minor itu, ianya seolah-olah mengepung Baitul-Maqdis, sebab di selatannya terdapat kerajaan Fatimiyah yang pada 1007 M. pernah bertindak meruntuhkan gereja-gereja '*Holy Sepulchre*' yang menjadi tumpuan kaum Kristian untuk menunaikan 'haji'. Kononnya, disebabkan pencemaran ke atas tempat-tempat suci mereka itulah yang menggerakkan peperangan yakni agamalah punca berlakunya Perang Salib ini.

Betulkah faktor agama yang mendorong orang-orang Kristian menyerang umat Islam? Dan, betulkah keganasan orang-orang Seljuqlah yang menyebabkan orang-orang Kristian bertindak-balas? Menurut Gustave Le Bon, pada 1064 M., ketua *uskup* Mappilas serta empat orang *uskup* yang lain, telah memimpin suatu pasukan 7,000 orang 'haji', terdiri dari kumpulan Baron dan pahlawan-pahlawan menyerang orang-orang Arab dan Turki. Ertinya, rombongan-rombongan 'haji' tersebut lebih merupakan suatu pasukan militer kecil, yang membawa obor-obor, pedang dan seruling dengan diiringi pula pengawas-pengawas yang lengkap bersenjata.

Sebelum penguasaan orang-orang Seljuq, orang-orang Arab yang berkuasa di situ tidaklah menghalangi rombongan seperti itu, semata-mata kerana sifat toleransi orang-orang Arab sendiri. Tetapi, dengan terserahnya Baitul-Maqdis kepada kaum Seljuq pada 1070 M., lalu dilarang rombongan agama yang bercorak militer seperti itu, lebih-lebih lagi bila mereka sering mencetuskan pergaduhan dan huru-hara. Pada hakikatnya larangan-larangan itu bertujuan untuk keselamatan orang-orang 'haji' Eropah itu sendiri serta keamanan mereka. Malangnya, tindakan Seljuq itu menimbulkan kemarahan orang-orang Barat, kerana ianya disifatkan sebagai pencabulan terhadap syiar agama mereka dan pembasmian ke atas adat-adat serta peraturan yang telah sekian lama dijalankan.

Jadi, faktor agama yang sering didengung-dengungkan sebagai penggerak asasi Peperangan Salib ini, nyatalah suatu propaganda belaka. Kekasaran kaum Kristian sendirilah yang melahirkan 'keganasan' orang-orang Seljuq terhadap mereka. Bahawa agama bukannya sebab utama peperangan ini, sebaliknya sebagai alat semata-mata, terbukti benar kemudiannya apabila mereka berjaya menawan wilayah-wilayah Islam. Menurut pengakuan Steven Runciman lagi, kaum Kristian yang datang

mengikut Perang Salib itu tidaklah beragama Kristian di hatinya, cuma mengakui Kristian di mulutnya. Sebab itu sebaik saja tanah-tanah Islam dirampas, mereka telah membuat lautan darah dengan menyembelih kaum Muslimin yang tidak dapat melarikan diri, harta bendanya dirampas, orang-orangnya dibunuh dan perempuan-perempuannya dinodai. Sebaliknya, ketika Salahuddin al-Ayyuby dapat merebut kembali, kaum Muslimin telah menunjukkan sikap *gentleman* yang tiada tolok bandingnya. Orang-orang Kristian yang sakit ditolongi, dan yang sihat dibenarkan memasuki kota suci mereka. Tugas-tugas pengawalan segera diketatkannya, untuk menjaga agar jangan sampai seorang Kristian jua pun yang menderita kesukaran. Beliau merupakan contoh betapa seorang pembesar menghargai kebesarannya, demikianlah pandangan Runciman.

Contoh-contoh tindakan ganas yang dilakukan oleh orang-orang Kristian sebaik sahaja mereka menawan wilayah-wilayah Islam tersebut, akan kita sentuh lagi nanti. Dan semuanya itu merupakan bukti utuh, betapa orang-orang Barat bukannya berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agamanya, apalagi untuk menjadikannya sebagai pendorong tindakannya. Sesungguhnya, agama tidak lebih sebagai alat mereka sahaja — suatu alat untuk menghalalkan cita-cita politik dan ekonomi mereka.

iv. Perpecahan Dunia Islam

Jika tadinya dikatakan, bahawa sebab-sebab politik dan ekonomi — atau mungkin juga agama — yang mendorong berlakunya Peperangan Salib ini, namun semuanya itu hanya menjadi kenyataan apabila dunia Islam sedang diliputi mega mendung, akibat dari perpecahan sesama sendiri. Bagi kerajaan Seljuq misalnya, dengan kematian Malik Shah pada 1092 M., keempat-empat puteranya telah membahagikan kerajaan itu antara mereka setelah berperang sekian lama, yang dengan ini melemahkan kekuatan kerajaan Seljuq sendiri. Tentang kerajaan Fatimiyah pula, kekacauan yang tercetus di masa al-Hakim bi-Amrillah tidak dapat dihapuskan oleh pengganti-penggantinya. Sedang antara kerajaan Seljuq dengan kerajaan Fatimiyah pula terjadi pergelutan merebut wilayah-wilayah Sham, Jerusalem dan sebagainya. Konflik ini diperburukkan lagi oleh faktor ideologi yang berbeza; puak Seljuq mendukung mazhab Sunnah sedangkan puak Fatimiyah menganut mazhab Syiah, dan masing-masingnya cuba menjahanamkan satu sama lain. Adapun di Sepanyol, timbulnya kerajaan-kerajaan kecil (*Mulukut-Tawaif*) yang saling bermusuhan antara sesamanya, hanya menolong mempercepatkan lagi lenyapnya pemerintahan Islam di sana.

Jadi, kelemahan dunia Islam seperti inilah yang menambahkan keghairahan kaum Kristian untuk memukul Islam. Jika dulunya kekuatan kerajaan-kerajaan Islam menyebabkan mereka takut mengangkat muka, maka kini kekuatan tersebut sudah hilang lenyap. Lalu, kesempatan seperti ini mereka pergunakan sebaik-baiknya, dan hasilnya berlakunya Perang Salib.

Proses Perang Salib

Sebelum tercetusnya Perang Salib yang pertama, ianya telah didahului oleh pembentukan lima pasukan 'Penggempur Perang Salib' oleh Peter the Hermit. Tetapi di antara lima pasukan yang menuju ke Constantinople itu, hanya dua pasukan saja — yang dipimpin sendiri oleh Peter — selamat sampai ke sana. Dan, walaupun pasukan-pasukan ini diambil-alih pimpinannya oleh Maharaja Alexius untuk menyeberangi Selat Bosphur, tetapi dengan mudah saja mereka digempur oleh askar-askar Turki Seljuq sehingga terbunuh kesemuanya.

Bagaimanapun, Perang Salib yang sebenarnya hanya berlaku dengan terbentuknya tiga angkatan besar berjumlah 150,000 orang askar, yang dipimpin oleh para bangsawan Eropah, iaitu Godfrey dan saudaranya Baldwin, Bohemond dan Count Raymond. Sebagai penganut Katolik, sukar juga bagi Godfrey untuk menerima perintah dari Maharaja Byzantine, pelindung Gereja Ortodoks itu. Sedangkan Raymond pula, cuma akan memberikan taat setianya kepada Isa al-Masih saja, tidak kepada yang lain. Bagaimanapun, akhirnya mereka bersama-sama Raymond menyokong Maharaja Byzantine.

Dengan angkatan tentera yang beratus-ribu itu, tidaklah sukar bagi mereka untuk menakluki daerah-daerah Nicaea, Antioch dan Baitul-Maqdis. Setelah Baitul-Maqdis jatuh pada 1099 M., berlakulah tragedi penyembelihan dan penyeksaan beramai-ramai terhadap kaum Muslimin, termasuk perempuan dan kanak-kanak, kaum Yahudi serta juga orang-orang Kristian yang enggan bergabung dengan tentera Salib itu. Ujar Gustave Le Bon: "Kaum-kaum Salib kita yang bertakwa itu tidak memadai dengan melakukan berbagai-bagai kezaliman, kerosakan dan penganiayaan, mereka kemudiannya telah mengadakan suatu persidangan, di mana mereka putuskan agar dibunuh setiap penduduk Baitul-Maqdis dari kaum Muslimin, Yahudi dan orang-orang Kristian yang tidak membantu mereka, berjumlah kesemuanya 60,000 orang. Orang-orang ini telah dilenyapkan kesemuanya dalam masa lapan hari saja termasuk perempuan, kanak-kanak dan orang tua, tiada terkecuali sesiapa pun juga."

Bagi Wells pula: "Suatu penyembelihan yang menggerunkan

telah berlaku di Baitul-Maqdis di mana darah orang-orang yang tidak bersalah telah mengalir sepanjang-panjang jalan, sehingga percikan darah itu boleh menghinggap pekuda-pekuda yang sedang melintas di situ. Apabila malam pekat menyelubungi bandar itu, kedengaran tangisan dari askar-askar Salib itu yang kerana terlampau suka sedang mengharungi darah yang mengalir di jalan raya, laksana arak yang mengalir dari perahan anggur. Kemudian mereka menuju ke perkuburan Kristian, sambil mengangkat tangan mereka yang berlumuran darah itu memohon kesyukuran kepada Tuhan."

Nah! Jika sampai begitu sekali keganasan tentera-tentera Salib tersebut, layakkah dikatakan bahawa agamalah yang mendorong gerakan Salib itu? Kiranya tepat benarlah seperti yang diakui oleh Steven Runciman tadi, bahawa orang-orang Kristian hanya beragama di mulutnya, tidak di hatinya. Ertinya agama tidak lebih sebagai alat saja demi menghalalkan cita-cita politik dan ekonomi mereka.

Jika benarlah agama sebagai faktor pendorongnya, tentulah mereka akan kembali ke negeri masing-masing setelah kota-kota suci mereka dibebaskan, dan kemudiannya memaksa semacam ufti untuk dibayar oleh kaum Muslimin, sebagai tanda tertakluknya mereka di bawah kekuasaan orang-orang Kristian. Sebaliknya, yang berlaku ialah mereka lalu mendirikan pemerintahan-pemerintahan tersendiri di sana. Raha misalnya diperintah oleh Baldwin, Antioch oleh Bohemond dan Baitul-Maqdis oleh Godfrey.

Bagaimanapun juga, perhubungan antara pemerintah ini tidak selalunya baik, bahkan saling berbalah antara sesamanya, seperti misalnya antara kerajaan Antioch dengan Baitul-Maqdis yang kian hari kian berkembang dan berpengaruh. Ketika hubungan antara mereka ini sedang mengalami keruncingan, ketika itu barisan kaum Muslimin pula mulai bersatu padu dan bangkit dari kelalaiannya. Seruan-seruan jihad bergema di sana sini dari para alim ulama, dan ramailah mereka yang menyahutnya, kecuali sebahagian kecil golongan Ismailiyah. Di antara sekian banyak pihak yang bangkit itu, kemunculan kerajaan Otobek di Mosul yang diperintah oleh Imaduddin Zanki itulah yang sangat mengejutkan kaum Kristian. Satu demi satu wilayah-wilayah Kristian diserangnya, terutamanya bandar Raha (Edessa) yang ditaklukinya semula pada 1144 M.. Dengan terbunuhnya Imaduddin Zanki, puteranya Nuruddin Mahmud Zanki menggantikannya, lalu memindahkan pusat pemerintahannya dari Mosul ke Aleppo.

Kejatuhan bandar Raha ini sungguh mengejutkan orang-orang Barat, hingga memaksa Pope Eugenius II melantik St. Bernard untuk menggerakkan Peperangan Salib yang baru, dan ber-

jayalah dia mempengaruhi Louis VII, raja Perancis dan Conrad II, raja Jerman untuk memimpin serangan baru dalam menyelamatkan wilayah-wilayah Kristian di Syria. Malangnya, tiadanya perancangan yang baik di pihak Maharaja Manuel di Constantinople, tiadanya kerjasama antaranya dengan orang-orang Kristian dari Eropah, serta kerana wabak penyakit yang menimpa mereka, dan lebih-lebih lagi disebabkan kekuatan barisan tentera Islam, semuanya ini menghancurkan cita-cita besar kaum Salib itu. Ketika inilah bintang Nuruddin Zanki memuncak tinggi kerana dia bukan saja dapat menghalang kemaraan tentera Kristian tersebut, bahkan berjaya pula membebaskan wilayah-wilayah Antioch dan Tripoli dari kekuasaan Kristian, serta wilayah Damshik dari kekuasaan Sultan Muiddin yang lemah itu.

Tetapi yang lebih penting dari itu, ialah pandangannya yang jauh tentang betapa pentingnya negeri Mesir (ketika itu di bawah Bani Fatimiyah) dari segi strategi menyekat kemaraan tentera-tentera Salib. Perlu disebutkan bahawa kerajaan Fatimiyah telah melantik Asaduddin Syirkuh yang dikirimkan oleh Nuruddin Zanki itu sebagai menterinya. Dengan meninggalnya Syirkuh, tempatnya diganti oleh Salahuddin al-Ayyuby, anak saudaranya. Dan dengan kematian Nuruddin Zanki pula yang diganti oleh anaknya Ismail, terbukalah peluang bagi Salahuddin mengambil-alih kekuasaan kedua-dua pemimpin tersebut. Dengan berkuasanya Salahuddin, maka berpindahlah pusat gerakan penentangan terhadap pasukan Salib dari Syria ke Mesir, hingga kebanyakan serangan-serangan kemudiannya dilancarkan dari markas barunya.

Atas sifatnya sebagai sultan bagi negeri-negeri Mesir dan Syria — yang diakui oleh Khalifah al-Mustadhid (1170 — 1179) — bermulalah siri gerakan Salahuddin yang menggentarkan pihak lawan. Pertama sekali, diaturkan kepentingan-kepentingannya di dunia Arab lebih dulu agar kedudukannya kukuh. Kemudian, baru ditumpukan perjuangannya menentang puak-puak Latin, dan yang telah mengetuk pintu hatinya untuk bangkit menentangnya ialah akibat angkara Reynold of Chattlon, pemerintah Karak yang telah mengkhianati perdamaiannya dengan Salahuddin. Apalagi, dengan terbunuhnya adik perempuan Salahuddin oleh Reynold, semakin terbakarlah semangat Salahuddin untuk menentang tentera-tentera Latin. Maka berlakulah pertempuran di Hittin pada 1187 M., antara Salahuddin dengan askar-askar Latin pimpinan Reynold dan Guy of Lusignan (raja Baitul-Maqdis) yang berjumlah 20,000 orang. Dalam peperangan ini askar-askar Latin mengalami kekalahan teruk, sehingga kedua-dua pemimpin mereka ditawan. Bagaimanapun, raja Baitul-Maqdis dibebaskan, sedang Reynold disembelih oleh Salahuddin bagi memenuhi sumpahnya dulu.

Dengan kejayaan ini, Salahuddin lalu meneruskan gerakannya untuk menawan kota-kota yang diduduki oleh tentera-tentera Salib, dan hasilnya beliau berjaya menakluki Acre, al-Nasiriah, Qisariah, Haifa, Beirut dan khasnya Baitul-Maqdis pada 1187 M. Dengan itu, kembalilah semula Baitul-Maqdis ke pangkuan Islam, dan berkumandanglah semula-suara azan di Masjid al-Aqsa.

Dengan jatuhnya Baitul-Maqdis tersebut, gemparlah pemuka-pemuka Kristian, lalu dibentuk suatu angkatan tentera yang besar pimpinan tiga orang raja Eropah, iaitu Frederik Barbarossa dari Jerman, Philip Augustus dari Perancis dan Richard the Lionheart dari England. Sungguhpun di antara ketiga-tiga raja ini nampaknya Raja Fredericklah yang paling cergas dan bersemangat, malangnya beliau telah tenggelam ketika menyeberangi Sungai Cilicia di Armenia. Dan tentera-tentera yang dipimpinnya pun jadi berantakan, lalu pulang ke negeri masing-masing. Maka yang tinggal hanyalah tentera-tentera pimpinan Richard dan Philip yang bersama-sama Guy dari Jerusalem telah menawan Acre pada 12 Julai 1191 M. Bagaimanapun, akhirnya Philip pulang pula ke negerinya disebabkan masalah kesihatan, atau mungkin kerana konflik peribadinya dengan Richard.

Sungguhpun yang tinggal cuma Richard, namun semangat 'singanya' terus menyala untuk menentang Salahuddin yang telah menawan Jerusalem. Namun seperti kata G.B. Smith, kekuatan Salahuddin tidak tergugat. Jadi, setelah menyedari betapa gagahnya pertahanan Jerusalem, Richard lalu meminta diadakan perdamaian. Lagipun, ketika itu di England adiknya King John sedang menghadapi pemberontakan kaum Saxon (kononnya antara ketuanya ialah Robin Hood), jadi perlulah Richard segera kembali untuk mententeramkan kestabilan negaranya. Dalam perjanjian damai al-Ramlah pada November 1192 itu, maka ditentukanlah sebidang tanah yang kecil untuk orang-orang Kristian di pantai berdekatan dengan Acre memanjang dari Sur hingga ke Haifa, sedang Jerusalem di tangan Salahuddin. Perjanjian juga menyetujui para 'haji' Kristian menziarahi kota-kota sucinya tanpa membawa sebarang senjata serta dalam kumpulan-kumpulan kecil.

Tidak lama kemudian, Salahuddin pun mangkat dalam usianya 55 tahun, dengan meninggalkan kerajaan Ayyubiah yang ibarat retak mencari belah saja. Dalam suasana beginilah pihak Gereja Barat mulai menyiapkan diri untuk menyerang Mesir, bukan lagi Baitul-Maqdis seperti dulu. Anehnya, tentera Salib ini kemudiannya mengubah fikirannya; daripada berperang menghadapi kaum Muslimin, mereka lalu berperang menentang kaum Kristian dan berazam untuk menakluki Constantinople. Pada bulan April 1204, jatuhlah Constantinople ke tangan mereka, dan kemudiannya dilantik Baldwin sebagai maharaja Latin yang

pertama di situ. Dengan kejadian yang aneh itu, Baitul-Maqdis tetap di tangan kaum Muslimin.

Walau bagaimanapun, cita-cita untuk menakluki Mesir masih tetap diteruskan. Ketika Mesir diperintah oleh Sultan Malikul-Kamil (1218 — 1238 M.), berlakulah Perang Salib ke-V. Sebagai menyambut seruan-seruan Pope Innocent III dan kemudiannya Pope Honorius III, Raja John de Brienne dan maharaja Rom iaitu Frederick II mulai mengatur langkah untuk merebut Baitul-Maqdis dan juga Mesir sendiri. Kerana takut, mulanya Sultan Malikul-Kamil cuba menawarkan Baitul-Maqdis untuk tentera-tentera Salib itu. Tetapi setelah bertempur beberapa waktu, kemaraan musuh dapat disekatnya dengan mudah.

Sungguhpun Sultan Malikul-Kamil dapat mempertahankan negerinya serta Baitul-Maqdis, tetapi sebaik saja Raja Frederick II tiba di Syria, beliau cuba membangkitkan semula tawaran Sultan Malikul-Kamil untuk menyerahkan Baitul-Maqdis tersebut. Nampaknya politik Frederick II berhasil, maka dimeterailah perjanjian mengenai penyerahan Baitul-Maqdis kepada Frederick II. Peristiwa-peristiwa yang berlangsung antara 1228 dan 1229 M. ini dikira sebagai Perang Salib ke-VI.

Menjelang Perang Salib ke-VII, dunia Islam sedang dilanda malapetaka paling dahsyat, iaitu serangan tentera Mongol pada 1258 M., yang menutup riwayat kerajaan Abbasiah dalam liputan sejarah. Mungkin kerana takutkan serangan raja Mesir, Salih Najmuddin Ayub, maka raja Damshik, As-Salih Ismail lalu bersekutu dengan kaum Salib untuk melawan Najmuddin. Dengan bantuan sekutu-kutu dari kaum Khawarizmi, Najmuddin Ayub bukan saja dapat merampas Baitul-Maqdis, bahkan negeri Damshik setelah menewaskan para *hospitallers* dan *templiers* (mubaligh-mubaligh hospital dan ahli-ahli gereja yang militan).

Dengan kejayaan-kejayaan Malik As-Salih Najmuddin Ayub tersebut, orang-orang Eropah sekali lagi menyiapkan diri untuk melancarkan Perang Salib ke-VII (1248 — 50 M.). Kali ini peperangan itu dipimpin oleh Raja Louis IX dari Perancis. Ketika Raja Najmuddin berada di Sham, kaum Salib dapat merebut Dimyat. Ketika tentera-tentera Islam sedang sibuk menghadapi kaum Salib, mangkatlah Malik As-Salih. Demi menjaga perpaduan tentera-tentera Islam, balu Sultan Malik As-Salih iaitu Shajaratuddur terus mengeluarkan perintah-perintah atas nama Sultan tanpa mengumumkan kematiannya. Selama tiga bulan dia berbuat demikian, barulah kemudiannya digantikan oleh anak (tiri?)nya Tauran Shah.

Di bawah pimpinan Tauran Shah, tentera-tentera Salib terus digempur dengan bantuan panglima al-Zahir Baybars hingga menyebabkan tertawannya Raja Louis IX dan pemimpin-

pemimpin lain pada bulan Mei 1250, tetapi dibebaskan pada bulan berikutnya. Dengan kemangkatan Tauran Shah, tamatlah kerajaan Ayyubiah di Mesir. Buat sementara waktu Mesir diperintah oleh Shajaratuddur, hinggalah kemudiannya apabila disingkir oleh kaum Mamalik dengan rajanya yang pertama iaitu Baybars sendiri. Dengan berpindahnya kerajaan Mesir ke tangan kaum Mamluk (golongan hamba sahaya dari bangsa Turki dan Moghul), maka tanggungjawab gerakan pembersihan terhadap saki baki tentera-tentera Salib itu jatuh ke pundak mereka pula.

Kesan-kesan Perang Salib

Dari suatu segi, Perang Salib yang berlangsung selama dua abad itu bermakna suatu kemenangan bagi Islam, sebaliknya suatu kekalahan bagi orang-orang Eropah. Sepanjang zaman-zaman peperangan itu, kaum Salib telah gagal dalam usahanya untuk menjajah negeri-negeri Timur. Seluruh kekuatan dipergunakan; kekuatan ekonomi didapati dengan usaha-usaha pengumpulan cukai-cukai, kekuatan tentera di dapati dari berbagai-bagai negeri dan penyertaan tenaga-tenaga dari berbagai tingkat. Semuanya itu dicurahkan untuk suatu matlamat: Perang Salib. Namun, hasilnya kaum Musliminlah yang keluar sebagai juaranya.

Bagaimanapun pada umumnya, yang benar-benar mendapat keuntungan dalam peperangan ini ialah orang-orang Eropah sendiri. Hasil dari pertemuannya dengan umat dan negeri-negeri Islam, mereka memperolehi faedah-faedah yang dapat menampung kekalahannya dari segi militer, iaitu dari segi ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan sosial. Begitu besarnya manfaat yang didapati melalui Perang Salib hingga Dr. W.B. Stevenson tidak teragak-agak mengatakan: *The learning and art and science of the East, its public services and methods of government, its highly developed industries and the superior luxury and comfort of the domestic life of its upper classes, exerted a powerful and far-reaching influence upon Europe in the Crusading period.*

Khusus di bidang ilmu pengetahuan, Emerton sendiri menganggap bahawa ilmu pengetahuan yang telah didapati oleh kaum Salib dari kaum Muslimin telah menariknya dari lembah kehidupan yang buas dan menolaknya selangkah ke hadapan kepada alam kebudayaan. Bagi Emerton, sejak zaman Charlemagne lagi orang-orang Eropah mula mengambil kebudayaan kaum Muslimin yang asal, dan juga dari kebudayaan Greek yang telah diperkenalkan semula oleh kaum Muslimin dalam bentuk baru. Pengambilan Eropah ini berlangsung secara terus-menerus sejak zaman itu, dan menjadi lebih luas dan mendalam dengan meletusnya Perang Salib.

Dari segi ekonomi, dengan berlakunya Peperangan Salib terjalinlah hubungan yang luas antara kaum Muslimin dengan kaum Salib, iaitu sebaik-baik sahaja kaum Salib meletakkan kakinya ke atas kebanyakan pelabuhan-pelabuhan Islam di Syria. Pelabuhan-pelabuhan itu, kini telah terbuka untuk perdagangan sehingga segala keperluan-keperluan Eropah boleh didapati dari sana. Ketika merumuskan akibat-akibat Perang Salib, Dr. Henry Elmer Barnes menegaskan: *The Westerners learned many Muslim and Oriental ways and developed a taste for the luxuries of the region. All this promoted a demand for Eastern goods and accelarated the growth of commerce. The Italians, who had acted as transporting agents for the Crusaders, took full advantage of their opportunities to build up trading relations with the East. Travel was promoted, and the explorations of Marco Polo and others followed on the heels of Crusaders. This still further encouraged trade between Europe and the Orient. The revived trade promoted the rise of towns and a more progressive elements in Europeans life. The science and culture of the Muslims were brought back to Europe and helped to create the remarkable revival of the twelfth and thirteenth centuries.*

Dari segi politik pula, akibat kemajuan perdagangan dan jumpaan-jumpaan baru, maka terbukalah mata orang-orang Eropah untuk menjajah negeri-negeri Timur yang kaya dengan sumber-sumber alam. Dorongan ekonomi ini diperkuatkan oleh rasa permusuhan yang sedia tertanam pada orang-orang Barat, sejak berlangsungnya Perang Salib, atau lebih lama dari itu. Bilamana motif ekonomi diperkukuhkan oleh motif politik 'balas dendam', maka gerakan penjajahan menjadi semakin hebat. Sebenarnya Perang Salib itu sendiri sudah merupakan percubaan-percubaan pihak Barat untuk menjajah kawasan-kawasan Timur, demi untuk mengaut keuntungan ekonomi. Malangnya, percubaan-percubaan tersebut terus-menerus mengalami kegagalan, kerana sebab-sebab kelemahan orang-orang Eropah sendiri. Hanya setelah berlakunya perhubungan antara mereka dengan tamadun Islam, baik sebelum dan lebih-lebih lagi semasa Perang Salib, barulah dapat dimanfaatkannya warisan-warisan Islam untuk tujuan-tujuan kebangkitannya sendiri. Hasilnya, bangunlah Eropah dari tidurnya yang sekian lama, dan mulailah digerakkan semula 'Perang Salib' baru, setelah mengalami kekecewaan dalam Perang Salib yang lama dulu. Jelaslah bahawa melalui Perang Saliblah gerakan penjajahan mencapai hasilnya yang gilang-gemilang, setelah gerakan penjajahan di peringkat pertama mengalami kegagalan bertalu-talu.

Adapun dari segi agama, Perang Salib telah meruntuhkan kekuasaan yang selama ini dipegang oleh Gereja. Kalau dulu in-

stitusi Gereja begitu dihormati, atau para penganut dipaksa agar menghormatinya, tetapi hasil dari pertemuannya dengan tamadun Islam melalui Perang Salib, timbullah gerakan emansipasi di mana penghargaan terhadap nilai-nilai individu mengganti tempat penghargaan terhadap Gereja. Menurut Earnest Barker: *The Crusades, if they did not remove, at any rate weakened the old clear distinction between sacred and profane, the lay and the clerical, the temporal and the spiritual; they were the consecration of the fighting layman, and in their way they led to the emancipation of the laity.* Yang tidak kurang pentingnya di sini ialah betapa Perang Salib juga telah mengasaskan bibit-bibit orientalisme, kerana sejak itulah para paderi mulai mempelajari bahasa Arab dan pemikiran Islam. Pada tahun 1776, telah dibangunkan suatu kolej untuk paderi-paderi di Mirama khusus untuk pengajian bahasa Arab.

Seiring dengan keruntuhan institusi Gereja ialah musnahnya sistem feudalisme serta kebangkitan kuasa raja. Dengan bertambahnya kegiatan-kegiatan perdagangan kaum Salib, hal ini telah menambahkan jumlah saudagar-saudagar yang kemudiannya mengambil-alih peranan bangsawan-bangsawan feudal sebagai sumber kewangan, sebab kini raja dapat memungut cukai daripada mereka untuk perbelanjaan negara. Dengan meningkatnya perdagangan, maka semakin bertambahlah kutipan cukai tersebut. Malah, sistem cukai nasional hanya mulai diperkenalkan di Eropah pada zaman Perang Salib, dan sejak tahun 1300, barulah diperluaskan di England dan Perancis. Ketika berlakunya Perang Salib ini, dunia Barat sedang berada di Zaman Pertengahan (*Medieval Period*) atau Zaman Gelap (*Dark Ages*). Yang mencirikan zaman ini ialah kekuasaan Gereja dan sistem feudalisme. Tetapi hasil dari hubungannya dengan tamadun dan negeri Islam sepanjang Perang Salib itu, kedua-dua ciri tersebut hancur berantakan. Ini bermakna Islamlah yang bertanggungjawab meruntuhkan sistem-sistem tersebut, yang dengan itu memulakan Zaman Moden bagi Eropah.

Walau apa pun akibat Perang Salib yang jelas ialah jurang permusuhan antara orang-orang Barat dengan orang-orang Timur, atau sebenarnya antara kaum Kristian dengan kaum Muslimin menjadi bertambah lebar. Jika dulunya orang-orang Islam agak bertolak-ansur dengan orang-orang bukan Islam, khasnya kaum Kristian, tetapi akibat keganasan dan kekejaman kaum Salib terhadap umat Islam itu, maka sifat-sifat tersebut sudah tidak ada lagi. Dan bagi orang-orang Barat pula, permusuhan terhadap orang-orang Islam memangnya tidak dapat dielakkan lagi, sebab Islamlah satu-satunya kuasa yang pernah menggugat mereka sejak zaman berzaman. Sepatah kata Prof. Syed Muhammad al-Naguib

al-Attas: *The West is ever bound to regard Islam as the true rival in the world; as the only abiding force confronting it and challenging its basic beliefs and principles. And the West and Islam as well know that the dispute between them revolves around fundamental issues to which no compromise is possible.*

Penerusan Gerakan Salibiyyah

Seperti ditegaskan tadi, salah satu akibat Perang Salib ialah betapa ianya telah membuka mata orang-orang Eropah untuk menjajah. Pada hakikatnya, siri Perang Salib itu sendiri sudah merupakan percubaan-percubaan ke arah penjajahan, tetapi malangnya mereka gagal. Tetapi ini tidak bermakna Perang Salib sudah tamat, sebab di hati mereka masih terbuku dendam kesumat yang hanya menanti saat dan ketika untuk digerakkan semula. Dan saat tersebut sudah pun tiba, iaitu sebaik sahaja dunia Barat dapat menghirup tamadun Islam, yang dengan itu telah memberi semangat baru pada mereka.

Jika dulunya Perang Salib I tercetus kerana kemaraan orang-orang Islam yang terus-menerus mengancam kerajaan Byzantine, yang puncaknya ialah kekalahan mereka dengan pertempuran di Manzikert pada 1071 M., maka kini gerakan Salib yang baru berlaku kerana kecemasan kerajaan Balkan terhadap kekalahan orang-orang Eropah berturut-turut di tangan kerajaan Turki Usmaniyah (1290 — 1922 M.) di zaman Sultan Murad I. Oleh itu kerajaan Balkan meminta bantuan dari Pope Urban V agar mempengaruhi raja-raja Eropah lain menyertainya memerangi kaum Muslimin. Meskipun kemudiannya terbentuk tentera-tentera bersekutu, namun mereka tewas juga dalam Perang Ritza pada tahun 1363 M., sehingga Balkan sendiri jatuh ke tangan orang-orang Islam.

Sultan Murad I digantikan oleh puteranya Bayazid I (1389 — 1402 M.), dan di zamannya berlaku sekali lagi Peperangan Salib. Di zamannya wilayah Islam semakin diperluaskan, sehingga pernah menyerang kota Constantinople pada 1391 — 1398 M.. Kerana bimbangkan nasib negerinya, Raja Sigmund dari Magyar, Hungary lalu meminta Pope Bonaficius mempengaruhi raja-raja Eropah untuk menggempur orang-orang Islam tersebut. Maka tercetuslah peperangan antara tentera-tentera bersekutu melawan kerajaan Turki pada 1396 M. di Nicopolis. Dalam pertempuran ini orang Eropah tertewas, bahkan Raja Sigmund sendiri melarikan dirinya.

Di zaman Sultan Murad II (1421 — 1451 M.), kaum Salib hampir berjaya menampung kegagalan-kegagalannya yang lalu. Dengan kemenangan-kemenangan yang dicapai oleh John Hunyade, seorang pahlawan Magyar, terhadap tentera-tentera

Murad II itu, timbullah semangat baru bagi raja-raja Eropah. Oleh Pope Eugene VI diadakannya persidangan di Florence, yang akhirnya terbentuklah tentera-tentera bersekutu dari bangsa-bangsa Serbia, Bulgaria, Bosnia, Albania, Rumania, Hungary dan Italy. Pada tahun 1443, berlakulah pertempuran di Belgrade antara tentera-tentera Turki dengan kaum Salib pimpinan John Hunyade yang mana mereka (kaum Salib) mencapai kemenangan. Bagaimanapun, pada 1448, angkatan perang Hunyade dapat dihancurkan di Kossova, hingga beberapa wilayah yang terlepas dulu dapat direbut kembali.

Puncak kekalahan orang-orang Eropah ialah dengan jatuhnya kota Constantinople (*The City*) di tangan Sultan Muhammad II (1451 — 1481) pada bulan Mei 1453. Inilah pusat kerajaan Byzantine yakni kerajaan Rom Timur yang sejak zaman berzaman cuba ditakluki oleh kaum Muslimin, tetapi masih tetap utuh. Tetapi akibat sengketa yang hebat antara Gereja Constantinople yang bermazhab Ortodoks dengan Gereja Rom yang bermazhab Katolik, kota ini tidak dapat dipertahankan lagi. Dikatakan bahawa Pope enggan bekerjasama dengan Byzantine ketika diminta oleh Maharaja Constantine XI, walaupun rakyat Byzantine sendiri membantah sikap maharajanya yang meminta pertolongan Pope.

Walau apa pun sebabnya, kejatuhan Constantinople akhirnya menyedarkan orang-orang Eropah. Sambil mengisytiharkan betapa terancamnya mereka kini, kaum Kristian cuba membentuk pasukan Salib lagi. Malangnya, kerajaan Turki dapat menewaskan mereka, bahkan dapat pula menakluki Dalmatia, Crotia dan Venice.

Kemenangan Turki yang berturut-turut itu menimbulkan masalah besar bagi Eropah, hingga terkenallah ia dengan panggilan 'Masalah Timur' yang semestinya diusir dari Eropah. Dengan itu ketika Turki diperintah oleh Sulaiman 'The Magnificent' (1520 — 1566), Raja Louis dari Hungary telah menentangnya dalam Peperangan Mohacs tetapi tewas. Seterusya Venice dengan sokongan Pope dan raja-raja Kristian mengisytiharkan peperangan terhadap Turki, tetapi telah ditewaskan oleh laksamana besar Turki iaitu Khairuddin Barbarossa. Kemudiannya di zaman Sultan Salim II (1566 — 1574) pula, Turki terpaksa menghadapi serangan dari dua kuasa besar; kerajaan Hapsburg yang menguasai Austria, Hungary, Sepanyol dan Selatan Itali serta kerajaan Venice. Dalam Peperangan Lepante pada 1571 ini, Turki mengalami kerugian yang besar, tetapi dua tahun kemudian tentera Turki dapat memukul kembali musuh-musuhnya itu.

Sebenarnya sejak pemerintahan Sultan Salim, kerajaan Turki mulai menempuh zaman-zaman keruntuhannya. Jika dulu peranan Turki lebih banyak sebagai penyerang, tetapi kini hanya sekadar

menangkis serangan-serangan musuh sahaja. Dengan sokongan dari Rudolf II, raja Ostenrik dan empayar Jerman, bangsa-bangsa Magyar, Falakh dan Transylvania cuba memberontak untuk melepaskan diri dari kekuasaan Turki pada zaman Murad III (1574 — 1595). Dan kemudiannya pada zaman Osman II (1618 — 1623), berlaku suatu peperangan dengan tentera Poland pada 1620 yang berakhir dengan kemenangan Poland.

Dengan kebangkitan Eropah, diperkuatkanlah kerjasama antara mereka buat menghancurkan kerajaan Turki Othmaniyah. Atas sokongan Pope, dibentuk penyatuan tenaga antara Raja Ludwig XIV dari Perancis, raja Jerman dan Kaisar Ostenrik yang disertai juga oleh Poland, Venice, Malta dan lain-lain. Dalam peperangan yang berlaku di Weeneh pada 1663 itu, tentera-tentera Islam tewas. Kemudiannya berturut-turut Turki ditewaskan oleh Rusia, diikuti oleh Austria, dan seterusnya dengan penyatuan tenaga-tenaga Venice, Austria, Rusia dan Poland, mereka dapat merebut kota-kota penting.

Tahun-tahun berikutnya, lebih memalapkan lagi sejarah Turki. Dengan kerjasama Austria, Prince Eugene of Savoy mengalahkan Turki dalam Peperangan Petewarden pada 1716 yang membawa kepada kehilangan besar jajahan-jajahannya dulu. Kemudiannya pada 1770, Rusia pula mengalahkan Turki dalam Peperangan Chesme, yang juga menyebabkan hilangnya lagi jajahan-jajahannya. Dan sehingga abad ke-19, kerajaan Turki seolah-olahnya tinggal nama sahaja, sebab terus-menerus terancam hingga digelar '*The Sick Man of Europe*'.

Ancaman pertama datangnya dari Napoleon Bonaparte, yang pada 1789 berjaya mendarat di Mesir. Bagaimanapun, dengan 'kerjasama' kerajaan Inggeris dan Rusia yang bimbang terhadap akitiviti Napoleon itu, akhirnya Sultan Salim III berjaya mendapat kembali wilayah Mesir. Sejak itu, Turki mulai menyedari bahawa nasibnya adalah terletak di atas tawar-menawar kuasa-kuasa besar. Melihat kekuatan tentera-tentera Eropah tersebut, terfikirlah Sultan Salim untuk menyusun semula angkatan tenteranya. Malangnya, tindakan ini menyebabkan kaum Inkisyariah memberontak, dengan disokong pula oleh fatwa '*Syeikhul-Islam*', bahawasanya seorang sultan yang memasukkan peraturan orang-orang Eropah yang didakwa menyimpang dari syariat Islam, tidaklah layak lagi menjadi raja. Dengan fatwa tersebut, hilanglah kekuatan sultan, sehingga setelah dua hari menghadapi pemberontakan mereka, akhirnya terpaksalah baginda turun dari takhta.

Sejak itu hinggalah kejatuhannya pada tahun 1922, kerajaan Turki semacam tinggal nama sahaja. Tekanan demi tekanan telah dilancarkan oleh kuasa-kuasa Eropah, sedang pemerintah tidaklah berdaya mengatasinya. Dengan tercetusnya Perang Dunia Per-

tama, tamatlah riwayat keagungan Turki untuk selama-lamanya. Begitu benci dan dendamnya orang-orang Eropah terhadap umat Islam terbukti jelas apabila Palestin dapat direbut oleh Inggeris. Waktu itu berkatalah Lord Allenby, pemimpin angkatan perang Inggeris: "Sekarang barulah berakhir Perang Salib merebut Palestin!" Ertinya dendam permusuhan orang-orang Barat terhadap Islam tidak pernah padam, dan tidak akan padam selagi Islam dilihatnya sebagai satu-satunya kuasa yang pernah menggugatnya sekian lama.

Bahagian 4
Islam di Eropah

BAB 29: KERAJAAN ISLAM DI SEPANYOL

Kenaikan Kerajaan Umayyah di Sepanyol

APABILA wilayah-wilayah Sepanyol jatuh ke tangan Tariq bin Zaid dan Musa bin Nusair pada zaman al-Wahid bin Abdul Malik, maka bermulalah pemerintahan Islam di sana. Gabenor pertama yang dilantik ialah Abdul Aziz, putera Musa sendiri. Bagaimanapun, dia hanya sempat memerintah selama dua tahun sahaja, kerana dibunuh oleh tenteranya sendiri atas tuduhan terlampau melayani orang-orang Kristian. Sungguhpun pihak tentera mengemukakan Ayub bin Hubaib sebagai gabenornya, tetapi dia juga tidak lama memerintah kerana tidak direstui oleh gabenor di Afrika Utara. Sejak itu berganti-gantilah gabenor memerintah di Sepanyol, hingga dikatakan jumlahnya mencapai 20 orang.

Ada dua sebab kenapa timbul masalah rebutan kuasa tersebut. Pertama, kerana anggapan gabenor di Afrika Utara bahawa merekalah yang lebih berhak menentukan gabenor di Sepanyol, bukannya khalifah Umayyah di Damshik, oleh sebab Sepanyol ditakluki terus dari Afrika. Keduanya ialah masalah perkauman di kalangan tentera Islam sendiri, iaitu di antara kaum Qais dengan kaum Yamani. Kita telah pun membicarakan sebelumnya bahawa sikap fanatik kesukuan ini telah dipupuk oleh kerajaan Umayyah sendiri, dan kesannya buruk sekali. Bagi wilayah Sepanyol, masalah inilah yang menyebabkan pemerintahannya sentiasa bergoyang.

Sengketa sesama sendiri itu memang disedari oleh kaum-kaum Qais dan Yamani tersebut. Sebagai jalan penyelesaiannya, telah diputuskan bahawa mereka akan bergilir-gilir menjadi gabenor selama setahun. Gabenor pertama dilantik ialah dari Bani Qais, iaitu Yusuf bin Abdul Rahman al-Fihri (dari kerajaan Abbasiah) yang berpusat di Cordova. Tetapi sungguhpun sudah genap setahun dia memerintah, dia masih enggan menyerahkan kuasanya kepada kaum Yamani seperti yang dijadikan. Dengan itu bermula kembali masalah rebutan kuasa dan pertumpahan darah, yang nampaknya sering dimenangi oleh kaum Qais.

Dalam suasana kucar-kacir seperti ini muncullah Abdul Rahman bin Muawiyah, cucu Hisham bin Abdul Malik, khalifah Bani Umayyah yang ke-10. Seperti diketahui, kerajaan Abbasiah di Baghdad sedang menjalankan gerakan sapu bersih terhadap saki-

baki keturunan Umayyah. Mujurnya Abdul Rahman dapat meluluskan dirinya dari khemah tahanan Abbasiah. Untuk menyelamatkan dirinya, terpaksalah dia menyamar diri selama lima tahun, dan mengembara seperti di Palestine, Mesir dan Afrika Utara. Setiba di Ceuta (Afrika Utara), beliau diberi sambutan baik oleh orang-orang Barbar, yang dikatakan mempunyai hubungan keluarga dengan emak saudaranya.

Dari Ceuta ia mengutus pegawainya yang setia, Badar, untuk meninjau pandangan orang-orang Syria di Sepanyol, kerana selama ini orang-orang Syria (Sham) memangnya merupakan tulang belakang kerajaan Umayyah. Dengan bantuan mereka serta sokongan kaum Yamani yang memang memusuhi Yusuf al-Fihri itu, maka dapatlah Abdul Rahman menewaskan gabenor tersebut dalam pertempuran di Masrah pada tahun 756 M. Dengan ini bermulalah kembali pemerintahan Bani Umayyah, tetapi kali ini dalam bentuk dan wajah baru.

Kejayaan Abdul Rahman bin Muawiyah mendirikan kerajaan Umayyah di Sepanyol telah mengkagumkan Abu Jaafar al-Mansur sendiri, sehingga digelarnya *Sakkar Quraisy* (Garuda Quraisy), kerana dia telah 'terbang' ke sana. Tetapi dalam sejarah, beliau lebih terkenal dengan nama Abdul Rahman al-Dakhili ('yang masuk'). Sejak 756 hingga 1031 M., kerajaan Sepanyol terus diperintah oleh Bani Umayyah.

Sebenarnya pemerintahan Islam di Sepanyol dapat dibahagikan kepada dua peringkat:

1. Zaman kerajaan Umayyah, yang terbahagi kepada dua peringkat pula:
    1. Zaman pemerintahan amir (756 — 712 M.)
    2. Zaman pemerintahan khalifah (712 — 1031 M.)
2. Zaman kerajaan-kerajaan kecil (*Muluku-Tawaif*) iaitu seperti berikut:
    1. Kerajaan Zirriyah di Granada (1012 — 1090 M.)
    2. Kerajaan Bani Hamud di Malaga (1016 — 1090 M.)
    3. Kerajaan Najibiyah dan Hudiyah di Saracosta (1019 — 1141 M.)
    4. Kerajaan Amiriyah di Valencia (1021 — 1085 M.)
    5. Kerajaan Bani Ubbad di Sevilla (1023 — 1091 M.)
    6. Kerajaan Jahuriyah di Cordova (1031 — 1085 M.)
    7. Kerajaan Zin-Nun di Toledo (1035 — 1085 M.)
    8. Kerajaan Bani Akhmar (1232 — 1492 M.)

Dalam masa-masa tertentu, wilayah-wilayah di Sepanyol pernah diperintah oleh kerajaan-kerajaan Murabitin dan Muwahidin, iaitu kerajaan-kerajaan kecil di Afrika.

Kegiatan Intelektual di Sepanyol

Cordova in the tenth century was the most civilized city in Europe, the wonder and admiration of the world, a Vienna among the Balkan states. Travellers from the north heard with something like fear of the city which contained 70 libraries and 900 public baths; yet whenever the rulers of Leon, Navarre of Barcelona needed such things as a surgeon, an architect, a dressmaker or a singingmaster, it was to Cordova. (J.B. Trend).

Sebenarnya, Prof J.B. Trend bukanlah sendirian dalam pendapatnya ketika memuji kemajuan Cordova atau Sepanyol, di zaman pemerintahan Islam. Di sampingnya, berdiri sarjana-sarjana lain, yang sependapat dengannya, seperti Dr. Philip K. Hitti, Dr. Stanley Lane Poole dan Alfred Martin.

Ilmu Naqliyyah

Tidak banyak yang dapat diperkatakan tentang kemajuan dalam bidang ini, kecuali sekitar kegiatan khalifah-khalifah untuk memberi tempat istimewa kepada mazhab Maliki. Khalifah Hisham bin Abdul Rahman (788 — 786 M.) misalnya, telah memberi kedudukan istimewa kepada ulama-ulama mazhab Maliki untuk menjawat hampir kesemua jawatan-jawatan penting agama. Salah seorang daripadanya ialah Yahya bin Yahya al-Laisi, bekas murid Imam Malik sendiri. Sebenarnya, yang pertama sekali mengembangkan mazhab ini di Sepanyol ialah Ziyad bin Abdul Rahman al-Lakhmi.

Di antara ulama-ulama besar di Sepanyol ialah Ibnu Rusyd, yang juga seorang tokoh falsafah. Sejak dari kecil lagi beliau terdidik menurut aliran Maliki, tetapi dalam karya fiqhnya yang besar **Bidayatul-Mujtahid**, beliau banyak membuat perbandingan antara mazhab-mazhab dengan menyebut hujah masing-masing. Bagaimanapun, terdapat juga tokoh-tokoh mazhab Shafie, seperti Ahmad bin Abdul Wahab dan Osman bin Abu Said al-Kanani, atau tokoh mazhab Zahiri seperti Munzir bin Said al-Baluti. Selain mereka terdapat Abu Bakar bin Qutiyah serta Ibnu Hazm, seorang ilmuan yang telah menulis sebanyak 400 kitab tentang berbagai bidang pengetahuan, dan dikenali sebagai pemikir agung di Sepanyol.

Ilmu Aqliyyah

Seperti di Baghdad juga, kemajuan dalam bidang ilmu-ilmu sekular juga melebihi bidang ilmu keagamaan. Dan segi ini, kita tidak dapat melupakan peranan khalifah-khalifah yang sangat

mengambil berat tentangnya, seperti Abdul Rahman al-Nasir (912 — 961 M.) dan penggantinya al-Hakam (961 — 967 M.) yang juga merupakan seorang sarjana.

Ilmu Falsafah

Walaupun polisi khalifah-khalifah di Sepanyol terhadap ilmu falsafah ada maju-mundurnya, namun perkembangannya tidak pula tersekat, malah lahir tokoh-tokoh falsafah yang handal. Pertamanya, ialah Ibnu Bajah (meninggal 1138 M.), wazir Sultan Ali, pemerintah Saragossa. Sebagai pemikir, dia menolak karya al-Ghazali **al-Muniqidhu minad-dhalal** kerana baginya amalan tasawuf itu sebagai jalan khayal yang remeh lagi menyesatkan. Sebaliknya Ibnu Bajah menganjurkan cara *uzlah*, yakni menyendiri agar tidak ditelan oleh arus keburukan-keburukan kehidupan masyarakat.

Selepas beliau, terdapatlah nama Ibnu Tufail (1110 — 1185 M.). Dalam praktisnya, beliau adalah doktor peribadi Abu Ya'qub Yusuf al-Mansur, khalifah kedua kerajaan Muwahidin, tetapi beliau lebih terkenal sebagai pemikir melalui roman falsafahnya, **Hayy bin Yaqzhan.** Seperti Ibnu Bajah juga Ibnu Tufail kurang senang dengan cara al-Ghazali yang mendasarkan amalan sufi untuk memecahkan persoalan hubungan antara manusia dengan Allah.

Atas inisiatif Ibnu Tufail, terkumpullah para cendekiawan di istana khalifah, yang antaranya ialah Ibnu Rusyd (1126—1198 M.). Seperti disentuh tadi, Ibnu Rusyd juga adalah tokoh fiqh yang handal, di samping seorang doktor yang terkenal. Bagaimanapun, dalam bidang falsafahlah namanya lebih masyhur, terutama sanggahannya (tentangannya) terhadap pendapat al-Ghazali. Jika kedua-dua ahli falsafah sebelumnya, agak lunak kecaman mereka terhadap al-Ghazali, tetapi di tangan Ibnu Rusyd ketokohan al-Ghazali telah dicabar dan digugat. Melalui karyanya **Tahafutut-Tahafut**, Ibnu Rusyd cuba membela kembali ilmu falsafah dari serangan al-Ghazali dalam bukunya **Tahafutul-Falasifah.**

Mengenai tiga masalah yang dikafirkan oleh al-Ghazali tersebut, Ibnu Rusyd dengan tegas menolaknya. Baginya, pengkafiran dalam masalah kebangkitan jasmani tidak beralasan, kerana bagi filosuf-filosuf masalah ini adalah persoalan teori. Pengkafiran dalam persoalan tidak mengetahuinya Tuhan terhadap perkara-perkara kecil juga tidak tepat, kerana ini bukan pendapat ahli-ahli falsafah. Dan, akhirnya pengkafiran dalam masalah qadimnya alam juga salah, kerana pengertian qadimnya alam, tidak sama dengan apa yang difahami oleh para ulama ilmu kalam.

Dengan penolakan yang terus-menerus terhadap pemikiran al-Ghazali itu, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa, Sepanyol telah meletakkan dirinya semakin jauh terpisah dari aliran Timur yang lebih menyenangi falsafah kerohanian al-Ghazali, sebaliknya membawa falsafah Islam ke jurusan kebendaan.

Ilmu Sains dan Perubatan

Seiring dengan ilmu falsafah, Sepanyol juga mengalami kemajuan yang pesat dalam bidang-bidang sains. Dalam bidang astronomi misalnya, terdapatlah nama-nama seperti al-Majriti, al-Zarqali, Ibnu Aflah dan al-Bitruji. Dikatakan yang al-Zarqali telah mencipta semacam *astrolabe* yang dinamakannya '*Safiha*', dan kemudiannya menulis sebuah buku tentangnya. Melalui kajiannya al-Zarqali dapat mengukur dan menentukan masa gerhana bulan dan jarak jauh antara cakrawala-cakrawala, seperti jarak antara matahari dengan bintang-bintang dan jarak antara bumi dengan bulan. Sebenarnya, orang yang pertama mengetahui hal ini ialah al-Fazari, ahli astronomi zaman al-Mansur. Tentang al-Bitruji, kejayaan utamanya ialah mengusahakan ilmu perjalanan bintang-bintang yang ditulisnya dalam sebuah buku besar.

Mengenai ilmu botani, sumbangan mereka yang utama sekali ialah dari segi penyelidikan. Antara kebun-kebun penyelidikan yang terkenal ialah kebun raya *generalife* di Granada. Dan antara penyelidik-penyelidiknya ialah Ibnul-Baytar dan Ibnul-Awwam. Bagi Ibnul-Baytar, daerah penyelidikannya tidak terbatas pada negeri asalnya sahaja, bahkan meliputi Afrika Utara dan Asia Barat. Karyanya yang terkenal ialah **al-Jami fil-Adwijah al-Mufradah.** Tentang Ibnul-Awwam, risalahnya menerangkan cara penanaman lebih 5000 pohon buah-buahan dan membicarakan 585 jenis tumbuh-tumbuhan. Digambarkannya mengenai penggemburan dan pengolahan serta penjagaan tanah, di samping membahas asal kejadian dari berbagai-bagai penyakit pohon dan cara pembasmiannya. Risalahnya yang berjudul **al-Filahah** dianggap karya terbaik di zaman itu.

Seorang tokoh sains yang lain, Abbas ibnu Firnas dikatakan telah pernah mencuba membuat sayap seperti burung, kemudian dipakai kiri kanan tangannya dan melakukan penerbangan dalam jarak yang agak jauh. Dengan itu beliau dianggap orang yang pertama berfikir tentang penerbangan manusia di angkasa, di samping orang pertama juga membuat kaca dari batu.

Bagaimanapun, dalam bidang perubatanlah orang-orang Islam Sepanyol telah memperlihatkan keunggulannya. Antara tokoh-tokoh yang awalnya ialah Hasday bin Shahprut (meninggal 990 M.), seorang doktor istana dan juga sebagai menteri di Cor-

dova. Pernah Maharaja Constantine II dari Byzantine menghadiahkan sebuah manuskrip **Materia Medica** karya Dioscurides kepada khalifah Cordova. Dengan bantuan Pendeta Nicholas, Hasday terus menterjemahkannya ke bahasa Arab. Seorang doktor di istana al-Hakam II di Cordova yang lain, iaitu Abdul-Qassim Zahrawi (meninggal 1013 M. pula telah menulis sebuah buku perubatan **At-Tasrif**. Kandungannya yang terdiri daripada 30 bab itu, memuatkan gambar perkakas-perkakas kedoktoran, dan bahagian akhirnya tentang penyakit gigi dan cara pengubatannya. Sebagai doktor, beliau dianggap pakar bedah yang terbesar bagi orang-orang Arab.

Ini diikuti oleh tokoh-tokoh angkatan kedua, seperti Ibnu Zuhr, Ibnu Rusyd dan Ibnu Tufail yang kesemuanya itu merupakan doktor istana belaka. Ibnu Zuhr (meninggal 1162 M.) juga menulis sebuah buku iaitu **At-Taisir** hasil dari praktiknya sehari-hari, bukannya berasaskan karya-karya Yunani. Tentang Ibnu Rusyd (meninggal 1198 M.), sahabat dan murid Ibnu Zuhr, beliau juga mempersembahkan sebuah *masterpiece* dalam kajian perubatan, iaitu **Kulliyat fit-Tib** yang terdiri dari 16 jilid. Mengenai Ibn Tufail (1110 — 1185 M.) yang menjadi doktor di istana Khalifah Abu Ya'qub Yusuf al-Mansur itu, beliaulah yang bertanggungjawab membawa Ibnu Rusyd ke istana khalifah.

Sepanyol juga telah melahirkan seoranga doktor ternama, Ibnul-Khatib (1313 — 1374 M.). Beliau yang juga ahli falsafah dari Granada pernah menulis sebuah risalah tentang teori '*contagion*' (penularan penyakit). Katanya: "Adapun penyakit yang menular, dapat diketahui melalui penyelidikan, pengalaman dan belajar, juga melalui perasaan. Begitu juga dapat dipergunakan hasil-hasil laporan, misalnya, penyakit berpindah melalui pakaian. Selain dari itu penularan dapat juga disebabkan seorang yang datang dari seberang laut, di mana terdapat *epidemic* (wabak)." Sebenarnya, pada abad ke-14 (1348 — 49 M.) Sepanyol pernah diserang wabak penyakit yang membawa kematian beribu-ribu orang. Timbulnya kejadian seperti inilah yang merangsang doktor-doktor Islam berjuang dengan gigih mengatasinya.

Kesenian

Seperti di Baghdad, kerajaan Sepanyol juga sangat memperhatikan perkembangan kesenian, seperti sastera, muzik dan nyanyian serta senibina. Tentang sastera, yang cukup terkenal ialah Muhyiddin ibnul-Arabi (meninggal 1240 M.), sehingga digelar oleh orang orang Barat sebagai '*Doctor Maximus*', sarjana yang sukar diatasi. Karya ulungnya berjudul **Kitab al-Isra**. Di samping itu, terdapat pengarang yang bernama Ibnu Quzman, yang selama hidup-

nya di Sepanyol telah menghabiskan usianya mengumpul berbagai rupa syair anak negeri dari bermacam loghat.

Sebenarnya dalam kegiatan sastera dan budaya, bukan orang-orang Islam saja memainkan peranannya. Memang rakyat Sepanyol terbahagi dua golongan; pertama, golongan Islam yang disebut 'Moor', dan keduanya orang-orang Kristian tetapi berbudaya Arab yang digelar 'Mozarabes' (*Moses-Arabes*). Yang jelas, kedua-dua golongan ini sama-sama berperanan dalam perkembangan kebudayaan Sepanyol. Lantaran tingginya kedudukan bahasa Arab di Sepanyol itu hingga menjadi bahasa rasmi setiap bangsa, lalu lahirlah ahli-ahli bahasa yang ulung. Yang terpenting sekali ialah Ibnu Malik, yang kitab **al-Fiahnya** itu menjadi rujukan sehingga sekarang. Selainnya terdapat Ibnu Khuruf, Abu Ali al-Ashbili, Ibnu Hassan, al-Hamidi, al-Dibbi dan Ibnul-Khatib.

Antara penyair-penyair yang terkenal ialah Ibnu Hani (326 — 363 H.), yang di samping kecekapannya dalam menggunakan bahasa yang indah, adalah juga pemuja yang keterlaluan. Juga terdapat Ibnu Abdun (meninggal 520 H.) yang sajak-sajaknya menjadi bahan sejarah. Bagaimanapun, seorang sasterawan yang karyanya cukup bernilai ialah Ibnu Abdi Rabbih (meninggal 328 H.). Karangannya **al-Iqdul-Farid** bukan saja mengandungi kisah-kisah perbandingan, bahasa dan sajak, bahkan meliputi segala bidang ilmu seperti muzik dan perubatan. Beliau merupakan seorang ulama yang sangat mengetahui tentang manusia dan sajak-sajaknya bersifat drama (*Al-Shi'rul Qassasi)* yang jarang-jarang ada di kalangan pengarang Arab.

Dalam bidang seni muzik dan nyanyian, Sepanyol juga tidak kalah dengan Baghdad. Dari segi sejarah, orang Islam pertama menulis teori muzik ialah Yunus al-Katib (meninggal 765 M.) dan disusuli pula oleh al-Khalil (meninggal 791 M.). Sebenarnya al-Khalil merupakan orang yang pertama menyusun pantun dan syair Muslim yang terbaik, malah orang pertama pula menulis kamus di samping banyak mengkaji tentang seni muzik. Dikatakan bahawa teori muzik al-Khalil telah dibawa ke Sepanyol oleh Ibnu Firnas, seorang profesor muzik di berbagai universiti Sepanyol. Teori muzik al-Khalil kemudian menjadi buku teks oleh mahasiswa universiti-universiti di Sepanyol. Sepeninggalan Ibnu Firnas, ilmu muzik di Sepanyol dilanjutkan oleh Maslama al-Majriti (meninggal 1007 M.). Seorang pencipta lagu-lagu yang terkenal ialah Hassan bin Nafik atau nama samarannya Zaryab.

Mengenai senibina, sarjana-sarjana barat tidak berputus-putus mengakui keunggulan Sepanyol. Dikatakan bahawa kota Cordova adalah kota tercantik di dunia, mempunyai 600 masjid, 900 tempat mandi untuk umum, 50 hospital dan lebih dari 800 sekolah, sebuah

perpustakaan umum yang besar mengandungi 600,000 jilid buku-buku di samping 70 perpustakaan swasta dan sebuah Masjid Jami' dengan 860 tiangnya yang besar dan cantik dengan berbagai warna berkilau-kilauan . Ujar Alfred W. Martin: *When London was a city of hovels and the stench in its streets such that no one could breathe its air with impunity, Cordova was noted for the cleanliness and beauty of its streets and squares ...*

Bagaimanapun, akhirnya kota Cordova menjadi terlalu padat, dengan penduduknya melebihi ½ juta, gedung-gedungnya lebih dari 113,000 buah, di samping 28 buah istana besar, 300 buah tempat mandi dan 3,000 masjid. Dengan itu Khalifah Abdul Rahman al-Nasir lalu memikirkan untuk mendirikan kota baru di utara kota Cordova, yang diberi nama kota Zahra, sempena nama isteri jelitanya yang tercinta. Seperti Cordova juga, al-Nasir membina kota Zahra lengkap dengan istana dan masjid yang sangat indah.

Demikianlah Sepanyol dengan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan Islam di Barat dan terpisah dari Baghdad, masih mampu memperlihatkan perkembangan keintelektualannya yang tersendiri, sehingga dapat pula menyaingi kemasyhuran Baghdad. Pada hakikatnya, kemajuan tersebut timbul lantaran wujudnya perlumbaan kuasa dan suasana politik yang tidak pernah stabil di antara keduanya.

Serangan Kaum Kristian

Ketika kerajaan-kerajaan Islam di Sepanyol sedang menuju perpecahannya, ketika itulah kerajaan-kerajaan Kristian mengadakan persiapannya di kalangan mereka. Yang dulunya berpecah-belah tetapi kini bersatu kembali. Dan bagi menyatukan dua kerajaan yang kuat, dilaksanakanlah perkahwinan antara King Ferdinand dari Aragon dengan Queen Isabella dari Castille. Dengan kekuatan seperti ini, maka dilancarkan suatu serangan yang hebat ke atas kerajaan Bani Akhmar di Granada pada 1492 M., iaitu kerajaan Islam yang terakhir di Sepanyol. Dengan penyerahan dari Abu Abdullah yang memerintah kerajaan tersebut, maka berakhirlah sejarah pemerintahan Islam di Sepanyol selama lebih 8 abad itu.

Pada 30 Mac 1492, dikeluarkanlah perintah bahawa setiap orang Yahudi yang enggan dibaptis dalam umur berapa pun atau dalam keadaan apa pun, mestilah meninggalkan Sepanyol dalam masa tiga bulan, jika tidak, terpaksa menerima hukuman mati. Dan pada Februari 1502, dikeluarkan pula perintah mengusir bangsa-bangsa pendatang (Islam) dari bumi Seville, dan sekitarnya jika mereka enggan dibaptiskan. Mereka mestilah meninggalkan Sepanyol sebelum bulan April tanpa membawa emas dan

perak, dan tidak pula boleh mengikuti jalan yang menuju ke negeri Islam. Hasil dari syarat-syarat yang sedemikian rupa itu maka kaum Muslimin di Sepanyol, setelah kejatuhannya, menghadapi maut dan kemusnahan.

Kerajaan Sicily (827 — 1091 M.)

Sejarah penaklukan Islam di Sicily bermula sejak zaman Muawiyah bin Abu Sufyan, tetapi baru berhasil pada abad ke 9 M. Ini berlaku pada tahun 827 M., apabila para pemberontakan Syracuse meminta bantuan kerajaan Aghlabiah di Qairawan untuk menghadapi gabenor Byzantine di sana. Raha Aghlabiah, iaitu Ziyadatullah I (817 — 838 M.) segera mengirim bantuan tentera pimpinan Asad ibnul Furat yang kemudiannya dapat menakluki Messina pada tahun 843 M. Pada zaman Ibrahim II (874 — 902 M.), dia berjaya menawan Syracuse pada tahun 878 M., dan Taormina pada 902 M. Dengan demikian sempurnalah penaklukan Sicily, dan untuk selama 24 tahun kemudiannya, Sicily diperintah oleh orang-orang Arab-Islam.

Pada mulanya, Sicily diperintah oleh amir di bawah kerajaan Aghlabiah. Tetapi dengan kejatuhan Aghlabiah pada tahun 909 M., dan di gantikan oleh kerajaan Fatimiyah, lalu Sicily juga mengalami nasib yang sama. Tetapi pada masa pemerintahan Amir Ahmad ibn Qurhub (912 — 916M.), beliau membebaskan diri dari Fatimiyah dan berpihak kepada Khalifah Abbasiah, al-Muqtadir. Tetapi dengan kejatuhan Ahmad pada 917 M., Sicily sekali lagi berada di bawah Fatimiyah. Pada tahun 948 M., raja Fatimiyah al-Mansur melantik Hasan bin Ali bin abil-Husian al-Kalbi sebagai gabenor Sicily, dan pada zamannya beliau cuba meletakkan asas-asas kemerdekaan dan kestabilan. Nampaknya pada zaman Adul-Futuh Yusuf bin Abdullah al-Kalbi (989 — 998 M.), Sicily mencapai zaman kemuncaknya.

Bagaimanapun, penguasaan Islam di Sicily beransur lemah apabila timbul perang saudara dan campurtangan Byzantine yang mana akhirnya membawa kepada penaklukan oleh orang-orang Norman. Ini bermula dengan kejatuhan Messina pada tahun 1060 M., ke tangan Count Roger, Palermo pada 1071 M., dan Syracuse pada 1085 M., dan berakhir pada 1091 M. Namun demikian walaupun kini kekuasaan itu sudah jatuh kepada orang-orang Norman, pengaruh tamadun Islam terus berdaulat untuk selama lebih satu abad kemudiannya di Sicily. Ini berlaku sejak pemerintahan Roger I, Roger II (1130 — 1154 M.), dan juga Frederick II (1215 — 1250 M.). Raja Frederick II ini juga menguasai Jerman dan memegang gelaran Maharaja Rom selepas tahun 1220 M., serta menjadi raja Jerusalem setelah berkahwin dengan Isabelle of Brienne pada tahun 1225 M.

Tiga tahun kemudian beliau turut terlibat dalam Perang Salib.

Sesungguhnya jasa terbesar Sicily baik pada zaman pemerintahan Islam mahupun selepasnya adalah sebagai jambatan pengaliran tamaddun Islam ke Eropah, yang kemudiannya mencetuskan Zaman Renaissance. Menurut Philip K. Hitti: *"Since the Norman kings and their successors on the Sicilian throne held not only the island but also Southern Italy, they provided a bridge for the transmission of various elements of Moslem culture into the peninsular and mid-Europe".*

BAB 30: TAMADUN ISLAM DI EROPAH

Peranan Islam dalam Sejarah Eropah

ISLAM adalah agama universal, agama untuk manusia seluruhnya (*al-Anbiya: 107; Saba': 28; al-A'raf: 158*). Kemunculannya membawa bersama konsep kesejagatan. Islam tidak memerlukan sampai berabad-abad untuk menyedari keperibadian universal itu. Menurut Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas: "*The idea of the universal religion did not originate in man's intellect and gradually evolve and develop in his culture and history.*" Ertinya idea universalisme bukannya berasal dari pemikiran manusia, tetapi dari ajaran agama itu sendiri.

Atas sifatnya sebagai agama universal, maka tidak hairanlah jika dengan kemunculannya dengan sekelip mata ia·telah merubah sejarah dunia. Selain dari membawa revolusi besar di Tanah Arab, kemunculan Islam telah memulakan Zaman Pertengahan bagi dunia Eropah. Menurut Henri Pirenne, kemunculan Islam telah membawa dua perubahan besar:

1. Pemusnahan perpaduan kebudayaan (Barat) di sekitar Laut Tengah, yang sejak berabad-abad membentuk cara hidup penduduk-penduduk di situ.
2. Pemindahan punca atau paksi kehidupan bangsa Eropah dari Rom ke utara yang berpusat di Aix La Chapelle sewaktu kerajaan Carolingian (481 — 877 M.) sedang berkuasa di situ.

Dengan perubahan-perubahan tersebut, bermakna kemunculan Islam bukan sahaja merubah 'jasad' (*body*) orang-orang Eropah, bahkan 'jiwa' (*soul*) mereka juga. Bagi Henri Pirenne, perubahan-perubahan seperti inilah yang seharusnya menjadi kriteria sebenar dalam menentukan permulaan Zaman Pertengahan di Eropah. Ertinya, Islamlah yang bertanggungjawab dalam memulakan zaman baru di Eropah. Memang pernah dikatakan bahawa Zaman Pertengahan bermula dengan kejatuhan Empayar Rom pada akhir abad ke-6 M., akibat serangan 'kaum Biadab' Jerman. Sebenarnya menurut Pirenne, pencerobohan 'kaum Biadab' itu tidaklah membawa apa-apa perubahan kepada sejarah Eropah oleh sebab mereka datang dengan kehampaan budaya. Sebab itu setelah menakluki empayar Rom, 'kaum Biadab' itu mengambil gilirannya untuk ditakluki pula oleh

kebudayaan Romawi, hingga terpaksa mengabdi kepada cara dan kebiasaan hidup Romawi, dan dengan demikian memperkukuhkan dan memperkekalkan keadaan yang telah sedia ada.

Ketika menggambarkan suasana Zaman Pertengahan tersebut, Bertrand Russel menegaskan: "*A great deal of the Middle Ages may be interpreted as a conflict between Roman and Germanic traditions: on the one side the Church, on the other the State; on the one side theology and philosophy, on the other chivalry and poetry; on the one side the law, on the other pleasure, passion, and all the anarchic, impulses of very headstrong men.*" Jadi bagi Russell, salah satu ciri Zaman Pertengahan ialah konflik antara kuasa Gereja dengan kuasa negara. Kuasa negara di tangan raja, sedangkan kuasa agama di tangan Gereja. Bagaimanapun, dalam konflik tersebut, kuasa Gereja mencapai kemenangan. Ujar Russell: "*All the armed forces was on the side of the Kings, and yet the Church was victorious.*"

Setelah berabad-abad dunia Eropah mengalami Zaman Kegelapan (*Middles Ages* dinamakan juga *Dark Ages*), timbullah Zaman Baru (*Renaissance*) bagi mereka. Apakah punca yang menimbulkan Zaman *Renaissance* itu? Beberapa teori yang telah dikemukakan untuk mencari sebab-sebab kemunculannya, tetapi semua sebab-sebab itu berpunca dari satu, iaitu akibat hubungannya dengan tamadun Islam. Ada baiknya kita bicarakan sebab-sebab tersebut:

i. Teori pertama mengatakan Zaman *Renaissance* berpunca dari kegiatan menghidupkan kembali klasik-klasik Yunani. Tetapi seperti yang diakui oleh Dr. F.J.C. Hearnshaw, Dr. Stanley Lane Poole, Max Kahn dan Philip Hitti, orang-orang Islamlah yang sebenarnya bertanggungjawab menghidupkannya, malah memberi nafas baru terhadap klasik-klasik Yunani itu di kala dunia Eropah sedang tenggelam di alam tahyul. Kata Dr. Hitti: '*Between the middle of the eighth and the beginning of the thirteenth centuries — the Arabic speaking peoples were the main bearers of the torch of culture and civilisation throughout the world. Moreover, they were the medium through which ancient science and philosophy were recovered, supplemented and transmitted in such a way as to make the Renaissance of Western Europe.*"

ii. Teori kedua pula menganggap Zaman *Renaissance* muncul akibat lenyapnya kekuasaan Gereja dan penghargaan terhadap nilai-nilai perseorangan. Tentang ini pun punca asasinya harus dihubungkan dengan tamadun Islam juga. Menurut Earnest Barker: "*The Crusaders, if they did not remove, at any rate weakened the old clear distinction bet-*

ween sacred and profane, the lay dan the clerical, the temporal and the spiritual; they were the consecration of the fighting laymen, and their way they led to the emancipation of the laity."

iii. Teori lain tentang sebab kebangkitan Eropah ialah dengan terjumpanya (*discovery*) Amerika. Sekali lagi faktornya ini berkait rapat dengan tamadun Islam juga. Sebenarnya ketika Columbus hendak mengembara di Lautan Atlantik, beliau ditentang hebat oleh pihak Gereja. Sidang Salamanque telah memutuskan bahawa hasrat itu bercanggah dengan prinsip-prinsip agama, dan walaupun hal ini ditinjau kembali dan ditelah ucapan pemuka-pemuka agama seperti Christum, Augustine, Jerome, Gregory, Bazel, Ambrose dan disesuaikan dengan semua risalah-risalah para rasul, Injil, Zabur dan lain-lain, namun penelahan ini tetap tidak merubah ketetapan asal. Tetapi Columbus telah dibantu oleh beberapa orang raja Eropah dalam membangkang pendapat Gereja tersebut. Bagi Columbus : "Yang memberi ilham kepadaku untuk melakukan tujuan yang mulia ini, adalah buku-buku dari Ibnu Rusyd!"

iv. Akhirnya, dikemukakan faktor penciptaan alat percetakan sebagai sebab *Renaissance.* Untuk kesekian kalinya, faktor ini pun bertali dengan tamadun Islam juga. Sebenarnya, kilang kertas yang pertama telah ditubuhkan di Baghdad pada 794 M. Seperti yang ditegaskan oleh Dr. Hitti, perkataan *ream* itu adalah berasal dari istilah Arab *risma* yang bermakna suatu bungkusan. Menurut Abbott: *"The material (paper) had entered Europe from the Orient with the coming of Arabs.....its peculiar adaptation to the new method of book-making combined with the use of the press and type to revolutionise the world, making an epoch in affairs more important even than the fall of Constantinople."*

Saluran Tamadun Islam ke Eropah

Melalui Sepanyol dan Sicily

Menurut Dr. A.H. Christie: "Hubungan antara orang Kristian dengan Islam telah lama bermula sebelumnya terjadinya Perang Salib. Berdirinya pemerintahan Islam di Sepanyol, sesungguhnya, bukan saja telah memberi tapak yang kukuh antara Islam dan Eropah Barat, akan tetapi dari *front* itulah orang Islam telah cuba menerapkan pengaruhnya ke atas kebudayaan Eropah. Di Sicily, agama Kristian dan Islam memperolehi kedudukan yang serupa. Daerah Afrika Utara yang seluruhnya diperintah oleh orang

Muslim, telah menyebabkan Laut Meditterannean penuh dengan kapal-kapal orang Islam pulang dan pergi. Semenjak agama Islam muncul, amal salih orang Barat, ilmu pengetahuannya, perdagangan dan segala perbuatan indah Barat, semuanya itu telah mendapat garamnya dari Islam, sebagai hasil dari cekatan-cekatan kaum Muslimin. Adapun pengetahuan Barat, tentang kebaikan teknik dan keindahan, terutamanya dalam pertukangan sebagai yang dibuktikannya, adalah ditempa menurut contoh pertukangan Islam. Odericus Rom, pada tahun 1286, telah mendirikan dan memasang marmar-marmar Gereja Presbytrian di Westminster Abbey, menurut tempaan Islam. Pada tahun 1884, ahli tenun William Morris, telah menemukan baldu-baldu penghias gereja itu, menurut Islam. Demikianlah, tempaan-tempaan Islam sebelum itu, pada waktu itu, hingga sesudah itu pun telah menyegarkan kesenian Barat."

Dalam menyiarkan tamadun Islam ke Barat, negeri Sepanyol dan Sicilylah yang nampaknya memainkan peranan penting. Tentang Sepanyol, yang paling banyak berperanan ialah orang-orang Moor (Islam Sepanyol) serta golongan Mozarabes (*Moses-Arabes*), iaitu orang-orang Islam yang telah dipaksa masuk Kristian, lalu hidup sebagai Kristian tetapi berbudaya Arab. Dengan adanya golongan Mozarabes ini, mudahlah pengaliran '*Artes Arabum*' (Ilmu Arab) ke Barat. Salah seorang daripadanya ialah Petrus Alphonsi yang telah berangkat ke Eropah, lalu menjadi doktor istana King Henry I dan membuka pusat perguruan tinggi untuk menyebarkan pengetahuan Islam di sana. Dua orang penulis Sepanyol yang termasyhur dan bertanggungjawab dalam menyebarkan falsafah Islam di Eropah ialah Raymund Lull dan Raymund Martin. Atas perintah ketua-ketua Gereja, didirikanlah sekolah pertama di Toledo untuk mendidik orientalis-orientalis Barat pada tahun 1250, dan Raymund Martin adalah siswazah yang pertama menamatkan pengajiannya di situ. Orang Eropah pertama yang mendapat pendidikan Islam di Toledo ialah Adelard of Bath, yang kemudian menjadi ahli falsafah dan matematik Inggeris yang masyhur.

Di samping Sepanyol, Sicily juga sangat penting dalam menyalurkan tamadun Islam ke Eropah. Ini tidaklah menghairankan kerana sejak tahun 827, Sicily (Italy Selatan) diperintah oleh Islam, hinggalah ia jatuh kembali ke tangan orang-orang Norman pada tahun 1091 (kira-kira 264 tahun). Tetapi sungguhpun demikian, raja-raja Norman sejak King Roger I dan puteranya Roger II, Frederick II, Manfred dan Charles I, semuanya penyokong kuat pengetahuan Islam belaka. King Roger misalnya, telah mendirikan sekolah-sekolah hukum di Naples dan Amalfi, dan sekolah-sekolah perubatan di Salerno yang dianggap

salah satu daripada universiti pertama di Eropah. Malah, dia jugalah yang pernah dihadiahkan dengan satu glob langit dan peta dunia yang diperbuat daripada perak oleh al-Idrisi, ahli geografi Islam yang terkenal.

Adapun King Frederick II, dialah yang menjadi terusan pengaruh Islam ke Eropah, hingga menimbulkan zaman baru di sana. Dikatakan bahawa sebelum menjadi raja, dia telah mendampingi sarjana-sarjana di Sepanyol dan Mesir di antara tahun 1220-1230 M. Orang kesayangannya ialah Micheal Scott yang telah diperintah agar menyalin buku-buku Arab ke bahasa Latin.

Melalui Perang Salib

Jika proses infiltrasi kebudayaan Islam ke Barat pada mulanya dijalankan secara aman dan mesra maka pada peringkat kemudiannya orang-orang Barat meragut tamadun Islam melalui jalan kekerasan. Jelasnya, melalui Perang Salib yang dilancarkan oleh mereka itu segala ilmu pengetahuan kaum Muslimin telah dibawa ke Barat. Menurut Dr. W.B. Stevenson: "Pengetahuan seni (*arts*) dan sains dari Timur, perkhidmatan awam dan cara pentadbirannya, industrinya yang sungguh sempurna serta kemewahan yang melimpah-ruah lagi menyenangkan kehidupan rumahtangga kelas atasannya, telah dengan hebatnya mempengaruhi Eropah sewaktu Perang Salib hingga ke suatu jangka masa yang panjang."

Hakikat ini tidak perlu dipertikaikan lagi. Pulang perginya ratusan ribu umat Kristian secara langsung ke daerah-daerah Islam itu telah memberi keuntungan-keuntungan kebudayaan kepada mereka. Misalnya, hospital pertama '*Les Qunize-Vingt*' di Paris didirikan oleh Raja Louis IX ketika dia pulang dari Perang Salib. Hampir enam belas tahun (1245-60) dia menempuh berbagai kesukaran dalam perjalanannya dari Palestin, hingga menyebabkan orang-orangnya ditimpa sakit mata. Maka didirikanlah hospital tersebut, yang modelnya berasaskan hospital Sultan Nuruddin di Damshik. Sebenarnya hospital umum di Damshik serta hospital-hospital lain yang didirikan oleh Sultan al-Mansur al-Qalawan banyak menjadi contoh kepada pemuka-pemuka Perang Salib, yang kemudian mendirikan kota-kota besar di Eropah.

Melalui dua cara hubungan di atas — secara aman dan secara kekerasan — maka bangunlah Eropah dari tidurnya yang lama, hingga muncullah suatu zaman baru, yang dalam sejarah Barat dikenali sebagai Zaman *Renaissance.*

Tamadun Islam di Eropah

Berikutnya akan dibicarakan beberapa bidang ilmu yang telah

dibawa ke Eropah yang kemudiannya bertanggungjawab dalam melahirkan Zaman *Renaissance* di sana.

Ilmu Falsafah

Berbanding dengan tokoh-tokoh lain, Ibnu Rusydlah yang nampaknya telah memberi saham yang amat besar terhadap alam fikiran Barat, sehingga mereka amat terhutang budi kepadanya. Sesungguhnya Ibnu Rusyd (*Averroes*) telah menguasai alam pemikiran sejak akhir abad ke-12 hingga akhir abad ke-16, meskipun menghadapi berbagai-bagai gugatan, baik dari golongan Ahli Sunnah di Sepanyol mahupun dari ahli-ahli Talmud dan pemuka-pemuka gereja. Misalnya, beliau pernah disingkir dari istana oleh pemerintah Muwahidin, Abu Yusuf Yaqub al-Mansur. Dan bagi kepala-kepala gereja, Ibnu Rusyd merupakan sumber yang memancarkan mata air ilmu pengetahuan dan kebebasan. Maka tertumpahlah segenap kemarahan mereka terhadapnya, termasuk pengikut-pengikutnya dari golongan Muslim dan Yahudi juga (muridnya yang terbesar dan paling setia, Musa bin Maimon, adalah seorang Yahudi).

Lihat sahaja ketika Christopher Columbus bermaksud untuk mengembara di Lautan Atlantik, beliau telah dihalang oleh pihak gereja. Tetapi dengan dibantu oleh beberapa orang raja di Eropah, beliau tetap dengan pendiriannya. Kata Columbus: "Yang memberi ilham kepadaku untuk melakukan tujuan yang mulia ini, adalah buku-buku dari Ibnu Rusyd!"

Ketika Frederick II menjadi maharaja Rom, beliau telah mendirikan Universiti Naples yang bertujuan untuk menyiarkan ilmu falsafah dan pengetahuan Islam di Eropah. Sebagai seorang yang pernah belajar di Universiti Palermo dan sangat berminat pada pemikiran-pemikiran Ibnu Rusyd, pengajian-pengajian utama di universiti itu ialah menterjemahkan karya-karya Aristotle yang berisi komentar-komentar Ibnu Rusyd, dan kemudiannya berusaha mengirimkannya ke Universiti Paris dan Bologne. Salinan karya-karya Ibnu Rusyd ini banyak diusahakan oleh Michael Scott, kesayangan Raja Frederick II. Kebanyakan salinan Michael Scott adalah mengenai zoologi, sebab Raja Frederick sangat gemar pada haiwan-haiwan.

Atas perintah *General Order of Preaches*, iaitu sebuah badan tertinggi Kristian, diusahakanlah terjemahan kepada karya-karya Islam. Antaranya ialah **Tahafutul-Falasifa** oleh al-Ghazali (Algazel) dan juga **Tahafutut-Tahafut** oleh Ibnu Rusyd. Buku Raymund Martin, **Summa contra Gentiles** adalah sebenarnya berasal dari karya al-Ghazali. Seorang paderi yang juga ahli falsafah, St. Thomas Aquinas telah memerintahkan agar disalin kitab-kitab

Abul-Hassan al-Shaari untuk digunakan oleh pihak gereja bagi melawan arus atheisme di Eropah. Buku tersebut dikenali dengan nama **Loquentes** (*Mutakallimun*).

Sejauh manakah kesan pemikiran Islam terhadap alam fikiran Barat? Untuk mengukur kesannya, haruslah ditinjau alam fikiran Barat serta dibuat perbandingan dengan alam fikiran Timur. Melalui perbandingan ini akan terdapatlah beberapa kesamaan antara keduanya, yang sukar sekali untuk mengatakan yang ianya berlaku secara kebetulan belaka. Misalnya, teori '*Cogito*' dari Descartes yang menyamai dalil 'orang terbang' dari Ibnu Sina (Avicenna), apakah tidak mungkin adanya pengaruh-mempengaruhi di antara mereka? Sebenarnya 50 tahun sebelum lahirnya Descartes (1597-1650), sudah terdapat terjemahan karya-karya Ibnu Sina dalam bahasa Latin yang diterbitkan di Venice (antara 1496-1546). Ketika zaman Descartes, persoalan jiwa dan keabadiannya, menjadi persoalan hangat. Besar kemungkinan pembahas-pembahas Barat ketika itu mencari sumber yang ada memperkatakan tentangnya, dan Ibnu Sinalah orangnya yang paling banyak membicarakannya. Atau boleh jadi Descartes mengenal Ibnu Sina lewat Roger Bacon (1214 — 1291), seorang murid kepada tokoh falsafah Islam.

Kebanyakan buku-buku Ibnu Sina telah diterjemahkan ke bahasa Hebrew dan Latin sebelum abad ke-12. Dan Roger Bacon sendiri mempelajari buku **Falsafah Timur** karya Ibnu Sina tersebut. Ramai sekali murid-murid Ibnu Sina yang terpengaruh dengan pengajiannya. Antaranya ialah Musa bin Maimon (Maimonides), seorang ahli falsafah Yahudi, Albert the Great yang hidup sezaman dengan Padri Thomas, Ulrich of Strasburg (murid Albert), Henri of Ghent, pengikut-pengikut Bonaventure of Bagnoregio termasuk Duns Scotus dan Meister Eckhart.

Jika tadinya dikatakan yang Descartes dipengaruhi oleh Ibnu Sina, tetapi bagi George Henry Lewis, Descartes juga dipengaruhi oleh al-Ghazali. Katanya: "Al-Ghazali telah mengemukakan pendapat-pendapat ilmiah dan metode pengajian yang kemudiannya lahir begitu jelas dalam buku Descartes, **Discourse Sur lu Method** sehingga jika ada naskhah terjemahan kitab **Ihya Ulumiddin** oleh al-Ghazali di waktu itu, sudah tentu tulisan Descartes ini merupakan suatu plagiat yang nyata." Bukti yang amat jelas ialah mengenai 'Teori Sangsi' al-Ghazali yang menyamai Descartes. Kedua-dua tokoh ini telah dibelenggu oleh kesangsian sebegitu jauh sehingga ke darjah menyangsikan wujudnya diri sendiri. Dan sebab-sebab kembalinya mereka kepada keyakinan itu pun hampir-hampir sama. Bagi al-Ghazali; "Saya mempunyai kemahuan dan inilah buktinya saya ada." Sedang bagi Descartes,

"Saya berfikir maka inilah bukti saya ada" *(Cogito urgo sum)*. Bagi mereka kesangsian-kesangsian tersebut bukanlah untuk meruntuhkan, melainkan sebagai jalan ke arah memperolehi pengetahuan dan hakikat yang sebenar. Pengaruh al-Ghazali juga dapat dikesan pada fikiran-fikiran ketuhanan Spinoza, murid Descartes.

Jelaslah bahawa pemikiran-pemikiran Descartes tersebut banyak dipengaruhi oleh fikiran-fikiran sebelumnya, terutamanya dari Ibnu Sina dan al-Ghazali. Di Eropah, Descartes bukannya sebarang orang. Dialah yang mempelopori falsafah moden. Menurut Bertrand Russel: *'Modern philosophy begins with Descartes whose fundamental certainty is the existence of himself and his thoughts, from which the external world is to be inferred. This was the first stage in a development, through Berkeley and Kant, to Fichte, for whom everything is only an emanation of the ego.*"

Mengenai masalah sumber ilmu pengetahuan, pemikiran al-Ghazali juga sangat mendalam pengaruhnya. Bagi al-Ghazali, eksperimen (melalui pancaindera, akal fikiran atau roh) ialah serananya untuk memperolehi pengetahuan. Berasaskan pendapat inilah, ianya mempengaruhi ahli-ahli falsafah Barat menurut kemampuannya masing-masing. John Locke misalnya, memilih aliran pancaindera, sebab katanya: "Tidak satu pun yang ada dalam akal yang tidak melalui pancaindera sebelumnya". Sedang Emmanuel Kant pula berpendapat akallah satu-satunya serana ilmu pengetahuan, kerana pancaindera juga dipunyai oleh binatang, tetapi ia tidak membawa binatang-binatang itu kepada ilmu pengetahuan. Cuma aliran roh yang belum mencapai kematangannya, walaupun Bergson hampir-hampir akan sampai kepadanya.

Tentang al-Kindi, dikatakan yang Roger Bacon dan Cardanus telah memperlihatkan minat mereka yang mendalam terhadap hasil-hasil penyelidikannya. Cardanus setuju dengan pendapat al-Kindi bahawa alam ini sebagai satu unit yang mempunyai pertalian yang begitu rapat hingga apabila kita telah dapat mengenal sebahagiannya dengan sungguh-sungguh, maka ini bererti kita dapat sebuah cermin yang tergambar di dalamnya seluruh alam, dan dengan demikian dapatlah kita mengenal seluruh alam. Adapun mengenai al-Faraby, Dr. Carra de Vaux sendiri mengatakan: "Ilmu logik al-Faraby mempunyai pengaruh yang besar ke atas para pengkaji Eropah yang mengambil berat terhadap ilmu itu."

Berbeza daripada tokoh-tokoh lain, pemikiran Ibnu Tufail mempunyai kesan yang tersendiri. Karya agungnya **Hayy bin Yaqzhan** itu telah diterjemah ke bahasa Latin dan disiarkan bersama naskhah Arabnya di Oxford pada tahun 1671, dan kemudiannya diterjemahkan pula ke bahasa-bahasa Eropah lain. Dan kesannya

menurut Paul Bronnle: "Dalam masa yang singkat sahaja kisah ini telah berjaya menarik minat orang ramai seolah-olah seperti ribut besar yang dirasa oleh semua orang dan kekal disanjung tinggi beberapa lama." Tarikannya begitu hebat, sehingga timbul penulis-penulis yang cuba menirunya. Sebenarnya pada tahun 1671 karya, itu disalin ke bahasa Latin oleh Edward Pocock dengan judul **Philosophus Autodidactus**. Kemudiannya pada tahun 1674, George Keith menyalinnya ke bahasa Inggeris, dan pada 1708, George Ashwell sekali lagi menyalinnya ke bahasa Inggeris. Selepas 11 tahun terbitnya terjemahan inilah, baru Daniel Defoe menulis cerita **Robinson Crusoe** yang jelas sekali pengaruh Ibnu Tufail di dalamnya. Malah dia juga mempengaruhi Jonathan Swift untuk karyanya **Gullivers Travel**, serta Edgar Rice Burroughs dengan kisah **Tarzan**. Jadi, kalau asalnya **Hayy bin Yaqzhan** merupakan sebuah roman falsafah, tetapi pengaruhnya lebih memberatkan sastera daripada falsafahnya.

Bagaimanapun, seperti ditegaskan sebelumnya, pengaruh Ibnu Rusydlah yang melebihi pengaruh-pengaruh lain di Barat. Hingga menurut Coulton, pengaruh teori Ibnu Rusyd samalah seperti pengaruh Charles Darwin di zaman moden ini.

Ilmu Sains dan Perubatan

Seperti bidang falsafah, orang-orang Eropah juga banyak memanfaatkan kajian-kajian Muslimin dalam bidang sains dan perubatan. Dalam ilmu fizik, kajian-kajian al-Kindi dalam bidang optika yang diselaraskan dengan teori-teori geometri dan fiziologi telah diterjemahkan ke bahasa Latin dengan judul **De Aspectibus**, dan ianya mempunyai kesan yang amat besar dalam pengajian Roger Bacon. Bagaimanapun dari segi kepintarannya, Ibnul-Haytham (al-Hazen) mengatasi al-Kindi. Tesisnya tentang pengajian optika telah disalin ke bahasa Latin pada 1572 dengan judul **Opticae Thesaurus**, dan menjadi sangat berpengaruh dalam mengembangkan pengajian optika di Barat dan menjadi asas kepada semua pengajian dan penyelidikan di Eropah, seperti oleh Roger Bacon, Leonardo da Vinci dan Johann Kepler. Kepler yang kemudiannya menulis sebuah buku **Dioptrics** (sinar bias) pada tahun 1604 itu, didasarkan seluruhnya kepada karangan Ibnul-Haytham yang berjudul **Ad Vitellionem Paralipmena**. Sebuah buku Ibnul-Haytham yang lain, iaitu **Light** juga disalin dari bahasa Yunani.

Tentang al-Zarqali (Arzachel), bukunya tentang astronomi telah disalin oleh seorang dari Montpellier di Perancis ke bahasa Latin. Raja Alfonso di Castille sendiri menyalin dua buah bukunya. Dan pada abad ke-15, Regiomontanus menerbitkan

kumpulan-kumpulan *'Safiha'* dari al-Zarqali. Adalah satu hal yang nyata, bahawa Copernicus juga terpengaruh pada pendapat-pendapat al-Zarqali dan al-Battani (Albategnius) dalam karyanya **De Revolutionibus Orbium Coelestium.** Demikian juga dengan karangan-karangan Raymond of Marseilles, yang pada hakikatnya merupakan petikan-petikan dari jadual-jadual alam al-Zarqali. Seorang ahli astronomi yang lain, al-Butruji (Alpetragius) telah berjaya menyusun sebuah buku besar tentang perjalanan bintang-bintang. Kerana sangat penting, ia disalin ke bahasa Hebrew oleh Musa bin Tibbon pada abad ke-16, dan disalin pula ke bahasa Latin oleh Kalonymos ben David. Dan ketika Raja Alfonso hendak membuat *armillary*, ia meminta bantuan ahli-ahli astronomi Islam untuk mendirikannya. Sebenarnya *armillary* adalah salinan gelang pengukur Nasiruddin Tusi.

Mengenai al-Battani tersebut, buku-bukunya telah disalin ke bahasa Latin, dan disusun kembali dalam bahasa Arab oleh Nalino pada 1903. Mengenai al-Fazari pencipta pertama *astrolabe,* bukunya telah disalin ke bahasa Latin oleh Johannes de Luna Hispalenis yang mana dipergunakan oleh universiti Eropah untuk mengajar astronomi. Dari sinilah orang-orang Barat mengetahui benda-benda di cakrawala. Buku-buku astronomi al-Khawarizmi pula, telah disalin ke bahasa Latin, dan pada 1914, diedit semula dan diterbitkan oleh H. Suter di Copenhagen. Antara al-Battani dan al-Khawarizmi, sarjana-sarjana Barat lebih memilih pendapat al-Battani dalam soal astronomi tersebut. Kajian-kajian al-Battani jelas membuktikan betapa tingginya kaedah pengajian-pengajian matematik dalam tamadun Islam. Kalau dulunya orang-orang Greek menggunakan *chord* (tali), tetapi al-Battani menggunakan *sine* di samping juga cara *tangent* dan *contangent.*

Sebuah karya Nasiruddin Tusi tentang ilmu matematik telah disalin ke bahasa Perancis oleh Cara Theodory Pasha di Istanbul. Bagaimanapun, dalam bidang matematik ini, nama al-Khawarizmi sentiasa berada di puncak. Sebuah bukunya tentang soal hitungan dan asal-usul angka telah disalin ke bahasa Latin oleh Prince Boncompagni, dengan nama **Trattati d'Arithmetica** pada 1857 di Rom. Bukunya yang lain tentang ilmu hisab telah disalin ke bahasa Latin oleh Adelard of Bath, dan dua buah yang lain telah disalin oleh Gerard of Cremona. Mengenai bukunya tentang algebra, iaitu **Hisab al-Jabr wal-Muqabalah** telah disalin oleh F. Rosen di London.

Sebenarnya tanpa buku-buku Islam, sukar bagi orang-orang Barat untuk memahami klasik-klasik Greek. Pernah Regiomontanus diperintah agar membuat alat yang berkaitan dengan gerhana bulan, berdasarkan ilmu Ptolemy. Kerana tidak lengkap, dia lalu merujuk kepada buku-buku astronomi Islam. Selesai saja

mencipta alat itu, Regiomontamı lalu menamakannya. *Alidade*, sempena jasa Alidad, seorang ahli astronomi Islam, yang menjadi rujukannya.

Dalam bidang kimia, karangan Jabir (Geber) telah disalin ke bahasa Inggeris oleh Robert Chester dengan nama **Book of Composition of Alchemy** pada 1144. Bukunya yang lain, **Book of Seventy** disalin oleh Gerard Cremona pada 1187 ke bahasa Latin, sedang pada 1678, Richard Russell menterjemahkan buku Jabir **Sun of Perfection.**

Dalam pengajian perubatan pula, zaman kegemilangan bermula dengan al-Razi (Rhazes). Raja Charles I dari Anjou memerintahkan agar diterjemahkan kitab **al-Hawi** (120 jilid) ke bahasa Latin, bahasa rasmi ilmu pengetahuan di Eropah. Penterjemahan ini dilakukan oleh Faraj bin Salim dan Girgenti pada 1279 dengan nama **Liber Continens** ('buku yang dapat dipakai untuk seluruh benua'). Terjemahan-terjemahannya terus-menerus diterbitkan hingga tahun 1486, dan pada 1542, diterbitkan bahagian-bahagiannya sebanyak 5 jilid. Kitab al-Razi yang lain, **al-Kitab al-Mansuri** (10 jilid) diterjemahkan ke bahasa Latin di Milan pada akhir abad 15, dan kemudiannya ke bahasa-bahasa Perancis dan Jerman.

Seorang tokoh perubatan lain, Ali Abbas (Haly Abbas) telah menulis bukunya **al-Kitab al-Maliki** berupa sebuah ensaiklopedia tentang teori dan praktik perubatan. Kitab yang diterjemahkan ke bahasa Latin iaitu **Liber Regius** ini diterbitkan beberapa kali, dan salinannya dalam bahasa Inggeris berjudul **The Whole Medical Art**. Tentang Abul-Qassim Zahrawi (Abulcassis), kitabnya **at-Tasrif** telah diterjemahkan ke bahasa Latin dengan judul **Medical Vademecum.** Buku inilah yang telah meletakkan asas kedoktoran gigi di Eropah. Demikian juga buku Ibn Zuhr (Avenzoar) iaitu **at-Taisir** telah diterjemahkan ke bahasa Latin pada 1280, dengan judul **Theisir** oleh Paravicius, dan dalam bahasa Inggerisnya berjudul **Facilitation of Treatment.**

Mengenai penyakit mata (optika), selain dari Ibnu-Haytham (Alhazen) tersebut, al-Kindi juga banyak mengkaji tentangnya. Bukunya tentang ilmu optika telah disalin ke bahasa Latin dengan nama **Optics**, dan salah seorang pengikutnya ialah Roger Bacon. Adapun kitab ilmu Ibnu Rusyd **Kulliyat fit-Tib**, ianya telah diterjemah ke bahasa Latin oleh Bonacosa pada 1255, dengan judul **Coliget**, dan salinan dalam bahasa Inggerisnya berjudul **General Rules of Medicine.** Kalendar Ibnu Jazlah (1100) tentang penyakit-penyakit dan cara mengubatinya diterjemahkan ke bahasa Latin pada 1532.

Bagaimanapun, tokoh perubatan yang telah mencapai kemuncaknya ialah Ibnu Sina (Avicenna). Kitabnya **al-Qanun fit-Tib**

(Cannon of Medicine) yang dianggap sebuah ensaiklopedia lengkap dalam perubatan dan pembedahan dijadikan teks perubatan di Eropah mulai abad 12 hingga 17. Ia diterbitkan dalam bahasa Latin sebanyak 15 kali dan dalam bahasa Hebrew sekali pada abad 15, dan pada abad 16 dicetak sebanyak 21 kali.

Tidak hairanlah dengan kemajuan yang sebegitu tinggi itu, ilmu perubatan Islam mulai mempengaruhi Eropah sejak pertengahan abad 11 dan lebih-lebih lagi abad 13. Di Itali, muncullah sekolah perubatan yang didirikan oleh Constantine African, bekas siswa yang pernah menuntut di negeri-negeri Islam. Kemudiannya terdiri pula universiti-universiti di Rom, Paris dan Jerman yang kurikulum perubatannya berasaskan perubatan Islam, sedang teks pengajiannya ialah karya-karya Ibnu Sina dan Ibnu Rusyd. Dan sesiapa yang mengunjungi Fakulti Perubatan di Universiti Paris, akan dapat melihat gambar-gambar Ibnu Sina dan al-Razi menghiasi dewan besarnya.

Kesusasteraan

"*As Europe owes its religion to Judaea, so he owes its romance to Arabia*" (Prof. Mackail). Pendapat ini sejajar dengan pendangan M. Haureau, bahawa jikalau Islam tidak datang, orang di Eropah tidak akan mengenal apa ertinya kesusasteraan dan ilmu. Mungkin pandangan-pandangan seperti ini dikira keterlaluan, apalagi bagi pemuja-pemuja sastera Barat. Benar tidaknya anggapan tersebut, haruslah dikaji secara objektif.

Seperti dijelaskan sebelumnya, terdapat dua saluran utama yang menghantarkan tamadun Islam ke Eropah. Pertama, orang-orang Sepanyol sendiri, baik dari golongan Moors mahupun Mozarabes. Dan keduanya, melalui Sicily atau Itali Selatan terutama di bawah pemerintahan Raja Frederick II. Melalui perantaraan-perantaraan inilah orang-orang Eropah mengenal sastera Islam.

Di antara karya-karya sastera Islam yang sangat terkenal di Barat ialah seperti **Hikayat 1001 Malam, Rubaiyat Umar Khayyam, Shah Nameh** oleh Firdausi, **Mantiqut-Tair** oleh Fariduddin Attar, **al-Masnawi** oleh Jalaluddin al-Rumi, **Gulistan** dan **Bustan** oleh al-Saadi dan **Tuti Nameh** oleh al-Shirazi.

Mengenai **Hikayat 1001 Malam** itu, ianya telah mempengaruhi Geofrey Chaucer untuk menulis bukunya, **Squires Tales.** Dan berdasarkan hikayat ini juga Christopher Sly menyusun bukunya **The Taming of the Shrew** dan **The Sleeper Wakened.** Sebenarnya, penyalin pertama **Hikayat 1001 Malam** ini ialah seorang Perancis, Antione Galland pada tahun 1704. Dan, dari salinannya itulah Voltaire menulis bukunya **Zaliq.** Hikayat ini kemudiannya diedit

semula ke bahasa Inggeris oleh Dr. A.W. Lane dan Henry Torrens. Tetapi salinan yang terbaik dan lengkap dikerjakan oleh Sir Richard Burton dengan judul barunya **Arabian Nights**. Dan judul inilah yang dikenali di Eropah, tidak lagi **Hikayat 1001 Malam** seperti judul asalnya.

Mengenai **Rubaiyat Umar Khayyam** pula, ia menjadi begitu popular sejak Edward Fitzgerald menyalinnya ke bahasa Inggeris. Dan dari salinan ini, A.W. Hamilton menterjemahkannya ke bahasa Melayu. Seperti **Hikayat 1001 Malam** juga, buku **Shah Nameh** oleh Firdausi bertukar judulnya menjadi **Epic Kings** setelah disalin oleh Helene Zimmern pada 1883. Dan pada 1923, George Warner dan Edmund Warner sekali lagi menyalinnya ke bahasa Inggeris, yang mengandungi 8 jilid besar. Salinan ke bahasa Jerman dilakukan oleh Von Schach.

Sebagai seorang sasterawan Muslim, Muslehuddin al-Saadi dengan karya-karyanya **Gulistan** dan **Bustan** sungguh-sungguh dapat dibanggakan. Pujangga Jerman, iaitu Goethe dikatakan sangat tertarik pada kedua-dua hasil ini. Penyalinan **Gulistan** ke bahasa Jerman oleh Goethe sendiri dipandang oleh orang-orang Eropah sebagai sekuntum bunga yang paling wangi, daripada segala bunga yang pernah tumbuh di Eropah. Goethe sendiri sanggup mendakwa bahawa dia adalah orang Timur yang dilahirkan kembali di Eropah.

Seperti disebutkan tadi, Jalaluddin al-Rumi telah menulis **al-Masnawi**. Bagaimanapun, ini bukanlah karya satu-satunya. Oleh Prof. Nicholson dan Prof. A.J. Arberry diusahakannya untuk menerbitkan karya-karya al-Rumi ke dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya hasil-hasil karya al-Rumi, dapat diikuti dalam hampir semua bahasa Eropah. Seiring dengan kelahiran al-Rumi, terdapat juga Fariduddin Attar dengan karya agungnya **Mantiqut-Tair**, serta seorang tokoh mistik Islam, Ibnu-Arabi. Menurut Prof. Miguel Asin, buku **Divine Comedy** oleh Dante Aligieri dipengaruhi oleh kitab **al-Isra**, dan **Futuhatul-Makkiya** oleh Ibnu-Arabi.

Sebelumnya, kita telah pun menyatakan betapa besarnya pengaruh roman falsafah **Hayy bin Yaqzhan** ciptaan Ibnu Tufail. Begitu besar pengaruhnya terhadap kelahiran **Robinson Crusoe** oleh Daniel Defoe, hingga Prof. A.R. Pastor mengatakan dalam bukunya **The Life and Strange Surprising of Robinson Crusoe** bahawa Defoe telah melakukan plagiat dari sastera Islam. Demikian juga ia mempengaruhi Jonathan Swift ketika menulis **Gullivers Travel**. Swift juga menulis **Battle of the Books** yang didasarkan daripada karya al-Ghazali **Tahafutul-Falasifa**. Selain dari itu, buku **Don Quixote** karya Miguel de Cervantes juga telah diragui keasliannya. Menurut William H. Prescott, **Don Quixote** bukanlah karya asli Cervantes, melainkan disalin dari sebuah

karya Said Hamid bin Anjali. Demikian juga buku **Decamarone** oleh Giovanni Boccacio, adalah juga berdasarkan sastera Islam. Sebenarnya, Boccaciolah orang Itali pertama yang menyampaikan pula bahan-bahan itu kepada novelis-novelis Itali yang lain.

Hasil dari semuanya ini, sastera Eropah mendapat cahaya baru. Seperti pengakuan Prof. H.A.R. Gibb, sastera Eropah lalu bangun dengan bentuk dan jiwa baru. Baginya, besar tidaknya pengaruh sastera Islam dapat diukur apabila sampai kini orang-orang Barat masih tidak jemu-jemu membaca **The Arabian Nights, Ali Baba and 40 Thieves, Aladdin and the Magic Lamp, Sindbad the Sailor** yang mana semuanya itu hasil kreativiti penulis-penulis Islam belaka. Dan sampai sekarang, kata Prof. Bedier, sebahagian besar sastera popular di Eropah sekurang-kurangnya mesti berisi episod-episod dari sastera Islam.

Bahagian 5

Islam di India

BAB 31: BERMULANYA PEMERINTAHAN ORANG-ORANG ISLAM DI INDIA

India Sebelum Kedatangan Islam

SEJARAH India dikatakan bermula dengan tamadun Indus yang wujud sejak tahun 3000 S.M. Tamadun yang bersifat *urban culture* ini berasaskan ekonomi pertanian dan ternakan. Sejak tahun 2000 S.M., bermulalah era baru dalam sejarahnya, dengan kedatangan kaum Arya yang berkulit putih dari Barat, khasnya dari Asia Tengah. Kemudiannya dari sebelah Timur, datanglah pula bangsa Turan yang berkulit kuning.

Sosial

Akibat kedatangan kaum-kaum imigran tersebut, masyarakat India terbahagi kepada tiga golongan:

i. Golongan Brahmin dan Ksyatriya dari kaum Arya.
ii. Golongan Vaisya dari kaum Turan.
iii. Golongan Sudra dari orang-orang '*dasas*' (tempatan).

Sistem sosial seperti ini, mulanya dikenal sebagai faham Brahman. Pada peringkat awalnya, sifatnya agak longgar (*loose*) oleh kerana golongan yang rendah pun masih dapat naik ke peringkat atasan. Tetapi, lama kelamaan ia semakin diterima malah dipaksakan sebagai sistem semula jadi, sebab itu timbullah bantahan-bantahan yang melalui dua peringkat:

a. Mulanya bantahan timbul secara tidak langsung, iaitu mereka yang menolak ajaran-ajaran tersebut lalu hidup menyendiri secara bertapa (*ascetic*). Kerana takut ajaran-ajarannya tergugat, lalu golongan Brahmin menyerapkan (*absorb*) faham *ascetic* tersebut sebagai tingkat tertinggi bagi ajaran Brahman.
b. Mulai abad ke-6 S.M., timbullah tentangan secara terbuka oleh Siddharta Gautama dan Mahavira yang sama-sama dari golongan Ksyatriya. Dari Gautama terbentuklah agama Buddha, sedangkan dari Mahavira timbul agama Jaina. Sekali lagi tokoh-tokoh Brahmin meragut beberapa aspek dari agama tersebut, hingga wujud suatu sintesis yang melahirkan suatu agama baru pula iaitu agama Hindu.

Politik

Pada abad ke-6 S.M., juga muncul kerajaan-kerajaan kecil di utara India yang saling merebut pengaruh. Bagaimanapun, yang berjaya ialah Kerajaan Magadha yang diperintah oleh keturunan Saisunga, Nanda dan Maurya. Sejak pemerintahan Wangsa Mauryalah muncuk zaman gemilang di India, dengan adanya raja-raja seperti Chandragupta dan Asoka. Di zaman Asoka, agama Buddha berubah sifatnya kepada agama internasional, iaitu apabila dikirimnya misi-misi agama ke merata negeri, termasuk ke Nusantara.

Wangsa Maurya jatuh pada tahun 185 M., dan diganti oleh Wangsa Kushan. Di zaman maharaja agungnya, Kanishka, berlaku lagi percubaan besar dalam agama Buddha dengan lahirnya mazhab-mazhab Mahayana (moden) dan Hinayana (ortodoks). Setelah Dinasti Kushan digantikan oleh Dinasti Gupta, muncul kembali Zaman Keemasan (*Golden Age*) di India. Ketika inilah India dilawati oleh tokoh-tokoh Buddha berbangsa Cina, seperti Fa Hsien dan Yuang Chuang. Dengan kematian raja besarnya Harsha pada tahun 647 M., bermulalah babak baru dalam sejarah India, iaitu kedatangan Islam. Tetapi sebelum Islam dapat bertapak kukuh di India, ia terpaksa menghadapi tentangan kaum Rajput lebih dulu.

Kerajaan Ghaznawiyah (926 — 1186 M.)

Kerajaan Ghazni diasaskan oleh Alptigin, gabenor kerajaan Samaniyah. Sejak digantikan oleh Sabuktigin, bermulalah siri penaklukan terhadap wilayah-wilayah India. Serangan pertamanya ialah terhadap wilayah Jaipal. Raja Jaipal bertindak-balas menyerang Ghazni, tetapi ditewaskan oleh Sabuktigin hingga terpaksa membayar ufti. Meskipun Jaipal cuba membentuk tentera bersekutu dengan putera-putera Hindu, namun Sabuktigin berjaya merampas Peshawar.

Kematiannya pada tahun 997, telah digantikan oleh puteranya Mahmud yang lebih bersemangat untuk meneruskan gerakan tentera. Saingannya ketika itu ialah kerajaan Bani Buwaih di Raiyi dan Dinasti Isfahan yang besar pengaruhnya atas Baghdad, juga Turki Arselan di Asia Tengah. Di samping itu terdapat juga puak-puak yang 'menyeleweng' seperti golongan Qaramitah, Rafidhiah, Jahmiah, Ismailiah dan Mushbihah yang enggan menurut ajaran rasmi Ahli Sunnah dari kerajaan Ghazni. Mahmud bukan sahaja seorang pahlawan, malah seorang intelek dan pemimpin politik yang terkemuka. Khalifah Abbasiah iaitu al-Qadir Billah telah menganugerahkan penghormatan, dan memberi gelaran *Yamin al-Daulah Amin al-Millah* kepadanya.

Sebab-sebab Mahmud menyerang India

1. Untuk menyebarkan Islam ke India dan menundukkan raja-raja Hindu di bawah pemerintahan Islam.
2. Didorong oleh motif ekonomi dengan merampas kekayaan India *(To loot and plunder the wealth but not to occupy).*
3. Desakan daripada Khalifah al-Qadir agar menyerang India.
4. Kerajaan Ghazni merasa terancam oleh raja-raja Hindu seperti Gwalior, Ujain, Kanauj, Delhi, Ajmir dan lain-lain juga bersekutu menyerang negeri Islam.
5. Hendak menumpaskan pemerintahan Multan yang bermazhab Ismailiah yang dianggapnya 'kafir'.

Sebab-sebab Kemenangan

1. Kecekapan pimpinan (*able leadership*), tentera berkuda yang terlatih dan semangat agama yang kuat.
2. Perpecahan di kalangan orang-orang Hindu, sebab masing-masingnya ingin merebut kuasa.
3. Tentera bergajah raja-raja Hindu ketinggalan zaman.
4. Sistem kasta Hindu hanya membenarkan kasta Ksyatriya saja pergi berperang.

Impikasi Gerakannya

1. Berjaya meluaskan wilayah Islam di India, dengan menakluki kerajaan-kerajaan Hindu seperti Kanauj, Delhi, Kashmir dan sebagainya. Dengan itu daerah kekuasaan Ghazni meliputi Afghanistan, Transoxiana dan Punjab.
2. Menyusun pentadbiran yang kukuh lagi adil menurut peraturan Islam.
3. Banyak memperoleh harta-harta kekayaan India, hingga dapat membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan sosial, seperti pembinaan perpustakaan, akademi, masjid-masjid di Ghaznah.
4. Mewujudkan akulturasi budaya Hindu-Islam di India, serta dapat menyatukan mazhab yang berpecah-pecah di bawah pengaruh Ahli Sunnah hingga diiktiraf oleh Kerajaan Abbasiah.
5. Berjaya mengasaskan tamadun Islam di India, dengan munculnya tokoh-tokoh intelek seperti Firdausi, al-Biruni dan lain-lain.

BAB 32: KESULTANAN DELHI

Kerajaan Ghori (1186 — 1206 M.)

KETIKA di Mesir berlaku peralihan kuasa daripada kerajaan Fatimiyah kepada kerajaan Ayyubiyah, dan di Baghdad daripada Bani Buwaih kepada Bani Seljuq, maka di India pula bermula pemerintahan kerajaan Ghori. Setelah merebut kuasa daripada raja akhir Ghaznawiyah iaitu Malik Shah Khasru, Alauddin Hussein bin Hussein lalu menegakkan kerajaan Ghori. Ketika ini yang masih tinggal hanya dua buah kerajaan; wilayah Punjab yang dikuasai oleh Ghaznawi dan wilayah Sind oleh keturunan Arab. Dengan menjalankan dasar bumi hangus, Alauddin memusnahkan kota Ghaznah, hingga digelar 'Alauddin Johanoz' (Pembakar Dunia).

Alauddin digantikan oleh anaknya Ghiatuddin dan Shahabuddin yang kemudiannya dikenali sebagai Muhammad al-Ghori. Berbeza daripada Mahmud Ghazni yang terkenal sebagai pahlawan yang tidak pernah kalah, Muhammad al-Ghori pula sering mengalami kekalahan. Bagaimanapun, semangatnya tetap besar dan cita-citanya tinggi. Pada tahun 1191, dia gagal menghadapi tentangan kaum Rajput pimpinan Prithvi Raj. Tetapi pada tahun berikutnya dengan bantuan Qutbuddin Aibak, al-Ghori berjaya menghancurkan angkatan bersekutu pimpinan Prithvi Raj di Tarain. Dari kota Ghori, dia berpindah ke Lahore, dan kemudiannya ke Delhi.

Sumbangan Muhammad Al-Ghori

1. Mengasaskan pemerintahan Islam di Delhi, dengan sistem dan polisinya yang berunsur Islam.
2. Menyatupadukan masyarakat India di bawah kuasa Islam.
3. Di zamannya agama Buddha lenyap dari bumi India.
4. Memberi kebebasan beragama, dengan syarat membayar jizyah.
5. Menjalankan keadilan tanpa mengira bangsa dan agama.
6. Mendirikan masjid dan memajukan ilmu pengetahuan. Terdapat ramai ulama-ulama besar, seperti Fakhruddin al-Razi yang dilantik sebagai penasihat agama.

Perbandingan dengan Kerajaan Ghaznawiyah

1. Kerajaan Ghori lebih menghormati (*respect*) India, dengan menjadikannya sebagai tanahair. Sedangkan kerajaan Ghaznawi cuma sebagai penakluk sahaja.
2. Kerajaan Ghori mempunyai pengganti-pengganti (hamba) yang cekap, yang dapat menyambung tugas pentadbiran. Tetapi Ghaznawi tiada pengganti di wilayah-wilayah yang ditaklukinya.

Berdasarkan hujah-hujah ini, kerajaan Ghorilah yang sebenarnya pengasas Kesultanan Delhi.

Kerajaan Mamluk (1206 — 1290 M.)

Sepertimana peranan al-Hajjaj bin Yusuf al-Saqafy untuk zaman al-Walid bin Abdul Malik, demikian jugalah peranan para hamba pada zaman pemerintahan Ghori. Misalnya, ketika menghadapi tentangan kaum Rajput pimpinan Prithvi Raj, yang menghancurkannya ialah Qutbuddin Aibak, seorang hamba. Kerana kebolehan dan jasa-jasanya, dia dilantik oleh Muhammad al-Ghori sebagai Sultan Delhi yang pertama. Sebab itu ada pendapat yang mengatakan Aibaklah pengasas sebenar kesultanan Delhi. Sungguhpun berasal dari keturunan hamba, namun mereka mempunyai latar belakang pendidikan dan kemahiran yang baik. Aibak sendiri dipelihara dan dididik oleh Qadhi Nisabur, sedang Iltutmisy sendiri telah dibeli dan dipelihara oleh Aibak.

Ketika Muhammad al-Ghori meninggal, terdapat tiga orang tokoh hamba iaitu Yilduz yang berada di Ghaznah, Qubaca di Sind dan Aibak di Delhi. Bagaimanapun, Aibaklah yang menjadi pilihan para pembesar sebagai pengganti al-Ghori. Akibatnya, timbul penentangan dari Yilduz, hingga akhirnya kerajaan Ghaznah dan Delhi terpisah dua.

Peranan Kaum Mamluk

1. Menerus dan mengukuhkan pemerintahan Islam yang diasaskan oleh al-Ghori di India. Tentangan-tentangan kaum Rajput dihancurkan. Aibak sendiri menyerang Meerut, Delhi dan Hansi, sedangkan Iltutmisy menakluki Oudh, Benares, Bidor dan Rajput.
2. Menyelamatkan kerajaan Islam di India dan juga kerajaan-kerajaan Islam lain daripada dihancurkan oleh tentera Mongul. Iltutmisy dan Bulban memainkan peranan penting dalam membendung kemaraan Mongul, hingga negeri-negeri Iran dan Khawarizmi terselamat.

3. Membina monumen-monumen penting, seperti Qutb Minar yang dibina oleh Aibak dan disempurnakan oleh Iltutmisy. Iltutmisy sendiri membina Quwwatul-Islam, tetapi tidak selesai.
4. Perkembangan budaya dan pengetahuan. Misalnya pada zaman Bulban, terdapat seorang intelek Farsi, Amir Khusrav.
5. Mengukuhkan penguasan orang-orang Turki dalam pemerintahan Islam di India. Sebagai keturunan Turki, raja-raja hamba (Mamluk) sangat fanatik terhadap kaum mereka sendiri, seperti Bulban misalnya yang sangat bencikan rakyat tempatan.
6. Memecahkan tradisi di mana terdapatnya raja-raja dari golongan hamba.
7. Juga memecahkan tradisi dengan terlantiknya Raziatuddin, seorang wanita sebagai rajanya selepas Iltutmisy.

Demikianlah peri pentingnya peranan raja-raja Mamluk di Zaman Pertengahan di India.

Kerajaan Khilji (1290 — 1316 M.)

Kerajaan Khilji diasaskan oleh Jalaluddin Khilji (70 tahun), seorang Afghanistan (Turki?) yang berjaya mengalahkan Kaikubak, raja akhir kerajaan Mamluk. Sebagai pengasas, dia menghadapi beberapa masalah seperti:

1. Tentangan saki baki kaum Mamluk.
2. Tentangan kaum Hindu dari Ranthambur.
3. Tentangan tentera Mongol.

Bagaimanapun, anak saudaranya yang juga menantunya, Alauddin, kemudiannya merampas kuasa kerana sebab-sebab tertentu:

i. Sikap politik yang berbeza antara golongan tua dengan golongan muda.
ii. Jalaluddin terlalu bertolak ansur dengan musuh. Misalnya, mengadakan perdamaian dengan Malik Khaju dari keluarga Kaikubak (Mamluk) yang sudah pun ditangkap, juga bertolak ansur dengan Moghul.
iii. Rebutan kuasa antara Alauddin dengan isteri Jalaluddin yang inginkan puteranya Arkhali Khan sebagai raja.

Sikap Alauddin Khilji

i. Berazam untuk memaju dan memakmurkan kerajaan serta

meninggikan Islam walaupun dengan apa cara sekalipun yang difikirkan baik.

ii. Enggan tunduk atau menerima pendapat ulama-ulama dan orang-orang bangsawan. Lebih suka bertindak menurut keyakinan sendiri.

iii. Menindas orang-orang Hindu. Kepada mereka diberi pilihan; masuk Islam, mati atau menjadi hamba.

Tindakan-tindakannya

1. *Ekonomi:*
   i. Reformasi kutipan dan kadar cukai.
   ii. Menetapkan harga barang-barang.
   iii. Gandum dihantar dan disimpan di Delhi.
   iv. Reformasi tanah yang terbiar (sosialisasi).

2. *Politik:*
   i. Keamanan negara: Mengalahkan serangan Moghul di Punjab, kemudian menginjak tawanan-tawanan Moghul dengan gajah hingga menggentarkan mereka untuk menyerang semula. Terhadap orang-orang Turki, dibentuknya sistem pengintipan untuk menyiasat kegiatan mereka.
   ii. Meluaskan wilayah Islam ke selatan (Dekkan) oleh Malik Kafur yang kemudiannya disambung oleh Muhammad Tuqhluq.

3. *Pentadbiran:*
   i. Menyusun semula cara pengintipan dan ketenteraan.
   ii. Kaum bangsawan dilarang berhimpun dan berkumpul sesama mereka.
   iii. Mengadakan sistem pemerintahan pusat.

Kesan-kesan Penaklukan Wilayah Selatan

i. Ia memberi perangsang kepada Muhammad Tughluq kemudiannya.

ii. Menggerunkan pihak lawan, baik di dalam mahupun di luar negeri.

iii. Meletakkan asas-asas pemerintahan Islam di selatan, hingga ketika kuasa Inggeris datang, wilayah inilah yang paling gigih menentangnya.

Alauddin digantikan oleh Malik Kafur (dikatakan merampas kuasa daripadanya) yang sangat kejam.

Sebab-sebab Kejatuhan Kerajaan Khilji

i. Raja akhirnya, Mubarak Shah dikatakan hidup mewah.
ii. Kemenangan-kemenangan dalam menghadapi pemberontakan menjadikannya semakin bangga.
iii. Rampasan kuasa oleh Khusrav Shah menjadikan tentangan orang-orang Hindu semakin galak.

Kerajaan Tughluq (1316 — 1398 M.)

Ketika kerajaan Khilji dalam kelemahan, pembesar-pembesar Delhi menjemput Ghazi Malik, seorang panglima Khilji di utara untuk menjadi raja Delhi. Beliau juga dikenali sebagai Ghiatuddin Tughluq, pengasas kerajaan Tughluq. Bagaimanapun, hanya sejak diperintah oleh puteranya Muhammad Tughluq itulah baru kerajaan ini dikenali, malah pernah dikatakan bahawa pemerintahannya merupakan puncak kegemilangan Kesultanan Delhi. Ini kerana kejayaannya menguasai 24 wilayah di India, yang merupakan sebahagian besar benua tersebut. Tidak ada raja Islam yang dapat memerintah seluas itu, kecuali Aurangzeb.

Walau bagaimanapun, kebanyakan usaha-usahanya mengalami kegagalan, malah membawa bencana besar kepada rakyatnya. Ini kerana sifatnya sendiri yang dikatakan terlalu gopoh, pemarah dan hanya mahu melaksanakan caranya sahaja. Usaha-usaha tersebut ialah:

1. Cuba mengadakan perubahan pada dasar-dasar cukai serta reformasi tanah. Mulanya dasar ini berjalan licin, tetapi bila dilancarkan di Doab, cukainya dinaikkan hingga menyusahkan rakyat. Penyelewengan pegawai-pegawainya turut menggagalkan dasar reformasi tersebut.
2. Cuba mengadakan perubahan tentang dasar-dasar kewangan, khasnya dengan meniru sistem kewangan China dan Farsi. Sungguhpun motifnya baik, tetapi gagal juga kerana dasar ini terlalu maju bagi India serta kurangnya pengawasan ketika melaksanakannya, hingga menimbulkan masalah wang palsu.
3. Memindahkan ibu kota dari Delhi ke Devagiri pada tahun 1327. Walaupun motifnya baik apa lagi tempat ini pun terletak di kawasan yang strategik, tetapi dia gagal juga hingga membawa kesengsaraan rakyat. Ribuan rakyat dipaksa meninggalkan rumahnya menuju tempat yang jauhnya 700 batu dan 40 hari perjalanan.

Kegagalan demi kegagalan dialaminya, namun kekejaman terhadap rakyat tidak berkurangan, sebaliknya semakin bertam-

bah. Sungguhpun peribadinya mengelirukan namun tidaklah dinafikan yang dia termasuk dalam golongan intelek yang luas pengetahuannya.

Dasar Pentadbiran Kerajaan Delhi

Kerajaan Pusat

i. Bercorak autokrasi, sungguhpun pada teorinya mengikut al-Quran. Hubungan pemerintah dengan rakyat renggang, disebabkan pemerintahan, bersifat ketenteraan. Sekali-sekala dihomatinya juga Baghdad, walaupun ia mempunyai kuasa autonomi.
ii. Sungguhpun demikian ia dibantu oleh susunan pegawai-pegawai, dengan wazir sebagai ketua jabatan-jabatan. Terdapat *Majlis-khalwat* dan *Bar-i-khas.* Sistem kehakiman ditadbir oleh *Qadhil-qudhat* yang dibantu oleh mufti-mufti. Polisi kewangan mengikut mazhab Hanafi, misalnya cukai *kharaj* dan *jizyah.* Pengintipan diadakan untuk menyiasat kegiatan rakyat, tenteranya terdiri dari berbagai-bagai bangsa.

Kerajaan Wilayah

i. Terdapat 20 hingga 25 wilayah diketuai oleh Naib-Sultan, sedang daerah-daerah kecilnya pimpinan *muqta*/amil dan juga *shiqdar.* Pentadbiran wilayah adalah *replica* kerajaan pusat. Ada kalanya kerajaan wilayah lebih berkuasa apabila kerajaan pusat lemah.
ii. Bercorak feudal, sebab kadang-kadang ia terpaksa menyediakan tentera kepada pusat.
iii. Gaji pegawai dibayar dari hasil wilayah, tetapi lebihannya dihantar kepada kerajaan pusat.
iv. Wilayah-wilayah Hindu diberi kebebasan, asalkan membayar ufti.

Kejatuhan Kesultanan Delhi

Faktor Dalaman

i. Sistem autokrasi dan ketenteraan. Kekuatan kerajaan Delhi lebih banyak bergantung kepada kewibawaan rajanya sendiri serta kekuatan tenteranya. Tetapi apabila raja-raja Delhi lemah, ini membawa keruntuhan.
ii. Polisi perkauman yang diamalkan oleh kerajaan Mamluk,

seperti Bulban yang hanya mengutamakan orang-orang Turki sahaja.

iii. Penyatuan raja-raja Hindu. Sebagai kuasa 'asing', penguasaan Islam di India menyakitkan hati golongan Hindu. Walaupun mereka sentiasa kalah dalam penentangan terhadap kerajaan Delhi, tetapi akhirnya menang juga setelah timbul kesedaran untuk bersatu seperti yang pernah dilakukan oleh Prithvi Raj.

iv. Tekanan terhadap golongan Hindu dengan memusnahkan tempat-tempat suci mereka, seperti berhala *Sumanath* misalnya. Tindakan-tindakan seperti ini menimbulkan kemarahan besar orang-orang Hindu.

v. Sistem kuku besi Muhammad Tughluq. Ini adalah akibat dari kegagalan dasar-dasar pembangunannya yang membawa penderitaan rakyat, dan memberi kesempatan kepada penguasaan asing.

Faktor Luaran

i. Serangan Timurlane pada tahun 1398 di zaman Mahmud III (Tughluq), yang membunuh 80,000 rakyat serta merampas hartanya. Semua raja dan amir-amir adalah di bawah perlindungannya, dan hanya boleh berkuasa atas persetujuannya. Lalu dia kembali dengan harta-harta tersebut.

ii. Perpecahan pembesar-pembesar Lodi dan persaingan kuasa antara sesama mereka. Ketika Ibrahim Lodi memerintah, salah seorang pembesarnya Daulat Khan Lodi meminta bantuan Babur. Maka berlakulah Perang Panipat pada tahun 1526, yang membawa kekalahan Ibrahim Lodi. Dengan ini tamatlah Kerajaan Delhi.

BAB 33: KESULTANAN MOGHUL

Pemerintah-pemerintah Kerajaan Moghul

Zahiruddin Babur (1494 — 1530 M.)

SEJARAH kedatangan Moghul di India, bermula dengan peranan Timurlane yang telah menghancurkan Sultan Mahmud III (Tughluq) dulu. Peranan ini kemudiannya diteruskan oleh Babur, keturunan Timurlane sendiri dari sebelah bapa. Babur mulanya mewarisi pimpinan ayahnya di Farghana, tetapi kemudiannya diusir oleh kaumnya. Dalam keadaan inilah dia dijemput oleh Daulat Khan Lodi untuk menumpaskan Kerajaan Lodi. Pada ketika ini Babur juga berbaik-baik dengan Rana Sanga, pemimpin Rajput di samping Daulat Khan tersebut.

Peranan Babur

i. Menyatupadukan kekuatan pemimpin-pemimpin Islam yang berpecah-belah ketika itu.
ii. Menjatuhkan kerajaan Lodi. Ini berlaku ketika dia menyambut permintaan Daulat Khan untuk membantunya. Tetapi setelah Daulat Khan menyedari kesilapannya, diusirnya Babur ke Kabul. Dari Kabul, Babur dengan 12,000 tenteranya menentang 100,000 tentera Ibrahim Lodi dalam Perang Panipat pada tahun 1526, yang berakhir dengan kemenangan Babur, setelah berjaya menawan Delhi dan Agra.
iii. Mengalahkan orang-orang Rajput. Mulanya Babur ingin menghadapi orang-orang Afghan, tetapi kerana terpaksa, dia lalu mengalih perhatiannya menentang Rajput dulu. Orang-orang Rajput di bawah Rana Sanga mengiktiraf Mahmud Lodi dan bersekutu dengan 120 ketua-ketua lain untuk menentang Babur. Mulanya tentera Babur menjadi panik, tetapi berjaya juga akhirnya di Khanna/Kanwa (dekat Agra) pada tahun 1527. Ini memberi kesempatan kepada Babur untuk memperkukuhkan kedudukannya. Hanya 30 tahun kemudian baru orang-orang Rajput bangkit semula.
iv. Mengalahkan orang-orang Afghan. Dengan tertewasnya orang-orang Rajput, mudahlah Babur menghadapi sepenuh perhatian terhadap orang-orang Afghan, yang dihancurkannya di Bihar dan Bengal pada tahun 1529.

Humayun (1530 — 1556 M.)

Ketika Humayun mewarisi pemerintahan ayahnya, Babur, orang-orang Rajput dan Afghan baru saja dikalahkan. Di zamannya, orang-orang Afghan bangun semula. Sebenarnya, Humayun mempunyai kesempatan untuk mematahkan mereka, sebab dia pernah mengalahkan mereka di Dourah, tetapi dibiarkan saja untuk menghadapi Bahadur Shah di Gujerat. Dan sungguhpun dia menewaskan Bahadur Shah di Mandasar, tetapi masalah yang timbul dengan saudara-saudaranya telah memberi kesempatan kepada Bahadur Shah untuk memperkuatkan semula kedudukannya.

Orang-orang Afghan dapat bangkit di bawah pimpinan Sher Khan Suri, kerana Humayun sibuk menghadapi Bahadur. Sher kemudiannya menewaskan Humayun di Chanusa, lalu mengasaskan pemerintahannya sendiri.

Sebab-sebab Kenaikan Humayun

i. Sher Khan meninggal sewaktu masih muda, hanya 5 tahun berkuasa.
ii. Perpecahan ketua-ketua Sur dan Afghan.
iii. Bantuan Shah Tahmasp (Farsi) dengan 14,000 tentera dengan syarat menyokong Syiah.
iv. Dapat mengatasi masalah saudara-saudaranya.

Kejayaan Humayun

i. Mengatur tentera yang kucar-kacir hingga berjaya mengalahkan Lodi.
ii. Perpecahan di kalangan musuhnya membolehkannya menawan kembali Delhi.
iii. Sikap toleransi terhadap mazhab lain.
iv. Peribadinya tinggi, terpelajar dan bijak mengatur strategi.

Kegagalan Humayun

i. Membiarkan saudara-saudaranya bertindak sendiri, hingga mengancam kedudukannya.
ii. Salah perhitungan tentang kekuatan Sher Khan, sama seperti dia menghadapi Bahadur Shah dulu.
iii. Sikapnya yang defensif dan terlalu pemaaf kepada musuh-musuhnya.
iv. Kurang memberi perhatian kepada kebajikan rakyatnya.

Akbar (1556 — 1605 M.)

Seorang tokoh kontroversial, Akbar mewarisi takhta ayahnya Humayun ketika usianya baru 14 tahun. Kegiatan-kegiatan Akbar meliputi dua segi; politik dan agama.

Politik

Penaklukan:

Pada peringkat awalnya, Akbar dibantu oleh Bairam Khan, wazir ayahnya dulu. Dalam usaha penaklukan, mulanya Akbar menumpu bahagian India Tengah, seperti Gwalior dan Ranthambor. Kemudiannya menakluki bahagian utara, iaitu seluruh Gujerat khasnya pelabuhan Surat yang penting itu. Akhirnya lalu menuju selatan, seperti Dekkan dan Benggala. Cuba menakluki Transoxiana, tetapi meninggal dunia sebelum sempat disempurnakan.

Pentadbiran:

Bercorak autokrasi, tetapi dibantu oleh pentadbir-pentadbir yang cekap dari berbilang kaum, seperti Todar Mal, seorang Hindu. Gabenor wilayah *Subadar* mempunyai pentadbir-pentadbir tentera bergelar *Mansabdar* yang ada 33 peringkat, dengan bilangan-bilangan tertentu. Cukai *jizyah* dikurangkan atau dihapuskan.

Agama

Latar belakang pengaruh

i. Pengaruh dari keturunannya yang mencintai seni dan sastera serta faham sufi Ibunya seorang Farsi, menyemai benih-benih tolak-ansur pada dirinya.
ii. Pengaruh Sufi yang diterimanya di Kabul di mana terdapatnya yang lari dari kerajaan Safawi. Guru yang banyak mempengaruhinya ialah Abdul Latif.
iii. Pengaruh sufi diterimanya di Kabul melalui tokoh-tokoh sufi dengan kalangan Hindu serta gerakan reformasi ketika itu. Juga hubungan Akbar dengan Syeikh Mubarak dan anak-anaknya Faizi dan Abdul Fazl.

Bagi Akbar, politik adalah agamanya. Cita-cita politiknya berjalan serentak dengan polisi agamanya. Konsepsinya tentang

agama universal adalah manifestasi daripada cita-cita politiknya untuk menyatupadukan berbagai-bagai bangsa. Pernah Akbar mengadakan dialog antara agama, tetapi timbul serang-menyerang antara mereka hingga membosankan Akbar.

Prinsip-prinsip 'Agama-Politik' Akbar

i. Agama ini bernama Din-i-Ilahi. Penganutnya disebut '*Chela*'.
ii. Asas akidahnya tersimpul pada '*La-i-Illah, Akbar Khalifahtullah*' (Tiada Tuhan melainkan Allah, Akbar khalifah Allah).
iii. Zikir bagi para '*Chela*' ialah '*Allahu-Akbar*' yang harus disahut dengan '*Jalla Jalaluhu*' (berasaskan namanya sendiri Jalaluddin Akbar).
iv. Para '*Chela*', termasuk kalangan ulama dan sufi harus menyembah Akbar (*kingworship*), dan menganggapnya sebagai kuasa yang boleh memenuhi setiap doa atau hajat (*granter*).
v. Mengandungi prinsip-prinsip yang 'baik' dari setiap agama.
vi. Mempunyai tempat ibadat '*Ibadat-Khanna*' di Fatehpur Sikri.

Konsep Sinkretisme Din-i-Ilahi

i. Agama Zoroaster (Farsi):
Menghormati penyembahan api, dengan membiarkan api sentiasa menyala dalam istana.
ii. Agama Kristian:
Menterjemahkan kitab-kitab Injil serta menghormati imej '*Trinitas*' (tiga dalam satu) dan membunyikan loceng.
iii. Agama Hindu:
Melarang penyembelihan lembu dan menghormati perayaan-perayaan Hindu seperti Divali, Dussehra, Rakhi Poonam, Shivratari dan sebagainya. Matahari disembah empat kali sehari, dan setiap kali nama matahari disebut, haruslah disahut dengan 'moga-moga diberi berkat'. Menerima ajaran 'Pengulangan Kelahiran' (*transmigration of souls*).
iv. Agama Islam:
Amalan judi dan minum arak dihalalkan, malah dalam upacara '*Nauruz*', arak wajib diminum. Perkahwinan sepupu diharamkan, dan usia perkahwinan ialah 16 tahun bagi lelaki dan 14 tahun bagi perempuan. Poligami diharamkan, sedangkan penggunaan sutera dan emas diizinkan. Daging harimau adalah halal dimakan. Mayat-mayat harus dibakar

atau dilempar ke dalam sungai. Dan sekiranya hendak ditanam juga, kaki mayat itu mestilah mengadap Kiblat. Akbar sendiri tidur dengan kakinya menghadap Kaabah. Ulama-ulama yang cuba menghidupkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar akan disebut '*Faqih*' yang diertikan sebagai 'bodoh dan tidak layak diperhatikan' (*a stupid person of little notice*).

Penilaian

i. Agama Din-i-Ilahi sangat bertolak-ansur terhadap agama-agama lain, khasnya ajaran-ajaran Hindu.
ii. Agama Din-i-Ilahi cuba menghancurkan Islam dengan cara menghalalkan atau mewajibkan apa yang diharamkan, serta mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Islam.

Jahangir (1605 — 1627 M.)

Ketika mula memerintah, beliau cuba menjalankan dasar-dasar untuk menawan hati rakyat. Juga mengadakan peraturan negara yang dikenali sebagai Rukun Dua Belas:

Kejayaannya

i. Menghapuskan pemberontakan anaknya yang tertua, Khusrav yang turut dibantu oleh Guru Sikh yang kelima, Arjan.
ii. Menghapuskan pemberontakan Sher-Afghan, dan kemudiannya mengahwini bekas isteri Sher-Afghan, Mihrun-Nisa (Nur Jahan).
iii. Dapat mengamankan negara dari ancaman kaum Rajput dengan kerjasama anaknya yang ketiga, Khurram (Shah Jahan), hingga Rana Raj Singh mengiktirafkan kekuasaan Moghul.
iv. Shah Jahan dapat menewaskan Malik Ambar, pemerintahan Ahmadnagar di Dekkan.

Kegagalannya

i. Terlalu dipengaruhi oleh isteri jelitanya Nur Jahan yang cuba menguasai negara dengan meletakkan ayahnya Iktimadud-daulah dan abangnya Asaf Khan menjadi orang penting di istana. Juga dengan mengahwinkan anaknya (hasil perkahwinannya dengan Sher-Afghan) dengan Shahriar, putera bungsu Jahangir.

ii. Gagal menghadapi Shah Abbas dari Farsi yang telah dapat merebut Qandahar.
iii. Mulanya dapat mengatasi pemberontakan puteranya, Shah Jahan dengan bantuan Putera Parwez dan Mahabat Khan, tetapi kemudiannya Mahabat Khan sendiri telah memberontak. Selepas berjaya, Mahabat lalu bersekutu dengan Shah Jahan.

Shah Jahan (1628 — 1658 M.)

Zaman pemerintahan Shah Jahan pernah dianggap sebagai zaman keemasan bagi Kerajaan Moghul di India, kerana kejayaan-kejayaan yang telah dicapainya.

Kejayaannya

i. Tiada tentangan yang serius sebelum dia memperoleh kekuasaannya, juga tiada ancaman luar terhadap India.
ii. Dia dapat membentuk tentera yang taat setia.
iii. Ekonomi. Mengembangkan kegiatan eksport antara India dengan Asia Barat serta Eropah yang sangat menguntungkan, hingga menyebabkan kewangan negara kukuh.
iv. Pentadbiran. Dia seorang yang cekap, adil dan bekerja keras untuk kebajikan rakyat.
v. Pembinaan. Sebagai 'Bapa Pembina' (*Prince of Builders*), dia banyak membina bangunan-bangunan yang tinggi mutunya, seperti Taj Mahal di Sungai Jumna, Masjid Mutiara (*Pearl Mosque*) di Agra, Diwan-i-Am dan Diwan-i-Khas, Masjid Jamik dan Takhta Merak, Masjid Moti dan Mussaman Burj yang dibuat dari marmar yang indah, makam Nizamuddin dari marmar putih, bangunan di Agra Fort dan sebagainya.
vi. Menggalakkan kegiatan sastera. Misalnya dengan lahirnya **Badshah Namah** oleh Abdul Hamid dan **Muntakhab al-Lubab** oleh Khafi Khan.

Kegagalannya

i. Kerana terlalu boros membelanjakan wang untuk pembinaan yang indah, akibatnya menyusahkan rakyat kerana bebanan cukai yang tinggi.
ii. Membuka jalan kepada kedatangan Inggeris dengan menghadiahkan Madras kepada mereka pada 1639 sebagai tapak perniagaan. Dengan asas inilah Inggeris dapat menakluki Bombay pada 1660 dan Calcutta pada 1695.

Aurangzeb (1659 — 1707)

Putera kepada Shah Jahan, Aurangzeb dianggap seorang yang cukup salih.

Kejayaannya

i. Berjaya menyatupadukan kembali seluruh daerah yang sudah lemah.
ii. Di bawah pemerintahannya, empayar Moghul mencapai daerah kekuasaan yang terbesar sekali di India. Penamat kegiatan Islam di India.
iii. Berjaya menghapuskan semua kuasa Hindu dan menakluki kerajaan-kerajaan Hindu.
iv. Menghapuskan saki-baki ajaran Din-i-Ilahi yang diteruskan oleh Dara Shikuh, putera Shah Jahan juga.
v. Mendapat sokongan kuat daripada orang-orang Islam kerana dasar-dasarnya hendak mengukuh dan menegakkan Islam, hingga timbul anggapan bahawa beliau adalah 'Wali Keramat'.
vi. Mengadakan satu jabatan khusus untuk mengawal akhlak kaum Muslimin.
vii. Mengharamkan judi, arak dan sebagainya. Serentak dengan itu dibangunkannya masjid-masjid dan diperbaiki tempat-tempat ibadat.
viii. Mendapat pengiktirafan dan kepercayaan daripada kerajaan-kerajaan Islam yang lain, serta mendapat penghormatan sebagai pengganti Bani Abbasiah.
ix. Menyusun 'Fatawai-Alamgiri' (mazhab Hanafi) yang diilhamkan dari Syeikh Ahmad Sirhindi.

Kegagalannya

i. Polisinya yang terlalu keras terhadap orang-orang Hindu dan Sikh telah menimbulkan pemberontakan dari mereka.
ii. Akibat kelalaiannya melatih penggantinya, timbullah huru-hara dengan kematiannya.
iii. Kesalahannya membenarkan pertapakan orang-orang Inggeris di Surat (Gujerat) dan di Sungai Ganges. Akibat persetujuan inilah pada 1690 Charnock dapat mengibarkan bendera Inggeris di Benggala, yang kemudiannya dikenali sebagai Calcutta.

Dasar Pentadbiran Kerajaan Moghul

Pentadbiran Pusat

Pemerintahan Moghul berbentuk *centralised* dan militer iaitu setiap pegawai-pegawainya pada masa yang sama adalah juga seorang tentera. Sistem pentadbirannya pada dasarnya diasaskan oleh Akbar, sedang Akbar sendiri banyak mencontohi organisasi pentadbiran Sher Khan Sur.

i. Pegawai-pegawai kerajaan yang disebut *Mansabdar* adalah merupakan kelas bangsawan Moghul. Di zaman Akbar, *Mansabdar* ini dibahagikan kepada 33 peringkat; setiap peringkat memerintah angkatan tentera berkuda yang tertentu bilangannya, iaitu dari 10 hingga 10,000 orang. Bagaimanapun, sistem *Mansabdar* ini selalu berubah dan bertukar-tukar. Mereka mendapat gaji, sama ada secara tunai atau secara *Jagir* iaitu dengan diberi kebenaran mengutip cukai-cukai tanah (untuk sementara waktu) yang sama jumlah dengan gajinya.
ii. Sungguhpun, sultan-sultan mempunyai kuasa mutlak, tetapi ia membentuk jabatan-jabatan tertentu untuk membantunya, seperti *Khan-i-Saman* (*The Imperial Household*), *Diwan* yang mengurus soal-soal kewangan, *Mir Bakhshi* yang menjaga soal-soal akaun dan gaji tentera, Kadi Besar yang mengawal soal kehakiman, *Sadr-us-Sudur* mengenai soal-soal agama dan kebajikan, serta *Muhtasib* yang menjaga moral awam.
iii. Di bandar, terdapat *Kotwal* yang bertugas menjaga keamanan, mengadakan rondaan, mengesan pencuri dan orang-orang asing serta pengintip-pengintip, menghalang penyembelihan lembu, kerbau, kuda, unta dan lain-lain.
iv. Mengenai bidang kehakiman dan undang-undang, dilantik *Qadhil-Qudhat*. Sungguhpun dasar kehakiman ialah dari al-Quran, tetapi biasanya sultan lebih berkuasa.
v. Mengenai sumber kewangan, pihak pusat mendapatnya dari punca-punca tanah, kasta, pusaka, rampasan dan hadiah-hadiah.

Pentadbiran Wilayah

i. Gabenor wilayah dipanggil *Subadar* mempunyai sebuah istana dan berkuasa penuh di wilayahnya, dan kadangkala tindakannya bercanggah dengan kuasa pusat. Di zaman Akbar, dibahagikannya negara kepada 12 wilayah, yang akhirnya meningkat pada 21 wilayah di zaman Aurangzeb.

Bentuknya lebih kurang sama dengan pentadbiran pusat. Di bawah *Subadar* terdapat pegawai-pegawai seperti *Diwan, Bakshi, Faujdar, Kotwal, Qadhi, Sadr, Amil, Bitikchi, Potdar* dan *Waqa-i-navis.*

ii. Di daerah-daerah, tugas menjaga keamanan dipegang oleh *Faujdar.* Peranannya juga sebagai kuasa tentera di tempatnya, menghalang pemberontakan, mengawal jenayah dan pencuri.

iii. Di setiap wilayah, terdapat kadi-kadi yang bertugas di bidang kehakiman.

iv. Mengenai sumber kewangan, ia dikutip dari cukai-cukai pengangkutan, pengeluaran, perdagangan dan sumber-sumber lain. Kerana sumbernya tersendiri, ia dibelanjakan tanpa merujuk kepada pentadbiran pusat.

Kegiatan Intelektual di Zaman Moghul

Berbanding dengan Kesultanan Delhi, zaman pemerintahan Moghul memperlihatkan perkembangan ilmu pengetahuan yang menggalakkan. Ini sejajar dengan kedudukan pemerintah-pemerintah Moghul sendiri sebagai penaung (*patron*) dalam kegiatan-kegiatan seumpama itu. Di zaman Babur misalnya, salah satu tugas *Shuhrat-i-Am* (Jabatan Kerja Raya) ialah mendirikan sekolah dan kolej-kolej. Humayun sendiri berusaha mendirikan madrasah di Delhi dan menukar rumah hiburan kepunyaan Sher Khan kepada sebuah perpustakaan. Akbar pula telah mendirikan kolej-kolej di Fatehpur Sikri, Agra dan lain-lain. Demikian juga Jahangir yang telah meletakkan dasar bahawa kekayaan seorang hartawan tanpa pewarisnya akan digunakan untuk mendiri dan memperbaiki madrasah, tempat-tempat ibadat dan lain-lain. Dan sungguhpun lebih banyak digoda oleh keindahan bangunan-bangunannya, namun dia telah mendirikan sebuah kolej di Delhi dan memperbaikinya dengan nama Darul-Baqa. Aurangzeb juga banyak menubuhkan sekolah dan kolej.

Kegemaran pemerintah kepada buku-buku membawa kepada terdirinya perpustakaan-perpustakaan yang mengandungi manuskrip yang berharga. Kutub-khanah Akbar sendiri mempunyai koleksi-koleksi yang cukup banyak dan disusun secara teratur. Perkembangan seni khat (kaligrafi) telah mencapai kemuncaknya, dan antara tokoh ulungnya ialah Muhammad Hussain dari Kashmir yang digelar *Zarrinqalam.*

Sebagai penaung ilmu, muncullah sarjana-sarjana dengan karya-karya mereka. Di zaman Akbar, kegiatan sastera Farsi dapat dipisahkan kepada tiga jenis, iaitu kegiatan-kegiatan dalam bidang sejarah, terjemahan dan puisi. Antara karya-karya sejarah yang

terkenal ialah **Tarikh-i-Alfi** oleh Mulla Daud, **Ain-i-Akbari** dan **Akbarnamah** oleh Abul Fazl, **Muntakhab-ut-Tawarikh** oleh Badauni, **Tabaqat-i-Akbari** oleh Nizamuddin Ahmad, **Akbarnamah** oleh Faizi Sarhindi dan **Maasir-i-Rahimi** oleh Abdul Baqi. Di antara mereka tersebut, penulis teragung ialah Abul Fazl yang bukan saja seorang ahli sejarah, bahkan juga seorang penyair, eseis dan kritikus.

Atas arahan Akbar, buku-buku dalam bahasa Sanskrit dan bahasa-bahasa lain diterjemahkan ke bahasa Farsi. Beberapa bahagian kitab **Mahabharata** juga diterjemahkan dengan judul **Razm-Namah.** Badauni sendiri telah menterjemahkan **Ramayana** yang dikerjakannya selama empat tahun. Haji Ibrahim Sirhindi menterjemahkan kitab **Atharva Veda**, Faizi menterjemah kitab matematik **Lilabati**, Mukammal Khan Gujarati menterjemah kitab astronomi **Tajak**, Abdur-Rahim Khan-i-Khanan menterjemah kitab **Waqiat-i-Baburi** dan Maulana Shah Muhammad Shahabadi menterjemahkan **Sejarah Kashmir.** Beberapa buah buku-buku Arab dan Greek juga diterjemahkan ke bahasa Farsi. Di antara penulis-penulis ternama di bawah naungan Akbar ialah Ghizali dan Faizi. Dan di antara penyair-penyair pula ialah Muhammad Hussain Naziri dan Nisapur yang menulis ghazal, serta Jamaluddin Urfi dari Shiraj, penulis qasidah yang paling terkenal.

Jahangir juga banyak berusaha mengembangkan ilmu pengetahuan. Autobiografinya hampir menyamai Babur dalam bentuk dan isinya. Antara sarjana di zamannya ialah Ghiyas Beg, Najib Khan, Muktamid Khan, Niamatullah dan Abdul Haqq Dihlawi. Karya-karya sejarah juga tertulis di zamannya, dan yang terpenting ialah **Maasir-i-Jahangiri, Iqbalnamah-Jahangiri** dan **Zubd-i-Tawarikh.** Di istananya sendiri terdapat ahli-ahli sejarah seperti Abdul Hamid Lahori, pengarang **Padshah-namah,** Aminai Qazwini pengarang **Padshah-namah** juga, Inayat Khan iaitu pengarang **Shah-Jahanamh** dan Muhammad Salih, iaitu pengarang **Amal-i-Salih.**

Di zaman Aurangzeb, perkembangan syair terbantut kerana sikapnya yang lebih memberatkan keagamaan dan teologi. Bagaimanapun, terdapat juga karya-karya sejarah seperti **Muntakhab-ul-Lubab** oleh Khafi Khan, **Alamgirnamah** oleh Mirza Muhammad Kazim, **Maasir-i-Alamgiri** oleh Muhammad Saqi, **Khulasat-ut-Tawarikh** oleh Sujan Rai Khatri, **Nushka-i-Dilkusha** oleh Bhimsen dan **Fatuhat-i-Alamgiri** oleh Ishwar Das. Tetapi yang paling terkemuka ialah **Fatawai-Alamgiri**, iaitu kumpulan hukum-hukum Islam mazhab Hanafi (20 ordinan) yang disediakan di bawah naungan Aurangzeb sendiri.

Di samping sastera Farsi, di zaman Moghul juga berkembang sastera Hindu. Ini berikutan daripada dasar Akbar sendiri yang

memberi perangsang ke arah perkembangannya. Tentang sifatnya, sastera Hindu di zaman ini lebih condong kepada bidang keagamaan. Bagaimanapun, perkembangannya tergencat di zaman Aurangzeb akibat dasar anti-Hindu dan Sikhnya. Tidak banyak penyair-penyair Urdu yang timbul di utara India, tetapi di Dekkan terdapat juga beberapa orang penulis yang terkenal.

Gerakan Islam di Zaman Moghul

Beberapa faktor telah mendorong ke arah timbulnya kesedaran untuk menghidupkan kembali Islam. Pertama, akibat dari dasar-dasar Akbar yang anti-Islam itu, pegangan rakyat jelata terhadap Islam telah menjadi begitu buruk sekali. Keduanya, ancaman-ancaman kuasa asing menyebabkan India diselubungi suasana yang tidak menentu lagi. Sebenarnya dengan kematian Aurangzeb pada tahun 1707, bermulalah zaman kemunduran bagi Kerajaan Moghul. Sehingga kejatuhannya secara muktamad pada 1857 akibat serangan Inggeris, Kerajaan Moghul tidak berputus-putus dirundung malang. Apa lagi dengan timbulnya ancaman dari golongan-golongan Hindu, Sikh dan juga dari kerajaan Farsi, semuanya ini menjadikan Kerajaan Moghul semacam tidak bermaya lagi.

Demikianlah suasana yang dialami oleh umat Islam di India ketika itu. Dan dalam suasana seperti inilah lahirnya pemuka-pemuka Islam yang cuba membersihkan kembali Islam daripada penyakit-penyakit dalamannya, dan sekaligus cuba mempertahankan maruah Islam dari dicemari oleh kuasa-kuasa asing. Antara mereka ialah Syeikh Ahmad Sirhindi, Shah Waliullah Ad-Dihlawi dan Sayyid Ahmad Shahid.

Syeikh Ahmad Sirhindi (1563 — 1624 M.)

Menjelang kelahiran Syeikh Ahmad Sirhindi, umat Islam di India sedang diancam oleh berbagai-bagai faham (*isme*) yang merbahaya. Tetapi yang paling merbahaya ialah ajaran-ajaran Din-i-Ilahi ciptaan Akbar yang pada hakikatnya telah menjahanamkan Islam itu sendiri. Ini terbukti dari pegangan-pegangan asasnya seperti ucapan-ucapan '*La-illallah, Akbar Khalifatullah*' (Tiada Tuhan melainkan Allah, Akbar khalifah Allah) dan '*Allahu-Akbar Jalla Jalalu-hu*' (sebutan Jalal diambil dari namanya sendiri Jalaluddin Akbar). Untuk mengadap Akbar misalnya, seseorang mestilah bersujud di depannya seolah-olah dialah saja yang dapat mengabulkan hajat dan doanya. Dan sewaktu tidurnya, adalah menjadi kebiasaan baginya untuk melunjurkan kakinya terhadap Kaabah.

Dalam praktiknya, ajaran-ajaran Din-i-Ilahi telah menghalal dan malah mewajibkan sesuatu yang diharamkan oleh Islam. Arak adalah suatu kemestian baginya dalam upacara '*Nauruz*'. Perkahwinan sepupu diharamkan, poligami juga diharamkan, dan usia perkahwinan sendiri telah ditetapkan. Mayat tidak boleh ditanam tetapi dibakar. Tetapi jika hendak ditanam juga, kakinya hendaklah mengadap kiblat.

Dalam suasana seperti inilah lahirnya Syeikh Ahmad di Sirhind, iaitu pada tahun 1563 di zaman Akbar. Beliau dididik oleh ulama-ulama yang salih di zamannya, tetapi yang banyak mempengaruhinya ialah Hadhrat Baqi Billah. Melihat kerosakan-kerosakan yang dialami oleh Islam ketika itu, beliau lalu bangkit untuk memulihkannya. Pihak pemerintah dikatakan cuba menyekat gerakannya dan membenamkannya ke dalam penjara. Jahangir sendiri telah memenjarakannya di Gwalior Fort, tetapi kemudiannya dibebaskan. Malah Jahangir lalu meminta Syeikh Ahmad menjaga anaknya Shah Jahan. Dan sungguhpun Aurangzeb tidak sempat bertemu dengan Syeikh Ahmad (dia lahir 4 tahun selepas kematian Syeikh Ahmad), namun ajaran-ajarannya banyak mempengaruhi dasar-dasar Aurangzeb.

Salah seorang penganut ajaran Din-i-Ilahi ialah Dara Shikuh, putera Shah Jahan juga. Pertentangan politik antara Dara Shikuh dengan saudaranya Aurangzeb turut membabitkan masalah-masalah agama. Dalam hal inilah ajaran-ajaran Syeikh Ahmad banyak mempengaruhi Aurangzeb. Apalagi anak Syeikh Ahmad sendiri menjadi teman akrab Aurangzeb. Sebab itulah Aurangzeb memerintah agar dibukukan hukum-hakam Islam dengan mengumpulkan bahan-bahan yang terpisah dari mazhab Hanafi. Kumpulan hukum-hakam inilah yang terkenal sehingga sekarang dengan nama **Fatawa-i-Alamgiri.**

Sesungguhnya jasa-jasa Syeikh Ahmad Sirhindi dapat ditinjau dari beberapa segi. Dia bukan sahaja menghalang kerajaan Moghul daripada terjerumus ke dalam sistem jahiliah dengan mengembalikannya ke arah sistem yang sebenar (sungguhpun dia gagal membanteras sistem monarki), malah dia membersihkan kembali amalan-amalan tasawuf daripada berbagai-bagai kotoran yang merosakkan. Di antara peranannya yang terbesar ialah serangan terhadap tasawuf 'Wahdat al-Wujud' oleh Ibnu Arabi yang dianggapnya bercanggah dengan aqidah Islam. Sebaliknya diajarkan konsep 'Wahdat al-Syuhud' atau Kesatuan Kesaksian.

Shah Waliullah Ad-Dihlawi (1703 — 1762 M.)

Seorang reformis lain yang namanya lebih dikenali melalui karya-karyanya ialah Shah Waliullah. Beliau dilahirkan di Dihlawi

(Delhi) dan anak kepada Shah Abdul Rahim, seorang ulama yang turut menyusun **Fatawa-i-Alamgiri** yang terkenal itu. Selepas belajar di bawah ayahnya, beliau berangkat ke Makkah dan belajar di bawah ulama-ulama Hijaz seperti Syeikh Abu Tahir Muhammad ibn Ibrahim al-Kurdi, Syeikh Sulaiman Maghribi, Syeikh al-Sanawi dan Tajuddin al-Hanafi. Sezaman dengan Shah Waliullah di Makkah ialah seorang reformis besar Muhammad bin Abdul Wahab (1703-1787), yang terkenal dengan *gerakan Wahabinya* itu.

Seperti Muhammad bin Abdul Wahab, Shah Waliullah cukup merasa terpanggil buat menyelamatkan umat Islam yang sedang tenat itu, baik dari fizikal mahupun mentalnya sekali. Dalam usaha memperbaiki mentaliti dan sikap taklid di kalangan umat Islam, digalakkannya semangat berfikir dan berijtihad melalui buku-bukunya seperti **Hujjatullah al-Balighah, Izalah, Budoor-i-Bazighah, Tafheemat-i-Illahiyah, Musawwa'** dan **Mustaffa.**

Namun berbeza daripada Muhammad bin Abdul Wahad, Shah Waliullah sangat dipengaruhi oleh ajaran tasawuf dan tariqat. Dari segi doktrinnya, beliau menyetujui tasawuf Wahdat al-Wujud menurut Ibnu Arabi. Anehnya, konsep Wahdat al-Syuhud menurut Syeikh Ahmad Sirhindi diterimanya juga, kerana baginya tidak terdapat perbezaan dasar di antara kedua-dua ajaran tersebut, kecuali dari segi istilahnya sahaja. Nyatalah Shah Waliullah cuba membuat kompromi di antara kedua-duanya, sama seperti sikapnya yang berpegang kepada mazhah Hanafi dan Shafii.

Dalam rangka memperbaiki kelemahan umat Islam, Shah Waliullah memperbezakan antara Islam universal dengan Islam lokal (tempatan). Yang perlu dipertahankan ialah ajaran-ajaran dasar yang universal, sedang Islam lokal mempunyai corak yang dapat disesuaikan dengan situasi setempat dan dengan kehendak zaman. Sebab itu ada Islam bercorak Arab, bercorak Farsi atau bercorak India. Dan agar orang-orang India dapat memahami al-Quran, lalu diterjemahkannya ke dalam bahasa Farsi dalam tahun 1956.

Seperti Ibnu Khaldun, Shah Waliullah juga telah mengemukakan satu teori tentang peringkat-peringkat perkembangan manusia, yang dibahagikannya kepada empat peringkat:

i. Tahap *irtifaqat*, iaitu masyarakat primitif yang memiliki serba sedikit nilai-nilai kemasyarakatan.
ii. Tahap yang mula cenderung kepada hidup berorganisasi dan perbandaran tetapi malangnya ia menuju kepada perpecahan dan memerlukan pimpinan pusat.
iii. Tahap yang mengamalkan sistem monarki sebagai penyelesai kepada masalah perpecahan itu.

iv. Tahap negara universal yang memerlukan seorang khalifah yang berkuasa terhadap pemimpin-pemimpin masyarakat yang berpecah-belah itu.

Menurut Shah Waliullah, ada dua tugas khalifah universal itu. Pertama, mempertahankan *Darul-Islam* (Negara Islam) daripada ancaman-ancaman asing. Dan keduanya mengawal kuasa raja-raja Islam agar bertindak adil menurut ketentuan Islam dan tidak terlibat dalam perselisihan-perselisihan awam. Seorang khalifah universal haruslah memiliki peribadi dan bertindak sejajar dengan ajaran-ajaran Islam, agar menjadi teladan *ummah*. Tetapi, kiranya dia melanggar dasar-dasar Islam, tidak menjadi kesalahan jika dilakukan pemberontakan terhadapnya. Jadi pada hakikatnya Shah Waliullah tidaklah menolak terus sistem monarki bagi tempat-tempat tertentu, sebab ianya masih tertakluk di bawah khalifah universal.

Memandangkan ancaman terhadap umat Islam dari golongan-golongan Hindu Maratha dan Jatt, Shah Waliullah seperti bapanya turut menganjurkan jihad. Harapannya terhadap kebangkitan semula kekuasaan Islam di India didedahkan kepada pemimpin Rohilla, Najib al-Dawlah. Kepadanya dan kepada gabenor-gabenor lain seperti Nizam al-Mulk dan Taj Muhammad Khan Baloch ditulisnya surat-surat yang menuntut dilakukan jihad. Malah dijemputnya Ahmad Shah Abdali, pemerintah Afghanistan agar datang ke India bekerjasama mengalahkan kaum-kaum Maratha dan Jatt. Mungkin kerana suratnya itulah maka terbentuknya kerjasama antara Abdali dengan Najib al-Dawlah, yang kemudiannya dapat mengalahkan orang-orang Maratha di Panipat pada tahun 1761.

Sayyid Ahmad Shahid (1786 — 1831 M.)

Sayyid Ahmad dilahirkan di Bareilly/Barelvi, Oudh yang ketika itu diperintah oleh seorang nawab. Beliau adalah murid Shah Abdul Aziz, anak Shah Waliullah. Dengan itu gerakannya lebih merupakan rangkaian atau penerusan perjuangan Shah Waliullah dalam bentuk yang lebih militan. Bahkan di antara pendukung-pendukungnya yang terpenting ialah Shah Ismail dan Abdul Hayy, cucu-cucu Shah Waliullah sendiri.

Sebenarnya Sayyid Ahmad lahir pada zaman di mana pihak British sedang bertapak di India dan malah menakluki beberapa wilayah penting, termasuk Oudh. Kekuatannya di Oudh ketara sekali kerana sejak 1795 nawab Oudh telah menandatangani perjanjian dengan British di mana seorang Residen diletakkan sebagai Ahli Majlis Kerajaan Oudh, bahkan askar-askar British pun ditem-

patkan di situ.

Selepas menamatkan pengajiannya di Delhi di bawah Shah Abdul Aziz, Sayyid Ahmad kembali ke Oudh pada 1810 dan memasuki tentera Pindari yang diketuai oleh Amir Khan. Waktu itu Amir Khan telah melancarkan serangan-serangan terhadap kubu-kubu British untuk menubuhkan negeri sendiri, dan Sayyid Ahmad sendiri mengira yang Amir mampu memimpin umat Islam untuk menghancurkan British. Malangnya harapan ini hancur, kerana pada 1816, Amir berdamai dengan British. Maka ketaralah bagi Sayyid Ahmad bahawa kebanyakan raja-raja Islam tidak bersedia menentang British, sebaliknya mengakui kekuatannya dan ingin hidup di bawah naungan British. Ini mengecewakan Sayyid Ahmad, hingga dia lalu memutuskan untuk berjihad di bawah pimpinannya sendiri untuk menggulingkan British.

Sebenarnya perjuangan Sayyid Ahmad dapat ditinjau dari dua segi:

i. Membersihkan kepercayaan dan amalan-amalan umat Islam daripada unsur-unsur yang merosakkan. Misalnya, dengan membanteras unsur-unsur negatif pada amalan kaum-kaum sufi, kepatuhan yang melampau kepada guru dan menziarahi kuburan-kuburan, wali, untuk meminta syafaat. Beliau juga menentang taklid kepada pendapat-pendapat ulama meskipun dia sendiri pengikut mazhab Hanafi.
ii. Melakukan program jihad buat menegakkan negara Islam dengan membentuk gerakan Mujahidin untuk matlamat tersebut. Inilah aspek perjuangannya yang menyebabkan beliau lebih dikenali.

Reformasinya dalam bentuk yang kedua mempunyai dua objektif, iaitu sama ada berperang atau melarikan diri dari *Darul-Harb*, dan memperbaiki *Darul-Islam. Darul-Harb* ialah daerah-daerah yang diperintah oleh orang-orang bukan Islam, sedang *Darul-Islam* ialah negeri yang dikuasai oleh orang-orang Islam sendiri. Dalam mencapai dua objektif tersebut, Sayyid Ahmad membentuk suatu 'jemaah' yang bertugas untuk menyeru (*Nizam-i-da'wat*) mereka ke arah cara hidup Islam yang sebenarnya.

Sepanjang 1818-1826, Sayyid Ahmad telah mengambil langkah-langkah untuk memenuhi tujuannya. Untuk mengumpulkan pengikut-pengikut dari masyarakat Islam dia melawat ke wilayah-wilayah di utara India seperti Oudh, United Provinces, Bihar dan Bengal. Dia menemui pemimpin-pemimpin Islam tempatan dan askar-askar Islam yang dibuang kerja, petani-petani yang kehilangan tanah kerana dasar British, tukang dan penenun-penenun yang menghadapi masalah akibat keruntuhan perusahaan

kraftangan, pengusaha-pengusaha kecil dan orang-orang Islam lain yang menghadapi masalah-masalah akibat kejatuhan negeri-negeri yang diperintah oleh Islam. Sebagai kumpulan yang menjadi mangsa suatu kuasa baru (British) di India, mereka segera menjadi pengikut Sayyid Ahmad. Bagaimanapun, di kalangan pengikut-pengikutnya, tidak ada yang berasal dari golongan bangsawan. Ini mungkin kerana dia kurang percaya yang golongan ini dapat menyokong gerakan jihadnya.

Selain dari itu, pada tahun 1822 dan 1823, dia melawat Makkah dan Madinah untuk mengerjakan haji bersama-sama pengikut-pengikutnya. Di sanalah dia bertemu dengan pemimpin-pemimpin Arab tempatan, bertukar pandangan mengenai berbagai isu politik, agama dan sebagainya serta menyaksikan sendiri amalan-amalan sebenar Islam. Setelah itu, dia pulang dengan keazaman yang kukuh untuk berjihad. Pada tahun 1826, dia membentuk suatu pasukan tentera seramai 12,000 orang, untuk melaksanakan jihad tersebut. Tetapi bila dilancarkan, yang ditujukannya bukanlah kuasa Inggeris, tetapi orang-orang Sikh di Punjab.

Ada beberapa sebab kenapa Sayyid Ahmad memerangi orang-orang Sikh tersebut. Pertama, kerana dari laporan-laporan yang diterimanya dari orang-orang Islam di Punjab mengatakan kaum Sikh di situ telah melarang orang-orang Islam beribadat, serta menekan mereka seperti mencolek wanita-wanita Islam serta merampas tanah-tanah mereka. Keduanya, kerana berbanding dengan negeri-negeri lain, Punjablah yang mempunyai ramai penganut Islam. Bagi Sayyid, kawasan seperti ini paling sesuai untuk menubuhkan kerajaan Islam yang sempurna. Selain dari itu, Punjab pula dikuasai oleh suatu kuasa tempatan yang lemah berbanding dengan daerah-daerah lain yang dikuasai oleh British. Adalah strateginya untuk meruntuhkan kuasa yang lemah itu agar dapat menjadi tapak buat menggulingkan British.

Selaras dengan keputusan itu beribu-ribu pengikutnya telah berpindah ke sempadan Punjab, dekat Afghanistan. Di sana mereka lalu disertai oleh orang-orang tempatan Pathan yang kemudiannya sama-sama menyerang kubu Sikh pada 1827, dan berjaya menguasai suatu kawasan yang luas yang diduduki oleh 18,000 orang berhampiran sempadan Punjab dan Afghanistan. Ketika ini Sayyid menubuhkan kerajaan sendiri di bawah pimpinannya sebagai ketua politik, tentera, imam atau khalifah — iaitu ketua dalam semua bidang. Ini sesuai dengan tujuan gerakannya sendiri iaitu untuk mengembalikan kuasa politik Islam dan menghapuskan amalan-amalan sesat.

Selama empat tahun (1827-1831) pemerintahannya, dia cuba sedaya upaya untuk menghapuskan amalan-amalan yang bercang-

gah dengan Islam. Bagaimanapun, kekuatan orang-orang Sikh dapat dipulihkan, dan kemudiannya dalam pertempuran dengan suatu pasukan Sikh di Balekot pada 1831, Sayyid mati terbunuh. Dari peristiwa inilah dia dikenali sebagai Sayyid Ahmad Syahid.

Terdapat beberapa sebab kegagalan gerakan Mujahidnya itu. Pertama, kerana pertikaian antara orang-orang tempatan Pathan dan Afghanistan dengan pengikut-pengikut Sayyid sendiri. Ketua-ketua tempatan ini bukan saja merasa iri hati terhadap pimpinan asing, bahkan juga marah terhadap sikap tegas Sayyid terhadap amalan-amalan mereka yang dianggapnya merosakkan akidah. Ini tentunya meretakkan perpaduan pendukung-pendukungnya sendiri. Dari segi luaran pula, jika dibandingkan antara tenteranya dengan tentera Sikh, sesungguhnya tentera Sikhlah yang lebih terlatih, kukuh dan berdisiplin dengan peralatan yang lebih baik. Walau apapun sebab-sebab kegagalannya, inilah gerakan politik massa yang pertama dan juga terakhir dalam usaha mendaulatkan kembali kekuasaan Islam di India.

Kejatuhan Kerajaan Moghul

Zaman pemerintahan Moghul dapat dibahagikan kepada dua peringkat:

1. Zaman Kegemilangan (1526-1707), iaitu sejak Babur sehingga Aurangzeb.
2. Zaman Kemunduran (1707-1857), iaitu sejak kematian Aurangzeb hingga kejatuhannya di tangan Inggeris. Di zaman ini, kerajaan Moghul boleh dikatakan hanya tinggal nama sahaja. Sungguhpun kejatuhannya bermula pada peringkat ini, tetapi unsur-unsur kelemahannya sudah pun wujud sejak Zaman Kegemilangannya lagi.

Faktor-faktor Kejatuhan

i. Faktor Dalaman

a. Sistem autokratik di mana kuasa penuh hanya berada di tangan sultan saja, dengan dibantu oleh angkatan tenteranya. Dengan itu kuat lemahnya kerajaan bergantung penuh pada kewibawaan sultan sendiri. Sejak Babur hingga Aurangzeb raja-rajanya terdiri daripada mereka yang cekap, tetapi akhir-akhirnya kerajaan Moghul mengalami kelemahan kerana kelemahan rajanya sendiri, dan sekaligus kelemahan angkatan tenteranya.

b. Rebutan kuasa antara putera-putera raja dan sesama pembesar. Di masa Akbar, terdapat juga persaingannya dengan Bairam Khan, kemudian antara Shah Jahan dengan Shahriar, antara Aurangzeb dengan Dara Shikuh dan lain-lain. Kemudian setelah Aurangzeb meninggal, timbul A'zam, Muazzam (Bahadur Shah) dan Kam Baksh yang dimenangi oleh Bahadur Shah. Tetapi kemudiannya dia ditewaskan oleh anak saudaranya Farrukhsiyar. Tidak lama kemudian Farrukhsiyar dibunuh oleh dua saudara, Sayyid Hussain Ali dan Sayyid Hassan Ali, yang lalu melantik Muhammad Shah sebagai penggantinya.

c. Polisi terhadap golongan-golongan bukan Islam. Ini berlaku sejak Shah Jahan dan lebih-lebih lagi Aurangzeb yang dikatakan sangat kejam terhadap kaum Hindu. Akibatnya golongan-golongan Maratha, Rajput, Jat dan Sikh bangun memberontak terhadap Moghul.

d. Kebangkitan kuasa-kuasa Rajput, Sikh, Jat dan Maratha. Jika pada peringkat awalnya mereka tidak berdaya menentang kekuatan Moghul, namun apabila Moghul menghadapi zaman kelemahannya, mereka bangkit semula.

e. Oleh kerana wilayah Moghul terlalu luas dan sistem perhubungan pula rumit, ini menyukarkan pentadbirannya. Apa lagi dengan kelemahan kerajaan pusat, sedikit demi sedikit timbul usaha-usaha memisahkan diri dari kekuasaan pusat. Hal ini, nyata sekali di Zaman Kemundurannya, iaitu dengan kebangkitan wilayah-wilayah Dekkan, Oudh dan Benggala.

ii. Faktor Luaran

a. Serangan raja Farsi, Nadir Shah. Setelah memecat maharaja Farsi iaitu Shah Tahmasp pada 1732, Nadir Shah yang berasal dari ketua perompak itu mulai menyerang India pada 1738. Serangannya membawa malapetaka besar kepada maharaja Moghul, Muhammad Shah, malah dirampasnya Takhta Merak, berlian Koh-i-Nor dan manuskrip-manuskrip Farsi daripadanya.

b. Serangan raja Afghan, Ahmad Shah Abdali. Selepas pembunuhan Nadir Shah pada 1747, salah seorang pembesarnya Ahmad Shah, seorang ketua Afghan dari suku Abdali, bangkit dan membentuk kerajaan bebas di Afghanistan. Dari 1748 hingga 1757, dia membuat lima kali serangan ke wilayah India, yang menyebabkan kerajaan Moghul terpaksa membayar uftinya setiap tahun. Sungguhpun akhirnya dia terpaksa pulang segera ke Afghanistan, tetapi kesan serangannya menolong

kebangkitan kaum Sikh, di samping menghalang kebangkitan Maratha.

c. Perluasan kuasa Inggeris. Ini timbul dari kesilapan-kesilapan Shah Jahan dan Aurangzeb yang membenarkan penempatan-penempatan mereka di India, yang akhirnya berjaya menamatkan kerajaan Moghul secara muktamad pada tahun 1857.

LAMPIRAN
PERJANJIAN MADINAH

DENGAN nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih, inilah piagam bertulis (kitab) dari Nabi Muhammad s.a.w. di kalangan orang-orang yang beriman dan memeluk Islam (yang beramal) dari Quraisy dan Yathrib, dan orang-orang yang mengikut mereka, mempersatukan diri dan berjuang bersama mereka.

1. Pembentukan Ummah.

Fasal 1.
Sesungguhnya mereka adalah satu bangsa (umat), bebas dari (pengaruh dan kekuasaan) manusia lain.

2. Hak Asasi Manusia.

Fasal 2.
Orang-orang Muhajirin dari kaum Quraisy tetap mempunyai hak asli mereka, iaitu saling tanggung-menanggung membayar dan menerima wang tebusan darah (*diyat*) di antara mereka (kerana pembunuhan) dengan cara yang baik dan adil di antara orang-orang yang beriman.

Fasal 3.
1. Banu Awf (dari Yathrib) tetap mempunyai hak asli mereka, tanggung-menanggung wang tebusan darah.
2. Dan setiap keluarga (*ta'ifah*) dari mereka membayar bersama akan wang tebusan dengan baik dan adil di antara orang-orang yang beriman.

Fasal 4.
1. Banu Sa'idah (dari Yathrib) tetap atas hak asli mereka, tanggung-menanggung wang tebusan mereka.
2. Dan setiap keluarga dari mereka sama-sama membayar wang tebusan dengan baik dan adil di antara orang-orang yang beriman.

Fasal 5.
1. Banu al-Harith (dari Yathrib) tetap berpegang atas hak-hak asli mereka dan saling bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah.
2. Dan setiap keluarga (dari suku Khazraj) sama-sama membayar wang tebusan darah dengan cara yang baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 6.
1. Banu Jusyam (dari Yathrib) tetap berpegang atas hak-hak asli mereka, tanggung-menanggung untuk membayar wang tebusan darah di antara mereka.
2. Setiap keluarga dapat membayar wang tebusan dengan cara baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 7.
1. Banu al-Najjar (dari Yathrib) tetap berpegang atas hak-hak asli mereka, tanggung-menanggung untuk membayar wang tebusan darah di antara mereka.
2. Setiap keluarga dapat membayar wang tebusan dengan baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 8.
1. Banu 'Amrin bin 'Awf (dari Yathrib) tetap berpegang kepada hak-hak asli mereka, tanggung-menanggung untuk membayar wang tebusan darah di antara mereka.
2. Setiap keluarga dapat membayar wang tebusan dengan baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 9.
1. Banu al-Nabiet (dari Yathrib) tetap berpegang kepada hak-hak asli mereka, tanggung-menanggung untuk membayar wang tebusan darah di antara mereka.
2. Setiap keluarga dapat membayar wang tebusan dengan baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 10.
1. Banu al-Aws (dari Yathrib), tetap berpegang kepada hak-hak asli mereka, tanggung-menanggung untuk membayar wang tebusan darah di antara mereka.
2. Setiap keluarga dapat membayar wang tebusan dengan baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

3. Persatuan Seagama.

Fasal 11.
Sesungguhnya orang-orang yang beriman tidak akan melalaikan tanggungjawab mereka untuk memberi sumbangan bagi orang-orang yang berhutang kerana membayar wang tebusan darah dengan secara baik dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

Fasal 12.
Tidak seorang pun dari orang-orang yang beriman dibolehkan membuat persekutuan dengan teman sekutu dari orang yang beriman lainnya tanpa persetujuan terlebih dahulu daripadanya.

Fasal 13.
1. Setiap orang yang beriman yang bertakwa mestilah menentang setiap orang yang berbuat salah, melanggar ketertiban, penipuan, permusuhan dan pengacauan di kalangan masyarakat orang-orang yang beriman.
2. Kebulatan persatuan mereka terhadap orang-orang yang bersalah merupakan tangan yang satu walaupun terhadap anak-anak mereka sendiri.

Fasal 14.
1. Tidaklah sepatutnya seorang yang beriman itu membunuh seorang beriman yang lainnya lantaran seorang yang tidak beriman.
2. Tidaklah harus seorang yang beriman itu membantu seorang yang kafir untuk melawan seorang yang beriman lainnya.

Fasal 15.
1. Jaminan Allah adalah satu, dan mereka melindungi nasib orang-orang yang lemah.
2. Setiap orang yang beriman mestilah jamin-menjamin dan setiakawan sesama mereka daripada (gangguan) manusia lainnya.

4. Persatuan Segenap Warganegara:

Fasal 16.
Bahawa sesungguhnya kaum Yahudi yang setia kepada (negara) kita berhak mendapat bantuan dan perlindungan, tidak boleh dikurangi haknya dan tidak boleh diasingkan dari pergaulan umum.

Fasal 17.
1. Perdamaian dari orang-orang yang beriman adalah satu.
2. Tidaklah diperkenankan segolongan orang-orang yang beriman membuat perjanjian tanpa ikut sertanya segolongan lainnya di dalam sesuatu peperangan di jalan Allah, kecuali atas dasar persamaan dan adil di antara mereka.

Fasal 18.
Setiap serangan yang dilakukan terhadap kita adalah tentangan terhadap semuanya, dan setiap golongan haruslah memperkuatkan persatuannya.

Fasal 19.
1. Setiap orang yang beriman mestilah memberikan pembelaan atas setiap darah yang tumpah di jalan Allah.
2. Setiap orang yang beriman dan bertakwa haruslah berteguh hati atas jalan yang baik dan kuat.

Fasal 20.
1. Perlindungan yang diberikan oleh seseorang yang tidak beriman (musyrik) terhadap harta dan jiwa seseorang musuh Quraisy tidaklah diakui.
2. Campur tangan apa pun tidaklah diizinkan atas kerugian seseorang yang beriman.

Fasal 21.
1. Barang siapa yang membunuh seseorang yang beriman dengan cukup bukti atas perbuatannya itu mestilah dihukum bunuh terhadapnya, kecuali jika wali (keluarga yang berhak) dari si pembunuh bersedia dan rela menerima ganti rugi.
2. Segenap warganegara yang beriman haruslah bersatupadu mengutuk perbuatan itu, dan tidaklah diizinkan selain daripada menghukum kejahatan itu.

Fasal 22.
1. Tidak dibenarkan bagi setiap orang yang mengakui piagam ini dan percaya kepada Allah dan hari kiamat akan membantu orang yang salah dengan memberi perlindungan kepadanya.
2. Siapa yang memberikan bantuan atau tempat tinggal kepada pengkhianat-pengkhianat negara atau orang-orang yang salah akan mendapat kutukan dan kemurkaan Allah di hari kiamat nanti, dan tidak diterima segala pengakuan dan penyaksiannya.

Fasal 23.
Apabila timbul perbezaan di antara kamu di dalam suatu hal, maka kembalikanlah penyelesaiannya kepada (hukum) Allah dan (keputusan) Muhammad.

5. Golongan Minoriti.

Fasal 24.
Warganegara (dari kaum) Yahudi memikul biaya bersama-sama orang-orang mukmin selama negara dalam peperangan.

Fasal 25.
1. Kaum Yahudi Banu Awf adalah sebangsa/senegara (umat) dengan orang-orang mukmin.
2. Kaum Yahudi bebas memeluk agama (din) mereka sebagaimana kaum muslimin bebas memeluk agama mereka.
3. Kebebasan ini berlaku juga terhadap pengikut-pengikut dan sekutu-sekutu mereka dan diri mereka sendiri, kecuali yang zalim dan berdosa akan mengenai dirinya sendiri dan keluarganya.

Fasal 26.
Yahudi Banu al-Najjar diperlakukan sama seperti Yahudi Banu Awf.

Fasal 27.
Yahudi Banu al-Harith diperlakukan sama dengan Yahudi Banu Awf.

Fasal 28.
Yahudi Banu Sa'idah diperlakukan sama dengan Yahudi Banu Awf.

Fasal 29.
Yahudi Banu Jusyam diperlakukan sama dengan Yahudi Banu Awf.

Fasal 30.
Yahudi Banu Aws diperlakukan sama dengan Yahudi Banu Awf.

Fasal 31.
1. Yahudi Banu Tha'labah diperlakukan sama dengan Yahudi Banu Awf.
2. Kecuali yang zalim dan bersalah (berdosa), akan menimpa diri dan keluarganya juga.

Fasal 32.
Suku Jafnah yang bertalian darah dengan Yahudi Banu Tha'labah diperlakukan sama dengan Banu Tha'labah.

Fasal 33.
1. Banu Syutheibah diperlakukan sama dengan Yahudi Banu 'Awf
2. Sikap yang baik harus dapat membendung segala penyelewengan.

Fasal 34.
Pengikut-pengikut Tha'labah, sekutu dari Tha'labah diperlakukan sama seperti Banu Tha'labah.

Fasal 35.
Segala pegawai-pegawai dan pembela-pembela kaum Yahudi diperlakukan sama seperti kaum Yahudi.

6. Tugas Warganegara.

Fasal 36.
1. Tidak seorang pun warganegara dibolehkan bertindak keluar tanpa izin Nabi Muhammad s.a.w. Mudah-mudahan Allah mencurahkan selamat dan salam ke atasnya.
2. Seorang warganegara dapat membalas kejahatan luka yang dilakukan orang kepadanya.
3. Siapa yang membuat kejahatan, maka ganjaran kejahatan itu menimpa dirinya dan keluarganya, kecuali untuk membela dirinya.
4. Allah akan melindungi orang-orang yang setia piagam ini.

Fasal 37.
1. Kaum Yahudi memikul biaya negara sebagaimana kaum muslimin juga memikulnya.
2. Segenap warganegara (Yahudi dan Muslimin) adalah sama-sama berkewajipan menentang setiap musuh negara yang memerangi setiap peserta dari piagam ini.
3. Di antara mereka mestilah saling nasihat-menasihati dan berbuat kebajikan serta menjauhi segala dosa.
4. Seorang warganegara tidaklah dianggap bersalah kerana kesalahan yang dibuat oleh sahabat/sekutunya.
5. Pertolongan, pembelaan dan bantuan mestilah diberikan kepada yang teraniaya.

Fasal 38.
Warganegara Yahudi memikul biaya bersama-sama warganegara yang beriman selama peperangan masih berjalan.

7. Melindungi Negara.

Fasal 39.
Sesungguhnya kota Yathrib, ibu kota negara, tidaklah boleh dilanggar kehormatannya oleh setiap peserta piagam ini.

Fasal 40.
Jiran tetangga diperlakukan seperti diri sendiri, tidak boleh diganggu-gugat ketenteramannya dan tidak diperlaku salah.

Fasal 41.
Tidak seorang pun tetangga wanita boleh diganggu ketenteraman/kehormatannya. Setiap kunjungan mestilah dengan izin suaminya.

8. Pimpinan Negara.

Fasal 42.
1. Jika terjadi sesuatu peristiwa (pembunuhan) di antara peserta piagam ini, atau terjadi pertengkaran melainkan segera dilaporkan dan diserahkan penyelesaiannya menurut hukum Allah dan (kebijaksanaan) utusannya Muhammad s.a.w. dan semuga Allah melindunginya.
2. Allah adalah penjamin bagi orang-orang yang benar-benar mentaati isi kandungan piagam ini.

Fasal 43.
Sesungguhnya (musuh) Quraisy tidak boleh dilindungi, begitu juga segala orang yang membantu mereka.

Fasal 44.
Di kalangan warganegara sudah terikat janji pertahanan bersama untuk menentang setiap penceroboh yang memasuki kota Yathrib.

9. Politik Perdamaian.

Fasal 45.
Apabila mereka diajak berdamai dan membuat perjanjian, maka mereka tetap sedia untuk membuat demikian. Dan setiap kali ajakan perdamaian seperti itu, sesungguhnya kaum yang beriman mestilah melakukannya, kecuali terhadap orang (negara) yang menunjukkan permusuhan terhadap agama (Islam).

Kewajipan atas setiap warganegara mengambil bahagian dari pihak mereka untuk perdamaian.

Fasal 46.
Dan sesungguhnya kaum Yahudi Aws dan segala sekutu dan yang bersimpati dengan mereka mempunyai kewajipan yang sama dengan segala peserta piagam demi kebaikan (perdamaian) itu. Sesungguhnya kebaikan (perdamaian) dapat menghilangkan segala kesalahan (dosa).

10. Penutup.

Fasal 47.
Setiap orang (warganegara) yang berusaha, segala usahanya adalah atas dirinya. Sesungguhnya Allah bersama dengan peserta-peserta piagam ini yang menjalankannya dengan jujur dan sebaik-baiknya. Sesungguhnya piagam ini tidak boleh dipergunakan untuk melindungi orang-orang zalim dan bersalah. Sesungguhnya (mulai dari saat ini), orang-orang yang berpergian (keluar) adalah aman, dan orang-orang yang menetap juga aman, kecuali orang-orang yang zalim dan berbuat salah. Sesungguhnya Allah melindungi orang (warganegara) yang baik dan bersikap takwa (waspada). Dan (akhirnya) Muhammad adalah pesuruh Allah, semoga Allah mencurahkan selawat dan kesejahteraan atasnya.

TREATY OF MEDINA

In the name of God, the most Merciful, the All-Merciful

1. This is a prescript (*kitab*) of Muhammad, the Prophet (the Messenger of God) to operate among the Faithful Believers (*mu'minin*) and the Submissive to God (*muslimin*) from among the Quraish and [the people of] Yathrib and those who may be under them and join them, and take part in wars in their company.
2. Verily they constitute a political unit (*ummah*) as distinct from all the people (of the world).
3. The Emigrants from among the Quraish shall be (responsible) for their ward (*rab'ah*); and shall pay their blood-money in mutual collaboration, and shall secure the release of their prisoners by paying their ransom themselves, so that the mutual dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness (*ma'ruf*) and justice.
4. And the Banu 'Awf shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
5. And the Banu'l-Harith shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
6. And the Banu Sa'idah shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
7. And the Banu Jusham shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.

8. And the Banu'n-Najjar shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and evrey group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
9. And the Banu 'Amr ibn 'Awf shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
10. And the Banu'n-Nabit shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
11. And the Banu'l-Aws shall be responsible for their ward, and shall pay their blood-money in mutual collaboration as heretofore; and every group shall secure the release of its own prisoners by paying their ransom themselves, so that the dealings between the Believers be in accordance with the principles of recognised goodness and justice.
12/*a*. And verily the Believers shall not leave anyone hard pressed with debts, without helping him in recognised goodness with regard to ransom or blood-money.
12/*b*. And no Believer shall oppose the client of another Believer against him (i.e. this latter).
13. And verily the (hands of) pious Believers shall be raised against (every) such person as rises in rebellion or attempts to acquire anything by force, or is guilty of any violation of pledge or excess or attempts to spread mischief among the Believers; and verily their hands shall rise all together against such a person, even if he be son of anyone of them.
14. And no Believer kills (*yaqiulu*) another Believer in retaliation for an unbeliever (*kafir*), nor helps (*yansuru*) an unbeliever against a Believer.
15. And verily the protection (*dhimmah*) of God is one; the humblest (*adna*) of them (i.e. of the Believers) can, by extending his protection to anyone, put the obligation on all of them; and verily the Believers are brethren to one another (*mawali*) as against all the people (of the world).
16. And verily those who will obey us from among the Jews will have help and equality; neither shall they be oppressed nor shall any help be given against them.

17. And verily the peace of the Believers shall be one; [and] if there be any war in the path of God, no Believer shall make any peace (with the enemy) apart from other Believers, unless it (i.e. this peace) be the same and equally binding on all.
18. And verily every detachment that will fight on our side will be relieved by turns.
19. And verily the Believers as a body shall take vengeance for each other of the bloodshed in the path of God.
20/*a*. And undoubtedly the pious Believers are the followers of the best and the straightest guidance.
20/*b*. And no Polytheist (*mushrik* Arab subject) gives any protection to property and to life cf any Quraishite, nor he comes in the way of any Believer in this matter.
21. And verily if anyone intentionally murders a Believer and it is proved, he shall be killed in retaliation, unless the heirs of the murdered person agree [to blood-money]; and verily all the Believers shall actually stand for this, and nothing else shall be lawful for them to do.
22. And verily it is not be lawful for any Believer, who has accepted the contents of this document (*sahifah*) and has faith in God and in the Last Day, to give help or protection to any murderer (*muhdith*); and verily whoevre gives help or protection to such a person, God's curse and wrath shall be on him on the Day of Resurrection, and no expense or compensation will be accepted from him (i.e. from the protector of the murderer to exonerate him).
23. And whenever ye differ about anything, its reference shall be to God and to Muhammad.
24. And verily the Jews bear (their) expenditure along with the Believers so long as they fight in conjunction.
25. And verily the Jews of the Banu 'Awf shall be considered as a community (*ummah*) along with the Believers, for the Jews being their religion and for the Muslims their religion, be one client or original member of the tribe; but whosoever shall be guilty of oppression or violation (of treaty), shall put to trouble none but his own person and the members of his house (*ahlbait*).
26. And verily the Jews of the Banu'n-Najjar shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf.
27. And verily the Jews of the Banu'l-Harith shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf.
28. And verily the Jews of the Banu Sa'idah shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf.
29. And verily the Jews of the Banu Jusham shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf.
30. And verily the Jews of the Banu'l-Aws shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf.

31. And verily the Jews of the Banu Tha'-labah shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf; but whosoever is guilty of oppression and violation of treaty puts to trouble none but his own person and the members of his house.
32. And verily the Jafnah is a branch of the (tribe of) Tha'labah, even like them.
33. And verily the Banu'sh-Shutaibah shall have the same rights as the Jews of the Banu 'Awf; and verily there shall be fulfilment and not violation.
34. And verily the client of the Tha'labah shall have the same rights as the original members.
35. And verily the sub-branches (*bitanah*) of the Jews shall have the same rights as the principal members.
36/*a*. And verily none of them goes out (on a military expedition) except with the permission of Muhammad.
36/*b*. And verily on obstruction shall be placed in the way of (anyone's) retaliation of a wound; and whosoever sheds blood shall be personally responsible for it together with the members of his house, or else (i.e. to do otherwise) it will be injustice; and verily God is along with those who observe this most scrupulously.
37/*a*. And verily the Jews shall bear their expenses (of war) and the Muslims shall bear their expenses; and verily there shall be aid between them as against those who fight the parties (*ahl*) to this document (*sahifah*), and there shall be sincere counsel and well-wishing between them; and there shall be fulfilment (of pledge) and not violation.
37/*b*. And verily on one violates the pledge of his ally (*halif*); and verily help shall be given in favour of the oppressed.
38. And verily the Jews bear (their) expenditure along with the Believers so long as they fight in conjunction.
39. And verily the valley (*jawf*) of Yathrib shall constituue an inviolable territory for the parties to this document (*sahifah*).
40. And verily the protected person (*jar*) shall be considered just like the original member (i.e. who has given protection); neither shall be (the protected person) be harmed, nor shall be himself violate the pledge.
41. And verily no refuge will be given (i.e. by the protected person to others) without the permission of the original people of the place.
42. And verily if any murder (*hadath*) or quarrel takes place between the parties to this document (*sahifah*), from which any trouble may be feared, it shall be referred to God and to Muhammad, Messenger of God, may God incline to him and protect, and verily God is the guarantee of the most faithful scrupulous observance of the contents of this document.

43. And verily the Quraish shall be given no protection nor those who help them.
44. And verily there shall be aid between them (i.e. the Muslims and the Jews) against those who invade Yathrib.
45/*a*. And if they (i.e. the Jews) are invited to à peace to participate in and to adhere to it, they participate in and adhere to it; and verily if they invite likewise, the same shall be incumbent upon the Believers in their favour, excepting one who fights for the cause of religion.
45/*b*. On every group shall rest the responsibility for the part [of the city?] which faces them.
46. And the Jews of al-Aws, clients as well as original members, shall have the same rights as the parties to this document (*sahifah*), with the purest fulfilment with regard to the parties to this document; and verily there shall be fulfilment and not violation; no evildoer earns anything except against his own self; and verily God is the guarantee of the most truthful and most scrupulous observance of the contents of this document.
47. And verily this prescript (*kitab*) shall not protect any oppressor or violator of pledge; and verily whoever goes out (on a military expedition) shall have security, and whoever stays in Madinah shall have security, except onewho commits oppression and violation of the pledge; and verily God is the protector of those who fulfil and observe the pledge scrupulously, even as Muhammad, Messenger of God — may God incline to and protect him — is (i.e. the protector).

BIBLIOGRAFI

Abdul Ahad Daud. *Muhammad in the Bible.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1969.

Abdul Halim Mahmud. *Isra' dan Mi'raj: Satu Analisa Baru* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1981.

Abdul Karim Zaidan. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, jld. 2 (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1980.

________, *Umat dan Negara dalam Syariat Islam.* (terj.). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1978.

Abdul Mun'im Abdul Hamid. *Hakikat Iman* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1983.

Abdul Qadir Audah. *Harta dan Pemerintahan dalam Islam* (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1983.

________, *Islam dan Perundang-Undangan* (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, 1974.

Abdul Rahman Azzam. *The Eternal Message of Muhammad.* London: Quartet Books, 1979.

Abdul Rahman Ra'fat Basha, *Gambaran dari Kehidupan Para Sahabat* (terj.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1984.

Ahmad Amin. *Fajar Islam* (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, 1968.

________, *Dhuhal Islam* (terj.), jld. 1 (1978), jld. 2 (1976), jld. 3 (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

________, *Islam Sepanjang Zaman* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Ahmad Muhammad al-Hufy. *Akhlak Nabi Muhammad s.a.w.* (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, 1978.

Ahmad Shalaby. *Sejarah dan Kebudayaan Islam.* (terj.), jld. 1 (1981), jld. 2 (1975), jld. 3 (1982). Singapura: Pustaka Nasional.

________, *Sejarah Perundingan Islam* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1986.

________, *Perang Salib* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1975.

________, *Masyarakat Islam* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1966.

________, *Dasar-Dasar Pemerintahan Islam* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1967.

Ahmad al-Syurbasi. *Sejarah Tafsir al-Quran (terj.).* Jakarta: Pustaka Firdaus, 1985.

________, *Biografi Imam Mazhab Empat* (terj.). Kelantan: Pustaka Aman Press, 1978.

A. Hanafi. *Penghantar Teologi Islam.* Jakarta: Bulan Bintang, 1967.

________, *Teologi Islam (Ilmu Kalam).* Jakarta: Bulan Bintang, 1983.

A. Hassan. *Mengenal Muhammad s.a.w.*. Surabaya: PT Bina Ilmu, 1974.

A. Hasjmy. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1975.

Al-Attas, S.M.N. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1978.

Al-Mawdudi, Abul-A'la. *Khilafah dan Kerajaan* (terj.). Bandung: Penerbit Mizan, 1984.

________, *A Short History of the Revivalist Movement Islam*. Lahore: Islamic Publications Ltd., 1979.

Al-Nadwi, Abul-Hasan. *Sirah al-Nabawiyah* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1983.

________, *Islam and the World*. Lebanon & Syria: IIFSO, 1977.

________, Muslims in India. Lucknow: Islamic Research and Publications, 1980.

Ashaari Muhammad. *Huraian Apa Itu Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Arqam, 1983.

________, *Huraian Ke Arah Membangun Negara dan Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Arqam, 1983.

Dhiyauddin al-Rayis. *Ilmu Kenegaraan dalam Fiqh Islam* (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, 1971.

Endang Saifuffin Ansari. *Wawasan Islam*. Bandung: Pustaka Salman, 1982.

Fatchur Rahman. *Ikhtisar Mustalah al-Hadith*. Bandung: PT al-Maarif, 1974.

Hamka. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1980.

Hassan al-Bana. *Risalah Jihad* (terj.). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1978.

________, *Sirah Rasulullah s.a.w.* (terj.). Kuala Lumpur: Al-Qalam, 1984.

Harun Nasution. *Teologi Islam*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, 1972.

________, *Falsafah dan Mistisisme dalam Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1973.

Hasbullah Bakry. *Di Sekitar Filsafat Skolastik Islam*. Jakarta: Tintamas, 1973.

Hitti, Philip K. *History of the Arabs*. London & Basingstoke: The MacMillan Press Ltd., 1981.

________, *Dunia Arab* (terj.). Bandung: Penerbitan Sumur, 1980.

Ihsan Ilahi Zahir. *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Gerakan Syiah* (terj.). Bandung: PT Al-Maarif, 1985.

Ismail al-Faruqi. *The Hijrah: The Necessity of its Iqamat*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1981.

Ismail Saad (ed.). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Khwaja Abdul Waheed. *Islam and the Origins of Modern Sciences*. Lahore: Islamic Publications Ltd., 1967.

Mahayudin Haji Yahaya. *The Origin of the Khawarij*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Enterprise, 1984.

_______, *Sejarah Perpecahan Awal Umat Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Majid Ali Khan. *The Pious Caliphs.* Kuwait: Islamic Book Publishers, 1982.

Majumdar, R.C. *An Advance History of India.* India: MacMillan, 1974.

M.A. Shaban. *The Abbasid Revolution.* London: Cambridge University Press, 1979.

Mat Saad Abd. Rahman. *Ilmu Tafsir Perkembangan dan Tokohnya.* Trengganu: Yayasan Islam Trengganu, 1984.

M.M. Sharif. *Sumbangan Islam kepada Dunia* (terj.). Kelantan: Penerbitan Dian, 1970.

Mohd. Atiah Khamis al-Muhami. *Perlembagaan Islam.* (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Research Institute, 1982.

Muhammad Abduh. *Risalah Tauhid.* (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, 1979.

Muhammad al-Bahi. *Pemikiran Islam* (terj.). Bandung: Penerbit Risalah, 1985.

Muhammad al-Ghazali. *Fiqh al-Sirah*(terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1986.

Muhammad Hamidullah. *The First Written Constitution in the World.* Lahore: Sh. Muhd. Ashraf, 1975.

_______, *Sahifah Hammam Ibn Munabbih.* Paris: Islamic Cultural Centre, 1979.

Muhammad Hussain Haykal. *Sejarah Hidup Muhammad* (terj.). Jakarta: Pustaka Jaya, 1980.

Muhammad Hussain al-Zahabi. *Penyimpangan-Penyimpangan dalam Penafsiran al-Quran* (terj.). Jakarta: C.V. Rajawali, 1986.

Muhammad Rashid Rida. *Wahyu Illahi kepada Muhammad* (terj.). Jakarta: Pustaka Jaya, 1983.

Muhammad Yusuf al-Kandahlawy. *Hayatus Sahabat* (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, 1983.

Muhammad Zakariya al-Kandahlawy. *Hikayatus Sahabat* (terj.). Penang: Ganesh Printing Printing Works, t.t.

Mustaffa al-Sibbai. *Sirah al-Nabawiyah* (terj.). Jakarta: Media Dakwah, 1983.

_______, *Hadith dan Kedudukannya dalam Syariat Islam.* (terj.). Bandung: C.V. Diponegoro, 1980.

Mustaffa al-A'zami, Muhd. *Studies in Early Hadith Literature.* Indiana: American Trust Publications, 1978.

Oemar Amin Hoesin. *Kultur Islam.* Jakarta: Bulan Bintang, 1964.

Osman Khalid. "Kajian Sastera Arab Jahiliah" dlm. *Al-Islam*, Feb-Apr 1974.

Syed Qutb. *Petunjuk Sepanjang Jalan.* (terj.) Kuala Lumpur: el-Ikhwan Enterprise, 1979.

Russell, Bertrand. *History of Western Philosophy.* London: George Allen & Unwin Ltd., 1977.

Said Ramdhan al-Buti. *Fiqh al-Sirah*.(terj.), jld. 1. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1983.

Seyyed Hossein Nasr. *Sciences and Civilization in Islam.* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1984.

Sobhi Mahmassani. *Filsafat Hukum dalam Islam* (terj.). Bandung: P.T. al-Maarif, 1977.

Subhi Saleh. *Politik dan Pentadbiran dalam Islam* (terj.). Kuala Lumpur: PKPIM, 1984.

————, *Kajian al-Qur'an* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

Shaharir Mohd. Zain (ed.). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Sains dan Teknologi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Yusuf Noor. *Ikhtisar Ilmu Tasawwuf.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Zakaria Bashier. *The Meccan Crucible.* London: FOSIS, 1978.

INDEKS

A History of the Crusades 214
absolute monarchy 117, 118
Ad-Vitellionem Paralipmena 237
agama *Pagan* 9
Ahli Suffa 46, 50, 151
Ahlul-bait 99, 111, 122, 153, 154
Ahlul-Hadis 180
Ahlur-Ra'yi 180
Ajnadain 92
Akbar 225, 257, 260, 261, 262, 263, 270
'al-Bai'ah al-Kassah' 88
'al-Bai'ah al-Ammah' 88
al-Bakka'un 74
al-Dabbabah 74
al-Diyafah 2, 10, 11
al-Fai' 99
al-Faruq 43
al-Farabi 189, 190, 236
al-Fiah 208
al-Filahah 206
al-Gharaniq 34
al-Ghaw 1, 2, 5
al-Ghazwatul-Furqan 62
al-Hawi 191, 239
al-Iqdul-Farid 208
al-Jamiul-Saghir 181
al-Jani fil-Adwijah al Mufradah 206
al-Jilu Qur'aniyyun farid 79
al-Karam 2
al-Kharaj 181
al-Kimia 191
al-Kitab al-Maliki 239
al-Kitab al Mansuri 239
al-Kubra 61
al-Mabsut 181
al-Mahdi 125
al-Mala' 35, 38
al-Manjanik 74, 123, 126, 139, 196
al-Masnawi 241
al-Muallaqat al-Sab'a 13
al-Muniqidhu minad-dhalal 205
al-Muwatta 176, 181

al-Qanun fit-Tib 192, 239
al-Qattami 2
al-Risalah 181
al-Sadiq al-Amin 24, 25, 78
al-Sairil-Kabir 181
al-Sairis-Saghir 181
al-Sifa 192
'al-Usul al-Khamsah' 178
al-Umm 181
aliran Khawariji 149
aliran Murjiah 149
Amirul Mukminin 100
Amirul-Umara' 164, 165
Amul-Ramadah 114
animisme 6
Ansar 45, 46, 47, 49, 87, 99
Arabian Nights 241
Aristotle 184, 187, 189
Asabiyyah 2, 12, 36, 93, 122, 196
Ashabul-ukhdud 16
Asoka 244
Asyurul-hurum 18, 68
At-Taisir 207
at-tasrif 207
Aurangzeb 250, 259, 261, 262, 263, 264, 269, 270, 271
Aus 42, 48, 50, 57, 59
ayat Makkiyah 31, 32
Azlam 8
Badwi 1, 2, 4, 5, 11, 14, 20, 146
Bai'atul-Aqabah 51,142
Bai'atur-ridhwan 69
Baitul-laham 21, 22
Baitul-Mal 113, 114, 129, 131
Baitul Maqdis 59, 101, 215, 217, 218, 219, 220, 225
Bani Hashim 86, 153
Bani Kedar 44
Bani Nadhir 46, 57, 59, 61, 66, 67
Bani Qainuqa' 46, 49, 59, 60, 62
Bani Quraidzah 46, 57, 58, 59, 61, 66, 67
Bani Zohrah 3
Bar-i-khas 251
barter 5
bermubahalah 60
Bernard Lewis 68
bid'ah 32, 38, 120, 135
Bidayatul-Mujtahid 204
bidh'i 27

Bustan 240, 241
Chandragupta 244
chauvinisme 45
'Chela' 256
'cogito' 235
Coliget 239
'Comma Johaeum' 96
Constantinople 29, 128, 132, 137, 138, 213, 217, 219, 225, 226
'contagion' 207
dam 70
Darul-Harb 267
Darul-Islam 267
Darun-Nadwah 6, 18
De Aspectibus 237
de facto 123
De Revolutionibus Orbium Coelestium 238
'Dedanim' 44
dewan 11, 148, 194
Dhammah 147
Din-i-Illahi 256, 259, 264
Discourse Sur lu Method 235
doktrin 30
Dr. Abdul Qadir Audah 55
Empangan Ma'arib 15, 16, 17
Enneads 187
extremist 179
Facilitation of Treatment 239
Falsafah Timur 235
'Faqih' 257
faraid 54
Fatawa-i-Alamgiri 264, 265
Fathah 147
fi sabilillah 39, 40
flight 41
'Free-Will' 149
fuqaha 179, 180
General Rules of Medicine 239
Ghadir Khum 111
ghanimah 99
'Ghazwah' 61
Gibraltar (Jabal Tariq) 143
Goth 142, 143
Gua Thur 43, 113
Gulistan 240, 241
Hadari 1, 4, 5, 14
hadis *masyhur* 180
hadis *mutawatir* 180
Hadithul-ifki 58, 67, 107

Hajar al-Aswad 45
Hamasah 1
Hammah 8
Hanif 6
Hari Kebangkitan 31
Hari Pembalasan 38
Hari Pengadilan 79, 80
'Hashashin' 166
Hayatul-Hayawan 190
Hayy 5
Hayy bin Yaqzhan 236, 237, 241
Heraclius 70, 71, 91, 92, 100
Herodotus 192
Hijrah 41, 42, 43, 44, 45
Hikayat 1001 Malam 240, 241
Hisab al-Jabr Muqabalah 238
Holy Sepulchre 215
Hubal 7, 8
hudud 54
Hufafaz 94, 95, 147
Humayun 254, 261
Ibnu Khaldun 190, 265
Ibnu Sina 170, 189, 190, 191, 192,
235, 236, 239
ibrah 62, 75
Ihya Ulumiddin 183, 235
Ijtihad 118, 183, 195
Ikhtilaf Abi Hanifah wabni Ali Laila
181
Ikhwanus-Saffa 166, 189
Ilmu Aqliyyah 145, 184, 188, 204
Ilmu Dakhiliyah 184
Ilmu Falsafah 205
Ilmu Naqliyyah 145, 174, 184, 188,
204
Ilmu Syarliyyah 145
Iltizam 79
Iman Abu Hanifah 181
Iman Mujtahid 146
Iman Shafie 176, 181, 182
Imamah 150
irtifaqat 265
isnad 147
jahiliah 1, 11
Jaisyul-Usrah 74, 115
jihad 54, 57, 195, 212, 267, 268
jinayat 54
jizyah 56, 92, 99, 101, 130, 131,
251, 255
jumhur 38

kabilah 5, 6, 10, 18, 35, 64, 68, 86
kafilah 4, 61
Kasrah 147
Kazraj 42, 46, 48, 50, 57, 59, 251
Khaibar 60
Khalifah 86
Khulafa al-Rasyidin 89, 107, 112, 117, 174, 197
Kitab al-Falahah 190
Kitab al-Isra 207, 241
Kitabul-asrar 191
Kitabul Masaliki wal-Mamalik 193
Kulliyat fit-Tib 207, 239
Lata 8, 38
La'qatud-dam 25
'Les Qunize-Vingt' 233
Liber Continens 239
Liber Regius 239
Loquentes 235
mahmudah 31
Majlis-kalwat 251
Mantiqut-Tair 240, 241
maratib al-ulum 145
mashaf 147
Masjid al-Aqsa 39
Masjid al-Haram 39, 126
Materia Medica 207
Mazhab Jabariah 149
Mazhab Khawarij 150
Mazhab Muktazillah 149
Mazhab Qadariah 149
Mazhab Syiah 150
mazmumah 31
Merw 140, 167
modernist 179
muallaqah 12
muamalat 54
Muhajirin 45, 46, 47, 49, 61, 86, 99
Muhasabah 131
Mujam Gharibul-Quran 176
Mu'jamul-Ausat 177
Mujamul Buldan 193
Mu'jamul-Kabir 177
Mujamul-Udaba 193
mujtahid 180, 181
Mukhtaliful-Hadis 176
munakahat 54
Muntaqal-Akbar 177
Muqaddimah 190

Muqasamah 131
Muqauqis 24, 70, 107
Muru'ah 2, 11
Musallin 47
Musnad 177, 181
Musnad al-Shafie 176
Nailul-Antar 177
nas 180
Nasr 7
Nauruz 264
Neo-Platonisme 184, 185, 187
Nisf 147
Nizhamul-Hayat 46
nomad 5
nuzul 94
Opticae Thesaurus 237
Paderi Buhaira 23
Paganisme 105, 183
Pasar Ukkaz 12, 13, 18
Peperangan Badar 56, 63
Peperangan Basus 2, 10
Peperangan Jamal 107, 108
Peperangan Muktah 91
Peperangan Siffin 108, 121
Peperangan Tabuk 45, 91
Peperangan Uhud 58, 62, 64, 65
Peperangan Yamamah 144
Perjanjian Hudaibiah 45, 68, 69
Philosophus Autodidactus 237
Plato 184, 187, 189
Prof. Hitti 14
Prof. St. Takdir Alisjahbana 11
Prof. Syed Muhammad al-Naguib
al-Attas 224, 229
protectorate 6
qabl al-tadwin 83, 176
Qadhil-qudhat 251, 260
Qanun al-Jiwar 34
Qat'i 87, 118
qias 180
rasionalist 179
reconquista 138
Renaissance 231, 233, 234, 320
Riyadhus-Salihin 177
Rubaiyat Umar Khayyam 240, 241
Rubu' 147
Sahib Ibnu Khuzaimah 177
Sahifa 206
'Sahifah Madinah' 50, 51
Sahir-bayan 37

Salafiyyah 31
Samawi 6
sanki 38
'Sariyah' 61
Sayyid Qutb 55, 56, 79
sekularisme 47, 52
Shah Jahan 258, 259, 264, 270, 271
Shah Nameh 240, 241
siasah 54
Sidang Ephesus 185
Sidrat al-Muntaha 39
sirah 24
Sirah Ibnu Hisham 192
Squires Tales 240
'Suffa' 46
Summa Contra Gentiles 234
Sun of Perfection 239
sunad 177
Sunan al-Turmuzy 177
Sunan Abu Dawud 177
Sunan ad-Daraqutni 177
Sunan Ibnu Majah 177
Sunan Nasai 177
Sunanul-Kubra 177
Surah al-Ardh 193
status quo 36
Steven Ruciman 214, 215, 218
Syeikh 5
Syiddah 147
syura 63, 87, 88
Tabi'in 174, 175, 177
Tabuk 29
tadwin 83, 84
Tafa'ul 8
Tafsir al-Baidhawi 96
Tafsir bir-ra'yu 175
Taghut 30
Tahafutul-Falasifa 234, 241
Tahafutut-Tahafut 234
tahkim 110, 111, 112, 148, 149, 152
'Tahun Delegasi' 45
'Tahzibul-Akhlak 189, 190
'Taklif' 180
takwin 100
Tasa'um 8
tasawuf 150, 151, 205
Tasyri' 145, 146
taubat 39
tauhid 30, 31
Tauhid Rububiah 31

Tauhid Ubudiah 30
Tauhid Uluhiah 30
tauqifi 96
tawaduk 75
tawaf 73
Tema (Tahimah) 44, 91
The Taming of the Shrew 240
The Sleeper Wakened 240
The Whole Medical Art 239
Theodore 92, 107
Thelogia 187
'tragedi dendam' 139
Ummah 44, 266
umrul-Qais 13
Usul-Fiqh 181
usyur 99, 131
uzlah 205
Uzza 8, 38
Wadda 7
'Wahdat al-Syuhud' 264, 265
'Wahdat al-Wujud' 183, 264, 265
Wahsyi 64
'wali' 129
Waliyul-ahdi 120
Wangsa Maurya 244
Waraqah bin Naufal 23
Yaghus 7
Yauq 7
Yusuf Zu Nuwas 16
Zahid 129
Zaliq 240
Zatis-Salasil 92
zhanni 87
Zuheir bin Abi Salma 1, 10
zuhud 75, 151, 153, 183

حديث عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ ، قَالَ : « خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ . ثُمَّ يَجِيءُ أَقْوَامٌ تَسْبِقُ شَهَادَةُ أَحَدِهِمْ يَمِينَهُ ، وَيَمِينُهُ شَهَادَتَهُ » .

أخرجه البخاري في : ٥٢ ـ كتاب الشهادات : ٩ ـ باب لا يشهد على شهادة جَوْرٍ إذا أُشْهِدَ .

Abdullah bin Mas'uud r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Sebaik-baik manusia yang diabadku, kemudian masa yang berikutnya, kemudian yang berikutnya, kemudian datang kaum yang persaksiannya mendahului sumpahnya atau sumpahnya mendahului persaksiannya. (Bukhari Muslim). Yakni: Sebelum diminta sumpah dan persaksiannya.

حديث عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رضي الله عنهما ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ ﷺ : « خَيْرُكُمْ قَرْنِي ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ » قَالَ عِمْرَانُ : لَا أَدْرِي ، أَذَكَرَ النَّبِيُّ ﷺ ، بَعْدُ ، قَرْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةً . قَالَ النَّبِيُّ ﷺ : « إِنَّ بَعْدَكُمْ قَوْمًا يَخُونُونَ وَلَا يُؤْتَمَنُونَ ، وَيَشْهَدُونَ وَلَا يُسْتَشْهَدُونَ ، وَيَنْذِرُونَ وَلَا يَفُونَ ، وَيَظْهَرُ فِيهِمُ السِّمَنُ » .

أخرجه البخاري في : ٥٢ ـ كتاب الشهادات : ٩ ـ باب لا يشهد على شهادة جور إذا أشهد .

Imran bin Husain r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Sebaik-baik kamu orang-orang yang semasa dengan aku, kemudian yang berikutnya, kemudian yang berikutnya. Imran berkata: Aku lupa apakah Nabi s.a.w. menyebut dua abad atau tiga abad. Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya sesudahmu akan datang kaum yang khianat dan tidak dapat dipercaya, menjadi saksi meskipun tidak diminta persaksiannya, suka bernazar dan tidak menepati nazarnya, dan nampak pada mereka gemuk-gemuk. (Bukhari Muslim).